UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

DASAR DAN PEMBANGUNAN RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA ORANG ASLI (RPS) : KAJIAN KES DI RUNCHANG, PAHANG 1970-an – 1990-an

HANITA HANIM BINTI DATO DARUS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2010

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

DASAR DAN PEMBANGUNAN RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA ORANG ASLI (RPS) : KAJIAN KES DI RUNCHANG, PAHANG 1970-an – 1990-an

HANITA HANIM BINTI DATO DARUS

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN DENGAN
SEJARAH MALAYSIA

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2010

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

PENGAKUAN

Saya mengaku tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

16. 9.2010 HANITA HANIM BINTI DATO DARUS
M20071000239

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

DECLARATION

I hereby declare that the work in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged

16.9.2010 HANITA HANIM BINTI DATO DARUS
M20071000239

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha
Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya yang memberi kekuatan dan peluang kepada penyelidik untuk menyiapkan kajian yang bertajuk "Dasar dan Pembangunan Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli (RPS) : Kajian Kes di Runchang, Pahang 1970-an sehingga 1990-an". Penulisan kajian ini merupakan sebuah kajian mengenai rancangan pembangunan terhadap masyarakat Orang Asli di RPS Runchang yang dilihat dalam konteks sejarah. Semoga penulisan ini dapat menambah lagi sumber sejarah mengenai masyarakat Orang Asli dalam perkembangan pembangunan yang dijalankan untuk mereka.

Kajian ini mungkin tidak dapat disiapkan jika tidak mendapat kerjasama daripada semua pihak yang terlibat. Terlebih dahulu penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada JHEOA Kuala Lumpur dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah yang memberi kebenaran kepada penyelidik untuk menjalankan kajian di kawasan RPS Runchang. Selain itu, komitmen yang tinggi dan sokongan moral turut diperolehi daripada beberapa pihak seperti Perpustakaan Orang Asli Gombak, JHEOA Runchang, JHEOA Kuantan, JHEOA Pekan, Arkib Negara Kuala Lumpur, Arkib Negara Pantai Timur iaitu di Terengganu. Oleh itu, penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada orang perseorangan yang terlibat dalam memberi bantuan serta maklumat yang berguna untuk membantu penyelidik mengatasi masalah kekurangan maklumat berkaitan tajuk tersebut. Individu yang terlibat ialah Encik Zahari bin Abdul Razak, Encik Mohammad Jiwa bin Zulkifli, Encik Al Zaphni bin Zainal Abidin, Encik Mat Sah bin Ah Hong, Encik Abdul Rahman bin Mat Sham, Encik Mohammad Dani bin Haji Mohd. Amin, Encik Ali bin Bakar, Encik Azhar bin Che Aun, Encik Kamarul bin Rafein, Encik Roslan bin Taha, Encik Awang Tan bin Hassan dan Encik Rahmat bin Mansor. Mereka semua adalah kakitangan yang berkhidmat dalam JHEOA Runchang, Pekan, Kuantan dan Gombak. Terdapat dalam kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan RPS Runchang daripada peringkat awal lagi. Segala bantuan dan kerjasama kalian begitu berharga buat diri penyelidik dalam usaha untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Pada kesempatan ini juga penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Badriyah binti Haji Salleh selaku penyelia yang dikasihi kerana beliau banyak memberi pengetahuan dan bimbingan semasa penyelidik menyiapkan tesis ini. Segala teguran dan tunjuk ajar beliau diterima oleh penyelidik dengan hati terbuka dan dengan penuh rasa kesyukuran kerana segalanya amat berguna kepada penyelidik sebagai tenaga pengajar yang kini sedang berkhidmat di SMK Mat Kilau Kuantan Pahang. Tidak lupa juga kepada Profesor Dr. Adnan bin Nawang yang telah memberi kepercayaan dan peluang kepada penyelidik untuk mengikuti pengajian di peringkat sarjana serta dorongan semangat supaya penyelidik meneruskan pengajian ini. Jasa dan budi baik Profesor berdua tidak akan dilupakan dan akan diabadikan dalam ingatan sepanjang hayat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, ucapan terima kasih ditujukan kepada bonda tercinta kerana sentiasa memberi semangat dan sokongan moral serta iringan doa tulus ikhlas agar tesis ini dapat disiapkan sebaik mungkin. Hal ini kerana penyelidik menghadapi terlalu banyak kekangan terutama sebagai tenaga pengajar yang dibebani dengan tugasan dan tanggungjawab yang banyak terhadap sekolah dan murid. Seterusnya, kepada anak saudara tercinta, Mohd Noor Anwar bin Mohd Nazam Azhar dan Fatimatun Zulaikha binti Mohd Nazam Azhar yang banyak membantu pergerakan penyelidik untuk mencari bahan terutama di kawasan sekitar Kuala Lumpur. Akhir sekali, kepada rakan-rakan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ucapan ribuan terima kasih penyelidik hulurkan buat kalian kerana banyak memberi bantuan serta pandangan yang bernas terhadap penyelidikan ini.

Diharapkan penyelidikan ini dapat memberi pengetahuan khususnya kepada generasi muda mengenai rancangan pembangunan kerajaan terhadap masyarakat minoriti di negara dalam konteks sejarah. Akhir kata penyelidikan ini banyak memberi manfaat yang sangat berguna kepada penyelidik dalam menimba ilmu pengetahuan di Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

ABSTRACT

Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) is the main focus of this research. The main finding shows that the role played by JHEOA in developing Runchang aboriginies as a government agency was not fully achieved as outlined in the New Economic Policy (NEP). JHEOA planned to develop the three main aspects, which were health, education and economy of the Orang Asli. Between 1970 to 1990, the health programme was the most successful aspect compared to the other two aspects. This is because health programme can be achieved in a shorter period of time whereas the impact of education and economic programmes can only be achieved in a longer period of time. Moreover, the Orang Asli were still ignorant of development programmes that had been planned for them. Because of this, they could not follow the entire programme thoroughly. Basic knowledge concerning government development programmes were not exposed to them. This was the main reason for their failure. As the result, the products made by the Orang Asli could not be sold to outsiders. Furthermore, the Orang Asli were still influenced by their traditional lifestyle which contributed to the failure of the government imposed economic plans. Besides that, they could not give their full commitment to education. This was because the majority of the Orang Asli children could not join the formal education. Thus, they could not take advantage of the development programme given. In conclusion, the Orang Asli need social-economic development but because of all the problems mentioned, they could not enjoy the development planned for them.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ABSTRAK

Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Runchang adalah tumpuan khusus terhadap kajian ini. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) sebagai agen kerajaan untuk membawa pembangunan kepada masyarakat Orang Asli Runchang tidak tercapai sepenuhnya seperti mana yang digariskan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Menerusi RPS ini, JHEOA telah mengadakan pembangunan dalam bidang kesihatan, pendidikan dan ekonomi. Rancangan kesihatan merupakan sebuah rancangan yang paling berjaya berbanding dua rancangan lain dalam tempoh kajian dari tahun 1970-an sehingga 1990-an. Hal ini kerana dalam tempoh tersebut, hasil kejayaan terhadap rancangan kesihatan yang dilaksanakan dapat dilihat dalam waktu singkat berbanding dua rancangan tersebut. Fenomena ini berlaku kerana rancangan pendidikan dan rancangan ekonomi memerlukan tempoh masa yang panjang untuk melihat kejayaannya. Keadaan ini berlaku kerana masyarakat Orang Asli merupakan sebuah golongan masyarakat yang masih kurang pengetahuan mengenai rancangan pembangunan yang dilaksanakan kepada mereka. Kekurangan pengetahuan ini menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti rancangan yang diperkenalkan kepada mereka. Walaupun banyak rancangan pembangunan yang diperkenalkan oleh pihak JHEOA, namun rancangan yang diperkenalkan tidak disertakan dengan pendedahan awal mengenai sesuatu program yang hendak dilaksanakan. Tiada catatan menunjukkan pendedahan tentang pemasaran yang diberikan kepada mereka. Oleh itu, pemangkin kepada kegagalan ini adalah kerana pihak JHEOA tidak mendedahkan kepada masyarakat Orang Asli dengan lebih terperinci mengenai setiap projek yang diusahakan. Fenomena ini menyebabkan barangan yang dihasilkan tidak dapat dipasarkan kepada pengguna. Seterusnya, sikap masyarakat Orang Asli yang masih terpengaruh dengan kehidupan asal mereka iaitu inginkan pulangan hasil dalam jangka pendek turut menyebabkan kegagalan rancangan ekonomi. Masyarakat Orang Asli juga tidak dapat memberi komitmen yang padu tehadap dunia pendidikan. Perkara ini disebabkan oleh mereka masih tidak memahami tentang pendidikan formal secara lebih jelas. Segala kekangan yang dihadapi ini menyebabkan masyarakat Orang Asli di RPS Runchang menikmati rancangan pembangunan secara perlahan. Walau bagaimanapun, masyarakat Orang Asli sememangnya inginkan kepada pembangunan tetapi kekurangan pengetahuan mengenai pembangunan telah menyebabkan mereka tidak dapat menghayati pembangunan dengan baik. Hal ini kerana mereka tidak memahami erti sebenar projek pembangunan yang dijalankan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

KANDUNGAN

i.	HALAMAN JUDUL	i
ii.	PENGAKUAN	ii
iii.	DECLARATION	iii
iv.	PENGHARGAAN	iv – v
v.	ABSTRAK	vi
vi.	ABSTRACT	vii
vii.	SENARAI JADUAL, CARTA DAN PETA	xi - xiii
viii.	SINGKATAN	xiv - xv

BAB 1: PENDAHULUAN

Pengenalan	1 - 19
Kawasan Kajian	19 - 23
Permasalahan Kajian	23 - 26
Objektif Kajian	26
Tujuan Kajian	26 - 27
Ruang Lingkup Kajian	27 - 28
Ulasan Bacaan	28 - 33
Kaedah Kajian	33 - 34

BAB 2: JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	35 - 38
Perkembangan JHEOA	38 – 43
JHEOA Negeri Pahang	43 – 47
Carta Organisasi	48

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Objektif JHEOA Negeri Pahang 48

Fungsi Utama JHEOA 50 - 51

JHEOA Daerah Pekan 51 – 54

JHEOA RPS Runchang 55 - 59

BAB 3: RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN KE ATAS ORANG ASLI

Rancangan Pembangunan Kerajaan Ke Atas Orang Asli 60

Program Rancangan RPS Wilayah Pahang Tenggara 61 -69

Rancangan Pengumpulan Semula RPS Runchang, Pekan Pahang 69 – 76

Matlamat RPS Runchang 77

Objektif RPS Runchang 77

Pelaksanaan dan Pencapaian Projek RPS Runchang 78 – 102

BAB 4: PERKHIDMAATAN KESIHATAN DAN PERUBATAN TERHADAP ORANG ASLI

Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan Terhadap Orang Asli 103

Dasar Kerajaan Terhadap Perkhidmaatan Kesihatan dan Perubatan 104 – 113

Program Pembangunan Kesihatan dan Pembangunan di RPS Runchang 114 – 147

BAB 5: PERANAN KERAJAAN DALAM MEMPERTINGKATKAN TAHAP PENDIDIKAN ORANG ASLI

Latar Belakang Pendidikan Masyarakat Orang Asli Di RPS Runchang 148 - 156

Sejarah Penubuhan Sekolah JHEOA Runchang 156 – 163

Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Ibu Bapa 163 – 168

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Masalah Pentadbiran Sekolah JHEOA Runchang 168 – 176

Perkembangan Sekolah JHEOA Runchang 176– 182

Penyerapan Sekolah JHEOA Runchang kepada Kementerian Pelajaran 182 – 188

BAB 6: PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI DI RPS RUNCHANG

Pembangunan Ekonomi Masyarakat Orang Asli Di RPS Runchang 189 - 190

Pembangunan Tanah Pertanian "In-Situ 190 - 228

KESIMPULAN 229 - 233

RUJUKAN 234 - 249

LAMPIRAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SENARAI JADUAL, CARTA DAN PETA

Jadual

Jadual 1	Orang Asli di Semenanjung Malaysia	9
Jadual 2	Bilangan Orang Asli Mengikut Suku Kaum dan Daerah Pentadbiran di Negeri Pahang.	10
Jadual 3	Data Penduduk Orang Asli Daerah Pekan	11
Jadual 4	Aktiviti Guna Tanah Utama di Kawasan RPS Runchang	23
Jadual 5	Pecahan Bilangan Masyarakat Orang Asli Mengikut Daerah	44
Jadual 6	Tugas Ahli Jawatankuasa Pelaksana Program RPS Orang Asli	66
Jadual 7	Kawasan RPS Orang Asli Wilayah Pahang Tenggara	68
Jadual 8	Bilangan Keluarga Orang Asli Daerah Pekan / Rompin	71
Jadual 9	Data Penduduk RPS Runchang 1998	74 - 76
Jadual 10	Rancangan Pembangunan dari Tahun 1985 – 1988	82 - 83
Jadual 11	Data Maklumat Pembangunan RPS Runchang	84
Jadual 12	Pembangunan Tanah RPS Runchang oleh FELCRA	89
Jadual 13	Kemudahan Asas dan Rancangan Pembangunan di RPS Runchang	91
Jadual 14	Perangkaan Murid yang didaftarkan Bagi Sesi 1993/1994	96
Jadual 15	Perkembangan Pembinaan Jalan Raya di RPS Runchang	101
Jadual 16	Peruntukan Perbelanjaan Mengikut Aktiviti 1971-1973	107
Jadual 17	Rawatan Orang Asli di Malaysia 1971-1973	109
Jadual 18	Perangkaan Penyakit yang dirawat pada Tahun 1976	111
Jadual 19	Pesakit Orang Asli yang Mendaftar Masuk di Hospital JHEOA Gombak 1971 – 1980	112
Jadual 20	Jumlah Pesakit di Klinik Pesakit Luar	112

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 21	Rawatan Ibu Mengandung dan Kelahiran Bayi April 1989	121
Jadual 22	Laporan Data Kesihatan dan Perubatan Orang Asli RPS Runchang Pekan Januari – Disember 1986	122
Jadual 23	Senarai Umur Orang Asli di RPS Runchang, Pekan	124
Jadual 24	Pengeluaran Ubat-ubatan / Alat-alat Perubatan dari Dispensari Hospital JHEOA Gombak	125
Jadual 25	Laporan Bulanan Perubatan Januari 1988	126
Jadual 26	Lawatan Klinik Bergerak Muadzam Shah dan Unit Malaria Bukit Ibam ke RPS Runchang pada Tahun 1988	132
Jadual 27	Bilangan Kejadian Kes Malaria di Kawasan RPS Runchang Pekan	136
Jadual 28	Peringkat Umur Kanak-kanak yang diJangkiti Malaria	138
Jadual 29	Cadangan Kelambu Berubat di RPS Runchang Pekan	139
Jadual 30	Pengagihan Kelambu bagi Projek Kelambu Berubat RPS Runchang Tahun 1993	142
Jadual 31	Projek Kelambu Berubat RPS Runchang Tahun 1993	143
Jadual 32	Lawatan Pasukan Kawalan Filaria Pejabat Kesihatan Kuantan bagi Bulan Julai 1991	146
Jadual 33	Peruntukan Aktiviti Tahunan oleh JHEOA	151
Jadual 34	Pendaftaran Murid dan Peruntukan Kewangan JHEOA untuk Pendidikan 1978-1988	153
Jadual 35	Kakitangan yang Terlibat dalam Pembinaan Sekolah RPS Runchang Tahun 1986	159
Jadual 36	Kehadiran Murid Sekolah JHEOA RPS Runchang Tahun 1986	168
Jadual 37	Laporan Kematian Rusa Januari 1999	215

Carta

i) Carta Struktur Organisasi JHEOA Negeri Pahang 49

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ii) Carta Struktur Organisasi JHEOA Daerah : Negeri Pahang 53

iii) Carta Struktur Organisasi JHEOA Pekan 54

iv) Carta Struktur Organisasi JHEOA Runchang 57

Peta

1.4 Kedudukan Peta Kawasan Runchang 21

1.5 Kedudukan Peta Kawasan Runchang 22

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Orang Asli merupakan kaum majoriti yang menduduki kawasan pedalaman di negara ini. Mereka merupakan sebuah kelompok masyarakat yang dibahagikan kepada tiga golongan yang besar iaitu Semang/Negrito, Senoi dan Proto Malay (Melayu Asli)[1]. Setiap golongan ini pula boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil dan setiap satunya mempunyai bahasa pertuturannya yang tersendiri. Golongan Semang/Negrito terdiri daripada suku kaum Kensiu, Kintaq, Jahai, Lanoh, Bateq dan Mendriq. Suku kaum Temiar, Semai, Semaq Beri, Che Wong, Jah Hut dan Mah Meri tergolong dalam kumpulan Senoi. Kumpulan Temuan/Belandas, Jakun, Semelai, Orang Seletar, Orang Laut dan Orang Kanaq pula termasuk dalam kumpulan Proto Malay atau Melayu Asli[2].

[1] Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1980, Mei). *Orang Asli: Satu Tinjauan Ringkas*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara, hlm. 1.
[2] Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1972, Mac). A Brief Note on the Orang Asli of Peninsular Malaysia and Their Administration. Kuala Lumpur : [tiada data penerbitan], hlm. 2 – 4.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

John D. Leary membahagikan masyarakat orang Asli kepada tiga kumpulan berasingan mengikut peratusan kawasan di Semenanjung Malaysia. Golongan Semang yang tinggal di kawasan Utara dan Timur Laut ialah sebanyak 5%, golongan Negrito (Senoi) yang tinggal di kawasan banjaran Titiwangsa di Semenanjung sebanyak 62%. Orang Melayu Asli pula yang tinggal di kawasan tengah dan selatan ialah sebanyak 33%[3].

Menurut ilmu bahasa pula, Marina Roseman membahagikan masyarakat orang Asli kepada tiga kategori yang berbeza. Pembahagian ini adalah berasaskan kepada kumpulan etnik dan kebudayaan yang lazimnya digunakan untuk menggambarkan masyarakat orang Asli adalah terdiri daripada golongan Semang atau Negrito, Senoi dan Melayu Asli[4].

Sementara itu, Kerajaan Malaysia pula telah memperkenalkan istilah "Orang Asli" bagi menggantikan perkataan *"Aborigines"* atau "Sakai". Penggunaan istilah tersebut digunakan semasa British memerintah Tanah Melayu[5]. Istilah "Orang Asli" diperkenalkan melalui Akta 134 Undang-Undang Malaysia yang disemak pada tahun 1974 dan menurut akta ini Orang Asli ialah:

1. a. Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan rumpun bangsa Orang Asli, yang bercakap dalam bahasa Orang

[3] John D. Leary. (1995). *Violence And The Dream People: The Orang Asli In The Malayan Emergency 1948-1960.* The United States Of America : Ohio University Center For International Studies, hlm. 2.
[4] Marina Roseman. (1991). *Healing Sounds From The Malaysian Rainforest Temiar Music And Medicine.* The United States Of America : University Of California Press, hlm.18.
[5] Menurut Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 1974 mengenai panggilan terhadap Orang Asli, orang bukan Asli lazimnya memanggil Orang Asli dengan panggilan Sakai, Orang Darat, Orang Sabat, Ra'yet, Bagan, Sampan, Orang Bukit dan Saudara Lama. Panggilan tersebut menyinggung perasaan Orang Asli. Oleh itu, panggilan "Orang Asli" diperkenalkan. Panggilan selain daripada panggilan Orang Asli tidak dibenarkan walaupun perkataan *"aborigines"* digunakan dalam bahasa Inggeris. Hal ini kerana panggilan tersebut merupakan '*pejorative connotation'*. '*Pejorative connotation'* merujuk kepada penggunaan secara berleluasa dalam naskah rasmi dan undang-undang. Oleh itu, penggunaan perkataan tersebut tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian perkataan "Orang Asli" hendaklah digunakan dalam semua bahasa. Penggunaan perkataan *"Abo"* sebagai kata singkat bagi perkataan *"Aborigines"* hendaklah dihentikan. Lihat dalam Malaysia. (1974, Oktober 2). Panggilan Terhadap Orang-Orang Asli dan Rundingan Mengenai Hal-Hal Orang Asli, 11101/1 – 1992/0003180 PM 11101 – Orang-Orang Asli Polisi. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Asli dan lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki orang itu;

b. Mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan yang telah dididik sebagai seorang Orang Asli, lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan adalah seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli; atau

c. Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki dari suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.

2. Mana-mana Orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli oleh kerana ia telah masuk sesuatu ugama atau oleh kerana apa- apa sebab lain, tetapi ia masih mengikut cara hidup Orang Asli dan adat Orang Asli atau bercakap dalam bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi seorang Orang Asli semata-mata oleh sebab ia mengamalkan ugama itu.

3. Apa-apa soal sama ada seseorang adalah seorang Orang Asli atau bukan Orang Asli hendaklah diputuskan oleh Menteri[6].

[6] Malaysia, Jabatan Percetakan. (1977, Mac 24). *Undang-Undang Malaysia Akta 134, Akta Orang Asli 1954 disemak pada 1974.* Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan. Menteri yang bertanggunjawab untuk memutuskan sama ada seseorang itu Orang Asli atau tidak ialah Menteri yang berada di bawah pentadbiran sesebuah kementerian. JHEOA sering berubah kementerian. Pada tahun 1954 Menteri yang bertanggungjawab terhadap pengiktirafan Orang Asli ialah Menteri di bawah Kementerian Hal

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kerajaan memperkenalkan penggunaan istilah "Orang Asli" bertujuan untuk mempertingkatkan imej komuniti Orang Asli dan berharap supaya kaum lain seperti Melayu, Cina dan India tidak lagi memandang rendah terhadap mereka[7]. Selain itu, pengenalan penggunaan istilah tersebut kerana wujudnya salah faham dan timbulnya prasangka terhadap masyarakat Orang Asli. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk berdamping dan bersatu padu dengan penduduk lain di negara ini[8]. Oleh itu, penggunaan istilah "Orang Asli" dapat membantu mengikis rasa rendah diri dan hubungan sosial antara masyarakat Orang Asli dengan masyarakat lain di negara ini dapat dilaksanakan[9].

Menurut bancian daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pada tahun 1961, bilangan orang Asli adalah seramai 50,000 orang[10]. Pada tahun 1974 pula

---

Ehwal Dalam Negeri. Pada tahun 1956 pula berubah kepada Menteri di bawah Kementerian Pelajaran. Seterusnya, Menteri yang terletak dalam Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1959 dan berubah pula kepada Menteri di bawah Kementerian Tanah dan Galian pada tahun 1964. Empat tahun kemudian Menteri yang bertanggunjawab berpindah pula kepada Menteri di bawah Kementerian Pertanian dan Tanah iaitu pada tahun 1970. Setahun kemudian iaitu pada tahun 1971 berpindah kepada Menteri di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pada tahun 1974 sekali lagi berpindah kepada Menteri di bawah Kementerian Dalam Negeri. Menteri ini bertanggungjawab selama 16 tahun dan pada tahun 1990 berpindah pula kepada Menteri di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pada tahun 1994 sekali lagi pentadbirannya berpindah kepada Menteri di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Menteri tersebut berperanan mengiktiraf sama ada seseorang itu Orang Asli atau tidak selama tujuh tahun. Kemudian pada tahun 2001, menteri yang bertanggungjawab ialah Menteri di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan pada tahun 2003 bertukar pula kepada Menteri di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Lihat juga dalam Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (2007). Sejarah Pentadbiran Orang Asli. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

[7] Biasanya mereka ini dipandang sebagai penduduk hutan rimba belantara yang tidak mempunyai hubungan dengan dunia tamadun dan tidak mempunyai keinginan untuk memperbaiki kehidupan mereka. Lihat dalam Iskandar Carey. (t.t). Orang Asli Tanah Melayu dan Masa Depannya. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm.1.

[8] Penerangan lanjut sila lihat Baharom Azhar bin Raffiei. (1966, November). "Masa'alah Integrasi di-kalangan Orang Asli". Kuala Lumpur : [tiada data penerbitan], hlm 2 - 3.

[9] Mereka ialah bumiputera Asli Tanah Melayu tetapi kerana faktor kedudukan sosial, ekonomi dan kebudayaan mereka yang terkebelakang, mereka tidak menikmati hak dan faedah yang dinikmati oleh masyarakat yang lain. Oleh itu, pihak Kerajaan harus membuat rencana yang bersesuaian bagi melindungi dan memajukan mereka supaya dapat bersatu padu dengan masyarakat Melayu. Lihat dalam Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1961, November 20). Penyata Berkenaan Dasar dan Tujuan Pentadbiran Orang Asli Persekutuan Menurut Jangka Panjang. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm 2.

[10] Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1961). Dasar Kerajaan Berkenaan Dengan Pentadbiran Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

terdapat seramai 56,927 Orang Asli di kawasan Semenanjung Malaysia[11]. Kesemua bilangan ini merangkumi golongan Negrito, Senoi dan Melayu Asli[12]. Seterusnya, pada tahun 1980 bilangan masyarakat Orang Asli terus meningkat kepada 62,413 orang dan meningkat pula kepada 68,929 orang pada tahun 1986. Jumlah Orang Asli pada tahun 1990 pula adalah seramai 72,849 orang dan meningkat kepada 83,453 orang pada tahun 1991[13].

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 1980 adalah seramai 13.8 juta orang. Jumlah masyarakat Orang Asli pada ketika ini hanya sebanyak 1% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia[14]. Walaupun masyarakat Orang Asli merupakan sebahagian kecil daripada penduduk Malaysia, namun bilangannya bertambah pada setiap tahun. Pertambahan bilangan ini membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli telah berjaya membaiki taraf hidup mereka terutama dalam bidang pengurusan penjagaan kesihatan dan kebersihan.

Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia merupakan sebuah kaum minoriti yang terpisah daripada kumpulan masyarakat lain. Mereka tinggal di kawasan pedalaman hutan yang berjauhan antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain. Jarak sesebuah keluarga adalah antara 100 meter hingga 500 meter. Secara tradisi, masyarakat orang Asli hidup dalam kumpulan kecil yang terdiri

---

[11] Masyarakat Orang Asli adalah sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang tersebar ke seluruh Semenanjung Malaysia kecuali Perlis dan Pulau Pinang. Lihat dalam Abdul Talib bin Bon, Md. Akbal bin Abdullah. (2002). *Kenali Kami: Masyarakat Orang Asli di Malaysia.* Johor : Kolej Tun Hussein Onn, hlm.2. Lihat juga dalam Iskandar Carey.(t.t). Orang Asli Tanah Melayu dan Masa Depannya, *op.cit.*, hlm.2 yang mengatakan bahawa terdapat seramai lebih kurang 45,000 orang masyarakat Orang Asli di seluruh Negeri-negeri Melayu. Bahagian utara Negeri Perak dan Pahang mempunyai jumlah penduduk Orang Asli seramai lebih kurang 15,000 orang, di Kelantan seramai 5,000 orang. Selangor dan Negeri Sembilan pula mempunyai seramai 3,000 orang dan Johor mempunyai seramai lebih kurang 2,000 orang. Melaka, Kedah dan Terengganu pula mempunyai bilangan masyarakat Orang Asli dalam jumlah yang kecil sahaja. Lihat juga dalam *Berita Harian*. (1983, Mei).

[12] Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1974). Banci Penduduk Orang Asli Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan/Perancang.

[13] Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1991). Banci Orang Asli Malaysia. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan/Perancang.

[14] Malaysia, JHEOA. *Orang Asli: Satu Tinjauan Ringkas*, *loc.cit*.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

daripada 10 hingga 50 kelamin. Pengkaji-pengkaji awal mengenai masyarakat Orang Asli mendapati kumpulan minoriti ini merupakan sebuah kaum yang masih lagi mundur dan tertinggal daripada pelbagai aspek sosioekonomi berbanding kaum lain. Hal ini kerana mereka jarang menonjolkan dirinya dan menjalani kehidupan secara bebas di kawasan yang disukai. Menurut Shamsul Amri, masyarakat Orang Asli digambarkan seperti:

> Semasa zaman penjajahan Orang Asli langsung tidak dipedulikan kerana sebahagian besar tinggal di hutan belantara, jauh daripada komuniti Melayu dan tiada kepentingan ekonomi bagi pihak penjajah, maka masyarakat ini telah disisihkan[15].

Golongan ini tidak dapat menikmati hak dan faedah sepertimana yang dinikmati oleh golongan masyarakat lain. Mereka dianggap sebagai kumpulan primitif iaitu tidak beragama dan tidak bertamadun[16]. Hasan Mat Nor juga turut mengatakan bahawa masyarakat Orang Asli sebagai kumpulan yang jauh ketinggalan. Menurut beliau:

> ...orang Asli ini sebagai kumpulan manusia yang sangat rendah tahap tamadunnya serta tidak mengamalkan sebarang agama. Mereka juga tidak mempunyai sebarang bentuk kerajaan, malahan mereka hanya memiliki naluri dan keinginan haiwan...[17].

Hampir 60% masyarakat Orang Asli mendiami kawasan tanah tinggi di hutan belantara. Kawasan tersebut mempunyai ketinggian antara 2,000 hingga 6,000 kaki daripada paras laut. Kebanyakan daripada mereka terdiri daripada kaum Senoi yang

---

[15] Shamsul Amri Baharuddin. (1978, Februari). Sikap dan Prasangka Terhadap Orang Asli. *Dewan Masyarakat*, 10.
[16] Lihat dalam Hasan Mat Nor. (2001). *Salib Dalam Komuniti Pinggiran*.. Sabah : Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah, hlm. 3.
[17] *Ibid.*, hlm. 3 - 4

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

menjalankan kegiatan ekonomi tradisional[18]. Sebanyak 0.5% daripada 60% masih lagi menjalani kehidupan secara berpindah randah, manakala 40% daripada jumlah tersebut mendiami kawasan pedalaman. Selebihnya, sebanyak 40% daripada mereka tinggal menetap berhampiran dengan perkampungan Melayu seperti di kawasan sepanjang pesisiran pantai Selangor, Johor dan Pahang. Walaupun ada sebahagian daripada mereka yang masih hidup secara berpindah randah, tetapi 80% sehingga 90% sudah pun menetap di kampung-kampung seperti di kawasan perkampungan orang Melayu. Perhubungan mereka dengan masyarakat luar semakin bertambah baik dan mereka tidak lagi begitu terasing seperti dahulu[19].

Taburan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia mempunyai jumlah yang ramai di negeri Pahang berbanding negeri-negeri lain. Menurut bancian pada tahun 1947, jumlah masyarakat Orang Asli adalah seramai 12,643 orang[20]. Namun jumlah ini bukanlah satu jumlah yang tepat kerana berkemungkinan masih terdapat bilangan masyarakat Orang Asli yang tidak direkod kerana mereka tinggal di kawasan

[18] Keterangan selanjutnya, sila lihat dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1972, Mac). Some Aspects of The Relationship of The Orang Asli and Other Malaysians. Kuala Lumpur : [tiada data penerbitan], hlm. 1.

[19] Penempatan masyarakat Orang Asli dapat dibahagikan kepada empat kategori. Pertama, kumpulan yang masih tinggal di kawasan hutan pedalaman. Kawasan ini memerlukan beberapa hari berjalan kaki dan merupakan kumpulan yang paling kurang menerima perubahan dalam bidang ekonomi dan sosial. Hal ini kerana kedudukan mereka yang jauh terpisah daripada masyarakat luar. Namun begitu, perubahan sosial yang diperolehi adalah dalam bidang kesihatan dan pelajaran seperti pengujudan pos-pos perubatan dan "doktor terbang", serta sekolah-sekolah khas. Kumpulan kedua pula merupakan kumpulan yang tinggal di kawasan pinggiran hutan yang berjalan kaki hanya beberapa jam sahaja untuk sampai ke jalan raya yang terdekat. Hubungan mereka dengan masyarakat luar pula telah terjalin terutama dalam bidang perdagangan. Kumpulan ketiga pula ialah kumpulan yang tinggal di luar kawasan hutan dan kenderaan seperti kereta boleh sampai ke kawasan tersebut. Selain itu, kawasan tersebut letaknya berhampiran dengan kampung Melayu serta ladang getah Cina. Kumpulan ini banyak menerima kesan daripada perubahan sosial. Seterusnya, kumpulan keempat pula dianggap sebagai sebahagian daripada masyarakat Melayu. Kebanyakan daripada mereka beragama Islam dan mempunyai hubungan rapat dengan jiran Melayu. Hubungan yang terjalin ini menyebabkan kehidupan mereka hampir menyerupai kehidupan masyarakat Melayu. Lihat dalam Malaysia, JHEOA. Orang Asli : Satu Tinjauan Ringkas, *op.cit.*, hlm. 7.

[20] Federation of Malaya : State of Pahang. (1951). *Annual Report For The Year 1949.* Kuala Lumpur : Government Press, hlm. 65. Lihat juga dalam Federation of Malaya : State of Pahang. (1949). *Annual Report For The Year 1948.* Kuala Lumpur : Government Press, hlm.51.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

yang jauh ke dalam hutan[21]. Salah satu faktor yang menyebabkan Pahang mempunyai bilangan jumlah Orang Asli yang ramai kerana Pahang merupakan negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia yang mempunyai keluasan seluas 34,672 km persegi atau 13,886 batu persegi[22].

Seterusnya, bancian pada tahun 1969 pula menunjukkan jumlah masyarakat Orang Asli di negeri Pahang telah bertambah sebanyak 54.24% iaitu seramai 6,858 orang dan menjadikan bilangannya seramai 19,501 orang. Jumlah ini terus meningkat kepada 31,638 orang pada tahun 1971. Suku kaum yang terdapat di negeri ini ialah suku kaum Semai, Che Wong, Jah Hut, Semoq Beri, Temuan, Jakun dan Negrito. Suku kaum ini terdapat di sepuluh buah daerah di negeri Pahang. Jadual 1.1 menunjukkan statistik masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia pada tahun 1969 manakala jadual 1.2 pula menunjukkan statistik mengenai taburan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang.

Daerah Pekan pula, mempunyai sebanyak 32 buah perkampungan masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada tujuh buah mukim, tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) di bahagian Parlimen Pekan. Data berkaitan taburan penduduk ini bagi daerah Pekan sehingga tahun 2006 dapat dilihat menerusi jadual 1.3. RPS Runchang mempunyai statistik seramai 395 buah keluarga dengan jumlah penduduk seramai 1,821 orang dan keluasan tanah di kawasan RPS ini adalah seluas 1,619 hektar.

[21] *Ibid.*
[22] Pahang, Jabatan Ukur dan Pemetaan. (1993). *Peta Topo Semenanjung Malaysia Lembar 123*. [tiada data penerbitan].

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 1.1
Orang Asli di Semenanjung Malaysia

Negeri	Negrito	Senoi	Melayu Proto	Jumlah	Banci 1969
Kedah	101	-	-	101	98
Perak	953	17 268	62	18 283	16 660
Kelantan	774	4 118	-	4 862	4 758
Terengganu	50	180	-	230	195
PAHANG	**127**	**9 158**	**10 143**	**19 428**	**19 501**
Selangor	6	1 909	3 811	5 726	4 557
N. Sembilan	-	-	3 547	3 547	3 119
Melaka	-	-	458	458	391
Johor	-	-	4 292	4 292	3 664
JUMLAH	**1 981**	**32 633**	**22 313**	**56 927**	**52 943**

Sumber: dipetik daripada Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1969). Banci Orang Asli. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan / Perancang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Jadual 1.2
Bilangan Orang Asli Mengikut Suku Kaum dan Daerah Pentadbiran di Negeri Pahang

	SUKU KAUM											
	Senoi					Melayu Asli			Negrito	Jumlah	Bil Kampung	Bil Ketua Kampung
	Semai	Temiar	Che Wong	Jah Hut	Semoq Beri	Temuan	Semelai	Jakun	Bateq			
Bentong	-	-	-	-	-	1 457	-	-	-	1 457	14	14
C.Highland	3 118	220	-	-	-	-	-	-	-	3 338	32	27
Jerantut	-	-	-	704	613	-	-	-	176	1 493	14	14
Kuantan	-	-	-	-	513	-	-	168	-	681	6	6
Lipis	4 959	-	-	-	-	-	-	-	357	5 316	83	81
Maran	-	-	-	-	766	-	140	-	-	906	5	5
Pekan	-	-	-	-	-	-	-	5 255	-	5 255	32	19
Raub	1 527	-	126	-	-	652	-	-	-	2 305	22	22
Rompin	-	-	-	-	-	-	-	5 412	-	5 412	36	29
Temerloh	-	-	162	2 168	305	519	2 253	68	-	5 475	27	26
Jumlah	9 604	220	228	2 872	2 141	2 628	2 393	10 903	533	31 638	271	243

Sumber : dipetik daripada Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1991). Banci Orang Asli. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan / Perancang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 1.3
Data Penduduk Orang Asli Daerah Pekan 1998

Bil	Kampung	Mukim	DUN	Parlimen	Bil Kel	Bil Pen	Luas (HEK)
1	Sawah Batu	BEBAR	BEBAR	PEKAN	184	766	458
2	Sena	-sda-	-sda-	-sda-	32	170	61
3	Landai	-sda-	-sda-	-sda-	41	211	65
4	Meranti	-sda-	-sda-	-sda-	55	24	85
5	Serun	-sda-	-sda-	-sda-	76	399	400
6	Api Larat	-sda-	-sda-	-sda-	163	691	400
7	Selingkong	-sda-	-sda-	-sda-	33	172	607
8	Simpai	-sda-	-sda-	-sda-	289	1 225	1 215
9	Jambu	-sda-	-sda-	-sda-	19	82	21.05
10	Bangkong	-sda-	-sda-	-sda-	119	58	405
11	Jong	-sda-	-sda-	-sda-	12	62	283
12	Wawah	-sda-	-sda-	-sda-	35	161	160
13	Padang	-sda-	-sda-	-sda-	35	163	t.m
14	**RPS Runchang**	**BEBAR**	**BEBAR**	**PEKAN**	**395**	**1 821**	**1 619**
15	Belukar Nangka		-sda-	-sda-	62	256	240
16	Tanah Merah	-sda-	-sda-	-sda-	47	172	130
17	Gumum (Tasik Chini)	-sda-	-sda-	-sda-	100	479	405
18	Dususn	-sda-	-sda-	-sda-	49	230	81
19	Batu Gong	-sda-	-sda-	-sda-	282	1 131	1 215
20	Tasik Mentiga	-sda-	-sda-	-sda-	132	480	648
21	Sri Makmur	-sda-	-sda-	-sda-	36	143	FELCRA
22	Arong	-sda-	-sda-	-sda-	57	306	223
23	Menchipu	-sda-	-sda-	-sda-	34	155	50
24	Air Hitam	-sda-	-sda-	-sda-	28	120	10
25	Tg. Keruing	-sda-	-sda-	-sda-	25	126	40
26	Sekukuh	-sda-	-sda-	-sda-	26	115	150
27	Sungai Kalong	-sda-	-sda-	-sda-	50	229	256.5
28	Permatang Siput	-sda-	-sda-	-sda-	83	370	10
29	Durian Sebatang	-sda-	-sda-	-sda-	17	84	2.5
30	Genih	-sda-	-sda-	-sda-	5	25	121.5
31	Kundang	-sda-	-sda-	-sda-	67	263	121
32	Sg. Lekor Baru	-sda-	-sda-	-sda-	32	78	121
	JUMLAH				**2 747**	**12 053**	

Sumber: dipetik daripada Pekan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1999). Data Penduduk Orang Asli Daerah Pekan Tahun 1998. Pekan : [tiada data penerbitan].

* BIL KEL : Bilangan Keluarga
* BIL PEN : Bilangan Penduduk

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menyedari bahawa masyarakat Orang Asli merupakan sebahagian daripada penduduk di negara ini yang jauh ketinggalan dalam sektor sosioekonomi semenjak tahun 1939, kerajaan British telahpun mengambil langkah untuk mempertingkatkan taraf kehidupan mereka. Langkah ini diambil supaya jurang perbezaan antara masyarakat Orang Asli dengan masyarakat orang Melayu, Cina dan India tidak terlalu jauh berbeza[23].

Oleh itu, pihak British mula memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli pada tahun 1948 kerana pada tahun tersebut politik negara sedang mengalami perubahan. Hal ini disebabkan kerana darurat[24] diisytiharkan oleh pihak British di seluruh Tanah Melayu. Pengisytiharan ini menyebabkan pengganas komunis mula berpindah masuk ke dalam hutan. Perpindahan tersebut menyebabkan kehidupan

[23] Masyarakat Orang Asli mula mendapat perhatian pada tahun 1939 apabila Pat Noone iaitu seorang warganegara British menjalankan penyelidikan mengenai masyarakat Orang Asli. Hasil penyelidikan tersebut, satu kertas kerja yang bertajuk *A Report on the Settlement and Welfare of the Pie-Temiar Senoi of Perak/Kelantan Watershed* telah dihasilkan. Kertas kerja tersebut telah mengemukakan beberapa syor:

1. "Mengadakan satu kawasan simpanan untuk masyarakat Orang Asli di Negeri Perak/ Kelantan supaya aktiviti mengikut adat resam mereka dapat dijalankan.
2. Mewujudkan penempatan masyarakat Orang Asli supaya mereka berpeluang mempelajari teknik pertanian moden.
3. Menggalakkan pembangunan seni dan kraf masyarakat Orang Asli bagi mewujudkan peluang pekerjaan dalam kalangan mereka.
4. Melindungi masyarakat Orang Asli daripada pengaruh luar seperti minuman keras"

Berasaskan cadangan ini satu enakmen yang dikenali sebagai *Aboriginal Tribes Enactment Perak 1939* diwujudkan. Cadangan tersebut menyebabkan Jawatan Pelindung Orang Asli (*Protector of Aborigines*) hendaklah dilantik oleh Sultan dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Pat Noone telah dilantik sebagai *Protector of Aborigines* yang pertama pada tahun 1939. Perlantikan tersebut adalah berdasarkan pengalaman dan hubungan rapat beliau dengan masyarakat orang Asli. Implikasi daripada perlantikan tersebut, pihak British mula memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli. Lihat dalam Dennis Holman. (1958). *Noone of the Ulu.* London : William Heineman Ltd, hlm. 2

[24] Darurat diisytiharkan di seluruh Tanah Melayu pada 18 Jun 1948. Langkah ini diambil setelah pengganas komunis bertindak melakukan pembunuhan terhadap pengurus ladang dan lombong. Selain itu, mereka turut menyerang balai polis dan pusat kawalan pasukan keselamatan yang terpencil, menyerang hendap pasukan keselamatan, menggugut, menculik dan melakukan keganasan lain. Keadaan semakin gawat dan tegang sehingga kemuncaknya berlaku pembunuhan terhadap tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput, Perak pada 16 Jun 1948. Mereka ialah Arthur Walker, Pengurus Estet Elphil, Sungai Siput; John Allison, Pengurus Estet Phin Soon, Sungai Siput dan pembantunya, Ian Christian. Seterusnya, pada petang 16 Jun 1948, Sir Edward Gent iaitu Pesuruhjaya Tinggi British di Negeri-negeri Melayu mengisytiharkan Undang-undang Darurat, meliputi kawasan Ipoh dan Sungai Siput, Perak serta daerah Kluang, Muar, Kulai dan Plentong di Johor. Pada keesokan harinya, Undang-undang darurat dilanjutkan meliputi keseluruhan dua negeri tersebut. Seterusnya, pada 18 Jun 1948 pengisytiharan darurat diperluaskan ke seluruh Tanah Melayu dan usaha penentangan terhadap komunis bermula secara rasmi pada tarikh tersebut. Lihat dalam Ho Hui Ling. (2004). *Darurat 1948-1960 : Keadaan Sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

masyarakat Orang Asli mula terancam oleh pengaruh komunis, manakala pihak British mula merasa bimbang dengan keadaan tersebut.

Faktor kebimbangan tersebut adalah kerana pihak komunis telah menggunakan masyarakat Orang Asli sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat dan bekalan. Hal ini berlaku kerana pihak komunis memerlukan maklumat mengenai pergerakan pasukan keselamatan dan keperluan asas seperti makanan, pakaian, wang serta ubat-ubatan. Peranan masyarakat Orang Asli sebagai alat untuk pihak komunis mendapatkan bantuan adalah seperti berikut:

> Makanan, pakaian, ubat-ubatan dan duit diberi secara percuma. Jika Orang Asli engkar, pihak komunis membuat ugutan untuk membunuh dan membakar rumah sebagai senjata bagi memperolehi sesuatu yang diingini daripada orang-orang kampung[25].

Di samping itu, pihak komunis juga memerlukan tenaga Orang Asli bagi menentang pihak British. Oleh itu, untuk merekrutkan Orang Asli dalam gerakan bersenjata, pihak komunis telah menubuhkan ASAL[26].

Zaman darurat yang berlaku pada tahun 1948 sehingga tahun 1960 merupakan zaman yang penuh dengan cabaran bagi masyarakat Orang Asli. Hal ini kerana mereka menjadi mangsa darurat yang terperangkap dan terhimpit di antara pergelutan

---

[25] John Slimming. (1958). *Temiar Jungle A Malayan Journey*. Great Britain : Great Britain Press, hlm.10.

[26] ASAL bermaksud Asli atau Orang Asli. Penubuhannya bertujuan memberi bekalan makanan dan perlindungan kepada pihak komunis. ASAL mempunyai organisasi tersendiri yang dianggotai oleh pengganas komunis dan beberapa orang golongan muda Orang Asli. Mereka menerima latihan khusus daripada pihak komunis. Jawatankuasa ASAL hendaklah memastikan bilangan Orang Asli yang menjadi pembantu pengganas komunis adalah mencukupi serta memberi maklumat mengenai pergerakan pasukan keselamatan. Di samping itu, ASAL juga hendaklah memastikan kawasan perkampungan dan petempatan Orang Asli dikawal rapi dan mereka juga dikehendakki bersimpati dengan matlamat yang diperjuangkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Selain itu, mereka juga diarahkan membuka ladang-ladang tambahan. Lihat dalam Iskandar Carey. (1978, Feb 15) Penempatan Semula Orang Asli dari Perspektif Pensejarahan. *Dewan Masyarakat*, hlm. 53.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dua belah pihak[27]. Dua belah pihak tersebut ialah British dan Parti Komunis Malaya. Kedua-dua belah pihak ini menyedari mengenai kepentingan hutan dan penghuninya daripada sudut strategi dan keselamatan. Orang Asli tidak berani mengingkari mana-mana pihak dan mereka berada dalam keadaan dilema kerana kedua-dua belah pihak cuba menawan hati dan kepercayaan mereka[28]. Setiap pihak cuba mempengaruhi masyarakat Orang Asli demi menjaga kepentingan masing-masing. Walau bagaimanapun, Parti Komunis Malaya telah berjaya mendekati masyarakat Orang Asli terlebih dahulu dan pihak British masih gagal untuk berbuat demikian[29].

Kegagalan ini adalah kerana sikap pihak British itu yang memandang hina kepada masyarakat Orang Asli. Di samping itu, bilangan masyarakat Orang Asli yang berada di bawah pengaruh komunis adalah lebih kurang 20,000 orang[30]. Oleh itu, pihak British mula mengubah pandangan mereka terhadap kelompok masyarakat ini. Mereka mula dianggap sebagai satu kelompok masyarakat yang mempunyai kepentingan kepada pihak British. Hal ini kerana British mahu menjadikan masyarakat Orang Asli sebagai alat untuk merisik pergerakan pihak komunis. Oleh itu, bagi mengawal masyarakat Orang Asli daripada terus diancam oleh komunis, pihak British telah memperkenalkan Rancangan Briggs[31] pada tahun 1951.

---

[27] *Annual Report For The Year 1948, loc.cit.*

[28]Iskandar Carey. (1976). *Orang Asli : The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia.* Kuala Lumpur : Oxford University Press, hlm. 311.

[29]Baharom Azhar B. Raffie'I. (1967, Ogos). The New World of The Orang Asli. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 1.

[30] Iskandar Carey. Penempatan Semula Orang Asli Dari Perspektif Pensejarahan, *op.cit*., hlm. 51.

[31] Rancangan Briggs yang diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli adalah sama dengan rancangan Briggs yang diperkenalkan kepada masyarakat Cina pada tahun 1951. Tujuan rancangan tersebut diperkenalkan adalah untuk mengawal pengaruh komunis supaya tidak terus menular dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Rancangan ini dilaksanakan setelah pengisytihaaran darurat. Darurat diisytiharkan bagi menyekat pengaruh komunis. Lihat dalam Iskandar Carey. Penempatan Semula Orang Asli dari Perspektif Pensejarahan, *loc.cit.* Lihat juga dalam Khoo Kay Kim & Adnan Nawang. (1984). *Darurat 1948-1960*. Kuala Lumpur : Muzium Angkatan Tentera, hlm. 85 yang menerangkan bahawa Rancangan Briggs telah dilancarkan oleh Harold Briggs pada 1 Jun 1952. Rancangan tersebut merupakan sebuah rancangan penempatan semula setinggan *('squatters')* ke dalam kampung baru. Tujuan rancangan ini adalah bagi mengawal penyeludupan makanan, alat-alat senjata dan lain-lain keperluan kepada pihak komunis.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Rancangan ini diperkenalkan bertujuan menyekat pengaruh komunis dalam kalangan masyarakat termasuk Orang Asli. Selain itu, British juga berusaha untuk menyekat pihak komunis daripada menggunakan masyarakat Orang Asli sebagai sumber maklumat mereka. Menerusi rancangan ini, masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman dan kawasan yang mempunyai hubungan dengan pihak komunis telah dikumpul dan dipindahkan ke kawasan perkampungan yang baru. Mereka diarah dan dipaksa supaya berpindah ke kawasan baru dengan kawalan pasukan tentera bersenjata.

Kawasan perkampungan baru ini dipagari dengan kawat berduri yang bertujuan mengelakkan berlakunya hubungan antara masyarakat Orang Asli dengan pihak komunis. Sebelum masyarakat Orang Asli meninggalkan perkampungan asal mereka, pihak British telah membakar dan memusnahkan perkampungan tersebut. Tindakan ini diambil untuk mengelakkan masyarakat Orang Asli daripada kembali semula ke tempat asal mereka. Mereka dibawa keluar dengan menggunakan trak dan ditempatkan di kem yang tidak ubah seperti kem tahanan perang. Selain itu, masyarakat Orang Asli juga turut menerima layanan yang amat buruk. Kemudahan yang disediakan juga tidak mencukupi dan segalanya serba kekurangan[32].

Penempatan semula masyarakat Orang Asli di kawasan baru memberi impak yang negatif kepada pihak British. Hal ini berlaku kerana masyarakat Orang Asli tidak dapat menyesuaikan diri dengan cara kehidupan yang begitu asing dengan budaya kehidupan mereka. Pergerakan yang terbatas menyebabkan mereka merasa begitu terkongkong. Mereka juga tidak mempunyai sebarang pekerjaan yang dapat mengisi masa lapang kerana mereka dikawal rapi dan dikurung. Sebelum ini mereka

[32] *Ibid.,* hlm. 51. Lihat juga dalam Shamsul Amri Baharuddin. Sikap dan Prasangka Terhadap Orang Asli, *op.cit.,* hlm. 2. Menurut beliau kemudahan yang diterima oleh Orang Asli begitu menyedihkan, serba serbi tidak cukup.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

hidup di kawasan pergunungan yang sejuk dan dapat menjalankan aktiviti harian tanpa sebarang sekatan. Mereka bebas memburu binatang, mencari rotan, menangkap ikan dan menjalankan aktiviti tanpa sebarang jenis sekatan. Selain itu, bekalan makanan dalam tin yang disediakan kepada mereka begitu asing dengan cara pemakanan mereka sebelumnya.

Oleh kerana bentuk kehidupan yang begitu jauh berbeza berbanding dengan kehidupan asal mengakibatkan mereka mengalami satu kejutan budaya. Kejutan budaya ini menyebabkan mereka mengalami tekanan mental dan emosi sehingga membawa kepada kematian. Mengikut laporan terdapat seramai 8,000 orang masyarakat Orang Asli di kawasan penempatan semula telah meninggal dunia[33]. Selain itu, terdapat juga masyarakat Orang Asli yang berusaha melarikan diri daripada kawasan perkampungan baru tersebut dan bersembunyi di dalam hutan. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut menyebabkan mereka terdedah pula kepada ancaman komunis kerana rumah dan ladang mereka telah dimusnahkan oleh pihak British. Keadaan yang dialami oleh masyarakat Orang Asli ini menyebabkan mereka mempunyai tanggapan bahawa pihak British adalah kejam dan tidak berperikemanusiaan[34].

Dasar Penempatan Semula masyarakat Orang Asli di luar kawasan hutan tidak mencapai matlamat dan menemui kegagalan. Kegagalan ini kerana semakin ramai masyarakat Orang Asli yang berpihak kepada komunis dan tidak berpihak kepada British pada akhir tahun 1953[35]. Oleh itu, pihak British mengambil langkah dengan

---

[33] P.K Voon dan S.H.Khoo. (1977, Oct 1 – 2). *A Perspective of Orang Asli Settlement and Resettlement in Peninsular Malaysia.* Kertas Kerja dalam Seminar Ethnografi Orang Asli, Malaysian Society for Asian Studies di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 4. Lihat juga dalam Iskandar Carey. *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia, op.cit.,* hlm. 306 – 308.

[34] P.K Voon & S.H. Khoo. *A Perspective of Orang Asli Settlement and Resettlement in Peninsular Malaysia, loc.cit.*

[35] Iskandar Carey. *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia, loc.cit.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

memberi penekanan terhadap kebajikan masyarakat Orang Asli. Kebajikan mereka telah dipertanggungjawabkan kepada kerajaan Negeri. Perkara ini dilakukan untuk memenangi hati masyarakat Orang Asli. Selain itu, pihak British mula mengubah taktik daripada kekerasan kepada cara berlemah lembut.

Pihak British mula menyusun strategi secara lebih bersistematik dan berhati-hati dalam usaha untuk mendapatkan kerjasama dan sokongan daripada masyarakat Orang Asli. General Templer telah membuat pengakuan bahawa:

> *Without some understanding of the background and outlook of these fascinating people, it is impossible to make use of them on operations. The Security Forces in this country today know very well the assistance which is being given by the jungle peoples to the bandits... They do so because they are afraid, and also because most unfortunately, we have been unable, up to now, to get to know them well enough to help them sufficiently. Only by so doing can we hope to gain their confidence and in due course provide for them the educational and medical facilities which are so badly wanted*[36].

Ekoran daripada itu, sebuah jabatan ditubuhkan secara rasminya pada tahun 1954 yang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Jabatan ini berperanan sebagai sebuah badan perantaraan antara kerajaan dengan masyarakat Orang Asli. Jabatan ini mempunyai kuasa untuk menguruskan segala hal ehwal yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli di Malaysia Barat. Selain itu, jabatan ini juga merupakan sebuah jabatan yang unik dalam aspek peranan dan tanggungjawabnya. Hal ini kerana kumpulan sasarannya sangat memerlukan pengurusan yang berhati-hati, tekun dan tabah[37]. Seterusnya, JHEOA telah diberi

[36] William Hunt. (1952, April 12 th). *An Introduction to The Malayan Aboriginies with a foreword by General Sir Gerald Templer*. Kuala Lumpur : The Government Press, hlm. 1.
[37] Mohamed b. Salleh. (1991, Apr - Okt : Keluaran 2/9). JHEOA Satu Sorotan Sejarah. *Nong Pai*. Kuala Lumpur : Unit Penerbitan Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 3

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kuasa serta tanggungjawab oleh kerajaan Kolonial bagi memimpin masyarakat Orang Asli ke arah perubahan dan kesedaran, selaras dengan matlamat kerajaan. Sehubungan itu, Akta 134, Akta Orang Asli yang dibuat pada 25 Februari 1954 merupakan suatu saluran undang-undang yang digunakan oleh JHEOA bagi melaksanakan program untuk kepentingan masyarakat Orang Asli di negara ini[38].

Menjelang tahun 1960, darurat telah diisytiharkan tamat selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Setelah darurat berakhir, JHEOA tidak mempunyai hala tuju yang jelas. Hal ini kerana matlamat awal penubuhannya hanyalah sebagai dasar sementara bagi pihak British untuk menghalang dan mengawal masyarakat Orang Asli agar tidak dipengaruhi oleh anasir Komunis[39]. Walau bagaimanapun, selepas negara mencapai kemerdekaan, kerajaan yang memerintah masih lagi memberi tumpuan dan perhatian kepada masyarakat Orang Asli. Tumpuan terus diberikan oleh kerajaan kerana mereka beranggapan bahawa persoalan mengenai masyarakat Orang Asli masih menjadi perkara utama. Oleh itu, kerajaan terus berusaha untuk membawa kemajuan serta pembangunan kepada kumpulan minoriti ini. Baharom Azhar menegaskan bahawa:

> *When peace came, the department was given the task of administering them, and looking after their sosio-economic welfare and extending to them the benefits of a modern goverment generally*[40].

Pada tahun 1961 kerajaan Tanah Melayu telah mengisytiharkan dasar pentadbiran terhadap masyarakat Orang Asli. Dasar tersebut adalah untuk mengintegrasikan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat kebangsaan. Matlamat

[38] Nik Hassan b. Nik Yusoff. (t.t). Latar Belakang Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 1954 – 1960. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 2.
[39] Lihat dalam Baharom Azhar. The New World of The Orang Asli, *loc.cit.*
[40] *Ibid.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dasar ini dapat dicapai melalui JHEOA kerana peranannya sebagai perancang dan pelaksana program pembangunan sosioekonomi. Pelaksanaan program ini memberi peluang kepada masyarakat Orang Asli untuk menikmati taraf hidup yang lebih sempurna. Peningkatan taraf hidup ini merupakan asas untuk mereka berkecimpung di segenap lapangan kehidupan dalam kalangan masyarakat umum[41]. JHEOA telah menetapkan pelbagai aktiviti sosioekonomi secara beransur-ansur. Kerajaan juga mempunyai objektif bagi meningkatkan harapan dan inspirasi terhadap masyarakat Orang Asli. Selain itu, kerajaan juga berusaha untuk memastikan bahawa masyarakat Orang Asli tidak terlibat dalam gerakan anti nasional yang boleh memecah belahkan perpaduan antara kaum[42].

Kawasan Kajian

Kajian ini mengenai Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli (RPS) di kawasan Runchang. Peta 1.4 menunjukkan bahawa Runchang merupakan salah satu kawasan dalam daerah Pekan yang terletak di sebelah Lebuhraya Tun Razak, Kuantan - Segamat. Kawasan ini boleh dihubungi melalui jalan di persimpangan KM 77.5 dari Kuantan di Lebuhraya tersebut. Runchang merupakan satu-satunya rancangan pembangunan masyarakat Orang Asli di daerah Pekan. Jarak kawasan Runchang dari Lebuhraya Tun Razak ialah 12 KM[43]. Menurut bacaan *Global Positioning*

[41]Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. (1999). Panduan Tugas Pembangunan Orang Asli di Dalam Masyarakat Malaysia Moden. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm.iii.

[42] *Malaysia Official Year Book 1974.* (1975). Volume 14. Kuala Lumpur : Percetakan Semenanjung Malaysia, hlm.25. Lihat juga dalam *Malaysia Official Year Book 1978.* (1981). Volume 18. Kuala Lumpur : Percetakan Semenanjung Malaysia, hlm. 22.

[43] Hasil penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik ke kawasan Runchang pada 18.9.2007 bersama dengan pegawai daripada JHEOA daerah Pekan iaitu Encik Zahari bin Ab. Razak yang lebih dikenali dengan nama En.Mon dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Beliau boleh bertutur dalam bahasa Orang Asli dan kebolehan ini didapati melalui pergaulan beliau setiap hari yang sentiasa mendampingi masyarakat Orang Asli dalam usaha untuk menarik minat mereka supaya menyertai RPS di bawah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

System Rectified Skew Orthomophic (GPS RSO) lokasi Runchang terletak di garisan latitud 573945.148281'U dan garisan longitud 363591.786517'T[44]. Kedudukan Runchang ialah di garisan kontur dengan bacaan grid antara 20 - 40 meter daripada aras laut[45].

Peta 1.5 pula menunjukkan kawasan RPS ini secara umumnya mempunyai rupa bumi yang rata, tetapi berbukit di bahagian tengah kawasan projek. Selain itu, kawasan ini juga dikelilingi oleh tanah rata yang menurun dan menjadi paya di bahagian utara. Sungai utama di kawasan ini ialah Sungai Serai yang mengalir ke Sungai Bebar[46]. Keluasan tapak RPS Runchang ialah seluas 2,750 ekar. Keluasan ini dipengaruhi jumlah penduduk semasa iaitu sebanyak 200 buah keluarga atau anggaran 1,250 orang penduduk. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh masalah kekurangan tanah. Aktiviti guna tanah utama bagi pelan pembangunan RPS Runchang digambarkan seperti jadual 1.6.

Rancangan Pembangunan Kerajaan. Jarak ini juga diperolehi pada 20.9.2007 daripada Encik Othman bin Mohamed Nor.

[44] Pahang, Jabatan Ukur dan Pemetaan, *loc.cit.*

[45] *Ibid.*

[46] Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. (1999). Taklimat Biodata Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Rancangan Penempatan Semula Runchang. Pekan : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 8.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Peta 1.4

Kedudukan Peta Kawasan Runchang



Sumber: dipetik daripada Pahang, Jabatan Ukur dan Pemetaan. (1993). *Peta Topo Semenanjung Malaysia Lembar 123.* [tiada data penerbitan].

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 1.6
Aktiviti Guna Tanah Utama di Kawasan RPS Runchang

Bil	Kawasan	Keluasan
1	Pusat	24.3 ekar (9.8 hektar)
2	Perkampungan	
	* Lot Perkampungan	62.5 ekar (25.3 hektar)
	* Dusun	250.0 ekar (101.04 hektar)
3	Pertanian	2 348.3 ekar (950.4 hektar)
4	Jalan Perhubungan Utama	15.3 ekar (6.2 hektar)
5	Tanah Perkuburan	9.9 ekar (4 hektar)
6	Berpaya	39.7 ekar (16 hektar)
Jumlah Keluasan	**2 750 ekar (1113 hektar)**	

Sumber : dipetik dan diubahsuai daripada Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. (2004).

Permasalahan Kajian

RPS merupakan satu dasar pembangunan terhadap masyarakat orang Asli di Malaysia. Rancangan ini melambangkan usaha kerajaan yang dilaksanakan di bawah kelolaan JHEOA yang berusaha untuk mempertingkatkan taraf sosioekonomi kumpulan minoriti ini. Pembangunan yang diberi perhatian adalah daripada aspek sosioekonomi. Tujuannya adalah supaya taraf hidup masyarakat ini dapat dipertingkatkan dan dijalankan dengan lebih tersusun. Melalui projek RPS ini, masyarakat Orang Asli dapat menikmati kemajuan yang setanding dengan kaum lain seperti kaum Melayu, Cina dan India[47]. RPS melibatkan perpindahan penduduk ke kawasan baru dan setiap keluarga disediakan sebuah rumah kediaman serta kawasan untuk bercucuk tanam.

[47] Secara amnya langkah membangunkan masyarakat Orang Asli adalah selaras dengan prinsip Rukun Negara dan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2). Rancangan ini merangkumi proses pembangunan yang memberikan kesejahteraan, keselamatan hidup dan pengintegrasian mereka dengan masyarakat lain di Malaysia. Lihat dalam Yahya bin Haji Awang. (t.t). *Penilaian Semula Program Pembangunan Orang Asli dari Perspektif Jabatan Hal Ehwal Orang Asli*. Kertas Kerja 2 Dalam Sesi Kedua. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 2.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pada dasarnya RPS ini bertujuan mengumpulkan semua perkampungan Orang Asli yang bertaburan di dalam satu kawasan yang berdekatan dengan pos atau pusat. Hal ini kerana pos atau pusat tersebut mempunyai kemudahan asas dan kemudahan awam yang mencukupi. Pengumpulan tersebut tidak memberi perubahan corak hidup secara besar-besaran kepada golongan minoriti ini[48]. Strategi pembangunan ini mengambil masa kerana memberi peluang kepada masyarakat Orang Asli untuk menyesuaikan diri. Selain itu, strategi ini dilakukan agar masyarakat Orang Asli dapat menerima rancangan pembangunan yang dilaksanakan. Hal ini kerana corak pemikiran masyarakat Orang Asli mengenai pembangunan masih berada pada tahap yang rendah.

Sepanjang penyelidikan dan pemerhatian terhadap RPS Orang Asli di Runchang, penyelidik mendapati kemajuan yang dicapai adalah lambat. Keadaan ini berlaku kerana sikap masyarakat Orang Asli itu sendiri yang sukar untuk menerima perubahan dalam kehidupan mereka terutama dalam bidang ekonomi. Kesukaran untuk menerima perubahan ini adalah kerana mereka kurang pengetahuan mengenai program pembangunan yang dilaksanakan oleh JHEOA. Kekurangan pengetahuan ini menyebabkan mereka kurang berusaha untuk mencapai kemajuan dalam kehidupan seiring dengan pembangunan yang dicapai oleh negara Malaysia. Tambahan pula budaya sikap mereka yang inginkan hasil pulangan dalam jangka masa yang singkat. Situasi ini membelenggu kehidupan mereka sejak dari turun temurun lagi. Sebagai contoh jika mereka tinggal di dalam hutan, mereka dapat mengutip hasil hutan dan terus menjualnya kepada pengguna.

[48] Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1984, April). Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Legap Perak 4260 : 1992 Laporan Akhir. Kuala Lumpur : Bahagian Luar Bandar, Perancang Luar Bandar & Desa, hlm. 6.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Jualan ini membolehkan mereka mendapat wang dalam masa yang singkat walaupun dalam jumlah yang kecil namun mereka tetap berpuas hati. Situasi ini berbeza dengan rancangan kerajaan di bawah RPS, mereka tidak mendapat hasil pulangan dalam masa yang singkat. Ini berlaku kerana kerajaan telah mensasarkan pulangan dalam jangka masa yang panjang. Tanaman pisang pelbagai dan ternakan rusa yang gagal mencapai sasaran adalah bukti yang dapat menggambarkan kekurangan pengetahuan masyarakat Orang Asli terhadap rancangan pembangunan ekonomi.

Peruntukan kewangan yang tidak mencukupi juga merupakan faktor penyumbang kepada kelembapan pembangunan yang melibatkan keperluan asas terhadap masyarakat Orang Asli di RPS Runchang. Bekalan air umumnya memerlukan peruntukan yang begitu tinggi. Hal ini menyebabkan pihak JHEOA tidak dapat menyediakan bekalan air yang secukupnya kepada peserta RPS Runchang[49]. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Orang Asli menghadapi masalah kekurangan bekalan air.

Bekalan air yang disediakan hanya menggunakan pam dan telaga. Pam dan telaga tersebut hanya dapat berfungsi selama 2 jam sahaja. Kekurangan air di kawasan telaga ini berlaku kerana kedalaman pam yang dipasang tidak berada pada aras yang sepatutnya. Telaga yang digali sepatutnya melebihi 50 kaki tetapi kedalaman telaga yang digali tidak mencapai 50 kaki [50]. Selain itu, kawasan ini

[49] Menurut Encik Abd. Rahman b. Mat Sham, projek bekalan air yang diperlukan untuk pemasangannya oleh Jabatan Bekalan Air Pekan di kawasan RPS Runchang ialah sebanyak 8 juta. Kos ini tinggi kerana bekalan air yang dicadangkan adalah bekalan air yang diambil daripada paip besar dari Lebuhraya Kuantan - Segamat. Jarak antara kawasan lebuhraya tersebut ke kawasan penempatan Orang Asli di Runchang adalah sejauh 12 km ke dalam. Oleh itu, JHEOA daerah Pekan membuat permohonan peruntukan tersebut kepada JHEOA Kuala Lumpur tetapi peruntukan ini tidak diluluskan kerana jumlahnya adalah besar. Keterangan pada 14 Januari 2008.

[50] Kedalaman yang kurang daripada 50 kaki kerana telaga ini digali menggunakan tenaga manusia. Oleh itu, air yang terdapat dalam telaga ini hanya pada tahap kedalaman antara sepuluh hingga 12 kaki

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

terletak dalam kawasan yang mempunyai kekurangan mata air. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini JHEOA daerah Pekan mengambil langkah menyediakan bekalan air secara konsep alternatif seperti menggunakan telaga tiub[51].

Sementara itu, penyelidik juga turut menghadapi masalah dalam usaha untuk mendapatkan bahan dan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian ini. Masalah tersebut ialah kebanyakan sumber yang berkaitan sukar untuk didapati. Oleh itu, penyelidik mengatasi masalah ini dengan menggunakan kaedah temuramah. Temuramah dilakukan dengan pegawai JHEOA terutama yang terlibat secara langsung dengan pembentukan RPS Runchang daripada peringkat awal.

Objektif Kajian

Meneliti pembangunan masyarakat Orang Asli daripada sudut sejarah di kawasan RPS Runchang.

Tujuan Dan Kepentingan Kajian

Adalah untuk :

i. mengkaji peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

ii. mengkaji rancangan pembangunan kerajaan ke atas Orang Asli.

---

sahaja. Setelah lebih kurang dua jam menggunakan telaga ini, airnya kering. Keterangan diperolehi pada 24 November 2009 daripada Encik Zahari bin Ab. Razak.

[51] En. Abd. Rahman menyatakan projek bekalan air alternatif ini hanya memerlukan belanja sebanyak 1.4 juta sahaja. Keterangan pada 14 Januari 2008. Penyelidik juga diberitahu oleh En. Mat Sah bin Ah Hong yang bekalan air alternatif ini adalah atas usaha Yang Berhormat Dato Seri Najib bin Tun Abdul Razak selaku orang yang bertanggungjawab ke atas Parlimen Pekan. Keterangan pada 12 Februari 2008.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

iii. menilai rancangan perkhidmatan kesihatan dan perubatan terhadap masyarakat Orang Asli.

iv. menilai peranan kerajaan dalam mempertingkatkan tahap pendidikan masyarakat Orang Asli.

v. menyelidik keberkesanan rancangan pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli.

Ruang Lingkup Kajian

Penyelidik memberi tumpuan dalam ruang lingkup masa antara tahun 1970-an sehingga tahun 1990-an walaupun RPS Runchang mula diperkenalkan pada tahun 1986. Hal ini kerana usaha untuk memperkenalkan RPS dalam kalangan masyarakat Orang Asli mula dilakukan sejak dari tahun 1970-an lagi menerusi usaha pemujukan[52]. Usaha pemujukan dilakukan bertujuan memberi pendedahan mengenai pembaharuan dan perubahan oleh JHEOA kepada mereka. Kaedah yang digunakan untuk memujuk Orang Asli ialah melalui bidang perubatan. Bidang ini diberi tumpuan kerana kebanyakan masyarakat Orang Asli menghidap penyakit malaria. Oleh itu, masyarakat Orang Asli diberi rawatan secara percuma oleh doktor yang berkhidmat dengan JHEOA. Seterusnya pada sekitar tahun 1990-an RPS di

[52] Encik Zahari bin Abd. Razak merupakan kakitangan JHEOA daerah Pekan yang terlibat secara langsung dengan pembangunan RPS di daerah Runchang sejak awal lagi iaitu pada tahun 1976. Semasa JHEOA daerah Pekan hendak membentuk RPS, beliau merupakan salah seorang pegawai yang terlibat dalam proses pemujukan terhadap masyarakat Orang Asli supaya bersetuju menyertai RPS di kawasan Runchang. Menurut beliau, petempatan di kawasan Runchang sudahpun wujud tetapi adalah secara bertaburan kerana setiap keluarga tinggal dalam jarak antara 100 meter hingga 500 meter. Keterangan pada 4 September 2007. Selain itu, penyelidik juga mendapat maklumat daripada Encik Mat Sah bin Ah Hong yang lebih dikenali dengan panggilan Chu Tangki. Beliau turut bertanggunjawab menjalankan usaha untuk menarik Orang Asli supaya menyertai RPS. Kedua-dua mereka menggunakan cara diplomasi dalam usaha memujuk masyarakat Orang Asli agar menyertai RPS sejak tahun 1976 lagi. Keterangan pada 6 September 2007.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI P

Runchang ini mula menampakkan kejayaan walaupun mengambil masa yang agak lama kerana perkembangan pembangunannya bergerak secara perlahan.

Ulasan Bacaan

Kajian mengenai masyarakat orang Asli oleh Marina Roseman[53] ialah mengenai latar belakang, kawasan penempatan dan organisasi di dalam suku kaum Temiar secara ringkas. Marina Roseman[54] menggambarkan masyarakat Temiar sangat berpegang teguh kepada kepercayaan animisme yang mempengaruhi setiap bidang kehidupan. Suku kaum Temiar ini menggunakan nyanyian sebagai satu kaedah perubatan kerana nyanyian dianggap sebagai satu medium yang dapat berinteraksi dengan kuasa semangat.

Kajian yang dilakukan oleh Lim Hin Fui[55] pula adalah mengenai kesan pembangunan terhadap komuniti orang Asli daripada suku kaum Semelai dan Senoi. Beliau menggambarkan komuniti ini dapat menerima perubahan dalam sosioekonomi. Buktinya dapat dilihat melalui penyertaan mereka secara sukarela dalam skim tanah yang bertujuan mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka. Namun begitu, program pembangunan seperti FELDA tidak dapat menarik minat mereka untuk menyertainya kerana mereka bimbang identiti mereka hilang apabila menerima program pembangunan tersebut. Selain itu, program pendidikan yang dijalankan berjaya menarik minat komuniti orang Asli untuk menerimanya dan berjaya meningkatkan

[53] Marina Roseman. (1991). *Healing Sounds From The Malaysian Rainforest Temiar Music And Medicine.* The United States Of America : University Of California Press.
[54] Beliau merupakan seorang pelajar sarjana daripada Universiti Columbia dan membuat penyelidikan mengenai "*ethnomusicology"* yang menggambarkan komuniti orang Asli menjadikan muzik sebagai satu kebudayaan dalam kehidupan mereka. Kajian ini mempunyai kaitan dalam bidang antropolgi dan muzik.
[55] Lim Hin Fui. (1997). *Orang Asli, Forest And Development.* Kuala Lumpur : Forest Research Institute Malaysia.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

taraf hidup mereka walaupun masih lagi terikat dengan cara dan budaya yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, Lim menyatakan amat sukar untuk mendapatkan data ekonomi kerana tiada catatan mengenainya. Oleh itu, Lim telah membahagikan latar belakang komuniti orang Asli kepada empat peringkat menurut perspektif sejarah. Peringkat pertama ialah sebelum penjajahan British, komuniti orang Asli digambarkan terlibat dalam kegiatan ekonomi dengan pedagang Eropah dalam perdagangan sumber hutan. Semasa zaman penjajahan British pula, komuniti orang Asli ini dikatakan menjadi pembekal utama dalam perdagangan dengan cara mengutip hasil hutan. Seterusnya pada peringkat ketiga iaitu semasa kedatangan Jepun ke Tanah Melayu, komuniti orang Asli ini menjalankan kegiatan ekonomi separuh sara diri dan semasa akhir zaman penjajahan pula mereka dikatakan menjadi petani.

Kajian mengenai masyarakat Orang Asli juga turut dilakukan oleh William Hunt[56]. Kajiannya adalah mengenai latar belakang kumpulan masyarakat Orang Asli seperti Senoi dan Negrito. Beliau arif tentang suku kaum masyarakat ini setelah tinggal bersama komuniti tersebut. Selain itu beliau telah berkahwin dengan perempuan suku Asli Semai. Perkahwinan ini menyebabkan beliau menjadi pakar rujuk kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengenai hal ehwal Orang Asli. Mesej yang hendak disampaikan oleh penulis ini ialah perlunya pihak kerajaan memberi perlindungan kepada komuniti tersebut di Tanah Melayu terhadap perkahwinan campur. Perkahwinan campur yang berlaku di antara masyarakat Orang Asli terutama bagi kaum perempuan dengan orang Cina menyebabkan hilangnya struktur budaya masyarakat orang Asli. Di samping itu penulis juga turut menggambarkan

[56] William Hunt. (1952, April 12 th). *An Introduction to The Malayan Aboriginies with a foreword by General Sir Gerald Templer.* Kuala Lumpur : The Government Press.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI P

tentang upacara perkahwinan, pantang larang dan adat budaya yang diamalkan oleh komuniti orang Asli di kawasan Semenanjung Malaysia.

Seterusnya Sulong Mohamad[57] dalam kertas kerjanya menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli boleh menerima rancangan pembangunan sekiranya rancangan tersebut dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Hal ini kerana mereka bukanlah kumpulan masyarakat tidak rasional yang menolak segala perubahan yang dirancangkan untuk mereka. Penulis mendapati bahawa sesuatu projek pembangunan kerajaan tidak berjaya kerana berpunca daripada kegagalan yang mengambil kira kemahuan nilai dan tradisi mereka. Walau sebaik mana sesuatu rancangan tersebut, masyarakat orang Asli tetap melalui beberapa pengalaman sebelum mereka dapat menerima perubahan yang dirancang seperti pengalaman pemujukan, pergolakan dan akhirnya penerimaan. Penulis juga menafikan tiada usaha kerajaan yang dilakukan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan masyarakat orang Asli.

Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan satu usaha untuk menyusun semula masyarakat negara termasuk Orang Asli. Mereka merupakan masyarakat yang tergolong dalam kumpulan miskin tegar dan paling mundur. Oleh itu, mereka digalakkan supaya memajukan dan meningkatkan taraf sosioekonomi supaya jurang perbezaan dalam pembangunan tersebut dapat dikurangkan walaupun tidak dapat dihapuskan. Hal ini bersesuaian dengan falsafah pembangunan yang dianjurkan oleh kerajaan untuk masyarakat Orang Asli. Falsafah tersebut ialah keselamatan melalui pembangunan ekoran daripada berlakunya darurat pada tahun 1948 sehingga tahun 1960. Menerusi pembangunan negara, perhatian diberikan kepada masyarakat orang Asli seperti pembentukan Rancangan

[57] Sulong Mohamad. (1986, September 22-23). *Rancangan Penempatan Semula Kuala Betis: Satu Tinjauan Awal*. Kertas Kerja Untuk Simposium ke 2 Kehidupan dan Pembangunan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Bangi : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dan Fakulti Sains Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli. Pembentukan rancangan ini adalah untuk mengatasi masalah masyarakat Orang Asli supaya tidak terus dipergunakan oleh pihak komunis bagi mendapatkan bekalan maklumat dan bahan makanan.

Penulisan seterusnya ialah Zulkifly Hj. Mustapha yang membincangkan mengenai kedudukan dan pembangunan ekonomi komuniti Jah Het di Kuala Krau[58]. Kajian beliau memperlihatkan wujudnya pergolakan ekonomi serta masalah daripada aspek pembangunan. Mereka memerlukan asas ekonomi yang lebih tetap dan berkekalan supaya kehidupan harian dan kedudukan ekonomi lebih terjamin. Penyelidik menyarankan supaya komuniti Jah Het perlu dibawa masuk ke dalam arus pembangunan sosioekonomi. Hal ini kerana penyelidik mendapati senario pembangunan ekonomi komuniti ini menggambarkan kemunduran, masih berada pada paras kemiskinan tegar dan kurangnya menikmati pembangunan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Beliau juga turut menyuarakan pendapatnya supaya pengagihan faedah pembangunan diberikan kepada semua masyarakat di negara ini tanpa melakukan diskriminasi terhadap mereka.

Juli Edo[59] dari Universiti Malaya pula menyatakan salah satu punca yang menyebabkan pembangunan masyarakat orang Asli begitu lembab kerana belianya tidak berfungsi. Kelembapan ini dikatakan oleh penulis sebagai satu cara hidup yang diwarisi oleh masyarakat ini sejak zaman berzaman lagi. Kemerdekaan yang dicapai oleh negara tidak memberi makna yang besar dan bernilai dalam kalangan belia masyarakat Orang Asli. Hal ini kerana mereka masih mengamalkan sistem

[58] Zulkifly Hj. Mustapha. (1986, September 22-23). *Pembangunan Ekonomi Orang Asli : Satu Pemerhatian Terhadap Senario Pembangunan Komuniti Jah Het di Kuala Krau, Pahang*. Kertas Kerja Untuk Simposium ke 2 Kehidupan dan Pembangunan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Bangi : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dan Fakulti Sains Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia.

[59] Juli Edo. (1986, September 22-23). *Kepimpinan dan beberapa Masalah Sosial di Kalangan Belia Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Kertas Kerja Untuk Simposium ke 2 Kehidupan dan Pembangunan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Bangi : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dan Fakulti Sains Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kepimpinan secara tradisional sedangkan sistem kepimpinan ini sudah tidak lagi sesuai untuk dipraktikkan pada zaman pembangunan.

Pelbagai program pembangunan dilaksanakan oleh JHEOA yang mencakupi bidang kesihatan, pelajaran, perumahan, ekonomi dan kemudahan asas. Kesemua program ini adalah bertujuan untuk memajukan kehidupan masyarakat Orang Asli. Namun begitu mereka masih lagi berada dalam kemunduran. Penulis mendapati keadaan ini berlaku kerana JHEOA tidak mengambil sebarang usaha yang serius untuk membimbing masyarakat orang Asli ke arah pengamalan sistem kepimpinan moden.

Penyelidik juga mendapati Sokyen b. Man[60] dalam latihan ilmiahnya turut mengkaji sejauh mana penglibatan masyarakat Orang Asli di dalam bidang perniagaan. Negeri yang terlibat dalam kajiannya ialah Pahang. Daerah yang dipilih oleh beliau ialah Temerloh, Rompin dan Bentong. Beliau mengenalpasti faktor yang mendorong masyarakat Orang Asli daripada suku kaum Semelai, Temuan dan Jakun. Selain itu, beliau juga mengenal pasti faktor yang mendorong mereka bergiat secara aktif dalam bidang perniagaan. Hasil kajian tersebut, beliau mendapati bahawa penglibatan masyarakat Orang Asli dalam bidang perniagaan adalah disebabkan oleh faktor pendorong seperti wujudnya perasaan kekitaan, kesanggupan untuk menerima risiko dan ganjaran yang berbentuk intrinsik dan ekstrinsik.

Di samping itu, beliau juga turut menyatakan masalah yang dihadapi oleh masyarakat ini semasa hendak memulakan perniagaan. Masalah tersebut adalah seperti kurangnya pendidikan dan ilmu pengetahuan mengenai perniagaan dan kurangnya peranan agensi kerajaan dalam memberi latihan dan semangat kepada mereka semasa hendak memulakan perniagaan. Oleh itu, bagi mengatasi masalah

[60] Sokyen b. Man. (1997/98). *Penglibatan Masyarakat Orang Asli dalam Bidang Perniagaan di Negeri Pahang Darul Makmur*. (Ijazah Sarjana Muda, Universiti Putra Malaysia Serdang, 1997/1998).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tersebut, Sokyen memberi beberapa cadangan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Orang Asli dalam bidang perniagaan seperti mengadakan motivasi bagi meningkatkan penglibatan Orang Asli dalam bidang perniagaan.

Kaedah Kajian

Kajian ini disempurnakan melalui kajian perpustakaan dengan meneliti sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer ialah terdiri daripada suratkhabar, teks-teks ucapan, fail kerajaan dan rekod jabatan. Bahan tersebut diperolehi di Perpustakaan JHEOA Gombak, Selangor, JHEOA Kuantan, JHEOA Pekan, JHEOA Runchang dan Arkib Negara Kuala Lumpur serta Arkib Negara Kuala Terengganu. Di samping sumber primer, sumber kajian bagi penyelidikan ini juga diperolehi melalui sumber sekunder seperti buku, jurnal dan bahan daripada internet yang didapati di perpustakaan Negara, perpustakaan Universiti Malaya dan perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Selain itu, bagi memantapkan lagi peyelidikan mengenai Orang Asli ini penyelidik turut menggunakan kaedah pelbagai disiplin melalui pemikiran antropologi[61]. Kaedah ini digunakan kerana menerusi bidang ini dapat menerangkan

[61] Menurut Kamus Pelajar. (1995). Kuala Lumpur : Terbitan Khas Dewan Bahasa dan Pustaka. Antroplogi ialah ilmu tentang manusia terutama yang berkaitan asal-usul seperti perkembangan dan adat resam. Ralph Piddington pula membahagikan Antropogi kepada tiga bahagian iaitu Antropologi Fizikal, Antropologi Sejarah dan Antropologi Kebudayaan. Antropolgi Fizikal adalah mengenai ciri-ciri badan manusia dan kajian mengenai bangsa yang melibatkan pengetahuan terhadap genetik manusia secara turun temurun. Manakala Antropologi Sejarah pula menyatakan kepentingan Antropologi kepada manusia sebagai pendedahan terhadap perubahan dalam ekonomi dan kehidupan sosial yang tercatat sejak awal kehidupan manusia lagi. Seterusnya Antropologi Kebudayaan pula menerangkan kajian terhadap budaya sezaman yang ringkas dan tidak maju dalam masyarakat. Lihat dalam Ralph Piddington. (1950). *An Introduction To Social Antropology*. England : Hazell Watson and Viney CID, hlm. 1 - 3. Pada pandangan William A. Haviland. (1974). *Antropology.* United States of America : Rinehart and Winston, INC, hlm. 5 - 8. Beliau juga membahagikan bidang Antropologi kepada tiga bahagian iaitu Antropologi Fizikal, Antropologi Sejarah dan Antropologi Kebudayaan. Maksud ketiga-tiga Antropologi ini sama seperti Ralph Piddington tetapi yang berbeza ialah beliau meletakkan Antropolgi Fizikal dan Antropologi Kebudayaan di bawah disiplin Antropolgi. Disiplin Antropologi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan lebih jelas tentang keberkesanan sesebuah rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Sepanjang penyelidikan yang dilakukan, penyelidik mendapati rancangan pembangunan yang dilaksanakan terhadap masyarakat Orang Asli dan orang Cina, jelas menampakkan perbezaan yang begitu ketara sekali kerana pengetahuan kedua kaum ini amat berbeza mengenai pembangunan. Perbezaan pengetahuan ini mempengaruhi sikap mereka terhadap kejayaan sesebuah rancangan yang diperkenalkan.

Selain itu, penyelidik juga menggunakan kaedah temuramah dengan pegawai daripada JHEOA terutama sekali mereka yang terlibat secara langsung daripada peringkat permulaan pembentukan RPS Orang Asli di Runchang. Pegawai tersebut ialah Encik Zahari bin Ab. Razak dan Encik Mat Sah b. Ah Hong. Pegawai yang terlibat ini berusaha memujuk orang Asli supaya menerima rancangan pembangunan kerajaan bagi mempertingkatkan taraf kehidupan dan menerima pembaharuan dalam segala aspek kehidupan mereka. Selain itu, Encik Mohd. Jiwa bin Zulkifli, Encik Al Zaphni bin Zainal Abidin, Encik Abdul Rahman bin Mat Sham, Encik Mohammad Dani bin Mohd. Amin, Encik Ali bin Bakar dan Encik Awang Tan bin Mat Hassan turut membantu memberikan maklumat kepada penyelidik.

Sehubungan itu, kesemua kaedah yang digunakan ini dapat membantu penyelidik mendapatkan maklumat bagi menyiapkan penyelidikan untuk mengatasi masalah kekurangan bahan serta maklumat yang berkaitan.

---

ialah saling berkaitan antara keduanya yang mana Antropologi Fizikal lebih menjurus kepada manusia sebagai hidupan yang berkaitan dengan biologi manakala Antropologi Kebudayaan pula ialah mengenai hubungan manusia dengan kehidupan binatang. Oleh kerana itu pembangunan manusia pada zaman dahulu lambat pertumbuhannya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI P

BAB 2

JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI (JHEOA)

JHEOA ditubuhkan pada tahun 1954[62]. Penubuhan jabatan ini dilaksanakan kerana pihak British menyedari kepentingan dan peranan masyarakat Orang Asli dalam usaha untuk membantu mereka mengembalikan kedaulatan dan kestabilan negara. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli diperlukan daripada aspek keselamatan supaya mereka tidak berpihak kepada perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM)[63]. Oleh itu, pihak

[62] Pada awal penubuhan, JHEOA dikenali sebagai Jabatan Orang Asli (JOA) dan penggunaan nama JOA ini kekal sehingga tahun 1971. Walau bagaimanapun, pada tahun 1956 nama JOA telah ditukarkan kepada Jabatan Muzium, Arkib dan Penyelidikan Orang Asli. Seterusnya, pada tahun 1974 pula, sekali lagi nama jabatan ini ditukarkan kepada JHEOA dan nama tersebut kekal diguna pakai sehingga sekarang. Lihat dalam Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (t.t). Sejarah Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Lihat juga dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Data Maklumat Asas Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia Sehingga 31 Disember 2004. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, hlm. 1.

[63] Iskandar Carey. Penempatan Semua Orang Asli dari Perspektif Pensejarahan, *loc.cit.* Dalam Baharom Azhar bin Raffie'i. The New World of The Orang Asli, *loc.cit.* turut memberi gambaran mengenai masyarakat Orang Asli pada zaman darurat. Kehidupan masyarakat Orang Asli terutama yang berada di bawah pengaruh komunis menghadapi zaman yang penuh cabaran dan begitu tragis sekali. Hal ini kerana Orang Asli mempunyai sifat sebagai pendamai dan hidup dengan penuh kebebasan tanpa sebarang kongkongan telah terperangkap di antara dua pihak yang sangat bertentangan. Kedua belah pihak tersebut ialah pihak British dan PKM. Kedua-dua belah pihak ini mendapati dan mengetahui kepentingan hutan dan penghuninya daripada sudut strategi dan keselamatan. Pihak yang terlebih dahulu berjaya mendekati Orang Asli ialah PKM.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

British menjadikan bidang pentadbiran sebagai satu saluran dalam usaha untuk memenangi hati masyarakat Orang Asli[64]. Iskandar Carey menegaskan bahawa:

> *The goverment decided to regenerate this department, to enlarge it, and to make it an effective force in trying to enlist the help of the aborigines. There was no philantropic reason behind this decision. The only purpose for reorganizing the department was simply to ensure control of the aborigines and to win them away from their support of the insurgents. Thus the department, at least in theory, became responsible for all matters concerning the aborigines, including their administration and welfare, medical treatment, and a limited amount of education*[65].

Secara teorinya, pihak jabatan mempunyai tanggungjawab terhadap semua hal ehwal masyarakat Orang Asli. Tanggungjawab tersebut adalah seperti dalam bidang pentadbiran dan kebajikan, kemudahan perubatan dan pendidikan yang terbatas[66]. Oleh itu, matlamat awal penubuhan JHEOA yang bermotifkan keselamatan telah berubah kepada usaha untuk menjaga kebajikan, perubatan dan pelajaran terhadap masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, persoalan mengenai keselamatan masih lagi diberi penekanan supaya kepentingan golongan minoriti ini terhadap

---

[64] Hal ini kerana sebelum Perang Dunia Kedua, pihak British telah mengabaikan kumpulan minoriti ini kerana mereka dianggap tidak mempunyai kepentingan dalam bidang ekonomi. Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam Iskandar Carey. Orang Asli Tanah Melayu Dan Masa Depannya,o*p.cit.,* hlm.12. Lihat juga dalam *Berita Harian*. (1985, Jun 26) yang mengatakan bahawa Inggeris memandang rendah dan menganggap Orang Asli sebagai manusia yang masih primitif dan kotor. ...masyarakat Melayu enggan menganggap mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat sendiri. Hal ini kerana mereka mempunyai tanggapan dan prejudis bahawa Orang Asli itu masih kuno, tidak bertamadun dan pengotor.

[65] Iskandar Carey. (1979). The Resettlement of The Orang Asli From A Historical Perspective. *Federation Museums Journal Vol. 24 (New Series)* Kuala Lumpur : Museums Department, Peninsular Malaysia, hlm. 165.

[66] Iskandar Carey. Penempatan Semula Orang Asli Dari Perspektif Pensejarahan, *op.cit.,* hlm. 52. Sila lihat juga dalam Iskandar Carey. *Orang Asli : The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia, op.cit.,* hlm. 313 yang menerangkan bahawa Jabatan mempunyai tanggungjawab terhadap semua hal ehwal dan pentadbiran masyarakat Orang Asli termasuk perkhidmatan dalam bidang perubatan dan pendidikan. Selain itu, kerjasama rapat antara anggota pasukan keselamatan yang bertugas di kawasan kem keselamatan Orang Asli dengan Pembantu Luar banyak membantu dalam usaha untuk mendapatkan kepercayaan serta kerjasama daripada masyarakat Orang Asli. Pasukan keselamatan diberi nasihat oleh Pembantu Luar bagaimana cara untuk menangani masalah dan berdepan dengan masyarakat Orang Asli.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kerajaan British dapat dipelihara. Selain itu, kerajaan British juga turut memperkenalkan satu perundangan yang bertujuan memberi perlindungan kepada masyarakat Orang Asli. Perundangan tersebut telah dibahaskan menerusi satu rang undang-undang di Parlimen menerusi mesyuarat Persekutuan Kuala Lumpur. Menurut akhbar *The Malay Mail:*

> *An 18 point 'Aboriginal Charter' which will ensure that their tribal organisation and way of life shall be protected in Malaya is to be introduced into the next meeting of the Federal Legislative Council in Kuala Lumpur. Known as The Aboriginal People's Ordinance 1953, the bill has been brought about the submitted draft bill to apply to that state only but which will now apply to the whole Federation*[67].

Dato Onn bin Jaafar selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, di dalam ucapannya pada 27 November 1953 pula telah menyatakan bahawa:

> "Orang Asli juga merupakan manusia biasa yang mempunyai perasaan, dan ide utama akta ini ialah untuk memberikan perlindungan kepada mereka sebagai manusia dan bukannya sebagai bahan muzium untuk dipamerkan"[68].

Kebajikan masyarakat Orang Asli akhirnya telah diluluskan melalui satu undang-undang yang dikenali sebagai Akta Orang Asli 1954[69]. Akta ini diperkenalkan untuk memberi perlindungan serta memelihara hak dan kepentingan masyarakat Orang Asli sebagai sebuah masyarakat peribumi di negara ini. Menerusi Akta ini juga, JHEOA mempunyai tanggungjawab sepenuhnya kepada masyarakat

[67] *The Malay Mail*. (1953, 29 Oktober).
[68] *Report of The Proceeding of The Legislative Council Kuala Lumpur at 10 a.m*. (1953, November, 25th, 26th and 27th). Kuala Lumpur : The Government Press, hlm. 1059 - 1060.
[69] Menurut Akta 134, peruntukan mengenai pentadbiran Orang Asli ceraian 4; Pesuruhjaya adalah bertanggungjawab mengenai pentadbiran, kebajikan dan kemajuan am Orang Asli. Yang diPertuan Agong boleh melantik seorang Pesuruhjaya bagi Hal Ehwal Orang Asli dan lain-lain pegawai sebagaimana yang difikirkan perlu bagi maksud-maksud Akta ini dalam ceraian 5 para 1. Lihat dalam *Undang-Undang Malaysia Akta 134, Akta Orang Asli 1954 disemak pada 1974, loc.cit.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Orang Asli. Pembentukan Akta ini menyebabkan sejarah sosiopolitik masyarakat Orang Asli mula berkembang. Kerajaan British buat pertama kalinya secara rasmi telah mengakui tanggungjawab mereka terhadap masyarakat Orang Asli. Oleh itu, pihak kerajaan berusaha untuk mengetahui cara hidup kelompok masyarakat tersebut. Perhatian serius diberikan oleh kerajaan bagi mendapatkan sokongan daripada masyarakat Orang Asli[70]. Sokongan diperlukan bertujuan untuk melumpuhkan gerakan anasir komunis yang menggugat pentadbiran kerajaan.

Perkembangan JHEOA

JHEOA mempunyai kuasa dan bertanggungjawab untuk membawa perubahan terhadap kehidupan masyarakat Orang Asli. Perubahan tersebut berpandukan kepada matlamat kerajaan yang berlandaskan kepada Akta Orang Asli 1954. Akta tersebut berusaha untuk memberi kemajuan dan kesejahteraan hidup kepada mereka. Akta ini diperkenalkan pada 25 Februari 1954[71] dan merupakan satu saluran undang-undang bagi melaksanakan program jabatan.

---

[70] Sila lihat dalam Jimin bin Idris. (1983). Planning and Administration of Development Programmes For Tribal Peoples Center on Integrated Rural Development For Asia and The Pacific (CIRDAP). Kuala Lumpur : Country Report Malaysia, hlm. 39 & 40.

[71] Sila lihat dalam *Undang-Undang Malaysia Akta 134, Akta Orang Asli 1954 disemak pada 1974, op.cit.* hlm. 5. Peruntukan yang terkandung dalam Akta ini ialah mengenai Tajuk Ringkas dan Pemakaian, Tafsiran, Takrif bagi Orang Asli, Pentadbiran Orang Asli, Pentadbiran Pesuruhjaya dan Timbalan-timbalan Pesuruhjaya, Kawasan Orang Asli, Rizab Orang Asli, Hak-hak Menduduki, Transaksi Mengenai Tanah oleh Orang Asli, Masyarakat Orang Asli Tidak Berkewajipan Meninggalkan Kawasan-kawasan yang diisytiharkan Rizab Orang Melayu dll, Pampasan Apabila Tanah Kerajaan Yang Dikhasnya Ada Hidup Pokok Buah-buahan, atau Pokok Getah Diberimilik, Pampasan, Pengambilan Paksa Tanah Untuk Kawasan Atau Rizab Orang Asli, Orang-orang Dilarang Masuk Atau Berada Dalam Kawasan-Kawasan Orang Asli dan Rizab Orang Asli, Memindahkan Orang-Orang Yang Tidak Diingini, Ketua, Orang Asli Tidak Boleh Dihalang Daripada Belajar Di Mana-Mana Sekolah, Kanak-kanak Orang Asli Tidak Boleh Diambil Sebagai Anak Angkat dsbnya dan Peraturan-Peraturan. Antara yang terkandung dalam Peraturan-peraturan ialah seperti melarang kemasukan sebarang jenis bahan bertulis atau bercetak di kawasan Orang Asli dan larangan minuman beralkohol dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pengenalan Akta ini merupakan satu titik perkembangan kepada sejarah sosiopolitik masyarakat Orang Asli di negara ini. Kerajaan British mula memberi perhatian yang sewajarnya kepada mereka. Akta ini merupakan suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan, kesentosaan dan kemajuan Orang Asli di Malaysia Barat[72]. Akhirnya, menjelang tahun 1954 JHEOA berjaya memainkan peranannya sebagai sebuah jabatan yang berkesan dalam menjaga kebajikan dan hal ehwal masyarakat Orang Asli.

Kejayaan diperolehi kerana Akta Orang Asli 1954 dijadikan sebagai garis panduan kepada JHEOA untuk menjalankan tanggungjawab sebagai nadi penggerak dalam mentadbir masyarakat Orang Asli. Pesuruhjaya Orang Asli[73] yang pertama ialah R.O.D Noone[74] dan Timbalan Pesuruhjaya Orang Asli ialah Dr. Iskandar Carey. Pentadbiran JHEOA berkembang dengan cepat kerana dalam tempoh dua bulan, bilangan pegawai yang berkhidmat meningkat daripada 10 orang kepada 200 orang[75].

Pentadbirannya adalah mengikut negeri yang diketuai oleh Pelindung Orang Asli. Keadaan ini menyebabkan banyak kelemahan dan kesukaran yang dialami

---

[72] Jimin bin Idris. Planning and Administration of Development Programmes For Tribal Peoples Center on Integrated Rural Development For Asia and The Pacific, *opcit.*, hlm. 40.

[73] Yang diPertuan Agong boleh melantik seorang Pesuruhjaya bagi Hal Ehwal Orang Asli dan beberapa Timbalan Pesuruhjaya bagi Hal Ehwal Orang Asli dan lain-lain pegawai sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud Akta ini. Sila lihat dalam *Undang-Undang Malaysia Akta 134, Akta Orang Asli 1954 disemak pada 1974*, *loc.cit.*

[74] R.D.Noone lebih dikenali sebagai Dick Noone dan merupakan adik kepada Pat Noone yang berkelulusan daripada Universiti Cambridge dalam bidang Antropologi serta mempunyai pengalaman mengenai Tanah Melayu dan Orang Asli. Sewaktu Dick Noone menjadi Penasihat Orang Asli, beliau banyak membawa perubahan dan perkembangan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli terutama bagi negeri Pahang. Kerajaan Negeri Pahang telah melantik Mr. Howard sebagai Pelindung Orang Asli yang bekerja separuh masa kerana pada masa yang sama, beliau juga bertugas sebagai Pegawai Kebajikan Negeri. Sila lihat dalam Iskandar Carey. *Orang Asli : The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, *op.cit.*, hlm. 292 dan 293. Dennis Holman. *Noone of The Ulu*, *op.cit.*, hlm. 48 pula menerangkan bahawa Dick Noone telah berusaha untuk membantu Orang Asli dengan mewujudkan sebuah jabatan yang lengkap. Pada ketika itu Jabatan Orang Asli bertempat di Muzium Kuala Lumpur dan sewaktu beliau menerima jawatan sebagai Penasihat Orang Asli selepas beberapa bulan kematian William Hunt, beliau hanya mewarisi tiga buah meja dan kerusi, sebuah mesin taip, peta Tanah Melayu, kabinet tempat menyimpan alat-alat dan sebuah telefon yang berkongsi dengan Kurator Muzium.

[75] Sila lihat dalam Iskandar Carey. Penempatan Semula Orang Asli, *op.cit.*, hlm. 54.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI P

kerana pentadbiran JHEOA tidak diselaraskan[76]. Ketiadaan penyelarasan antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat menyebabkan kerajaan British beranggapan bahawa tanggungjawab untuk mentadbir masyarakat Orang Asli harus dipikul oleh kerajaan negeri masing-masing[77].

Namun begitu, setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 ogos 1957, pihak kerajaan berada dalam dilema samada hendak meneruskan atau memberhentikan pentadbiran JHEOA. Keadaan ini berlaku kerana matlamat asal penubuhan JHEOA adalah seperti berikut:

> *In 1954 the Jabatan Hal Ehwal Orang Asli was established; its sole task was to spearhead the Government's move to eliminate CT influence among the Orang Asli and to win them over to the side of the Government*[78].

Iskandar Carey pula menegaskan bahawa:

> *It is only now, since our country has become independent, that a consistent and thorough effort is being made to give the Orang Asli a place in the sun...The main task of our department today is to administer the Orang Asli and to look after their social and medical welfare, to provide education facilities, and to extend to them the benefits of a modern Government generally*[79].

---

[76] Negeri Pahang mempunyai seorang Pelindung Orang Asli dan tiga orang Pegawai Luar Orang Asli. Negeri Perak pula, terdapat seorang Pelindung Orang Asli dan dua orang Pegawai Luar manakala Negeri Kelantan hanya mempunyai dua orang Pegawai Perhubungan yang terdiri daripada Orang Temiar. Sila lihat dalam Dennis Holman. *Noone of The Ulu, op.cit.,* hlm. 149. Iskandar Yusof Carey. Orang Asli Tanah Melayu Dan Masa Depannya. *op.cit.,* hlm. 1 pula menerangkan bahawa pada peringkat awal skop kerja di Pejabat Orang Asli sangat terhad, tetapi dengan tercapainya kemerdekaan keadaan ini telah bertukar dan Orang Asli telah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

[77] Sila lihat dalam Azizah bt Abdul Rahman. (1986/1987). *Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Sejarah Penubuhan dan Kejayaannya 1954 - 1980.* (Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986/1987), hlm. 62.

[78] Baharom Azhar bin Raffie'I. The New World of The Orang Asli, *op.cit.*, hlm.1.

[79] Iskandar Carey. (t.t). The Malayan Orang Asli and Their Future 1960-1969. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 1 & 9.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Akhirnya, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk menjadikan JHEOA sebagai sebuah Jabatan Tetap. Keputusan tersebut diambil memandangkan pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli masih lagi jauh ketinggalan. Kerajaan mendapati persoalan mengenai masyarakat Orang Asli masih menjadi perkara utama. Oleh itu, usaha yang dilakukan untuk membawa kemajuan serta pembangunan kepada masyarakat Orang Asli perlu diteruskan. Tindakan dan keputusan yang diambil oleh kerajaan Persekutuan merupakan satu perkembangan positif kepada masyarakat Orang Asli. Mereka menjadi tanggungjawab kerajaan Persekutuan sepenuhnya dan JHEOA diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri[80].

Kerajaan Persekutuan telah mengisytiharkan satu panduan mengenai pentadbiran terhadap masyarakat Orang Asli bagi merealisasikan hasrat JHEOA. Panduan tersebut dikenali sebagai *Statement of Policy Regarding The Administration of The Orang Asli of Peninsular Malaysia.* Tujuan panduan ini diperkenalkan adalah untuk membangun dan memajukan kehidupan masyarakat Orang Asli. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli adalah merupakan golongan Bumiputera di Tanah Melayu[81]. Sehubungan itu, mereka berhak untuk menikmati segala peluang dan kemudahan yang ada sama seperti Bumiputera yang lain. Panduan ini mengandungi beberapa dasar.

[80] Jimin bin Idris. Planning and Administration of Development Programmes, *op.cit.*, hlm. 41.

[81] JHEOA merupakan sebuah jabatan yang berperanan sebagai sebuah badan yang mengawal dan menjaga kepentingan masyarakat Orang Asli di negara ini kerana mereka merupakan masyarakat yang berada di Tanah Melayu sejak beribu-ribu tahun lamanya. Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam Iskandar Carey. Orang Asli Tanah Melayu Dan Masa Depannya, *op.cit.*, hlm. 13. Lihat juga dalam Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dasar Kerajaan Berkenaan Dengan Pentadbiran Orang Asli di Semenanjung Malaysia, *op.cit.*, hlm 2. Lihat juga dalam Malaysia, Kementerian Dalam Negeri Malaysia. Panduan Tugas Pembangunan Orang Asli di Dalam Masyarakat Malaysia Moden, *loc.cit.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dasar tersebut ialah Dasar Pelajaran, Dasar Kesihatan Umum, Dasar Pertanian dan Hutan dan Dasar Keselamatan Orang-Orang Asli[82].

Penyelarasan JHEOA di seluruh negara telah memberi peluang kepada bahagian pentadbiran jabatan untuk mentadbir dengan lebih sistematik dan efektif. Justeru, pihak jabatan telah membentuk sebuah organisasi baharu yang mempunyai bilangan kakitangan yang lebih ramai. Ketua Jabatan yang dikenali sebagai Penasihat Hal Ehwal Orang Asli ditukarkan gelarannya kepada Pesuruhjaya Hal Ehwal Orang Asli[83]. Pesuruhjaya tersebut menjalankan pentadbirannya dengan dibantu oleh Timbalan Pesuruhjaya Jabatan.

Matlamat dan fungsi JHEOA yang semakin bertambah adalah bertujuan meningkatkan taraf sosial dan ekonomi masyarakat Orang Asli. Matlamat tersebut dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada usaha untuk melindungi institusi, adat resam, cara hidup, individu, harta benda dan tenaga buruh masyarakat Orang Asli. Tujuannya adalah untuk menyatupadukan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat nasional. Di samping itu, JHEOA turut berusaha untuk menghalang kegiatan anasir subversif yang anti-nasional daripada menyerap masuk ke dalam kelompok masyarakat Orang Asli. Selain itu, JHEOA terus berusaha untuk menghapuskan sebarang prasangka dan prejudis terhadap kerajaan. Usaha tersebut disalurkan melalui pemupukan semangat masyarakat Orang Asli supaya bersedia melibatkan diri sepenuhnya dengan dasar kerajaan. Justeru, matlamat dan hasrat negara dapat dicapai[84].

---

[82] Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. Dasar Kerajaan Berkenaan Dengan Pentadbiran Orang Asli di Semenanjung Malaysia, *op.cit.*, hlm. 5-8

[83] Iskandar Carey. *Orang Asli : The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia, op.cit.*, hlm. 296. Lihat juga dalam *Undang-Undang Malaysia Akta 134, Akta Orang Asli 1954 disemak pada 1974*, *op.cit.*, hlm. 7 ceraian 4 & 5.

[84] Malaysia, Kementerian Pertanian dan Tanah. (t.t). Laporan Tahunan 1971 - 1972. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 4.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Matlamat dan fungsi JHEOA telah dibahagikan kepada enam bahagian. Bahagian tersebut ialah Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pelajaran, Bahagian Perubatan, Bahagian Pembangunan, Bahagian Penyelidikan dan Perancangan serta Bahagian Perhubungan dan Gerakan[85]. Setiap bahagian yang ditubuhkan diberikan program yang dirancang oleh JHEOA. Tujuannya adalah untuk memberi peluang kepada semua masyarakat Orang Asli agar mereka dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Pelbagai program dilaksanakan oleh pihak JHEOA dalam tempoh sepuluh tahun iaitu antara tahun 1971-1980. Program yang dirancang adalah selaras dengan pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Menerusi DEB, JHEOA telah memperkenalkan satu rancangan pengumpulan dan pemindahan masyarakat Orang Asli. Rancangan tersebut dikenali sebagai Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli. Menerusi RPS tersebut, masyarakat Orang Asli diberi peluang dan kesempatan untuk memajukan diri sebagai penduduk peribumi dan warganegara Malaysia yang sah sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan dan Rukun Negara.

JHEOA Negeri Pahang

Latar Belakang

Pahang merupakan antara negeri yang mempunyai masyarakat Orang Asli yang ramai bilangannya. Oleh kerana kawasan kajian ialah di Runchang yang merupakan sebuah

[85]Baharom Azhar bin Raffie. (1976, November). Struktur Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia. *Nong Pai.* Jilid 6 (9). Kuala Lumpur : Unit Penerbitan Penyelidikan dan Perancangan JHEOA, hlm. 6.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kawasan yang letaknya di Pahang, maka wajarlah latar belakang mengenai masyarakat Orang Asli di sini dijelaskan.

Pahang mempunyai seramai 24,693 orang masyarakat Orang Asli. Jumlah tersebut adalah terdiri daripada 4,092 buah keluarga daripada sembilan buah daerah. Daerah tersebut ialah Bentong, Kuantan, Jerantut, Cameron Highlands, Raub, Temerloh / Maran, Pekan, Rompin dan Lipis. Terdapat sebanyak 211 buah perkampungan masyarakat Orang Asli bagi daerah tersebut. Pecahan bilangan masyarakat Orang Asli mengikut daerah dapat dilihat dalam jadual 2.1 berikut.

Jadual 2.1
Pecahan Bilangan Masyarakat Orang Asli Mengikut Daerah

Bil	Daerah	Bil. Kampung	Bil. Kelamin	Jum. Penduduk (Orang)
1	Bentong	11	179	1115
2	Kuantan	6	120	595
3	Jerantut	11	346	1489
4	C. Highland	23	384	2125
5	Raub	17	328	1434
6	Temerloh / Maran	23	793	4022
7	Pekan	17	795	4211
8	Rompin	36	923	4449
9	Lipis	26	1070	5253

Sumber: dipetik daripada Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1985, September 24). Persembahan Taklimat Pembangunan Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Pos Betau, Pahang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Kuala Lipis : [tiada data penerbitan], hlm. 1.

JHEOA negeri Pahang telah ditubuhkan pada 31 Disember 1954. Jabatan tersebut ditubuhkan kerana Pahang mempunyai bilangan masyarakat Orang Asli yang ramai. Pentadbiran JHEOA ini ditadbir oleh seorang Pelindung Orang Asli dan seramai sepuluh orang Penolong Pelindung Orang Asli serta 42 orang Pengurus Orang Asli. Pengurus Orang Asli merupakan mereka yang dilatih untuk bertugas di kem-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI P

kem hutan[86]. Selain itu, mereka juga bekerjasama dan mempunyai hubungan rapat dengan Pasukan Polis Hutan dalam melaksanakan tugas di kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli[87].

Seterusnya, satu bentuk penyelarasan diperkenalkan dalam pentadbiran JHEOA di seluruh Tanah Melayu setelah negara mencapai kemerdekaan. Penyelarasan tersebut menyebabkan negeri yang mempunyai ramai bilangan masyarakat Orang Asli mempunyai sebuah pejabat. Pejabat tersebut digunakan untuk memberi kemudahan kepada JHEOA menjalankan pentadbiran bagi peringkat Negeri/Cawangan. Oleh itu, Pahang telah mempunyai sebuah pentadbiran di peringkat Negeri/Cawangan. Manakala JHEOA Terengganu[88] pula digabungkan pentadbirannya dengan negeri Pahang kerana bilangan masyarakat Orang Asli di negeri tersebut tidak ramai.

Pentadbiran Negeri/Cawangan Pahang dan Terengganu telah diketuai oleh seorang Pelindung Orang Asli yang bertindak sebagai Pengarah Hal Ehwal Orang Asli Cawangan Pahang dan Terengganu. Pejabat pentadbirannya ialah di Kuala Lipis. Pengarah Hal Ehwal Orang Asli Cawangan Pahang dan Terengganu telah dibantu oleh empat orang Penolong Pelindung Orang Asli. Pengarah tersebut bertanggungjawab terhadap hal ehwal pentadbiran Orang Asli bagi daerah Kuala Lipis, Temerloh,

---

[86] Kem hutan ialah kem keselamatan yang dibina oleh British semasa berlakunya darurat di kawasan yang mempunyai ramai bilangan masyarakat Orang Asli dan pihak pengganas. Kem tersebut dikawal oleh pasukan keselamatan iaitu Pasukan Polis Hutan. Untuk keterangan lanjut, sila lihat dalam Malcom Postgate. (1999). *Operation Firedog : Air Support in The Malayan Emergency 1948-1960.* London : Ministry of Defence Air Historical Branch RAF, hlm.10. Lihat juga dalam Iskandar Carey. Penempatan Semula Orang Asli dari Perspektif Pensejarahan, o*p.cit.,* hlm. 52. Seterusnya lihat juga dalam Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. (1970). Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli di Kawasan Titiwangsa. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 2.

[87]Federation of Malaya : State of Pahang. (1955). *Annual Report For The Year 1954.* Kuala Lumpur : Government Press, hlm. 253.

[88] Pentadbiran Hal Ehwal Orang Asli Negeri Terengganu kemudian diserahkan pula kepada pentadbiran Cawangan Kelantan mulai 1 Januari 1980. Sila lihat dalam LKPT SULIT:6083/PB JHEOA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Rompin dan Kuantan[89]. Pada ketika itu Kuala Lipis ialah ibu negeri Pahang dan kemudian Kuantan pula dijadikan sebagai ibu negeri Pahang[90]. Perubahan ibu negeri ini menyebabkan semua pentadbiran termasuk pentadbiran JHEOA turut berpindah ke Kuantan. Pejabat JHEOA Pahang telah ditempatkan di Tingkat 5, Wisma Persekutuan, Jalan Gambut, 25000 Kuantan dan pejabat JHEOA tersebut kekal sehingga kini.

Pentadbiran JHEOA di Pahang kemudian telah diperluaskan sehingga ke seluruh negeri Pahang. Pentadbirannya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pentadbiran Bahagian Pahang Barat dan pentadbiran Bahagian Pahang Tenggara[91]. Pentadbiran Bahagian Pahang Barat meliputi daerah Lipis, Raub, Bentong, Jerantut, Cameron Highland dan Temerloh. Pentadbiran bahagian Pahang Tenggara[92] pula

---

[89] Sila lihat dalam Malaysia, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. (1973). Rang Anggaran Perbelanjaan. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 49-50.

[90] Ibu negeri Pahang dipindahkan dari Kuala Lipis ke Kuantan pada tahun 1955. Antara faktor berlakunya perpindahan ini kerana bentuk muka bumi yang berbukit bukau, jauh dan sukar untuk dihubungi. Selain itu, tragedi banjir besar yang berlaku pada tahun 1926 telah hampir menenggelamkan bandar Kuala Lipis. Untuk keterangan lebih lanjut, sila lihat dalam Mustafa bin Mahmud Mat. (1999). *Tinggal Kenangan Memoir Dato' Sir Mahmud Mat*. (Terj. Amilah Abd. Rahman, Nor Azman Shehidan, Zaleha Ismail). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

[91] Namun begitu, pentadbiran JHEOA Cawangan Pahang Tenggara dan Cawangan Pahang Barat telah dicantumkan dan menjadi satu pentadbiran yang dikenali sebagai pentadbiran 'Cawangan Pahang'. Ibu pejabat Cawangan ini ialah di Kuantan. Percantuman ini dilakukan kerana memandangkan beberapa perkembangan yang berlaku daripada segi:

i. menggelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang berlaku di beberapa daerah berkaitan pentadbiran Jabatan.
ii. menyelaraskan pentadbiran daripada segi tindakan keselamatan, pembangunan sosial dan ekonomi dan lain-lain.
iii. bersesuaian dengan langkah jabatan ini kerana menyerahkan pentadbiran Hal Ehwal Orang Asli Negeri Terengganu kepada Cawangan Kelantan mulai 1 Januari 1980. Sila lihat dalam LKPT SULIT: 6083 / PB JHEOA.

[92] Kawasan Pahang Tenggara merupakan sebuah kawasan yang dikendalikan oleh pihak DARA bersama dengan JHEOA Pahang. DARA ditubuhkan pada 14 September 1972 melalui Akta Parlimen 68/72 yang berfungsi sebagai:

i. memajukan, menggalakkan, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosial dalam kawasan Pahang Tenggara.
ii. memajukan, menggalakkan, membantu dan mengusahakan pembangunan pusat penempatan, pertanian, perusahaan dan perdagangan dalam kawasan Pahang Tenggara.
iii. mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan kegiatan seperti di atas dalam kawasan Pahang Tenggara. Sila lihat dalam Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara. (1995). Laporan Tahunan. [tiada data penerbitan], hlm. 9. Lihat juga dalam Malaysia, Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah. (1989, Ogos). Pembangunan Orang Asli : Integrasi dalam Pembangunan Pahang Tenggara Melalui Rancangan Pengumpulan Semula. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah : Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, hlm.1 yang menerangkan bahawa pada masa ini dianggarkan terdapat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

meliputi daerah Pekan, Rompin, Maran dan Bera[93]. Pelan Induk Rancangan Pembangunan Wilayah Pahang Tenggara mengakui bahawa kemajuan masyarakat Orang Asli di kawasan Pahang Tenggara adalah satu perkara yang khusus perlu diberi perhatian serius oleh Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara. Hal ini kerana sebanyak 11% daripada penduduk di wilayah ini terdiri daripada masyarakat Orang Asli. Oleh itu, proses pembangunan dan perbandaran telah memberi impak kepada masyarakat Orang Asli sama ada secara negatif atau positif, secara langsung ataupun tidak langsung[94]. Pelaksanaan DEB bertujuan memperbaiki keadaan hidup golongan Bumiputera.

Pentadbiran JHEOA Pahang mempunyai sebuah pejabat di semua daerah kecuali daerah Bera. Pentadbiran daerah tersebut diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Orang Asli Daerah. Pegawai ini dibantu oleh Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat. Namun begitu, tidak semua daerah menerima jawatan penolong tersebut. Hanya empat daripada sembilan daerah yang menerima jawatan tersebut. Daerah yang terlibat ialah Kuantan, Cameron Highland, Temerloh / Maran, Pekan, Rompin dan Kuala Lipis. Daerah Bentong, Jerantut, dan Raub pula pentadbirannya diketuai oleh Pembantu Pembangunan Masyarakat.

---

kira-kira 2,573 buah keluarga atau seramai 12,629 orang penduduk Orang Asli yang tinggal di kawasan Pahang Tenggara. Penempatan mereka adalah berjauhan antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain di 93 buah kampung. Mereka telah menduduki kawasan ini sebelum Wilayah Pahang Tenggara dibangunkan pada tahun 1972.

[93] Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2005). Sejarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Unit Penyelidikan dan Penerangan, hlm. 1.

[94] Lihat dalam LKPT 4041/PTL/2; Kemajuan Sosial Orang Asli Dalam Wilayah Pahang Tenggara.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI P

Carta Organisasi

Ibu pejabat JHEOA Pahang diterajui oleh seorang Pengarah yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada Ketua Pengarah Hal Ehwal Orang Asli Malaysia. Beliau dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah dan empat orang Penolong Pengarah dan masing-masing bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja Program Sokongan Perancangan dan Pembangunan serta Khidmat Kesihatan dan Perubatan[95]. Rujuk carta 2.2 iaitu Carta Organisasi JHEOA negeri Pahang pada halaman berikut.


Objektif JHEOA Negeri Pahang adalah untuk:

i. mengurang dan membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli.
ii. meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli.
iii. meningkatkan tahap kesihatan masyarakat Orang Asli.
iv. membentuk jati diri masyarakat Orang Asli dan berakhlak mulia.
v. memelihara dan menggalakkan unsur-unsur kebudayaan dan kesenian masyarakat Orang Asli.
vi. meningkatkan penyertaan masyarakat Orang Asli dalam sektor perindustrian dan perdagangan.
vii. meningkatkan kewibawaan, kecekapan dan keberkesanan organisasi[96].

[95] Sila lihat dalam Pekan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Fail Meja Pembantu Pentadbiran dan Personel RPS Runchang. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Pembangunan Masyarakat.
[96] Sila lihat dalam Pekan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Fail Meja Pembantu Pembangunan Masyarakat RPS Runchang. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Penyelidikan dan Penerangan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Carta 2.2
Carta Organisasi
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
Negeri Pahang



Sumber: dipetik daripada Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli RPS Runchang Pekan. (t.t). [tiada data penerbitan].

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Fungsi Utama JHEOA.

Fungsi utama JHEOA Negeri Pahang adalah sama seperti fungsi Ibu Pejabat di Kuala Lumpur. Persamaan ini adalah kerana setiap pengurusan dan segala perancangan yang dilaksanakan adalah mengikut arahan daripada Ibu Pejabat. Arahan ini diberikan kepada bahagian pejabat di peringkat Cawangan/Negeri yang mempunyai pejabat pentadbiran JHEOA. Peringkat Cawangan/Negeri pula menyampaikan maklumat tersebut kepada pusat pentadbiran daerah dan seterusnya kepada kawasan perkampungan. Pentadbiran yang dilaksanakan adalah mengikut struktur program dan program tersebut adalah seperti berikut:

Program A - Khidmat Sokongan.

Program B - Perancangan dan Pembangunan.

Program C - Khidmat Kesihatan dan Perubatan.

Setiap program ini mempunyai fungsinya yang tersendiri. Tujuannya adalah untuk memudahkan pihak jabatan melaksanakan kerja dengan cekap, tepat dan berkesan. Fungsi tersebut adalah seperti berikut:

i. program A (Khidmat Sokongan).

A1 - Pentadbiran dan Personel.

A2 - Kewangan dan Bekalan.

A3 - Perhubungan dan Pengangkutan.

ii. program B (Khidmat Perancangan dan Pembangunan).

B1 - Pembangunan Sosio-Ekonomi.

B2 - Penyelidikan dan Penerangan.

B3 - Latihan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

iii. program C (Khidmat Kesihatan dan Perubatan).

a. C1 - Kesihatan dan Perubatan[97].

JHEOA Daerah Pekan

JHEOA daerah Pekan telah ditubuhkan pada tahun 1957 iaitu selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Pada peringkat awal penubuhannya, jabatan ini tidak mempunyai pejabatnya sendiri. Hal ini kerana daerah Pekan tidak mempunyai prasarana yang mencukupi dan sesuai untuk dijadikan pejabat JHEOA. Oleh itu, JHEOA terpaksa berkongsi pejabat dengan Pejabat Pertanian daerah Pekan. Selepas itu, pada tahun 1973 pejabat JHEOA telah berpindah lokasi tetapi masih lagi berkongsi pejabat. Bermula pada tahun ini JHEOA telah berkongsi pejabat dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah Pekan. Pejabat ini bertempat di tingkat tiga Pejabat Daerah Pekan. Setelah beberapa tahun berkongsi pejabat dengan jabatan lain akhirnya JHEOA telah berjaya memperolehi pejabatnya sendiri. Pejabat tersebut diperolehi pada tahun 1977 dan bertempat di bangunan Tabung Haji Pekan[98].

Pada peringkat awal hanya seorang pegawai yang bertugas di JHEOA selaku Pengurus Hal Ehwal Orang Asli. Kemudian seorang lagi pegawai JHEOA dilantik pada tahun 1970. Pegawai tersebut bertanggungjawab menjalankan perkhidmatan di bahagian perubatan. Seterusnya, pada tahun 1972 seorang lagi pegawai telah

[97] *Ibid.*, hlm. 8 - 9.
[98] Sila lihat dalam Ali bin Bakar. (t.t). Sejarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Jabatan Hal
Ehwal Orang Asli : Unit Penyelidikan dan Penerangan, hlm. 2.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID


N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ditugaskan di JHEOA daerah Pekan[99]. Rujuk carta 2.3 dan 2.4 iaitu mengenai Carta Organisasi JHEOA daerah bagi negeri Pahang dan daerah Pekan.

[99] Menurut En. Zahari bin Ab. Razak hanya terdapat dua buah meja sahaja sewaktu JHEOA ini berkongsi pejabat dengan Pejabat Pertanian. Sebuah meja yang menguruskan bahagian pentadbiran dan sebuah lagi menguruskan bahagian perubatan. Pegawai yang menguruskan bahagian pentadbiran ialah Encik Mohamad Noor bin Ibrahim manakala bahagian Perubatan pula diuruskan oleh Encik Ismail bin Derahman. Encik Ismail bin Derahman merupakan seorang pegawai perubatan yang sebelum ini berkhidmat di Hospital Gombak Kuala Lumpur. Encik Zahari bin Ab. Razak yang baru memulakan tugas di JHEOA pada tahun 1972 bertanggungjawab menjaga alat semboyan iaitu menggunakan alat komunikasi radio untuk menghubungi kawasan pedalaman di daerah Pekan. Keterangan pada 6 September 2007.


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Carta 2.3
Struktur Organisasi
Pejabat Hal Ehwal Orang Asli Daerah : Negeri Pahang



Sumber: dipetik daripada JHEOA. RPS.R.A1.JLD2.001; Pentadbiran Am.

Carta 2.4
Pegawai Hal Ehwal Orang Asli Daerah Pekan



Sumber: dipetik daripada RPS.R.A1.JLD2.001; Pentadbiran Am.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

JHEOA RPS Runchang

Kerajaan Negeri Pahang telah menubuhkan pejabat RPS Runchang yang terletak dalam Mukim Bebar daerah Pekan pada tahun 1986. Pada peringkat awal penubuhannya, pihak JHEOA daerah Pekan telah menempatkan seramai 10 orang kakitangan yang diketuai oleh seorang Pengurus Rancangan termasuk kakitangan daripada Kementerian Kesihatan. Senarai kakitangan adalah seperti berikut:

i. Pengurus Rancangan - 1 orang
ii. Pembantu Luar - 3 orang
iii. Jururawat Masyarakat - 1 orang
iv. Pemaju Masyarakat - 1 orang
v. Pembantu Masyarakat - 1 orang
vi. Pemandu - 1 orang
vii. Pekerja Am (Sementara) - 2 orang[100]

Struktur Organisasi mengenai RPS Runchang adalah seperti dalam carta 2.5 berikut. Pengurus Rancangan bersama dengan kakitangannya merupakan ejen terpenting yang memainkan peranan untuk menguruskan hal ehwal berkaitan kehidupan masyarakat Orang Asli supaya mereka berkembang maju dan dapat diintegrasikan ke dalam masyarakat Malaysia dan dunia.

Pentadbiran terhadap golongan minoriti ini berjalan dengan sempurna kerana terdapat penyelarasan pentadbiran JHEOA di antara kerajaan Persekutuan, negeri dan daerah. JHEOA dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan sempurna dalam usaha untuk menjaga dan melindungi serta memberi khidmat kebajikan kepada masyarakat Orang Asli. JHEOA telah menjadi sebagai sebuah badan perantaraan

[100] Sila lihat dalam JHEOA. RPS.R.A1.JLD2.001; Pentadbiran Am.


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

antara masyarakat Orang Asli dengan agensi pembangunan seperti Pembangunan Pahang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Carta 2.5
Carta Organisasi
RPS Runchang



Sumber : dipetik daripada Pekan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Fail Meja Pembantu Pentadbiran dan Personel RPS Runchang. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Pembangunan Masyarakat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Tenggara di negeri Pahang. Pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara sentiasa bekerjasama dengan JHEOA Pahang dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan terhadap masyarakat Orang Asli.

Keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli dapat dilihat apabila JHEOA mula menerima peruntukan menerusi Rancangan Malaya Kedua (1961 – 1965) yang berjumlah sebanyak $2.59 juta. Peruntukan tersebut adalah untuk menyediakan kemudahan kesihatan dan pendidikan bagi masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaya 1 (1956 – 1960) kerajaan Persekutuan tidak memberi peruntukan kerana JHEOA berada di bawah pentadbiran Kebajikan Masyarakat. Hal ini kerana dalam tempoh tersebut Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab untuk menguruskan pentadbiran JHEOA. Seterusnya, dalam tempoh 25 tahun iaitu dari Rancangan Malaysia Pertama sehingga berakhir Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan yang telah diluluskan untuk projek pembangunan ialah sebanyak RM 118,967,000[101]. Pihak kerajaan terus memberikan peruntukan kepada JHEOA supaya projek pembangunan dan pemodenan terhadap masyarakat Orang Asli dapat mencapai matlamat sepertimana yang terkandung dalam DEB[102].

JHEOA telah beroperasi selama lebih kurang 45 tahun (1954 – 1999) sebagai sebuah badan yang menjaga kepentingan masyarakat Orang Asli dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Biarpun ada kepayahan dalam membangunkan golongan minoriti ini, namun JHEOA tetap berusaha supaya golongan minoriti ini mampu

[101] Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam Yahya bin Haji Awang. *Penilaian Semula Program Pembangunan Orang Asli dari Perspektif Jabatan Hal Ehwal Orang Asli*, *op.cit.*, hlm. 5 - 6.

[102] Salah satu matlamat dalam DEB adalah untuk membentuk satu masyarakat perusahaan dan perniagaan Melayu atau daripada keturunan Asli. Hal ini bertujuan supaya mereka dapat memiliki dan mengurus sekurang-kurangnya 30% daripada semua kegiatan-kegiatan perniagaan dan perusahaan dalam pelbagai bidang dan peringkat keluasan. Sila lihat dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1976). Intisari Rancangan Malaysia Ketiga. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 4.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

melakukan perubahan dalam kehidupan seiring dengan pembangunan negara yang semakin pesat. Walau bagaimanapun, perubahan yang dialami oleh mereka adalah secara evolusi. Keadaan ini dapat digambarkan seperti berikut:

> "Usaha mengubah corak kehidupan Orang Asli mengikut arus pembangunan sosial dewasa kini bermula sedikit-sedikit selepas merdeka. Sebelum merdeka, Orang Asli banyak bergantung pada mata pencarian menangkap ikan, memburu dan mencari hasil hutan. Amalan mereka juga bergantung sepenuhnya pada kepercayaan animisme. Tiada langsung tanda-tanda kemodenan menghiasi kehidupan mereka. Perkara ini berlarutan sehingga zaman dharurat"[103].

Perkembangan tersebut berlaku setelah JHEOA melakukan perancangan yang rapi tanpa menjejaskan adat resam dan kebudayaan mereka.

Walaupun masyarakat Orang Asli kurang pengetahuan dalam memahami aspek pembangunan, namun peranan mereka dalam aspek keselamatan sangat membantu keselamatan negara. Hal ini kerana peranan mereka sebagai tulang belakang kepada keselamatan negara mampu menumpaskan pasukan komunis melalui pasukan Senoi Praaq[104]. Kejayaan pasukan ini kerana peranan mereka sebagai mata dan telinga kepada kerajaan ekoran daripada kepakaran mereka mengenai selok belok di dalam hutan. Tanpa mereka ancaman daripada pihak komunis menjadi lebih serius kepada kerajaan.

---

[103] *Berita Harian*,. (1983, Mei 4)

[104] Bagi menghalang orang-orang Asli daripada dipengaruhi oleh anasir komunis, Ketua Jabatan Orang Asli, R.O.D Noone telah menubuhkan satu pasukan untuk memerangi propaganda PKM terhadap masyarakat Orang Asli iaitu pasukan Senoi Praaq pada Mei 1956. Pasukan ini terdiri daripada pemuda Orang Asli yang memiliki kebolehan istimewa yang diwarisi dari generasi ke generasi kerana kepakaran mereka dengan selok belok di dalam hutan. Keistimewaan yang dimiliki ini memudahkan mereka menjejaki dan menghapuskan pihak komunis. Pada awal penubuhannya, hanya sepuluh orang masyarakat Orang Asli yang menganggotai pasukan ini dan dibekalkan dengan senjata api serta sepuluh butir peluru. Mereka diarahkan masuk ke dalam hutan dengan tujuan untuk memburu komunis. Setelah PKM meletakkan senjata pada 2 Disember 1989, Pasukan Senoi Praaq kemudian telah diletakkan dalam Pasukan Polis Hutan (PPH). Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam Mohd. Reduan Haji Aslie, PPP dan Mohd. Redzuan Ibrahim, Insp. (1984). *Polis Diraja Malaysia, Sejarah, Peranan dan Cabaran.* Kuala Lumpur : Kumpulan Karangkraf, hlm. 229 - 301 dan *The Malay Mail.* (1957, Julai 19).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 3

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN KE ATAS ORANG ASLI DI RUNCHANG, PAHANG

Masyarakat Orang Asli merupakan sebuah kelompok masyarakat yang mengharungi kehidupan dalam kategori kemiskinan tegar. Kemiskinan tersebut diwarisi secara turun temurun kerana kehidupan yang jauh ketinggalan daripada arus pembangunan negara. Fenomena ini menyebabkan mereka mengalami ketidaksamaan dalam sosioekonomi dan mendepani masa depan yang tidak menentu. Oleh itu, pihak kerajaan menerusi JHEOA telah memperkenalkan satu rancangan pembangunan kepada kumpulan masyarakat tersebut supaya taraf kehidupan mereka dapat dipertingkatkan dan tidak terpinggir daripada arus pemodenan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Program Rancangan RPS Wilayah Pahang Tenggara

Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara (DARA)[105] merupakan sebuah Badan Berkanun yang bertanggungjawab menyediakan satu Pelan Induk Rancangan Pembangunan Wilayah Pahang Tenggara[106]. Pelan Induk tersebut menggariskan bahawa kemajuan masyarakat Orang Asli di kawasan Pahang Tenggara merupakan satu perkara khusus yang perlu diberi perhatian berat oleh pihak DARA. Wilayah tersebut mempunyai 88 buah perkampungan masyarakat Orang Asli. Kawasan yang terlibat ialah daerah Rompin, Pekan dan Temerloh. Daerah Rompin mempunyai kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli sebanyak 40 buah, daerah Pekan sebanyak 35 buah dan 13 buah dalam daerah Temerloh. Pada umumnya masyarakat Orang Asli berkampung di kawasan ladang tanaman dalam Wilayah Pahang Tenggara dengan unit keluarga yang kecil bilangannya. Jumlah penduduk yang terdapat dalam Wilayah dianggarkan seramai lebih kurang 10,000 orang yang terdiri daripada 2,135 buah keluarga[107].

---

[105] DARA merupakan satu pasukan yang dianggotai oleh seorang Pegawai Perancang selaku Pengurus Projek yang dibantu oleh tiga orang Pegawai Perancang, tiga orang Pembantu Teknik dan sepuluh orang Juruteknik Bandar. Di samping itu, pasukan ini juga bertanggungjawab kepada satu badan bertugas (Mesyuarat Penyelarasan Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli di Wilayah Pahang Tenggara) yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar DARA dan dianggotai oleh wakil jabatan yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan RPS Orang Asli di Pahang Tenggara. Badan bertugas ini bertanggungjawab dalam penyelarasan dan pelaksanaan pembangunan RPS ini. Selain itu, pasukan ini mempunyai perhubungan rapat dengan JHEOA bertujuan mendapatkan maklumat yang berkaitan iaitu daripada segi polisi dan juga batasan bagi perancangan RPS ini. Sila lihat dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1983, Februari). Laporan Kajian Awal Kedaik Jilid 1 Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli. Kuala Lumpur : Bahagian Luar Bandar, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, hlm. 7.

[106] Setelah Pelan Pembangunan Pahang Tenggara dilaksanakan dan kajian semula dijalankan oleh pihak JHEOA dan DARA, mereka memutuskan bahawa syor-syor kajian pakar perunding diubahsuaikan untuk memenuhi kehendak semasa. Lihat dalam Laporan Kajian Awal Kedaik Jilid 1 Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli, *op.cit.*, hlm. 5.

[107] LKPT 3626/PT JLD 8;JHEOA. Lihat juga dalam Sulit LKPT 4026/PPP/2.JLD.2;Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) yang menerangkan bahawa bilangan penduduk Orang Asli yang tinggal dalam kawasan Pahang Tenggara berjumlah lebih kurang 9,089 orang yang terdiri daripada 2,135 buah keluarga/kelamin. Seramai 4,096 orang atau 860 keluarga tinggal dalam daerah Rompin, 3,915 orang atau 926 keluarga tinggal dalam daerah Pekan. Manakala selebihnya seramai 1,798 orang atau 349 keluarga tinggal dalam daerah Temerloh. Lihat juga dalam *Berita Harian* (1985, Mei 9).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Bagi melaksanakan kawasan RPS Orang Asli di Wilayah Pahang Tenggara, JHEOA daerah Pekan telah menjalinkan kerjasama dengan DARA. Kerjasama kedua-dua belah pihak tersebut terjalin kerana pihak JHEOA menyedari bahawa kejayaan yang dicapai khususnya dalam projek pertanian tidak begitu memberangsangkan kerana peruntukan kewangan yang terhad[108].

Masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan Pahang Tenggara mempunyai taraf ekonomi yang jauh lebih rendah berbanding dengan kaum lain seperti kaum Melayu, Cina dan India. Keadaan ini berlaku kerana mereka masih lagi mengamalkan ekonomi bercorak sara diri. Walau bagaimanapun, JHEOA telah memperkenalkan satu projek pembangunan awal di peringkat prapembangunan iaitu pertanian secara berkebun kecil. Tujuan pihak JHEOA memperkenalkan ekonomi yang bercorak ekonomi sara diri adalah untuk mengenalpasti sejauhmana penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap rancangan pembangunan yang dirancangkan.

Masyarakat Orang Asli di kawasan Pahang Tenggara juga turut bekerja sebagai pencari rotan, penangkap ikan, pencari bijih timah dan buruh kasar atau buruh kilang[109]. Kilang yang menerima Orang Asli bekerja sebagai buruh ialah kilang All Best Corporation (M) Sdn. Bhd. Kilang tersebut merupakan sebuah syarikat perusahaan rotan yang letaknya di kawasan Gebeng Industrial Estate, Kuantan[110].

DARA dapat memainkan peranan sebagai platform untuk melaksanakan projek pembangunan kepada masyarakat Orang Asli di kawasan Pahang Tenggara. Pelaksanaan tersebut dilakukan setelah satu persetujuan dasar dicapai antara pihak DARA dengan pihak JHEOA. Pihak DARA mengesyorkan supaya kaedah

[108] Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1979, April 20). Keperluan Tanah untuk Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Kawasan Titiwangsa. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
[109] Lihat dalam LKPT Sulit 4026/PPP/2.JLD.2;Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5), hlm. 2. Lihat juga dalam LKPT 4042/PTL/2 (5);RPS Runchang.
[110] Lihat CA8-009 JLD.1 (60);Rancangan Pembangunan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

penempatan semula masyarakat Orang Asli di kawasan Pahang Tenggara dijalankan bercorak ala FELDA, kecuali di kawasan tertentu yang tidak sesuai kepada FELDA.

Sistem blok diperkenalkan sepertimana yang diamalkan dalam rancangan FELDA. Walau bagaimanapun, keluasan sesebuah blok dan jumlah ahli blok tidak mempunyai suatu angka yang tetap. Hal ini kerana pihak JHEOA berusaha untuk menempatkan ahli daripada puak yang sama ke dalam satu blok dan Batin puak berkenaan secara automatik menjadi ketua blok tersebut. Tujuan pihak JHEOA menempatkan puak yang sama di dalam satu blok adalah untuk memudahkan Batin tersebut mengawal anak buahnya. Perkhidmatan Batin tersebut dibayar elaun oleh JHEOA.

Pembayaran elaun diberikan kepada Batin bagi mengelakkan Batin berkenaan merasa kehilangan keistimewaannya sehingga mereka sanggup mempengaruhi anak buahnya supaya tidak menyertai RPS tersebut. Walau bagaimanapun, Batin berkenaan tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang pertanian. Oleh itu, bagi mengatasi masalah tersebut pihak JHEOA menyediakan seorang pembantu. Pembantu berkenaan merupakan Pegawai JHEOA. Sekiranya puak berkenaan mempunyai bilangan ahli yang ramai sehingga terpaksa menempatkan mereka lebih daripada satu blok, pembantu kepada Batin berkenaan turut ditambah mengikut bilangan bloknya.

Perkampungan RPS pula haruslah mengikut bentuk kampung FELDA walaupun penempatan peserta RPS dikelompokkan mengikut puak. Taraf rumah kediaman yang dibina oleh JHEOA adalah mengikut taraf rumah kos rendah yang beratapkan asbestos dan bangunan dibina menggunakan peralatan kayu. Tiang rumah menggunakan saiz kayu yang berukuran 4” x 4”. Dinding rumah tersebut

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menggunakan papan yang diletakkan secara berdiri[111]. Perbelanjaan pembinaan rumah ini ditanggung oleh pihak JHEOA.

Selain itu, setiap keluarga hendaklah mempunyai keluasan kawasan pertanian dan tapak rumah yang ekonomik. Mengikut piawai FELDA kawasan pertanian adalah seluas sepuluh ekar dan kawasan tapak rumah adalah seluas ¼ ekar. Oleh itu, setiap satu keluarga harus disediakan tanah seluas 10¼ ekar. Mengikut DARA tanaman yang paling sesuai bagi rancangan penempatan Orang Asli ialah getah kerana sebahagian daripada mereka mempunyai pengalaman dalam bidang tersebut. Pengalaman yang dimiliki menyebabkan mereka mempunyai keyakinan dalam projek tanaman getah.

DARA juga tidak menetapkan batasan umur kepada mereka yang hendak menyertai RPS. Ketetapan yang dibuat adalah mengikut bilangan kelamin kerana setiap kelamin layak diberi sebuah rumah kediaman dan satu lot tanah pertanian. Pemberian tersebut adalah sebagai bantuan dan kemudahan kepada mereka. Pemberian ini dapat mempercepatkan proses modenisasi masyarakat Orang Asli di kawasan Pahang Tenggara. Selain itu, hak milik tanah yang diberikan bukan menjadi milik orang perseorangan tetapi menjadi milik sesuatu puak iaitu hak untuk semua sepertimana yang diamalkan sekarang.

Kawasan perancangan RPS yang terlibat haruslah berhampiran dengan bandar-bandar baru yang dibina di kawasan Pahang Tenggara. Selain itu, jalan perhubungan yang baik dengan mana-mana bandar baru juga turut diambil kira. Tujuannya adalah supaya proses asimilasi masyarakat Orang Asli dengan masyarakat lain di Pahang

[111] Rumah yang dibina di setiap blok adalah berbentuk "Rumah Melati". Rumah Melati ialah sebuah rumah yang mempunyai ruang tamu dan dua buah bilik di bahagian atas. Manakala bahagian dapur pula letaknya di bahagian bawah dan tandas pula berada di luar rumah. Tandas yang dibina ialah jenis tandas curah. Keterangan oleh En. Zahari bin Ab. Razak pada 6 September 2007.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Tenggara khasnya dan di seluruh negara umumnya dapat dilaksanakan dengan mudah[112].

Komitmen yang menyeluruh daripada pihak DARA dan kombinasi usaha yang cukup padu di antara DARA dengan JHEOA menyebabkan masa depan masyarakat Orang Asli lebih terjamin. Tambahan pula, DARA mempunyai keupayaan yang menyeluruh berbanding pihak JHEOA. DARA merupakan sebuah agensi yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh[113]. Setiap pembaharuan dan perubahan yang hendak dilaksanakan sangat bergantung kepada sumber kewangan yang kukuh. Pertubuhan Bank Sedunia mengakui kebenaran tersebut melalui satu laporan yang dibuat pada tahun 1977:

> *"It will be quite impossible for developing countries to create sufficient jobs in the industrial sector for projected population increases. Under such circumstances it will be essential to create more jobs in the rural agricultural sector while at the same time improving rural living conditions in order to counteract the seemingly inexorable drift of rural populations to urban areas*[114] *".*

Selain itu, pelaksanaan program RPS diselaraskan dengan satu jawatankuasa penyelaras yang dipengerusikan bersama oleh DARA dan JHEOA. Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dan agensi kerajaan yang terlibat turut menganggotai jawatankuasa tersebut. Tugas ahli jawatankuasa tersebut adalah seperti dalam jadual 3.1:

---

[112] Lihat dalam LKPT SULIT:6083/PB JHEOA.
[113] *Ibid.*
[114] Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1978). Panduan Tugas Pembangunan Orang Asli di Dalam Masyarakat Malaysia Moden. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 3.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.1
Tugas Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan
Program Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli

Bil	Agensi	Tanggungjawab
1	Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara	* Pengerusi dan Penyelaras * Perancang Keseluruhan * Menjalankan Kerja-kerja Ukur
2	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	* Pengerusi Bersama. * Menyediakan Peruntukan. * Membangunkan Kawasan Perumahan Orang Asli
3	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	* Menyediakan Pelan Perancangan
4	Pentadbir Tanah Daerah Daerah	* Menyediakan Perkara-Perkara Yang Berkaitan Dengan Perundangan Tanah
5	Jabatan Pertanian	* Menjalankan Kajian Tanah ¬‘Semi Detail’
6	Jabatan Parit dan Tali Air	* Menyediakan Cadangan Sistem Perparitan Yang Teratur Untuk Kawasan-Kawasan Penempatan dan Pertanian * Menyediakan Laporan Banjir Bagi Kawasan - Kawasan Projek RPS
7	FELCRA	* Melaksanakan Kawasan Pertanian
8	Jabatan Hutan	* Menyelaras Pengeluaran Hasil Perhutanan dan Mengendalikan Pembebasan Hutan
9	Jabatan Haiwan	* Menyediakan dan Melaksanakan Program Ternakan
10	LLN Bekalan Luar Bandar	* Menyediakan Bekalan Elektrik
11	JKR Persekutuan	* Menyediakan Rekabentuk Kejuruteraan Bagi Projek-Projek Kemudahan Asas dan Sosial * Melaksanakan Projek-Projek Kemudahan Asas bagi Pihak Jabatan / Kementerian Berkenaan
12	JKR Negeri	* Menyediakan Bekalan Air Kekal
13	Jabatan Kesihatan	* Menyediakan Kemudahan Kesihatan
14	Jabatan Pendidikan	* Menyediakan Kemudahan Pendidikan
15	Pejabat Merinyu Kanan Galian	* Menyelaras Pengeluaran Hasil Galian * Mengendalikan Pembebasan Hutan

Sumber : dipetik dan diubahsuai daripada Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (1989, Ogos 9). Pembangunan Orang Asli: Integrasi Dalam Pembangunan Pahang Tenggara Melalui Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dalam Nota Taklimat Sempena Lawatan Y.B Speaker-Speaker SeMalaysia ke Wilayah Tenggara. Pahang : Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), hlm. 6 - 8.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Komitmen menyeluruh daripada semua jabatan yang terlibat dalam melaksanakan RPS sangat menggalakkan. Semua jabatan menepati dasar kerajaan yang mahukan supaya masyarakat Orang Asli diserapkan ke dalam masyarakat moden. Proses asimilasi masyarakat Orang Asli dengan kaum lain di negara ini memberi peluang kepada mereka untuk menikmati arus pembangunan negara. Pihak DARA membuat keputusan dalam mesyuarat yang diadakan pada 28 Mac 1979 yang berbunyi:

> "Berhubungan dengan permohonan tanah untuk Rancangan Penempatan Orang Asli, Lembaga mengarahkan supaya satu jawatankuasa ditubuhkan yang mengandungi ahli-ahli dari Jabatan Orang Asli, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan DARA untuk membuat laporan dalam tempoh enam bulan bagi menentukan kedudukan Orang-orang Asli dalam kawasan Pahang Tenggara"[115].

Oleh itu, RPS dilaksanakan setelah persetujuan dicapai daripada semua jabatan yang terlibat. Sembilan kawasan dijadikan kawasan RPS Orang Asli di Wilayah Pahang Tenggara[116]. Kawasan dan keluasannya adalah seperti dalam jadual 3.2 yang berikut :

[115]LKPT SULIT 4026/PPP/2.JLD.2;RMK-5, hlm. 2.

[116] Pelan Induk Pahang Tenggara telah mengesyorkan sebanyak 17 buah pusat pengumpulan semula bagi kesemua kampung Orang Asli yang berselerak untuk membolehkan pembangunan yang lebih sistematik dapat dilaksanakan. Setelah kajian dilakukan oleh JHEOA dan DARA, hanya sembilan buah kawasan sahaja yang terpilih untuk melaksanakan Rancangan Pengumpulan Semula. Lihat dalam LKPT 4037/PTL/6;RPS ORANG ASLI, hlm. 1.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.2
Kawasan Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Wilayah Pahang Tenggara

Bil	Rancangan Pengumpulan Semula	Luas Anggaran (Ekar)	Luas Diukur Oleh DARA (Ekar) / Nombor
1	Kedaik	5 220	4 450 / DARA / BT SO / 51
2	Bukit Rok	2 400	Belum diukur / " tiada maklumat"
3	Bukit Serok	1 970	1 596 / DARA / BT SO / 49
4	Batu Gong	4 046	3 450 / DARA / BT SO / 64
5	Buluh Nipis	5 837	sedang diukur / "tiada maklumat"
6	Pos Iskandar	12 900	sedang diukur / "tiada maklumat"
7	**RUNCHANG**	**2 500**	**2 720 / DARA/BT/SO/53**
8	Simpai	3 379	4 223 / DARA / BT SO / 57
9	Batu 8 Pontian	2 160	936 / DARA / BT SO / 63

Sumber: dipetik daripada LKPT 3626/PT JLD.8;JHEOA, hlm. 4.

Kawasan tersebut diukur oleh pihak DARA. Namun begitu, hanya enam daripada sembilan kawasan RPS yang telah diukur[117]. Sementara itu, dua daripada sembilan kawasan tersebut sedang dalam proses pengukuran. Kawasan tersebut ialah RPS Buluh Nipis dan RPS Pos Iskandar. Manakala sebuah lagi kawasan iaitu RPS Bukit Rok masih belum diukur.

Ukuran yang dilakukan menunjukkan bahawa kawasan tersebut tidak menepati jumlah anggaran yang ditetapkan oleh pihak JHEOA. Keluasan terhadap empat kawasan yang diukur oleh pihak DARA mempunyai ukuran yang kurang daripada anggaran yang ditetapkan. Dua kawasan yang lain pula mempunyai keluasan yang melebihi anggaran[118]. Perbezaan keluasan yang diukur dengan anggaran yang dibuat adalah disebabkan oleh berlakunya perubahan daripada segi jumlah peserta yang menyertai RPS dan keluasan tanah yang boleh digunakan. Hal ini kerana pihak

[117] Kawasan tersebut ialah RPS Kedaik yang bernombor DARA/BT/SO/51 , RPS Bukit Serok yang bernombor DARA/BT/SO/49, RPS Bukit Gong yang bernombor DARA/BT/SO/64, RPS Runchang yang bernombor DARA/BT/SO/53, RPS Simpai yang bernombor DARA/BT/SO/57 dan RPS Batu 8 Pontian yang bernombor DARA/BT/SO/63.

[118] Kawasan yang mempunyai keluasan yang kurang daripada anggaran ialah kawasan RPS Kedaik, RPS Bukit Serok, RPS Bukit Gong dan RPS Batu 8 Pontian, manakala kawasan yang mempunyai keluasan yang melebihi anggaran ialah RPS Runchang dan RPS Simpai.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

JHEOA menentukan keluasan tanah secara anggaran sedangkan pihak DARA menentukan keluasan tanah RPS berdasarkan kerja ukur sempadan dan kerja ukur topografi[119]. Oleh itu, kawasan yang ditetapkan oleh pihak DARA adalah lebih menepati daripada anggaran yang dilakukan oleh pihak JHEOA.

Skim RPS di Pahang Tenggara dimulakan dengan RPS Kedaik diikuti oleh RPS Bukit Serok dan seterusnya RPS Runchang[120]. Skim RPS dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) 1986 – 1990. Pihak JHEOA menerima komitmen yang menyeluruh daripada pihak DARA dalam membuat perancangan dan pelaksanaan program terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli. Jumlah masyarakat Orang Asli yang terlibat adalah seramai lebih kurang 13,000 orang[121].

Rancangan Pengumpulan Semula RPS Runchang, Pekan Pahang

Latar Belakang RPS Runchang

RPS Runchang diberi tumpuan bagi menilai sejauh mana keberkesanan pelaksanaannya kepada masyarakat Orang Asli. Runchang merupakan sebuah kampung tradisional yang terletak dalam Mukim Bebar, dan merupakan satu-satunya kawasan RPS di daerah Pekan. Pembentukan RPS Runchang mula dilaksanakan

[119] Lihat dalam LKPT 4037/PTL/6, *op.cit.*, hlm. 3.
[120] Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang (MMK) dimaklumkan oleh JHEOA bahawa tiga kawasan RPS sahaja yang dimasukkan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) iaitu RPS Bukit Serok, RPS Kedaik dan RPS Runchang. Pemilihan kawasan ini berdasarkan kepada keutamaan projek tersebut. Projek RPS yang lain dimasukkan di bawah peruntukan selepas RMK-5. Sila lihat dalam LKPT SULIT:6083/PB; JHEOA, hlm. 4. Sebanyak dua buah lagi adalah dalam perancangan untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) iaitu di Buluh Nipis dan Pos Iskandar. Sila lihat dalam Abdul Habib bin Mansur. (1992, April 16 - 19). Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur Kertas Sepuluh Pahang Tenggara Wilayah Harapan. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), hlm. 22. Lihat juga dalam Laporan Kajian Awal Kedaik Jilid 1, *op.cit.*, hlm. 4.
[121] Lihat dalam Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur Kertas Sepuluh Pahang Tenggara Wilayah Harapan, *loc.cit.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pada tahun 1986 iaitu setelah satu persetujuan diperolehi daripada hasil perbincangan antara pihak DARA dengan pihak JHEOA. Perbincangan tersebut dilakukan setelah belanjawan RPS Runchang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) yang menelan belanja sebanyak $2.024 juta[122]. Pemilihan Runchang sebagai kawasan RPS adalah kerana kawasan tersebut sudah mempunyai kemudahan asas seperti jalanraya dan sekolah[123].

RPS Runchang merupakan sebuah rancangan perkampungan yang ketiga dilaksanakan selepas Bukit Serok dan Kedaik[124]. Suku kaum yang terlibat dalam skim tersebut ialah Melayu Asli (Proto Malay) yang terdiri daripada suku kaum Jakun. Peserta yang menyertai RPS Runchang adalah terdiri daripada masyarakat Orang Asli yang sebelum ini tinggal jauh di kawasan pedalaman dan sukar untuk dihubungi kerana ketiadaan kemudahan infrastruktur[125].

Jumlah peserta yang menyertai RPS menurut perancangan adalah sebanyak 200 buah keluarga[126]. Namun begitu, peserta asal yang bersetuju untuk menyertai RPS ialah sebanyak 120 buah keluarga sahaja[127]. Oleh itu, pihak JHEOA berusaha memujuk masyarakat Orang Asli di Runchang dan kawasan sekitarnya supaya menyertai skim RPS ini. Usaha pemujukan tersebut akhirnya berjaya mendapat sambutan daripada mereka. Justeru, bilangan yang menyertai skim RPS bertambah

[122] LKPT SULIT 6083/PB; JHEOA, hlm. 10. Lihat juga dalam LKPT 4037/PTL/6;Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli (RPS), hlm. 7.
[123] LKPT SULIT 6083/PB; JHEOA, hlm. 2.
[124] Kemasukan penduduk dilakukan selepas rumah dan kemudahan siap. Keutamaan diberi kepada penduduk yang sedia ada. Sila lihat dalam LKPT 3626/PT JLD.8;JHEOA, hlm. 10.
[125] Kebanyakan peserta yang menyertai projek ini berasal daripada pinggir Sungai Bebar dan sungai-sungai lain. Sungai-sungai ini hanya boleh dilalui dengan menggunakan perahu dan bot. Sila lihat dalam JHEOA. RPS.R.A1.JLD2.001;Pentadbiran Am:RPS Runchang.
[126] Lihat dalam JHEOA RPS.R.A1.JLD.01;Pentadbiran Am.
[127] Sila lihat dalam JHEOA.PCD.5.001KLT.9, hlm. 2.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sehingga berjumlah sebanyak 250 buah keluarga. Bilangan tersebut terus meningkat kepada 281 buah keluarga dengan jumlah penduduknya seramai 1212 orang[128].

Jadual 3.3 menunjukkan bilangan keluarga di Runchang yang berjumlah sebanyak 9 buah keluarga pada tahun 1985. Setelah RPS diperkenalkan di Runchang pada tahun 1986, jumlah penduduknya bertambah menjadi 45 buah keluarga. Pada setiap tahun terdapat keluarga baru yang menyertai RPS Runchang dan menjadikan bilangan penduduknya semakin bertambah ramai. Pertambahan tersebut berlaku kerana masyarakat Orang Asli sudah dapat menerima projek pembangunan yang diperkenalkan oleh kerajaan. Kesedaran dicapai setelah pihak JHEOA menjalankan pelbagai usaha untuk memberi keyakinan kepada mereka. Antara usaha yang dilakukan adalah mengadakan Lawatan dari Rumah ke Rumah, memberikan rawatan kesihatan secara percuma dan membekalkan makanan tambahan kepada perempuan Orang Asli yang mengandung. Selain itu, peranan pegawai JHEOA yang bergaul mesra dengan masyarakat Orang Asli tanpa adanya sebarang prasangka terhadap mereka turut menyumbang kepada kejayaan tersebut.

Jadual 3.3
Bilangan Keluarga Orang Asli Bagi Daerah Pekan / Rompin 1985 - 1993

BIL	Kod	Mukim	Nama Kampung	Rumah	Penduduk	1985	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993 (hingga Jun)	Jumlah
36	12 / 8a	Bebar	RPS Runchang	142	606	9	45	6	12	42	14	23	23	76	250

Sumber : dipetik dan diubahsuai daripada LKPT 4042/PST/2 JLD.4;Kemudahan Sosial Orang Asli di Wilayah Pahang Tenggara.

[128] Lihat dalam JHEOA.RPS.R.A1.JLD.01;Pentadbiran Am. Lihat juga dalam Taklimat Biodata Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, *loc.cit.* yang menerangkan bahawa ...seramai 200 buah keluarga Orang Asli tetapi pada masa ini telah meningkat kepada 385 buah keluarga menjadikan jumlah penduduknya seramai 1811 orang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.4 pula menunjukkan data penduduk RPS Runchang. Terdapat tiga buah blok yang dilabelkan sebagai blok A, B dan C. Sebagai contoh, penyelidik hanya mengambil dua buah keluarga daripada blok A dan C manakala tiga buah keluarga daripada blok B. Setiap keluarga mempunyai jumlah ahli yang berbeza. Keluarga yang mempunyai bilangan ahli yang paling sedikit adalah daripada keluarga blok B. Selain itu, terdapat juga dalam kalangan keluarga di bawah skim RPS Runchang yang terdiri daripada ibu tunggal yang kematian suami[129]. Oleh itu, bagi menampung kehidupan setiap keluarga tersebut mengamalkan pekerjaan yang berbeza. Terdapat dalam kalangan mereka yang menjalankan pekerjaan sebagai petani, pemandu lori, pekerja kilang, peniaga kedai runcit, dan ada yang bekerja sendiri dengan mencari sumber hutan untuk dijual.

Walau bagaimanapun, terdapat juga dalam kalangan keluarga yang menyertai RPS Runchang mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai dalam sebuah rumah iaitu terdiri daripada suami isteri, anak, cucu dan cicit. Hal ini dapat dilihat dalam keluarga Samah bin Busu daripada blok C yang bekerja sebagai petani. Beliau tinggal bersama isteri dan tiga orang anak lelaki, dua orang anak perempuan serta dua orang cucu dan empat orang cicit. Berdasarkan maklumat dalam jadual 3.4 didapati ada nama campuran Melayu Cina dengan nama Cina. Keadaan tersebut berlaku kerana anak perempuan Samah bin Busu iaitu Imah a/p Samah telah berkahwin dengan lelaki Cina. Hasil perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan seorang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Nama dua beradik tersebut menggambarkan seolah-olah dua keturunan yang berbeza dalam sebuah keluarga yang sama.

Keadaan ini berlaku kerana anak lelaki yang diberi nama Lee Chew Woke didaftarkan oleh ayahnya. Manakala anak perempuan pula diberi nama Junaidah a/p

[129] Ibu tunggal tersebut ialah seorang peserta daripada blok B iaitu Ahoi a/p Lim Kong King. Beliau tinggal bersama dua orang anak lelaki dan bekerja sebagai petani.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Lee Daik Beng telah didaftarkan oleh neneknya iaitu Tudung bt. Gondol. Pendaftaran tersebut dibuat oleh dua orang yang berbeza keturunan dan keadaan ini menyebabkan kedua-dua beradik tersebut seolah-olah berasal daripada keturunan yang berbeza[130]. Seterusnya, empat orang nama Cina yang terdapat dalam keluarga ini ialah cicit kepada Samah bin Busu iaitu anak kepada Lee Chew Woke[131].

Selain itu, terdapat juga Orang Asli yang berkahwin dengan orang Cina yang bekerja sebagai peneroka balak di kawasan yang berhampiran dengan Runchang. Perkahwinan antara peneroka balak dengan perempuan Orang Asli menyebabkan anak-anak yang dilahirkan diberi nama Cina[132]. Keadaan ini dapat dilihat terhadap peserta daripada blok B iaitu Bomong binti Sani yang telah berkahwin dengan seorang lelaki Cina yang bernama Lim Kong King dan hasil perkahwinan tersebut mereka telah dikurniakan dua orang anak yang diberi nama Osman a/l Lim Kong King dan Lim Yok Lan[133].

[130] Pendaftaran anak perempuan dilakukan oleh nenek kerana Imah a/p Samah telah bercerai dengan suaminya. Keterangan oleh Imah a/p Samah pada 20 Julai 2009.
[131] Maklumat diperolehi daripada Imah a/p Samah daripada blok C pada pada 20 Julai 2009.
[132] Maklumat diperolehi daripada Encik Mohd. Jiwa bin Zulkifli pada 2 Julai 2009.
[133] Maklumat diperolehi daripada Encik Mat Sah bin Ah Hong pada 20 Julai 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Jadual 3.4
Data Penduduk 1998

Nama Kampung : RPS Runchang (Blok A) Nama Ketua Kampung : Batin Hitam Bin Yot
Mukim : Bebar Bil. Keluarga : 71
Kawasan Adun : Bebar / Pekan Bil. Penduduk : 415 Orang (L: 205 org, P: 210 org)

Bil	Nama (KIR /IR)	T/Lahir	Jantina	Status/ Perkahwinan	Pekerjaan	Pendapatan (RM)	Kampung/ Asal	No KP/ Sijil Kelhiran
	A-001							
1	Awang b Mansur (Bapa)	7.7.62	L	kahwin	Sendiri	300	Runchang	7306808
2	Nora bt Kin (Ibu)	15.2.70	P	kahwin	t.m	t.m	Runchang	700215065352
3	Azlini bt. Awang (Anak)	t.m	P	t.m	t.m	t.m	Runchang	t.m
4	Azlan b Awang (Anak)	t.m	L	t.m	t.m	t.m	Runchang	t.m
5	Azrol b Awang (Anak)	t.m	L	t.m	t.m	t.m	Runchang	t.m
6	Azril b Awang (Anak)	t.m	L	t.m	t.m	t.m	Runchang	t.m
7	Ailly bt Awang (Anak)	t.m	P	t.m	t.m	t.m	Runchang	t.m
8	Azreen bt Awang (Anak)	t.m	P	t.m	t.m	t.m	Runchang	t.m
	A-002							
1	Mansur b Mamat (Bapa)	6.3.38	L	kahwin	Sendiri	200	Runchang	380306065059
2	Tek bt Yama (Ibu)	6.3.41	P	kahwin	t.m	t.m	Runchang	410306065096
3	Norazimah bt Mansur (Anak)	20.1.80	P	t.m	t.m	t.m	Runchang	800120065112
4	Ariff b Mansur (Anak)	21.5.80	L	t.m	t.m	t.m	Runchang	800521066431
5	Mohd. Arof b Rok (t.m)	t.m	L	t.m	t.m	t.m	Runchang	t.m

Sumber: dipetik dan diubahsuai daripada Pentadbiran Am JHEOA. RPS.R.A1.JLD2.001 dan lihat juga dalam Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia. (1998). Banci Penduduk Blok A, B,& C RPS Runchang. Pekan : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

* Blok A ini mempunyai seramai 71 buah keluarga tetapi penyelidik hanya memetik dua keluarga sahaja sebagai contoh maklumat berkaitan Data Penduduk.
* t.m – Tiada Maklumat.

Jadual 3.4
Data Penduduk 1998

Nama Kampung : RPS Runchang (Blok B)
Mukim : Bebar
Kawasan Adun : Bebar / Pekan
Nama Ketua Kampung : Batin Hitam Bin Yot
Bil. Keluarga : 66
Bil. Penduduk : 386 Orang (L: 186 org, P: 202 org)

Bil	Nama (KIR /IR)	T/Lahir	Jantina	Status/ Perkahwinan	Pekerjaan	Pendapatan (RM)	Kampung/ Asal	No KP/ Sijil Kelahiran
	B-001							
1	Timah bt Uda (Ibu)	28.2.1955	P	kahwin	Suri rumah	150	Landai	550228065254
2	Mohd. Azahar b Abdullah (Bapa)	1955	L	kahwin	Pemandu	500	Landai	5260825
3	Mohd. Khairul b Hakimin (t.m)	28.1.1981	L	t.m	KerjaKilang	400	t.m	810128065669
4	Nazrah bt Mohd Azhar (Anak)	3.8.1982	P	t.m	t.m	t.m	t.m	F.152793
5	Fadzillah bt Mohd. Azahar Anak)	25.9.1983	P	t.m	t.m	t.m	t.m	K.859341
6	Nurezzatty bt ohd.Azahar(Anak)	14.12.1984	P	t.m	t.m	t.m	t.m	K.045555
	B-002							
1	Ahoi a/p LimKong King (Ibu)	14.9.1974	P	Janda	Petani	150	Runchang	740914065550
2	Zaidi a/l Zainal (Anak)	24.3.1990	L	t.m	t.m	t.m	t.m	J.192546
3	Azlana a/l Zainal (Anak)	9.12.1992	L	t.m	t.m	t.m	t.m	J.503121
	B-003							
1	Bomong Binti Sani (Ibu)	29.8.1955	P	Kahwin	Kedairuncit	300	Melogo	550629065188
2	Lim Kong King (Bapa)	12.5.1934	P	t.m	t.m	t.m	t.m	340512715319
3	Osman a/l Lim Kong King (Anak)	13.9.1981	L	t.m	t.m	t.m	t.m	8109130605613
4	Lim Yok Lan (Anak)	t.m	P	t.m	t.m	t.m	t.m	t.m

Sumber: dipetik dan diubahsuai daripada Pentadbiran Am JHEOA. RPS.R.A1.JLD2.001 dan lihat juga dalam Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia. (1998). Banci Penduduk Blok A, B,& C RPS Runchang. Pekan : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

* Blok B ini mempunyai seramai 66 buah keluarga tetapi penyelidik hanya memetik tiga keluarga sahaja sebagai contoh maklumat berkaitan Data Penduduk.
* t.m – Tiada Maklumat.

Jadual 3.4
Data Penduduk 1998

Nama Kampung : RPS Runchang (Blok C)
Mukim : Bebar
Kawasan Adun : Bebar / Pekan

Nama Ketua Kampung : Batin Hitam Bin Yot
Bil. Keluarga : 67
Bil. Penduduk : 306 Orang (L: 167 org, P: 139 org)

Bil	Nama (KIR /IR)	T/Lahir	Jantina	Status/ Perkahwinan	Pekerjaan	Pendapatan (RM)	Kampung/ Asal	No KP/ Sijil Kelhiran
	C-001							
1	Samah bin Busu (Bapa)	38/8/33	L	Berkahwin	Petani	150	Kg.Pauh/1986	330828065069
2	Tudong bt. Gondol (Ibu)	28/08/1942	P	Berkahwin	t.m	t.m	-sda-	420828065076
3	Imah a/p Samah (Anak)	28/08/1974	P	Janda	t.m	t.m	-sda-	740828065490
4	Rosdi a/l Samah (Anak)	00/1/86	L	Bujang	t.m	t.m	-sda-	t.m
5	Lee Chew Woke (Cucu)	05/05/1995	P	Bujang	t.m	t.m	-sda-	K-178509
6	Junaidah a/pLee DaikBeng(Cucu)	19/12/1996	P	Bujang	t.m	t.m	-sda-	K- 863331
7	Enah bt. Samah (Anak)	t.m	P	Bujang	t.m	t.m	t.m	t.m
8	Shariff b. Samah (Anak)	t.m	L	Bujang	t.m	t.m	t.m	t.m
9	Sari b. Samah (Anak)	t.m	L	Bujang	t.m	t.m	t.m	t.m
10	Yeo Kim Hong (Cicit)	08/03/1992	L	Bujang	t.m	t.m	t.m	820308065745
11	Yeo Kim Soon (Cicit)	02/12/1983	L	Bujang	t.m	t.m	t.m	831201065513
12	Yeo Kim Seng (Cicit)	16/08/1985	L	Bujang	t.m	t.m	t.m	G-612185
13	Yeo Kim Mui (Cicit)	09/03/1988	P	Bujang	t.m	t.m	t.m	G-631434
	C-002							
1	Jambut b. Angkut (Bapa)	05/06/1939	L	Berkahwin	Petani	150	Kg. Jambu	390605065031
2	Pin bt. Tere (Ibu)	05/06/1945	P	Berkahwin	t.m	t.m	t.m	450605065048

Sumber: dipetik dan diubahsuai daripada Pentadbiran Am JHEOA. RPS.R.A1.JLD2.001 dan lihat juga Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia. (1998). Banci Penduduk Blok A, B,& C RPS Runchang. Pekan : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

* Blok C ini mempunyai seramai 67 buah keluarga tetapi penyelidik hanya memetik dua keluarga sahaja sebagai contoh maklumat berkaitan Data Penduduk.
* t.m – Tiada Maklumat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Matlamat RPS Runchang

RPS di kawasan DARA bermatlamat untuk membangunkan sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Penekanan dibuat terhadap projek yang berteraskan kepada pembangunan ekonomi. Antaranya temasuklah projek pertanian yang berbentuk komersial, peluang untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan, meningkatkan taraf kesihatan dan pendidikan serta meningkatkan taraf kehidupan setaraf dengan masyarakat lain di negara ini[134]

Objektif RPS Runchang

Objektif RPS Runchang berteraskan kepada pembangunan ekonomi yang diharapkan dapat:

i. menyediakan kegiatan ekonomi yang bersesuaian dengan kehendak para peserta.
ii. memperbaiki taraf kehidupan dan pendapatan setaraf dengan peserta lain di bawah rancangan kemajuan tanah seperti FELDA, FELCRA.
iii. menyediakan atau melengkapkan kemudahan awam, infrastruktur dan lain-lain perkhidmatan yang diperlukan[135].

[134] Lihat dalam JHEOA RPS.R.A1.JLD.01;Pentadbiran Am dan JHEOA RPS.R.A1.JLD2.001;Pentadbiran Am.
[135] *Ibid.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pelaksanaan Dan Pencapaian Projek RPS Runchang

Strategi Pembangunan

RPS Runchang merupakan satu kaedah untuk menyatukan perkembangan sosioekonomi dalam masyarakat Orang Asli selaras dengan dasar kerajaan. Namun begitu, perkembangan tersebut perlu melalui satu jangkamasa dan kadar pembangunan yang bersesuaian dengan penerimaan golongan tersebut. Buktinya, matlamat tersebut dinyatakan dalam DEB. Menurut DEB, usaha dilakukan untuk membentuk sebuah masyarakat perusahaan dan perniagaan orang Melayu atau daripada keturunan masyarakat Orang Asli. Ketetapan tersebut dibuat supaya dalam tempoh satu keturunan, mereka dapat memiliki dan menguruskan sekurang-kurangnya 30% daripada semua kegiatan perniagaan dan perusahaan dalam pelbagai bidang dan peringkat keluasan[136].

Pembangunan yang dilaksanakan adalah merangkumi penyusunan semula perkampungan mereka secara teratur. Penyusunan tersebut melibatkan rancangan kemajuan kawasan pusat[137] dan kawasan perkampungan. Kawasan pusat tersebut letaknya berhampiran dengan Lebuh Raya Kuantan-Segamat yang merupakan jalan pengangkutan utama. Kesemua keadaan tersebut diambil kira supaya semua pergerakan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan mudah. Selain itu,

---

[136] Lihat juga Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman. (2005). *Dasar Ekonomi Baru : Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. Kuala Lumpur : Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd, hlm. 229 - 301 yang mengatakan bahawa secara spesifik Rancangan Malaysia Ke 3 (RMK-3), hlm. 49-50 telah mengisytiharkan antara langkah yang diambil adalah untuk: Di antara lain, "menaikkan bahagian orang Melayu dan penduduk peribumi lain dalam pemilikan kekayaan yang produktif, termasuk tanah, aset tetap dan modal ekuiti. Sasarannya ialah menjelang tahun 1990, mereka dapat memiliki sekurang-kurangnya 30 peratus daripada modal ekuiti dengan 40 peratus daripadanya dimiliki oleh rakyat Malaysia lain".

[137] Lokasi pusat tempatan ini dicadangkan di pertengahan keseluruhan kawasan untuk memudahkan semua penduduk daripada segi perhubungan. Lihat dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1982, Januari 1). Laporan Akhir Jilid 2 Rancangan Pengumpulan Semua Orang Asli. Kuala Lumpur : Bahagian Luar Bandar, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, hlm. 1.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pembentukan strategi tidak boleh bercanggah dengan keadaan fizikal di kawasan pembangunan yang dilaksanakan.

Berdasarkan faktor tersebut, kawasan perkampungan yang terlibat di bawah skim RPS merupakan kampung yang terdapat di sekitar kawasan rancangan yang dipilih. Kampung yang dipilih merupakan kawasan mundur dan tidak mempunyai kemudahan infrastrukur. Oleh itu, perhatian diberikan oleh JHEOA dan DARA[138] terhadap kampung yang dimasukkan dalam projek rancangan RPS[139]. Kampung yang dicadangkan untuk menyertai skim RPS Runchang adalah seperti berikut:

1. Kg. Runchang
2. Kg. Guntung
3. Kg. Tanjung Kelapa
4. Kg. Tanjung Ipoh
5. Kg. Kujung
6. Kg. Semambu
7. Kg. Biak
8. Kg. Chikon
9. Kg. Kangkong
10. Kg. Gasok
11. Kg.Bedaling
12. Kg. Api-Api
13. Kg. Pasir
14. Kg. Pauh Hilir
15. Kg. Pauh Hulu
16. Kg. Mempelam
17. Kg. Chahit
18. Kg. Keralik[140].

Konsep Pembangunan

Hala tuju perkembangan sosioekonomi ditentukan bagi menjayakan rancangan pembangunan di bawah skim RPS. Strategi pembangunan dilaksanakan secara

[138] DARA tidak bersetuju untuk mengadakan banyak kawasan Simpanan Orang Asli yang terasing dan bersendirian daripada Bandar DARA. Hal ini kerana pada dasarnya kampung mereka ini hendaklah berhampiran supaya akhirnya dapat diserapkan ke dalam masyarakat Bandar Baru di DARA. Lihat dalam LKPT 3626/PT JLD.8;JHEOA, hlm. 3.
[139] Lihat dalam JHEOA.RPS.R.A1.JLD.01;Pentadbiran Am.
[140] Lihat dalam JHEOA RPS.R.A1.JLD2.001;Pentadbiran Am.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menyeluruh menerusi pembangunan yang sesuai dan dapat diterima oleh masyarakat Orang Asli di kawasan RPS Runchang. Pembangunan yang dilaksanakan boleh dibahagikan kepada dua komponen iaitu Komponen Kawasan Penempatan dan Kawasan Pertanian.

Jadual 3.5 menunjukkan projek pembangunan yang dilaksanakan bermula dari tahun 1985 sehingga tahun 1988. Projek pembangunan tersebut dilaksanakan secara berperingkat. Peringkat tersebut bermula dengan penentuan pusat petempatan oleh agensi terlibat iaitu Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa (JPBD), DARA, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan JHEOA. Komitmen menyeluruh agensi yang terlibat telah berjaya menentukan kawasan pusat petempatan. Semua urusan berkaitan kajian sosioekonomi, laporan awal, draf pelan pembangunan, ukuran kontur, pelan susun atur serta pembinaan siap dilaksanakan. Seterusnya, pembangunan pertanian juga turut mendapat tanah daripada kerajaan negeri seluas 450 ekar. Selain itu, pihak JHEOA turut menyediakan kemudahan bekalan air dan api, kawasan perumahan sebanyak 100 unit, kemudahan awam, sekolah, klinik desa dan balai polis kecil di kawasan RPS Runchang. Setelah semua keperluan yang diperlukan siap dilaksanakan, pihak JHEOA membawa masuk masyarakat Orang Asli yang bersetuju untuk menyertai skim RPS.

Jadual 3.6 pula menunjukkan pelbagai jenis projek yang dilaksanakan oleh JHEOA kepada peserta RPS Runchang. Tujuannya adalah supaya mereka tidak terpinggir daripada arus pemodenan dan memberi peluang kepada mereka untuk menikmati pembangunan seperti kaum Melayu, Cina dan India. Projek pembangunan yang dilaksanakan antaranya adalah seperti pembinaan rumah peserta RPS, rumah kakitangan, bangunan pejabat, Klinik Desa, bangunan Tabika, bangunan Taska, rumah kedai, projek pembangunan tanah dan projek sosioekonomi. Komitmen menyeluruh

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

agensi yang terlibat telah berjaya melaksanakan projek pembangunan yang dilaksanakan secara berperingkat mengikut jumlah peruntukan yang diberikan oleh kerajaan.

Sebagai contoh, peruntukan peringkat pertama berjumlah sebanyak $640,000.00 yang diberikan untuk membina 80 unit rumah peserta RPS Runchang. Rumah tersebut dibina oleh Syarikat Hoo Huat pada tahun 1981. Pembinaan rumah peserta dibina lebih awal daripada penubuhan RPS adalah bertujuan menarik minat masyarakat Orang Asli supaya menyertai skim RPS[141]. Pada peringkat permulaan, kawasan perkampungan Runchang hanya didiami oleh 9 buah keluarga masyarakat Orang Asli. Setelah JHEOA berjaya menarik minat masyarakat Orang Asli menyertai skim RPS ini, bilangan peserta semakin bertambah ramai sehingga berjumlah sebanyak 54 buah keluarga pada tahun 1986. Pertambahan sebanyak 45 buah keluarga ini menyebabkan pihak JHEOA telah membina rumah peserta buat kali kedua pada tahun 1986 dan 1987 sebanyak 112 buah rumah. Pembinaan rumah fasa kedua ini dilakukan oleh Syarikat Othia dengan perbelanjaan sebanyak $896,000.00.

Penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap RPS menunjukkan bahawa pihak JHEOA berjaya menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh komited. Sikap masyarakat Orang Asli yang dapat menerima perubahan dalam kehidupan mereka menyebabkan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak JHEOA dapat dikendalikan dengan lebih efektif dan efisien.

---

[141] Menurut Encik Zahari bin Ab. Razak rumah peserta RPS Runchang dibina lebih awal sebelum pembentukan RPS adalah bertujuan untuk menarik perhatian masyarakat Orang Asli supaya menyertai skim RPS ini. Hal ini kerana sikap masyarakat Orang Asli yang tidak percaya kepada kesanggupan pihak JHEOA untuk memberi sebuah rumah kediaman kepada mereka. Oleh itu, pembinaan rumah ini dapat membuka mata dan fikiran mereka bahawa pihak JHEOA sememangnya merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab untuk membebaskan kehidupan mereka daripada kemelut kemiskinan dan dapat membina masa depan yang lebih gemilang. Temuramah dengan Encik Zahari bin Ab. Razak pada 15 Julai 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

JADUAL 3.5

JADUAL 3.5

Sumber: L.KPT 4037 / PTL /6, Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli (RPS)

Jadual 3.6
Data Maklumat Pembangunan , Rancangan Pengumpulan Semula Rumchang, Pekan Pahang

Bil	Jenis Projek	Tahun dilaksanakan	Bil unit	Kos Pelaksanaan	Agensi Pelaksanaan	Bil Yang Dapat Faedah	Penilaian Pencapaian	Catatan
1	Rumah Peserta (Peringkat 1)	1981	80	640,000.00	Sy. Hoo Huat	80	100%	t.m
2	Rumah Peserta (Peringkat 2)	1986&1987	112	896,000.00	Sy. Othia	112	100%	t.m
3	Rumah Peserta	1994, 1996	11	107.946.46	JHEOA	11	100%	t.m
4	Rumah Kakitangan	1986	12	96,000.00	JHEOA	12	100%	t.m
5	Rumah Kakitangan Peserta	1997	20	80,000.00	Pej. Daerah	20	100%	PPRT
6	Bangunan Pejabat	1986	1	60,000.00	JHEOA	t.m	t.m	t.m
7	Bangunan Klinik Desa	1981	1	12,000.00	JHEOA	t.m	t.m	t.m
8	Bangunan TBK	1995	1	90,000.00	JKR DARA	t.m	100%	t.m
9	Bangunan Stor	1990	1	10,000.00	JHEOA	t.m	100%	t.m
10	Bangunan Pejabat JKKK	1986	1	20,000.00	JHEOA	t.m	100%	Asal SK Runchang
11	Bangunan TASKA	1998	1	60,000.00	Pej. Daerah	t.m	100%	t.m
12	Bangunan Kedai Rumah	1997	1	38,000.00	JHEOA	t.m	100%	t.m
13	Pondok Bas	1995	1	10,000.00	JKR DARA	t.m	100%	t.m
14	Gelanggang Bola Tampar	1996, 1997	2	10,000.00	JHEOA/JKR	t.m	100%	t.m
15	Jalan Tar Kawasan Pentadbiran	1995	1	25,000.00	JKR DARA	t.m	100%	t.m
16	Pemasangan Paip Air Kawasan (Utama) Pentadbiran	1994	1	16,000.00	JHEOA	t.m	100%	t.m
17	Tangki Air	1997	1	100,000.00	Pej. Daerah	t.m	100%	t.m
18	Balai Raya	1986	1	10,000.00	Pej. Daerah	t.m	100%	t.m
19	Jalan Primax	1996	t.m	200,000.00	JKR DARA	t.m	t.m	t.m
20	Pendawaian Bangunan JKR DARA		t.m		t.m	t.m	t.m	t.m
21	Bilik Pameran	1996	t.m	16,000.00	JHEOA	t.m	t.m	t.m
22	Rumah Pemaju Masyarakat	1997	1	12,000.00	JHEOA	t.m	t.m	t.m
23	Pendawaian Rumah Pemaju	1998	1	1,910.00	JHEOA	t.m	t.m	t.m
24	Membina Jalan Kampung		t.m	t.m	t.m	t.m	t.m	t.m
25	(Crum-run) Blok A & B	1998	t.m	6,000.00	Pej. Daerah Pekan	t.m	t.m	
26	Pembangunan Tanah	1989	2348.3 Ekar (459.713)	5,278,211.53	FELCRA	t.m	t.m	Kelapa sawit (950.4 H)
27	Projek Integrasi Rusa	1996	1	160,000.00	JHEOA/Jab Haiwan	t.m	t.m	Waran
28	Membina Pagar Rusa	1997	1	15,000.00	JHEOA	t.m	t.m	t.m
29	Membaiki Pagar Rusa	1998	1	9,000.00	JHEOA	t.m	t.m	t.m
30	Jalan Kampung Blok B & C	1994	t.m	42,000.00	JHEOA	t.m	t.m	t.m
31	Jalan Masuk	1995	t.m	300,000.00	JKR DARA	t.m	t.m	t.m

Sumber: JHEOA RPS.RDI.001 / Projek Pembangunan / Perkampungan

* t.m - tiada maklumat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kawasan Penempatan

Program pembangunan RPS Runchang turut menyediakan sebuah kawasan petempatan kepada setiap peserta rancangan tersebut. Setiap keluarga yang dipindahkan disediakan sebuah rumah tempat kediaman di atas tapak seluas 0.1 hektar (1/4 ekar) untuk tapak rumah dan 0.4 hektar (1 ekar) dusun. Kawasan petempatan yang terancang turut dilengkapi dengan kemudahan perniagaan, sosial dan infrstruktur yang secukupnya[142].

Tapak RPS Runchang

Penetapan tapak dilakukan setelah kajian tapak, ukur tapak, pelan tapak, reka bentuk kejuruteraan tapak, tender rumah, pembinaan rumah dan kemasukan penduduk dilaksanakan. Kesemua urusan tersebut dilakukan oleh JHEOA, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) melalui Pelan Induk Pembangunan Pahang Tenggara . Agensi yang terlibat saling bekerjasama dalam menjalankan tugas mengikut bidang masing-masing.

Perkampungan

Objektif utamanya adalah untuk menyediakan perancangan kawasan petempatan supaya lebih teratur dan tersusun. Pembinaan projek pembangunan tersebut dapat memudahkan perkhidmatan sosial serta kemudahan awam disalurkan kepada peserta RPS Runchang. Selain itu, tujuannya juga adalah sebagai pemangkin untuk

[142] LKPT 4037/PTL/6;RPS Orang Asli, hlm. 2.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mengukuhkan tali persaudaraan antara penduduk dalam sesebuah perkampungan melalui proses integrasi dengan penduduk di kawasan kampung yang berhampiran.

Kawasan Perkampungan yang ditetapkan ini telah menempatkan peserta Orang Asli bersama keluarga masing-masing. Kawasan tersebut menjadi kawasan petempatan kekal. Mereka menjalankan kegiatan pertanian untuk menampung kehidupan. Berdasarkan perancangan untuk menampung 250 buah keluarga, peruntukan tanah bagi setiap keluarga telah ditetapkan seperti berikut:

I. Lot Rumah : 0.25 ekar (0.1 hektar)

II. Dusun : 1.0 ekar (0.4 hektar)

III. Tanaman Utama : 8.5 ekar (3.4 hektar)

Menerusi projek tersebut, kawasan petempatan dibahagikan kepada 3 buah blok iaitu blok A, B dan C. Setiap blok mempunyai bilangan rumah yang tidak sama. Buktinya, rumah yang disediakan bagi blok A ialah sebanyak 94 buah, blok B pula ialah sebanyak 69 buah dan blok C sebanyak 52 buah rumah[143]. Kesemua rumah yang dibina terletak di sepanjang jalan yang sedia ada di kawasan RPS Runchang dan rumah yang dibina tersebut merupakan rumah kekal[144]. Seramai 250 buah keluarga yang menyertai projek RPS Runchang ini[145]. Profil RPS Runchang adalah seperti berikut:

1. Nama Batin : Hitam bin Yot

[143] Jumlah bilangan rumah antara ketiga-tiga blok adalah berbeza kerana dipengaruhi oleh saiz dan keluasan tanah setiap blok yang tidak sama. Hal ini disebabkan kerana blok C mempunyai bilangan rumah yang paling sedikit kerana berada dalam lingkungan kawasan berbukit-bukau berbanding blok A dan B yang kedudukan geografinya bertanah datar.

[144] PCD.5.001KLT.9;JHEOA.

[145] Tender pembinaan 100 unit rumah telah siap dan diberikan kepada Darawood Sdn. Bhd. Lihat dalam LKPT 4037/PTL / 6; RPS Orang Asli, hlm. 8. Lihat juga dalam LKPT SULIT.6083/PB JHEOA, hlm. 10 yang menerangkan tender rumah fasa 1 telah diberikan pada September 1985 berjumlah sebanyak 100 unit dan telah siap pembinaannya pada November 1985. Kesemua 100 unit rumah ini telah diduduki oleh Orang Asli. Lihat juga dalam LKPT 3626/PT JLD.8;JHEOA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2. Bilangan Keluarga : 250

3. Bilangan Penduduk : 1,212

4. Suku kaum : Jakun

5. Mukim : Bebar

6. Luas Kawasan Kampung : 1113 hektar (2750 ekar)

7. Kawasan ADUN : Bebar

8. Lokasi : 75 km dari Bandar Pekan melalui Jalan Paloh Hinai ke Lebuhraya Kuantan-Segamat[146].

Kawasan Pertanian

Pihak JHEOA dengan kerjasama FELCRA berusaha untuk memperbaiki pendapatan masyarakat Orang Asli melalui sistem penggunaan tanah secara maksima bagi meningkatkan mutu pengeluaran hasil tanaman. Kerjasama diwujudkan dengan Felcra kerana Felcra merupakan sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk memulihkan semula dan memajukan rancangan tanah kerajaan negeri yang memerlukan pemulihan. Oleh itu, projek pembangunan pertanian diperkenalkan bagi memberi peluang kepada peserta RPS Runchang memperolehi pendapatan yang tetap dengan pemberian tanah lain seluas 8.5 hektar (3.4 ekar). Tanah yang diterima ditanami dengan tanaman kekal seperti getah dan kelapa sawit[147]. Tanaman komersial tersebut dilaksanakan oleh Felcra mengikut sistem perladangan moden[148]. Pengurusan adalah secara ala estet dan

[146] JHEOA.RPS.RD1.001(63);Projek Pembangunan. Lihat juga dalam JHEOA .PCD.5.001KLT.8;RPS Runchang.
[147] Kawasan RPS Runchang merupakan sebuah kawasan pembebasan galian kerana kawasan RPS Runchang tiada mengandungi bahan-bahan galian. Sila lihat dalam LKPT 3626/PT JLD.8;JHEOA.
[148] Kajian tanah menunjukkan bahawa pembangunan pertanian RPS Runchang adalah sesuai untuk penanaman kelapa sawit. *Ibid*.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

peserta merupakan pemilik saham yang menerima dividen daripada keuntungan ladang[149].

Pembangunan Tanah

Pihak JHEOA telah merealisasikan projek pembangunan terhadap masyarakat Orang Asli dengan mengenal pasti kawasan pertanian untuk kegiatan tanaman yang dapat memberikan pendapatan kepada peserta rancangan. Sebanyak 2348.3 ekar (950.4 hektar) dijadikan sebagai kawasan pertanian. Tanah pertanian tersebut ditanami dengan kelapa sawit berdasarkan hasil kajian yang mendapati bahawa tanah di kawasan RPS Runchang sangat sesuai dengan tanaman kelapa sawit[150].

FELCRA[151] yang menguruskan projek tanaman kelapa sawit melaksanakannya dalam dua peringkat. Peringkat pertama mempunyai keluasan berjumlah 459.713 hektar dan peringkat kedua pula ialah seluas 417 hektar. Kelapa sawit pada peringkat pertama ditanam pada bulan Oktober 1989 dengan menelan perbelanjaan sebanyak RM5,278.211.53. Seramai 194 orang peserta yang menyertai tanaman tersebut dan kemudian dapat menikmati hasil kira-kira tiga tahun kemudian iaitu pada bulan Ogos 1992[152].

Jadual 3.7 menunjukkan pembangunan tanah yang diusaha dan dibangunkan oleh FELCRA BHD. Bilangan kelapa sawit yang mengeluarkan hasil ialah sebanyak 58,945 batang pokok dan bayaran dividen yang pertama diberikan kepada peserta RPS

[149]LKPT 4037/PTL/6;RPS Orang Aslli, hlm. 2.
[150] Kawasan pertanian fasa 1 seluas 459 hektar siap ditanam dan mengeluarkan hasil pada tahun 1993. Fasa 2 (417 hektar) ditender kerja-kerja pembersihan apabila semua pembebasan hutan kawasan tersebut diperolehi dan mendapat peruntukan daripada JHEOA. Lihat dalam LKPT SULIT 6083/PB JLD.2;JHEOA, hlm. 8.
[151] JHEOA.RPS.RD1.001(58);Projek Pembangunan.
[152] JHEOA.RPS.RD1.001(60);Projek Pembangunan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Runchang pada bulan Februari 1995. Dividen tersebut telah dibayar kepada setiap keluarga berjumlah lebih kurang RM350. Bayaran tersebut dapat memberi bantuan kepada masyarakat Orang Asli untuk menyara kehidupan mereka. Oleh itu, jelaslah bahawa tanaman kelapa sawit merupakan sebuah projek yang mampu memberi perubahan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli yang menyertai skim RPS. Hal ini kerana mereka tidak lagi terikat dengan kegiatan ekonomi yang berbentuk sara diri. Namun begitu, kejayaan dalam tanaman kelapa sawit ini hanya berjaya membuka sebilangan kecil minda masyarakat Orang Asli terhadap kesungguhan pihak kerajaan menerusi JHEOA dalam usaha untuk mempertingkatkan taraf kehidupan mereka.

Jadual 3.7
Pembangunan Tanah
yang Telah Diusahakan dan Dibangunkan oleh Felcra Bhd.
RPS Runchang Mukim Bebar, Daerah Pekan

1.	Kod Lokasi	:	04-935
2.	Luas Kawasan	:	459.713 Hektar
3.	Tahun Dimajukan	:	1989
4.	Luas Ditanam	:	424.097 Hektar
5.	Tahun Ditanam	:	Oktober 1989
6.	Jenis Tanaman	:	Kelapa Sawit (D x P)
7.	Luas Berhasil	:	424.097 Hektar
8.	Tarikh Berhasil	:	Ogos 1992
9.	Bil Pokok Berhasil	:	58,945 Pokok
10.	SPH	:	139/Pokok/Hektar
11.	Bilangan Peserta	:	194 (2.186 H/Orang)
12.	Tarikh Kemasukan Peserta	:	Tahun 1995
13.	Bayaran Dividen Pertama	:	Feb 1995

Sumber: JHEOA.PCD.5.001/KLT.9;RPS Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Komponen Pelan Pembangunan

RPS Runchang dilaksanakan dengan menetapkan beberapa Komponen Pelan Pembangunan dan komponen tersebut adalah seperti berikut:

Kawasan Pusat

Kawasan Pusat merupakan sebuah kawasan yang dipilih untuk menjadi pusat pergerakan bagi seluruh kawasan kampung dalam RPS Runchang. Kawasan ini dibangunkan supaya pihak JHEOA dan jabatan lain yang mempunyai hubungan dengan RPS Runchang dapat menjalankan urusan pentadbiran. Oleh itu, RPS Runchang berperanan sebagai sebuah pusat pentadbiran JHEOA. Selain itu, JHEOA juga berperanan sebagai sebuah kawasan pusat untuk menyediakan kemudahan serta keperluan seperti perkhidmatan sosial dan kemudahan awam kepada masyarakat Orang Asli[153]. Kawasan pusat tersebut mempunyai keluasan lebih kurang 24.3 ekar (9.8 hektar)[154]. Kemudahan yang disediakan dalam kawasan pusat bagi memenuhi syarat skim RPS tersebut adalah seperti berikut:

i. Pejabat Pentadbiran
ii. Klinik Desa
iii. Sekolah dan Padang Sukan
iv. Rumah Pegawai dan Kakitangan
v. Kelas Tabika
vi. Rumah Persinggahan
vii. Rumah Ibadat

[153] Sila lihat dalam Keperluan Tanah Untuk Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Kawasan Titiwangsa, *op.cit.*, hlm. 9.
[154] *Ibid.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

viii. Bekalan Air dan Elektrik

ix. Balai Raya

x. Jalan / sistem perhubungan[155].

Jadual 3.8 menunjukkan kemudahan asas dan lain-lain pembangunan yang terdapat di RPS Runchang. Menerusi skim tersebut, pihak JHEOA menyediakan rumah kepada peserta RPS dan kakitangan yang berkhidmat dengan JHEOA. Sebanyak 13 buah rumah dibina untuk kakitangan JHEOA. Segala kemudahan yang disediakan seperti Klinik Desa, Kedai, Sekolah, Pejabat, Tabika dan sebagainya adalah bertujuan mewujudkan sebuah masyarakat Orang Asli yang dapat menikmati pembangunan dan mampu bersaing dengan masyarakat Melayu, Cina dan India.

Jadual 3.8
Kemudahan Asas dan Rancangan Pembangunan
di Rancangan Pemgumpulan Semula Runchang

Bil	Perkara	Bilangan	Tahun
1.	Rumah Peserta	275	86/92/94/96/98/02/03/04
2.	Rumah Kakitangan	13	1986
3.	Klinik Desa	1	1996
4.	Sekolah Kementerian	1	1996
5.	Pejabat Pentadbiran	1	1996
6.	Balairaya	1	1996
7.	Tabika	1	1997
8.	Taska	1	1998
9.	Kedai 3 Pintu	1	1998
10.	Bengkel Kraf	1	t.m
11.	Dewan Orang Ramai	1	2000
12.	Kelas K3P	1	2000
13.	Bekalan Air Tiub Well	1	2005

Sumber: dipetik dan diubahsuai daripada PCD.5.001KLT.9;RPS Runchang.
* t.m – tiada maklumat.

[155] *Ibid.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pejabat Pentadbiran RPS Runchang

RPS Runchang menjalankan pentadbirannya di pejabat yang disediakan oleh pihak JHEOA di kawasan Runchang. Tujuan pentadbiran diwujudkan adalah untuk memudahkan urusan pentadbiran JHEOA Runchang menjalankan tugasnya dan memberi peluang kepada masyarakat Orang Asli berurusan dengan pihak pentadbiran. Kakitangan yang berkhidmat di sini adalah seramai 10 orang. Pentadbirannya diketuai oleh seorang Pengurus Rancangan dengan dibantu oleh beberapa orang kakitangan yang lain. Selain itu, kakitangan daripada Kementerian Kesihatan turut menjalankan tugas di RPS ini.

Klinik Desa - Perubatan dan Kesihatan

Projek pembangunan yang disediakan kepada masyarakat Orang Asli menjadi lebih mantap setelah kemudahan perubatan dan rawatan kesihatan disediakan. Hal ini kerana taraf kesihatan yang baik mampu melahirkan kehidupan yang sempurna. Namun begitu, pada peringkat awal pihak JHEOA hanya menyediakan sebuah perkhidmatan perubatan sementara dari semasa ke semasa[156]. Perubatan tersebut dikenali sebagai Klinik Rawatan Orang Asli. Menerusi perubatan tersebut, pihak Jabatan Kesihatan mengambil inisiatif dengan membuat kajian terhadap penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap rawatan moden.

Setelah didapati penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap rawatan moden adalah memberangsangkan dan jumlah penduduk memenuhi kuota keperluan, JHEOA telah membina sebuah Klinik Desa pada tahun 1981. Kos pembinaannya adalah

[156] Klinik Desa tidak dapat dibina kerana jumlah penduduk di kawasan Runchang masih tidak memenuhi kuota yang berjumlah seramai 250 orang. Lihat dalam LKPT 3626/PT JLD.8;JHEOA, hlm. 11.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sebanyak $12,000.00[157]. Klinik tersebut dikendalikan oleh Jururawat Masyarakat dengan dibantu oleh seorang Pembantu Luar yang khusus dalam bidang perubatan. Tujuan perlantikan Pembantu Luar adalah untuk melicinkan lagi urusan rawatan kesihatan. Kedua-dua jawatan tersebut dilantik oleh JHEOA dengan usahasama Kementerian Kesihatan.

Ubat yang dibekalkan di Klinik Desa tersebut boleh diperolehi dari Pusat Kesihatan Besar Chini dan Hospital JHEOA Gombak. Namun begitu, sekiranya terdapat kes-kes kecemasan dan rawatan lanjutan yang diperlukan, hal tersebut perlu dirujuk ke Hospital Bukit Ibam, Hospital Daerah Pekan dan Hospital Besar Kuantan. Selain itu, perkhidmatan klinik bagi ibu mengandung dan klinik kanak-kanak turut disediakan kepada peserta RPS ini[158].

Persekolahan

RPS Runchang mempunyai sebuah sekolah yang dikenali sebagai Sekolah JHEOA Runchang. Sekolah tersebut hanya mempunyai tiga buah bilik darjah sahaja[159]. Kategori sekolah ini adalah jenis A iaitu sekolah yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak JHEOA yang merangkumi penyediaan tenaga pengajar dan bangunan sekolah. Sekolah ini dibuka pada tahun 1984 dan pendidikan diberikan kepada anak-anak Orang Asli di kawasan Runchang dan kawasan yang berhampirannya[160].

Pihak Kementerian Pendidikan kemudian mengambil alih sepenuhnya pentadbiran Sekolah JHEOA Runchang daripada JHEOA pada sesi persekolahan tahun

[157] *Ibid.*
[158] *Ibid.*
[159] *Ibid.*
[160] Purata murid di sekolah ini adalah terdiri daripada anak peserta skim RPS Runchang. *Ibid.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1991 / 1992[161]. Pengambilalihan tersebut menyebabkan sekolah ini berpindah kategori daripada sekolah jenis A kepada kategori sekolah jenis C. Kategori sekolah jenis C ialah sekolah yang disediakan bangunan dan tenaga pengajar oleh Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan kemudian membina sebuah bangunan sekolah yang baru pada tahun 1989. Bangunan fizikal sekolah dibina menggunakan bahan kekal bangunan batu dan mempunyai tiga buah blok bangunan. Bangunan tersebut mengandungi sebuah pejabat pentadbiran sekolah, sebuah bilik guru, tujuh buah bilik darjah, sebuah unit pusat sumber sekolah berserta bilik tayang, stor dan tandas. Sebuah bangunan kantin sekolah dan padang permainan turut disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Selain itu, nama Sekolah JHEOA Runchang ditukarkan kepada Sekolah Kebangsaan Runchang dan sesi persekolahan dimulakan pada 2 Disember 1991. Murid yang mendaftar di sekolah ini adalah seramai 180 orang dan kelas yang disediakan adalah sebanyak lima buah. Guru yang berkhidmat di sekolah ini adalah seramai sepuluh orang. Seorang daripadanya adalah guru besar, tiga orang guru tetap dan enam orang guru sandaran. Bilangan kakitangan kemudian bertambah menjadi seramai 13 orang guru dan seorang pekerja am.

Jabatan Pendidikan Negeri Pahang kemudian membina tiga unit rumah guru yang mempunyai tiga buah bilik pada tahun 1993. Proses pengambilalihan pentadbiran dan pengurusan sekolah daripada JHEOA oleh pihak Kementerian Pendidikan dilakukan secara berperingkat. Perpindahan pentadbiran Sekolah JHEOA Runchang kepada pihak Kementerian Pendidikan berlaku sepenuhnya pada tahun 1996. Walau bagaimanapun, sekolah ini masih lagi dalam usaha bersama dengan pihak

[161] Sila lihat dalam LKPT SULIT 6083 / PB JLD.2;JHEOA, hlm. 8.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

JHEOA kerana bantuan kepada murid Asli seperti yuran persekolahan, peperiksaan, alat tulis dan pakaian seragam masih disediakan oleh pihak JHEOA[162].

Pada peringkat awal penubuhan sekolah, kesedaran pihak ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka adalah sangat kurang. Namun begitu, usaha yang berterusan daripada pihak JHEOA dan pemimpin masyarakat setempat dilakukan seperti mengadakan kempen kesedaran melalui Lawatan Dari Rumah Ke Rumah. Selain itu, pihak JHEOA juga turut menyediakan pelbagai kemudahan seperti bekalan pakaian seragam sekolah yang lengkap. Pemberian pakaian seragam ini berjaya menarik minat ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah. Keadaan ini menyebabkan bilangan murid yang hadir ke sekolah semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Jadual 3.9 menunjukkan perangkaan murid yang didaftarkan bagi sesi 1993/94. Jumlah keseluruhan murid adalah seramai 216 orang yang terdiri daripada tahun satu sehingga tahun enam. Pertambahan bilangan murid menunjukkan satu perubahan yang membanggakan kerana masyarakat Orang Asli sudah semakin sedar tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka. Kesedaran tersebut timbul ekoran komitmen padu yang diberikan oleh pegawai JHEOA dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat Orang Asli agar menghantar anak mereka ke sekolah. Hal ini kerana pendidikan merupakan instrumen penting yang mampu membawa kecemerlangan dalam kehidupan setiap orang.

[162] Keterangan ini diperolehi daripada Encik Ali bin Bakar, Pegawai JHEOA Daerah Pekan pada 3 Ogos 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.9
Perangkaan Murid-Murid Yang Didaftarkan Bagi Sesi 1993/94

Kelas	Murid (Orang)		Jumlah Murid
	Lelaki	Perempuan	(Orang)
Tahun 1	19	18	37
Tahun 2	18	22	40
Tahun 3A	15	13	28
Tahun 3B	16	14	30
Tahun 4	19	13	32
Tahun 5	18	18	36
Tahun 6	10	3	13
JUMLAH	115	101	216

Sumber : dipetik daripada JHEOA. RPS.R.A1.JLD2.001;Pentadbiran Am

Bekalan Air

Air merupakan sumber yang sangat penting dalam kehidupan manusia kerana tanpa bekalan air manusia tidak dapat menjalani kehidupan dengan sempurna. Oleh itu, bekalan air perlu disediakan dalam skim RPS Runchang bagi memastikan peserta RPS Runchang dapat menikmati bekalan air bersih dan dapat meningkatkan taraf hidup serta kesihatan masyarakat Orang Asli. Namun begitu, pada peringkat awal pembentukan RPS Runchang ini peserta rancangan tidak dibekalkan dengan sumber air yang bersih sebagai kegunaan seharian[163] kerana tidak terdapat saluran paip yang berdekatan. Oleh itu, peserta RPS Runchang telah menjadikan sungai dan telaga[164] yang dibina sendiri sebagai alternatif untuk mengatasi masalah bekalan air.

[163] JHEOA.RPS.RD1.001(64)., Projek Pembangunan.

[164] Tidak semua keluarga Orang Asli dapat mengorek perigi dan menggunakan sungai sebagai punca sumber air. Keadaan ini adalah disebabkan oleh:

a. Keadaan bentuk muka bumi perumahan mereka yang berbukit bukau agak sukar serta menggunakan kos yang tinggi untuk menggorek sebuah perigi.
b. Perigi yang dikorek airnya kering bila tiba musim kemarau dan keadaan bertambah buruk apabila anak sungai Serai turut kering pada musim tersebut.
c. Keadaan air dari anak sungai Serai sering dicemari kekotoran minyak daripada kilang kelapa sawit yang berhampiran RPS Runchang dan tidak sesuai untuk kegunaan seharian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pihak JHEOA sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah bekalan air dari semasa ke semasa dan pada tahun 1992 pihak JHEOA telah membina bekalan air dari dalam bumi. Sumber utama bekalan air[165] di RPS Runchang adalah daripada sungai dan juga telaga yang dibina sendiri[166]. Namun begitu, pihak jabatan turut membekalkan pembetong bagi tujuan tersebut.

Seterusnya pusat pentadbiran juga disediakan telaga dan airnya dipam dengan pam '*sentrifugal'* dan dibekalkan terus ke rumah kakitangan tanpa rawatan air. Walau bagaimanpun, bekalan air dan pam ini disediakan hanya untuk jangka masa pendek sahaja[167]. Kegagalan peserta RPS Runchang untuk menikmati bekalan air bersih sentiasa diberi perhatian oleh pihak JHEOA. Satu tindakan diambil dengan mengemukakan satu permohonan bekalan air bersih daripada Jabatan Bekalan Air (JBA) dengan anggaran kos RM2 juta[168]. Bekalan air bersih dapat memberi peluang kepada peserta RPS Runchang untuk memperolehi kualiti hidup yang lebih baik kerana air bukan lagi masalah utama dalam kehidupan seharian mereka. Mereka dapat menikmati bekalan air yang sempurna pada tahun 2005.

---

d. Sungai Bebar ialah sebatang sungai besar dan jarak dari RPS sejauh tujuh km adalah agak sukar untuk dijadikan sumber air seharian. Sila lihat dalam JHEOA.RPS.RD1.001(64);Projek Pembangunan.

[165] Ibu Pejabat JHEOA telah membina bekalan air dalam bumi pada tahun 1992. Lihat dalam LKPT SULIT 6083/PB JLD.2;JHEOA, hlm. 8. Lihat juga dalam LKPT 3626/PT JLD.8;JHEOA yang mengatakan bahawa bekalan air yang disambung pada tahun 1992 dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) bernilai $70,000.000 telah dikendalikan oleh JKR Air Pahang Tenggara.

[166] Bekalan air tidak boleh disambung dari Muadzam Shah dan satu sistem mini bekalan air tersendiri perlu dibuat. JKR sedang mengkaji semula projek bekalan air yang sesuai beserta dengan perbandingan anggaran kos yang terlibat. Lihat dalam LKPT 4037/PTL/6;RPS Orang Asli, hlm. 4.

[167] Lihat dalam LKPT 3626/PT JLD.8;JHEOA, hlm. 11.

[168] JHEOA.RPS.RD1.001(64);Projek Pembangunan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Bekalan Elektrik

Seterusnya, JHEOA juga turut berusaha untuk menyediakan bekalan elektrik kepada peserta rancangan. Hal ini kerana bekalan elektrik merupakan satu keperluan asas dalam mencapai pembangunan RPS Runchang. Bekalan elektrik juga berupaya meningkatkan keselesaan serta pencapaian taraf ekonomi yang lebih baik. Pembinaan bekalan elektrik di kawasan RPS Runchang bermula selepas pusat penempatan siap pada akhir tahun 1986[169]. Bekalan elektrik dikendalikan oleh Tenaga Nasional Berhad yang beroperasi selama 12 jam bermula pada tahun 1991[170]. Tempoh masa 12 jam ialah daripada tujuh petang sehingga tujuh pagi. Hal ini kerana penggunaan elektrik hanya digunakan pada waktu malam bagi mendapatkan sumber cahaya. Pada peringkat awal pembentukan RPS, masyarakat Orang Asli masih tidak mahir menggunakan peralatan elektrik.

Tidak semua peserta RPS menerima bekalan elektrik. Keadaan ini adalah disebabkan kerana kos penyambungan ditanggung oleh mereka sendiri. Oleh itu, hanya 50 buah daripada 120 buah rumah yang membuat peyambungan elektrik ke rumah mereka. Selebihnya membuat penyambungan elektrik setelah mereka dapat mengumpul modal untuk membayar kos penyambungan tersebut[171].

Pihak JHEOA sentiasa berusaha untuk menaikkan taraf bekalan elektrik kepada peserta RPS Runchang dari 12 jam kepada 24 jam. Hal ini kerana adalah tidak wajar kampung ini ketinggalan daripada menikmati kemudahan elektrik 24 jam seperti kampung yang lain seiring dengan pengetahuan pengendalian perkakas elektrik yang

[169] Bekalan elektrik Luar Bandar sedang dalam pelaksanaan di RPS Runchang dan diletakkan di bawah tindakan LLN Luar Bandar. Lihat dalam LKPT 3626/PT JLD.8; JHEOA.
[170] Jawatankuasa bersetuju supaya bekalan letrik 12 jam disediakan. Namun begitu, bagi penempatan yang sedia ada, LLN tidak menyediakan bekalan elektrik kerana mereka tidak terlibat dalam perpindahan, tambahan pula keadaan rumah mereka tidak sesuai untuk pendawaian elektrik., *Ibid.* Lihat juga dalam JHEOA.RPS.RD1.001(63);Projek Pembangunan yang menerangkan bahawa RPS Runchang merupakan sebuah kampung tersusun dan telah menikmati bekalan elektrik selama 12 jam mulai tahun 1991.
[171] Lihat dalam LKPT SULIT 6083/PB JLD.2;JHEOA, hlm.8.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

semakin dikuasai oleh mereka[172]. Sebagai contoh, RPS Kedaik dan RPS Bukit Serok sudah menerima kemudahan bekalan elektrik 24 jam. Oleh itu, JHEOA daerah Pekan membuat permohonan untuk menaikkan taraf bekalan elektrik daripada 12 jam kepada 24 jam. Kawasan yang menerima bekalan elektrik selama 24 jam ialah seperti rumah kediaman kakitangan RPS Runchang, peserta rancangan RPS serta sekolah dengan pembiayaan kosnya adalah sebanyak RM 2 juta.

Balai Raya

Balai raya dibina pada tahun 1986 yang menelan belanja sebanyak RM10,000.00. Pembinaan balai raya tersebut dibiayai oleh Pejabat Daerah Pekan. Balai raya dibina adalah bagi memenuhi permintaan masyarakat setempat untuk mengadakan kegiatan kemasyarakatan peserta RPS Runchang. Kegiatan kemasyarakatan yang dijalankan ialah seperti seminar mengenai pembangunan RPS Orang Asli Runchang, Klinik Rawatan Gigi Bergerak, Klinik X-Ray Bergerak dan Klinik Tibi Bergerak. Kesemua klinik bergerak tersebut adalah daripada Hospital JHEOA Gombak yang datang tiga bulan sekali. Pegawai perubatan yang mengendalikan rawatan klinik bergerak ialah pegawai perubatan lelaki daripada masyarakat Orang Asli sendiri.

Jalan / Sistem Perhubungan

Penyediaan kemudahan pengangkutan merupakan satu aspek utama dalam sesebuah pembangunan. Hal ini kerana melalui pengangkutan penduduk khususnya peserta RPS

[172] Penggunaan elektrik sebenarnya banyak digunakan pada waktu siang. Sebagai contoh media elektronik banyak memberi penerangan, pembelajaran dan 'isu' serta berita pada waktu siang. Keterangan yang lebih lanjut sila lihat dalam JHEOA.RPS.RD1.001(63);Projek Pembangunan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Runchang dapat bergerak dengan lancar dan mudah. Kelancaran pergerakan berupaya untuk memperbaiki taraf kehidupan masyarakat Orang Asli. Oleh itu, bagi mencapai sasaran tersebut pihak JHEOA berusaha membina jalan masuk dari lebuh raya Kuantan – Segamat ke RPS Runchang sejauh 12 km[173]. Namun begitu, JHEOA menghadapi masalah kekurangan modal. Justeru, jalan yang diturap hanya dua km bermula daripada persimpangan masuk ke RPS Runchang dan selebihnya adalah jalan tanah merah[174].

Pada tahun 1994 pula, jalan di perkampungan blok sejauh empat km telah dinaikkan taraf. Seterusnya, pihak JKR dan DARA berjaya membina jalan masuk ke RPS Runchang sejauh 12 km. Jalan tersebut diturap sepenuhnya sehingga ke Pejabat Pentadbiran dan jalan masuk ke Sek. Keb. Runchang[175]. Jalan perkampungan hanya ditambah dengan *'crusher'* sahaja. Seterusnya, dalam Projek Pembangunan Tahun 1999 menerusi Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6), pihak JHEOA telah mengusahakan satu projek untuk menaik taraf jalan RPS Runchang ke kawasan Blok A sepanjang 1.6 km. Projek ini dikendalikan oleh JKR Pekan dan disubkan kepada kontraktor Wadah Emas Sdn. Bhd[176]. Jadual 3.10. di bawah menunjukkan perkembangan pembinaan jalan raya di kawasan rancangan RPS Runchang.

---

[173] Tawaran membina jalan masuk dibuat pada bulan Julai 1992 yang menelan belanja sebanyak $250,000.00. Projek ini dilaksanakan oleh Syarikat Fiza. Sila lihat dalam LKPT SULIT 6083/PB JLD.2;JHEOA, hlm. 7.

[174] Penjajaran jalan masuk di sebelah utara termasuk 2.9 km melalui Ladang Nafas diperbaiki. Kosnya dianggarkan kira-kira $1.1 juta. JHEOA dan DARA tidak mempunyai peruntukan untuk membina jalan ini dalam RMK-5. Lihat dalam LKPT 4037/PTL/6;RPS Orang Asli, hlm. 8.

[175] Sila lihat dalam Taklimat Biodata Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Rancangan Pengumpulan Semula Runchang, *op.cit.*, hlm. 12.

[176] JKR telah menyerahkan peruntukan yang diterima kepada Kontraktor Wadah Emas dengan peruntukan tahun 1999 sebanyak RM160,000.00 [(P 42.00901014 yang bernilai sebanyak RM100,000.00) dan P 42 00901019 yang bernilai RM60,000.00)].

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.10
Perkembangan Pembinaan Jalan Raya di RPS Runchang

Bil	Tahun	Perkara
1	1994	Jalan perkampungan blok B dan blok C : RM 42,000.00 *'crusher'* oleh JHEOA Pekan
2	1995	Jalan masuk dilaksanakan oleh JKR DARA RM 3,000,000.00
3	1996	Jalan masuk dilaksanakan oleh JKR DARA RM 200,000,00
4	1998	Jalan masuk *'crusher'* ke blok A dan blok B RM 6,000.00 oleh JHEOA Pekan

Sumber: Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. (2004). Taklimat Biodata Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Rancangan Pengumpulan Semula Runchang. Pekan: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 12.

Kedai Runcit

Pihak JHEOA juga turut menggalakkan masyarakat Orang Asli menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Hal ini adalah kerana barangan yang dijual di kedai runcit tersebut merupakan barangan harian yang diperlukan oleh masyarakat Orang Asli. Sehubungan itu, pihak JHEOA telah menyediakan empat buah bangunan kedai kepada peserta RPS Runchang pada tahun 1997. Pada tahun 1998 pula, Jabatan membina kedai tiga pintu yang berharga RM38,000.00 kepada peserta yang berminat untuk melibatkan diri dalam dunia perniagaan[177]. Selain daripada kedai runcit, peserta RPS Runchang juga turut mendapat bekalan keperluan harian daripada pembekal luar yang datang ke kawasan RPS Runchang untuk berniaga.

Kemudahan Rekreasi

JHEOA turut menyediakan sebuah padang permainan yang dilengkapi gelanggang sepak takraw / badminton, taman permainan kanak-kanak dan pentas awam.

[177] *Ibid.*, hlm. 13.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kemudahan rekreasi disediakan bertujuan untuk memudahkan mereka melakukan aktiviti riadah[178].

Secara tuntasnya, pembangunan dan kemudahan prasarana yang diberikan merupakan permulaan nadi kehidupan yang baru kepada masyarakat Orang Asli. Peningkatan kesedaran tentang pembangunan memberi peluang kepada masyarakat Orang Asli untuk menikmati sebuah kehidupan yang sempurna. Pembangunan daripada aspek pendidikan pula merupakan wadah untuk menjadikan anak-anak mereka celik huruf agar setanding dengan anak-anak kaum lain seperti kaum Melayu, Cina dan India. Komitmen yang diberikan oleh pegawai JHEOA merupakan tunggak utama kepada kejayaan pembangunan yang dilakukan. Kerjasama menyeluruh agensi yang terlibat dalam pembangunan terhadap Orang Asli turut memudahkan pembangunan dilaksanakan.

[178] JHEOA.PCD.5.001/KLT.9., RPS Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 4

PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN PERUBATAN TERHADAP ORANG ASLI

Secara umumnya masyarakat Orang Asli di kawasan RPS Runchang menyambut baik rancangan perkhidmatan dan perubatan yang diperkenalkan kepada mereka. Program tersebut mudah diterima oleh masyarakat Orang Asli kerana sudah wujudnya kesedaran untuk mempertingkatkan taraf hidup ke arah yang lebih sempurna. Kehidupan yang lebih sempurna dapat dikecapi dengan adanya taraf kesihatan yang baik. Hal ini kerana taraf kesihatan yang baik menyokong pelaksanaan rancangan pembangunan terhadap mereka. Oleh itu, dalam bab ini penyelidik memberi penekanan mengenai rancangan Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan terhadap masyarakat Orang Asli RPS Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dasar Kerajaan terhadap Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan Orang Asli

Kerajaan memperkenalkan Dasar Kesihatan Umum menerusi program pembangunan kesihatan. Program ini dipertanggunjawabkan kepada JHEOA yang berperanan sebagai badan perantaraan antara pihak kerajaan dengan masyarakat Orang Asli. Menerusi program ini, JHEOA berusaha untuk memberi kesejahteraan dan peningkatan taraf hidup dalam kalangan masyarakat Orang Asli[179]. Hal ini disebabkan kerana taraf kesihatan mereka berada pada tahap yang tidak memuaskan[180].

Perkhidmatan perubatan merupakan salah satu aktiviti untuk mewujudkan sebuah kehidupan sosial dan ekonomi yang produktif dalam kalangan masyarakat Orang Asli[181]. Perkhidmatan perubatan yang disediakan oleh JHEOA adalah seperti Hospital JHEOA di Gombak, Pos Perubatan, Pos-pos Kecemasan *(Landing Base)*, Perkhidmatan Doktor Terbang *(AFDS: Aborigine Flying Doctor Service)* dan Lawatan ke Kampung-kampung *(Field Trip)*[182].

Dasar tersebut dilaksanakan menerusi peruntukan yang disediakan oleh pihak JHEOA. Jumlah belanja mengurus adalah mengikut aktiviti yang ditetapkan oleh

---

[179] Lihat dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1978, Mei 25). Laporan Suku Tahun Pertama 1978. Gombak : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, hlm. 13. Lihat juga dalam Dasar Kerajaan Berkenaan Dengan Pentadbiran Orang Asli di Semenanjung Malaysia, *op.cit*., hlm. 4. Lihat juga dalam Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (t.t). Statement of Policy Regarding The Administration of The Orang Asli of Peninsular Malaysia. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

[180] JHEOA menubuhkan 140 buah Pos-Pos Perubatan (klinik) dalam hutan di seluruh Semenanjung Malaysia dan ramai daripada kalangan masyarakat Orang Asli menerima rawatan dan perubatan moden. Setiap pos ini mempunyai semboyan *(wireless)* dan juga padang helikopter. Orang Asli yang sakit teruk dibawa dengan helikopter ke Hospital JHEOA Gombak. Lihat dalam Baharom Azhar bin Raffiei. (1966, November 4). Masalah Integrasi Di Kalangan Orang Asli. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, hlm. 16.

[181] Perkhidmatan perubatan merupakan salah satu aktiviti yang penting kerana melalui usaha ini, masyarakat Orang Asli di sekitar kawasan pedalaman dapat menerima kemudahan perubatan dengan lebih sempurna. Pos perubatan dibina dengan besi yang disambung menggunakan skru nat (*steel angle*) sebagai rangka bangunan. Selain itu, zink dan papan digunakan untuk membuat dinding dan atap. Lihat dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1974). Anggaran Belanjawan Mengurus (10.01-202 – 13 - Jd.1). Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 18-19.

[182] Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat dalam Jimin Idris. (1972). Kertas Kerja Untuk Majlis Keselamatan Negara dalam Pergerakan. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri, hlm. 4.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

JHEOA. Bidang perubatan menerima jumlah peruntukan yang paling tinggi berbanding dengan bahagian lain. Hal ini berlaku kerana bahagian tersebut mempunyai tanggungjawab yang besar dalam usaha untuk memberi taraf kehidupan yang sempurna kepada masyarakat Orang Asli.

Peruntukan yang tinggi diberikan kerana sebahagian besar daripada masyarakat Orang Asli tinggal jauh di kawasan pedalaman. Jarak yang jauh menyebabkan mereka tidak mempunyai kemudahan infrastruktur dan sukar untuk dihubungi. Kesukaran tersebut menyebabkan penyebaran dan maklumat mengenai rawatan dan cara perubatan moden tidak dapat disampaikan kepada mereka. Kekangan yang wujud menyebabkan mereka lebih cenderung menerima rawatan tradisional berbanding rawatan moden.

Selain itu, perasaan takut dan rasa rendah diri menyebabkan mereka menjauhkan diri dan tidak mahu bercampur dengan masyarakat luar. Implikasi daripada sikap tersebut menyebabkan mereka sukar untuk menerima rawatan dan cara perubatan moden. Justeru, pihak JHEOA telah mengambil pelbagai langkah dan pendekatan sebagai usaha untuk membuka minda dan pandangan mereka terhadap kepentingan penjagaan kesihatan yang sempurna.

Oleh itu, Bahagian Kesihatan JHEOA telah menyediakan perkhidmatan perubatan secara besar-besaran kepada masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman dan pinggiran hutan. Sebuah hospital JHEOA dibina di Gombak Selangor iaitu 12 batu (19.308 km) dari Kuala Lumpur. Hospital tersebut berfungsi sebagai sebuah pusat perubatan yang merawat masyarakat Orang Asli daripada seluruh Semenanjung Malaysia. Hospital ini dibina berhampiran dengan hutan primer bertujuan mengelakkan pesakit Orang Asli menghadapi perubahan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

besar daripada tempat kediaman mereka. Suasana tersebut merupakan satu usaha untuk menarik mereka supaya dapat menerima rawatan dan cara perubatan moden.

Hospital JHEOA Gombak tersebut mempunyai 450 buah tempat tidur dan kemudahan perubatan yang disediakan adalah seperti bahagian pesakit luar (OPD), klinik *antenatal*, klinik kanak-kanak, klinik pergigian, *dispensary*, makmal, X-ray, unit kawalan tibi dan unit rekod perubatan. Perkhidmatan tersebut disediakan hanya untuk Orang Asli sahaja kecuali perkhidmatan pergigian dan bahagian pesakit luar dibuka kepada penduduk berhampiran. Tujuannya adalah untuk mengintegrasikan masyarakat Orang Asli dengan seluruh masyarakat di negara ini. Hospital ini juga turut menyediakan latihan untuk kakitangan perubatan[183].

JHEOA telah mengambil dua orang Pegawai Perubatan, seorang Ketua Jururawat, 27 orang Pembantu Luar Perubatan dan tiga orang kakitangan Luar Orang Asli untuk berkhidmat di hospital Orang Asli Gombak. Manakala bagi masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman pula, rawatan kesihatan disediakan di 140 buah Pos Perubatan[184]. Bilangan kakitangan yang berkhidmat di kawasan Pos Perubatan ialah seorang kakitangan bahagian perubatan dan seorang kakitangan bahagian keselamatan. Penubuhan Pos Perubatan tersebut telah berjaya menarik perhatian masyarakat Orang Asli untuk menerima rawatan.

---

[183] *Ibid.*

[184] Pos Perubatan hanya menjalankan perkhidmatan merawat penyakit-penyakit ringan sahaja. Kakitangan yang berkhidmat di sini adalah yang telah dilatih dengan pengetahuan perubatan moden. Kemudahan yang disediakan di kawasan pos ini adalah seperti '*set wireless'*. Penggunaan alat ini adalah untuk memudahkan perhubungan. Alat ini digunakan untuk menghubungi bahagian kesihatan dan perubatan JHEOA apabila terdapat pesakit yang tidak dapat dirawat di pos perubatan ini dan mereka dihantar pula ke hospital JHEOA Gombak dengan menggunakan helikopter. Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1972). Laporan Tahunan 1971-1972. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 10-11.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Buktinya, sehingga tahun 1957 lebih 31,000 orang penduduk Orang Asli di Tanah Melayu telah menerima rawatan[185]. Kejayaan tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli sudah semakin bersedia untuk menerima cara perubatan moden dan menjaga kebersihan[186]. Perubahan ini berlaku kerana kakitangan JHEOA telah berjaya memberi keyakinan kepada mereka tentang cara rawatan dan perubatan moden.

Jadual 4.1
Peruntukan Perbelanjaan Mengikut Aktiviti
1971 - 1973

Bil	Aktiviti	Sebenar Tahun 1971	Peruntukan Tahun 1972 ($)	Peruntukan Tahun 1973 ($)
1	Pejabat Pentadbiran	780, 154	832, 060	1, 046, 700
2	Pelajaran	557, 494	1, 019, 540	1, 032, 000
3	**PERUBATAN**	**1, 372, 019**	**1, 300, 640**	**1, 468, 900**
4	Pembangunan Sosial dan Ekonomi	363, 046	401, 445	430, 000
5	Penyelidikan & Perancangan	6, 429	19, 180	19, 500
6	Perhubungan & Gerakan	62, 658	97, 135	112, 900

Sumber: dipetik daripada Jimin Idris. (1972). Kertas Kerja Untuk Majlis Keselamatan Negara dalam Pergerakan. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.

Jadual 4.1 menunjukkan perbelanjaan mengurus sektor perubatan mendapat jumlah peruntukan yang tertinggi daripada tahun 1971 sehingga tahun 1973 berbanding lima sektor yang lain. Sektor tersebut ialah sektor pentadbiran Am, pelajaran, pembangunan sosial dan ekonomi, penyelidikan dan perancangan serta perhubungan dan gerakan. Sektor perubatan menunjukkan belanja mengurus yang agak konsisten walaupun ada sedikit perubahan. Pada tahun 1971 jumlah

[185] Sila lihat dalam Federation of Malaya. (1958). *Annual Report 1957*. Kuala Lumpur : Government Press, hlm. 303.
[186] Pada awalnya masyarakat Orang Asli tidak mahu menerima rawatan di Pos Perubatan yang disediakan oleh JHEOA. Namun begitu, sikap mereka mula berubah setelah kakitangan di kawasan pos ini memberi nasihat dan mereka kemudian mahu menerima rawatan perubatan secara beransur-ansur. Lihat dalam Azizah bt Abdul Rahman. *Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Sejarah Penubuhan dan Kejayaannya 1954– 1980, op.cit.,* hlm. 46.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

peruntukan bahagian perubatan adalah sebanyak $1,372,019 telah menurun kepada $1,300,640 pada tahun 1972. Jumlah penurunannya adalah sebanyak 5.2% dan jumlah tersebut kemudiannya meningkat sebanyak 12.94% pada tahun 1973 menjadi $1,468,900.

Peruntukan yang diberikan berkurangan pada tahun 1972 kerana JHEOA telah menerima bantuan di bawah Rancangan Colombo. Rancangan Colombo ialah sebuah rancangan kerjasama ekonomi dan pembangunan sosial negara-negara Komanwel yang terletak di Asia dan Pasifik. Sebanyak 26 buah negara menyertai rancangan ini termasuk Malaysia. Menerusi rancangan tersebut, persetujuan dicapai oleh negara anggota untuk menghulurkan bantuan kepada JHEOA dalam sektor perubatan. Bantuan yang diterima adalah seperti ambulans, alat-alat perubatan, alat X-ray, peralatan membina pos perubatan dan sebagainya[187]

Lima sektor lain juga menunjukkan penerimaan peruntukan yang semakin meningkat setiap tahun kerana masyarakat Orang Asli telah dapat menerima pembangunan yang dijalankan terhadap mereka. Namun begitu, peruntukan tertinggi masih diberikan kepada sektor perubatan. Hal ini kerana kesihatan merupakan wadah utama kepada pembangunan yang dijalankan. Jadual 4.2 pula menunjukkan jumlah Orang Asli yang menerima rawatan di setiap pusat perubatan antara tahun 1971 – 1973.

---

[187] Sila lihat dalam Malaysia, Kementerian Pertanian dan Tanah. (t.t). Laporan Tahunan 1971 - 1972. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 9. Lihat juga dalam Alan Roberts. (2001). *Dictionary of History*. Kuala Lumpur : Percetakan Maziza Sdn. Bhd, hlm.71 - 72 dan *The New American Desk Encyclopedia* 3rd Ed. (1993, April). United States of America : Concord Reference Book Inc, hlm. 289.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.2
Rawatan Orang Asli Malaysia dari Tahun 1971 - 1973

Bil	Perkara	Yang Sebenar 1971	Anggaran 1972	Anggaran 1973
1	Pesakit dirawat di pos-pos perubatan	64, 083	75, 000	76, 000
2	Pesakit dirawat di Hospital JHEOA Gombak	3, 700	3, 500	3, 500
3	Kes-kes pemindahan untuk rawatan dari hutan pedalaman ke Hospital JHEOA Gombak	531	500	500
4	Pesakit di sekitar kawasan Gombak yang menerima rawatan secara harian	356	370	380
5	Kelahiran di pos-pos Perubatan Hutan	706	800	850
6	Kelahiran di Hospital JHEOA Gombak	250	260	280
7	Rawatan Pergigian	8, 983	9,000	9, 000
8	Kerja-kerja X-Ray Bergerak	9, 356	10, 000	11, 000
9	Pemeriksaan Penentuan penyakit	23, 357	25, 000	25, 000
10	Pesakit luar di sekitar kawasan Gombak			
	i. Orang Asli	828	700	700
	ii. Bukan Orang Asli	4, 548	7, 000	7, 000

Sumber: dipetik daripada Jimin Idris. (1972). Kertas Kerja Untuk Majlis Keselamatan Negara dalam Pergerakan. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.

Jumlah rawatan yang diterima oleh masyarakat Orang Asli telah meningkat pada setiap tahun. Kejayaan tersebut dapat dilihat menerusi rawatan yang diberikan di Pos-Pos Perubatan. Jumlah pesakit yang dirawat adalah seramai 64,083 orang pada tahun 1971. Pada tahun berikutnya anggaran pesakit yang dirawat mencecah kepada angka 75,000 orang dan pada tahun 1973 jumlahnya meningkat sehingga 76,000 orang. Begitu juga dengan bahagian X-Ray Bergerak jumlah pesakit Orang Asli yang menjalani X-Ray meningkat daripada 9,356 pada tahun 1971 kepada 11,000 orang pada tahun 1973. Meskipun masih terdapat pesakit yang dirawat di Hospital JHEOA Gombak tetapi jumlahnya semakin berkurangan. Pengurangan tersebut adalah kerana masyarakat Orang Asli sudah boleh menerima dan mempunyai keyakinan terhadap rawatan yang disediakan di Pos-Pos Perubatan yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Bahagian perubatan terus menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai sebuah badan yang memberi rawatan dan pendidikan mengenai kepentingan menjaga kesihatan, diri dan keluarga[188]. Kempen membasmi penyakit malaria diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman hutan. Negeri yang terlibat adalah Kelantan, Perak dan Pahang. Selain penyakit malaria, masyarakat Orang Asli juga turut mengalami beberapa penyakit lain. Jadual 4.3 menerangkan tentang penyakit yang dialami oleh mereka yang tinggal di kawasan pedalaman hutan termasuk di kawasan luar dan pinggir hutan pada tahun 1976. Penyakit tersebut antaranya ialah seperti semua jenis demam, cirit-birit, kekurangan zat makanan, dan penyakit kulit.

Data ini jelas menunjukkan bilangan jenis penyakit di tiga kawasan iaitu di kawasan pedalaman hutan, pinggir hutan dan kawasan luar hutan. Kawasan pedalaman hutan mencatatkan jumlah yang tertinggi dalam semua jenis penyakit berbanding kawasan di pinggir hutan dan di luar hutan. Fenomena ini berlaku kerana masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman hutan masih lagi ketinggalan dan tidak memahami tentang rawatan cara moden. Mereka juga sukar untuk meninggalkan cara rawatan tradisional yang sudah sebati dengan budaya dan adat resam kehidupan yang menjadi amalan. Hal ini berbeza dengan masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pinggir hutan dan di luar hutan yang secara beransur-ansur sudah dapat menerima cara rawatan moden. Sebilangan besar dalam kalangan mereka telah yakin terhadap rawatan moden dan meninggalkan cara rawatan tradisional.

[188] Bahagian Perubatan mengendalikan kursus mengenai Latihan Cara-Cara Perubatan (*Medical Orderlies)* selama enam minggu kepada Pasukan Polis Hutan. Kursus ini mula diperkenalkan pada tahun 1969. Sila lihat dalam Laporan Tahunan 1971-1972, *op.cit.*, hlm. 9.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.3
Perangkaan Penyakit-Penyakit yang Dirawat Pada Tahun 1976

Jenis Penyakit	Pedalaman Hutan	Pinggir Hutan	Kawasan Luar Hutan	Jumlah (Kes)
Demam Semua Jenis	5,302	2,760	3,019	11,099
Cirit-birit	4,367	2,741	2,198	9,576
Kekurangan zat makanan	2,408	1,981	1,176	5,637
Upper Respiratory Tract Infection, Telinga,mulut,hidung & kerongkong	1,070	432	389	1,891
Penyakit kulit	5,745	3,199	2,343	11,287
Penyakit paru-paru	2,202	1,237	1,429	4,868
Malaria	3,979	1,687	768	6,434
Kemalangan	1,893	812	650	3,355

Sumber: dipetik daripada Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1978). Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 1978. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 68 dan 69.

Namun begitu, pihak JHEOA tidak memandang sepi terhadap situasi tersebut. Pihak JHEOA terus berusaha gigih untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Orang Asli tentang kepentingan menerima rawatan moden. Oleh itu, Pos-pos Perubatan ditubuhkan di kawasan hutan. Tujuannya adalah untuk memberi rawatan terhadap penyakit ringan seperti demam, batuk dan selesema. Rawatan tersebut diberikan oleh Pegawai Perubatan JHEOA yang menerima latihan perubatan moden. Pada tahun 1978 bilangan masyarakat Orang Asli yang menerima rawatan di Hospital JHEOA Gombak adalah seramai 7,000 orang manakala yang menerima rawatan sebagai pesakit luar di kawasan Pos-Pos Perubatan[189] adalah seramai lebih kurang 55,000[190].

Jadual 4.4 dan 4.5 pula menunjukkan bilangan pesakit Orang Asli yang mendaftar masuk dan menerima rawatan di Hospital JHEOA Gombak antara tahun

[189] Untuk keterangan lanjut mengenai Pos Perubatan, sila lihat dalam Sulong Mohamad. Rancangan Penempatan Semula Kuala Betis : Satu Tinjauan Awal, *op.cit.*, hlm. 5 - 6.
[190] Lihat dalam Malaysia, Kementerian Penerangan. (1978). *Buku Rasmi Tahunan Jilid ke 2*. Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan, hlm. 29.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1971 hingga tahun 1980 dan sebagai pesakit di Klinik Pesakit Luar antara tahun 1968 – 1975.

Jadual 4.4
Pesakit Orang Asli yang Mendaftar Masuk
Di Hospital JHEOA Gombak 1971 – 1980

Tahun	Bilangan Pesakit
1971	3706
1972	3293
1973	2838
1974	2878
1975	2855
1976	2583
1977	2536
1978	2697
1979	2293
1980	2729

Sumber: dipetik daripada Azizah bt Abdul Rahman. (1986/1987). *Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Sejarah Penubuhan dan Kejayaannya 1954 – 1980.* (Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986/1987).

Jadual 4.5
Jumlah Pesakit di Klinik Pesakit Luar 1968 – 1975

Tahun	Bilangan Pesakit
1968	942 orang
1969	1357 orang
1970	4653 orang
1971	5376 orang
1972	6833 orang
1973	7133 orang
1974	8166 orang
1975	7038 orang

Sumber: dipetik daripada Hospital JHEOA. (t.t). Bahagian Perubatan dan Kesihatan. Gombak : Unit Penyelidikan dan Perancangan.

Pusat perubatan moden terus dimajukan oleh JHEOA. Sebuah pusat latihan dibuka di Kuala Lipis, Pahang pada tahun 1957 bagi memantapkan lagi perkhidmatan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ini sebagai satu usaha untuk menggalakkan masyarakat Orang Asli supaya menerima rawatan moden. Pusat Latihan ini merupakan sebuah Pos Kecemasan yang hanya memberi rawatan kecemasan sahaja dan mempunyai 12 buah katil pesakit. Orang Asli yang tidak mahu menerima rawatan di hospital kerajaan tempatan dirawat di Pos Kecemasan ini.

Kakitangan yang berkhidmat di Pos Kecemasan adalah terdiri daripada kakitangan luar Orang Asli yang terlatih dalam bidang perubatan. Mereka memberi rawatan peringkat rendah seperti peringkat pertolongan cemas dan pemberian ubatan ringan. Latihan juga diberi kepada beberapa Orang Asli yang dipilih. Pasukan Polis Hutan turut diberi Latihan Perubatan seperti cara merawat pada waktu kecemasan. Selain itu, mereka dikehendaki menghadiri kursus tetap di Pos Kecemasan Kuala Lipis selama enam minggu[191]. Perubahan yang begitu menggalakkan ini menunjukkan bahawa usaha kerajaan untuk mempertingkatkan dan memperbaiki mutu kesihatan masyarakat Orang Asli berjaya dicapai.

Buktinya dapat dilihat menerusi jumlah pesakit Orang Asli yang dimasukkan ke dalam Wad Hospital JHEOA Gombak. Jumlahnya adalah seramai 2,339 orang dan jumlah mereka yang menerima rawatan di Pos Pedalaman pula meningkat kepada 74,675 orang[192]. Prestasi yang meningkat dalam Bidang Perubatan dan Kesihatan ini menunjukkan bahawa peranan kerajaan yang dipertanggungjawabkan kepada JHEOA berjaya menepati dasar dan mencapai matlamatnya. Kejayaan tersebut dapat dilihat menerusi taraf kesihatan dan perkembangan serta kemajuan masyarakat Orang Asli yang setanding dengan masyarakat lain di negara ini.

---

[191] Sila lihat dalam *Annual Report 1957, loc.cit.*

[192] Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1981*).* Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 1981. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 86.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Program Pembangunan Kesihatan dan Perubatan di RPS Runchang

Penubuhan Klinik Desa / Pos Perubatan RPS Runchang

Peserta rancangan RPS Runchang turut mengalami perubahan dalam bidang Pembangunan Perubatan Dan Kesihatan. Pembangunan tersebut adalah sebagai salah satu usaha untuk memberi kemajuan bagi mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat Orang Asli. Hal ini bertepatan dengan dasar kerajaan yang diperkenalkan pada tahun 1961[193]. Perkara yang harus dijalankan untuk melaksanakan usaha pembangunan ialah memberikan kemudahan perubatan yang mencukupi, melatih Orang Asli sendiri supaya menjadi pekerja dan kakitangan kesihatan dan perubatan[194].

Tujuan tersebut dicapai apabila JHEOA daerah Pekan mendirikan sebuah bangunan Klinik Desa atau Pos Perubatan[195] pada bulan Februari 1981 di RPS Runchang. Kos pembinaannya berjumlah RM12,000.00[196]. Klinik Desa ini didirikan berhampiran dengan kawasan perumahan dan pentadbiran. Tujuannya adalah untuk memudahkan pekerjanya berulang-alik ke pejabat serta memudahkan pengawasan dan perhubungan untuk mendapatkan bantuan apabila berlaku sesuatu kecemasan[197]. Selain itu, kemudahan jalan raya juga turut diambil kira bagi memberi kemudahan pergerakan dan perhubungan kepada kakitangan Perkhidmatan

---

[193] Pentadbiran terhadap Orang Asli di Persekutuan Tanah Melayu diperkenalkan pada tahun 1961 yang bertajuk *Statement of Policy Regarding The Administration of The Aboriginal Peoples of The Federation of Malaya*. Sila lihat dalam Jimin bin Idris. *Planning and Administration of Development Program For Tribal Peoples*, *op.cit*., hlm. 42. Lihat juga dalam Gilbert Almeida. (2002). *People of Nature Orang Asli Pahang Darul Makmur.* Koperasi Kijang Mas Negeri Pahang : Budding Circle Sdn. Bhd, hlm. 66.

[194]Statement of Policy Regarding The Administration of The Orang Asli of Peninsular Malaysia ,*op.cit.*, hlm. 2 & 3.

[195] Menurut Laporan Suku Tahun Pertama 1978, pusat perubatan ini terletak dalam Wilayah Pahang Tenggara dan termasuk dalam kumpulan Pos Kecemasan yang dikategorikan sebagai Klinik Bahan Tempatan. Lihat dalam Laporan Suku Tahun Pertama 1978, *op.cit.*, hlm. 8.

[196] JHEOA.RPS.R.A1.JLD.2.001(23).

[197] Sebuah klinik desa ditempatkan di RPS Runchang bagi memudahkan masyarakat Orang Asli mendapatkan rawatan perubatan khususnya kepada ibu-ibu mengandung. Sila lihat dalam JHEOA.RPS/R-013(12); Pentadbiran Am.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kesihatan dan Perubatan. Hal ini memudahkan mereka menjalankan tugas seperti lawatan yang dilakukan oleh Kakitangan Bahagian Kesihatan dari Gombak[198]. Rawatan yang diberikan oleh Klinik Desa ini hanya rawatan kecemasan sahaja, manakala pesakit yang mengalami penyakit yang serius perlu dihantar ke Pos-Pos Kesihatan yang berdekatan atau ke Hospital JHEOA Gombak[199].

Kemudahan Klinik Desa / Pos Perubatan RPS Runchang

JHEOA Bahagian Kesihatan dan Perubatan berusaha untuk memberi perkhidmatan rawatan yang cemerlang kepada setiap peserta RPS Runchang dan penduduk di kawasan yang berhampiran. Kawasan tersebut adalah antaranya seperti kampung Tanjong Kelapa, Kampung Chahit dan Kampung Api-Api. Oleh itu, bagi mencapai tujuan tersebut JHEOA menyediakan pelbagai kemudahan seperti perabot[200], peralatan perubatan[201] dan bekalan ubat-ubatan kepada Klinik Desa RPS Runchang ini. Kelengkapan tersebut disediakan supaya urusan Pentadbiran Kesihatan dan Perubatan dapat dikendalikan dengan sempurna.

---

[198] Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Legap Perak 4260 : 1992 Laporan Akhir, *op.cit.*, hlm. 53.

[199] Klinik Perubatan yang terdapat di kawasan RPS Runchang ini merupakan salah sebuah Klinik Perubatan daripada 12 buah klinik yang disediakan untuk kemudahan Orang Asli dalam daerah Pekan. Lihat dalam LKPT 8007/PT/2 Jld.2;RPS Orang Asli. Dalam fail PPTA1.015 (11);Kesihatan hlm. 5 pula menyatakan bahawa pesakit di kawasan pedalaman yang mempunyai Pembantu Perubatan hendaklah dirawat di Klinik Desa selama tiga hari dan jika keadaan pesakit tidak berkurangan, barulah dihantar ke hospital.

[200] Set kelengkapan untuk pesakit antaranya ialah seperti katil besi, tilam Dunlop, bantal dan cadar. Keterangan lanjut sila lihat dalam RPS/RC.1.001;Kesihatan.

[201] Kelengkapan peralatan perubatan antaranya ialah seperti *Drum Dressing* , *Tray Dressing* , *Gally Pot, Kidney Dish*, alat memeriksa ibu mengandung dan tempat memasak jarum. *Ibid*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Perkembangan Klinik Desa / Pos Perubatan RPS Runchang

Rawatan yang disediakan oleh Klinik Desa ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Orang Asli. Selepas tujuh tahun beroperasi (1981 – 1988), beberapa kerosakan dikesan[202]. Oleh itu, sebuah bangunan Klinik Desa telah dibina bersebelahan dengan yang lama pada tahun 2002. Pembinaan bangunan ini menelan belanja sebanyak RM1,015,000.000[203].

Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di RPS Runchang

JHEOA menyediakan beberapa jenis Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di RPS Runchang. Perkhidmatan tersebut disediakan bertujuan meningkatkan taraf kesihatan masyarakat Orang Asli di kawasan ini. Program Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan yang disediakan adalah seperti berikut:

Program Kesihatan Keluarga

Bahagian Perubatan dan Kesihatan JHEOA memperkenalkan satu program yang berkaitan penjagaan terhadap kesihatan peserta RPS Runchang. Program tersebut ialah Program Kesihatan Keluarga dan program ini dikendalikan oleh kakitangan yang berkhidmat di Klinik Desa RPS Runchang. Kesihatan keluarga sangat dititikberatkan kerana keluarga yang sihat dapat meningkatkan taraf sosioekonomi dan kehidupan dapat dinikmati dengan lebih sempurna. Menerusi program ini, perhatian diberikan kepada setiap perempuan Orang Asli yang mengandung dan

[202] Kerosakan yang dialami ialah saluran paip air yang tersumbat, pintu klinik yang telah reput, tangga yang patah dan pagar yang rosak. JHEOA.RPS/R.C1.001(01);Projek Pembangunan.
[203] Keterangan lanjut sila lihat dalam JHEOA.RPS.R.D.1001(53);Projek Pembangunan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

perhatian diberikan sejak daripada peringkat awal mengandung sehingga melahirkan anak.

Tujuan utama program ini dilaksanakan kepada perempuan Orang Asli yang mengandung adalah supaya masalah kematian ibu dan bayi yang dilahirkan dapat diatasi. Namun begitu, pada peringkat awal program ini dilaksanakan, sambutan yang diterima tidak begitu menggalakkan[204]. Ibu-ibu yang mengandung masih tidak memahami tentang program Kesihatan Keluarga. Tambahan pula jawatan bidan terlatih ini disandang oleh orang luar yang bukan daripada dalam kalangan mereka.

Oleh itu, JHEOA berusaha untuk mengatasi masalah tersebut dengan menawarkan kepada peserta RPS Runchang yang berkelayakan untuk berkhidmat sebagai Bidan Terlatih. Peluang ini dibuka kepada peserta RPS Runchang kerana Bidan Terlatih yang datang daripada dalam kalangan mereka sendiri dapat meningkatkan sambutan program kesihatan keluarga ini. Tawaran untuk jawatan Bidan Terlatih mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada peserta RPS Runchang[205]

Program Kesihatan Keluarga yang diperkenalkan pada tahun 1988 berjaya mengurangkan kadar kematian ibu dan bayi[206]. Buktinya, hanya seorang yang meninggal dunia sama ada ibu atau bayi. Kadang kala tidak ada berlaku kematian sama ada ibu atau bayi setelah mencapai tempoh matang kehamilan. Fenomena ini berlaku setelah program Kesihatan Keluarga diperkenalkan. Sebelum program ini diperkenalkan tiga orang daripada lima orang meninggal dunia sama ada ibu yang

---

[204] Kehadiran ibu-ibu mengandung ke Klinik Desa untuk mendapatkan rawatan tidak begitu memuaskan dan usaha perlu dipertingkatkan untuk menggalakkan kehadiran ibu-ibu ke Klinik Desa ini. Sila lihat dalam RPS.R004.JLD.1 (8);JHEOA, hlm. 5.

[205]Pembangunan Orang Asli : Integrasi Dalam Pembangunan Pahang Tenggara Melalui Rancangan Pengumpulan Semula, *op.cit*., hlm. 18.

[206] Sila lihat dalam RPS/RC.1.001(10);Kesihatan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mengandung atau bayi yang dilahirkan berbanding sebelum tahun 1988[207]. Pengurangan jumlah tersebut berlaku kerana perkhidmatan Jururawat Masyarakat yang memegang jawatan sebagai Bidan Terlatih berjaya memainkan peranannya dalam usaha menarik perhatian ibu yang mengandung supaya menerima rawatan moden. Kejayaan ini dicapai kerana bidan ini mendapat kerjasama daripada Kementerian Kesihatan[208]. Peserta RPS Runchang memang memerlukan khidmat Jururawat Masyarakat bagi menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan penyakit dan pesakit.

Jururawat Masyarakat yang berkhidmat mampu mengendalikan tugas-tugas yang diamanahkan kerana mereka mempunyai sifat tabah dan sabar dalam menghadapi kerenah pesakit. Selain itu, dengan adanya khidmat Jururawat Masyarakat ini kebanyakan masyarakat Orang Asli tidak lagi terikat dengan rawatan cara tradisional. Mereka mula menerima cara rawatan moden[209]. Kementerian Kesihatan juga turut menyediakan perkhidmatan seorang Pembantu Luar Kanan Perubatan yang khusus dalam bidang perubatan di Klinik Desa RPS Runchang.

Seterusnya, Bahagian Kesihatan dan Perubatan turut memperkenalkan rawatan melalui kaedah Lawatan Ke Rumah-Rumah. Lawatan tersebut dikendalikan oleh Jururawat Masyarakat. Jururawat Masyarakat mengadakan lawatan ke setiap blok dan jika terdapat ibu yang mengandung, rawatan serta pemeriksaan mengenai

---

[207] Kematian ibu adalah disebabkan oleh kurang mendapat makanan berzat, uri yang tidak dapat dikeluarkan daripada rahim ibu, kurang pengetahuan bagi ibu yang berkahwin dalam usia muda iaitu yang berumur antara lapan hingga 12 tahun. Perkahwinan dalam usia yang muda banyak menyumbang kepada kematian ibu kerana organ peranakan mereka masih belum matang untuk menampung bayi dalam kandungan. Selain itu, bayi yang dilahirkan mengalami kematian selepas beberapa hari dilahirkan kerana mengalami demam panas, penyusuan ibu yang tidak menentu serta penyakit sawan. Keterangan oleh Encik Zahari bin Ab. Razak pada 24 November 2009.
[208] Sila lihat dalam LKPT 3626/PT Jld. 8;JHEOA, hlm. 11.
[209] Sila lihat dalam RPS/RC.1.001(10);Kesihatan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

penjagaan kandungan dan rawatan terhadap ibu bersalin serta penjagaan bayi yang dilahirkan diberikan oleh mereka.

Pemeriksaan terhadap kesihatan ibu dan anak di dalam kandungan melalui kaedah lawatan tersebut dilakukan secara berkala. Hasil pemeriksaan dan rawatan yang diberikan kepada kedua-duanya dicatat dalam Rekod Kesihatan Ibu. Berdasarkan catatan pada Rekod Kesihatan Ibu, Jururawat Masyarakat dapat mengenal pasti sama ada ibu atau bayi di dalam kandungan menghadapi masalah atau tidak. Kad Rekod Kesihatan diberikan kod berdasarkan warna. Kod warna tersebut hendaklah ditampal di bahagian atas sebelah kiri kad Rekod Kesihatan Ibu. Kod warna merah menunjukkan bahawa ibu tersebut perlu dimasukkan segera ke hospital. Kod warna kuning pula menunjukkan ibu mengandung tersebut perlu dirujuk kepada doktor di Klinik Kesihatan atau hospital. Kod warna hijau pula perlu dirujuk kepada Ketua Jururawat Kesihatan atau Jururawat Kesihatan. Pelekat warna tersebut mesti sentiasa ditukar pada rawatan berikutnya sekiranya terdapat risiko lain (sila lihat lampiran 1).

Selain itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia turut menyediakan sebuah Buku Daftar Lawatan Ke Rumah dan buku tersebut dibekalkan kepada setiap kawasan perubatan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Buku Daftar ini menunjukkan Sistem Maklumat Pengurusan Kesihatan. Jururawat Masyarakat yang bertugas hendaklah mencatat segala maklumat yang dikehendaki pada ruangan yang disediakan setiap kali melakukan rawatan Lawatan Ke Rumah. Tujuan buku ini dibekalkan kepada setiap Bidan Terlatih adalah untuk memastikan semua maklumat berkaitan pesakit dapat direkodkan ke dalam Sistem Maklumat Pengurusan Kesihatan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Cara penggunaan Buku Daftar Lawatan Ke Rumah disediakan untuk Bidan Terlatih yang bertugas mengadakan Lawatan Ke Rumah-Rumah perempuan Orang Asli yang mengandung boleh dilihat dalam lampiran 2. Bidan Terlatih perlu mencatat segala maklumat secara terperinci terhadap ibu dan anak seperti menanda pangkah (X) dalam ruangan kanak-kanak yang telah menerima suntikan pelalian dan menyatakan sebab-sebab lawatan dilakukan. Selain itu, Bidan Terlatih perlu menyatakan tindakan susulan yang dilakukan kepada ibu dan anak tersebut.

Catatan tersebut hendaklah dibuat mengikut bulan dan pada setiap akhir bulan, Bidan Terlatih perlu membuat analisa secara terperinci terhadap semua bahagian dalam konteks rawatan yang diberi. Perincian tersebut adalah seperti jumlah perempuan Orang Asli yang mengandung, jumlah yang menerima rawatan mengikut blok, bilangan rumah yang dilawati, bilangan kelahiran, Lawatan Jagaan Ibu dan Anak selepas bersalin, Perancang Keluarga dan bilangan pelalian.

Sebagai contoh, pada bulan April 1989 bilangan rumah yang dilawati adalah sebanyak 64 buah rumah iaitu 10 buah rumah di blok A, 4 buah rumah di blok B dan 50 buah rumah di blok C. Jumlah perempuan Orang Asli yang mengandung pada bulan ini ialah seramai 17 orang iaitu seorang daripada blok A dan 16 orang daripada blok C. Blok B pula tidak mempunyai perempuan Orang Asli yang mengandung. Statistik kelahiran bayi pada bulan ini mencatatkan seramai 2 orang sahaja iaitu seorang daripada blok A dan seorang daripada blok C. Keadaan ini berlaku kerana ibu mengandung yang mencapai tempoh matang kehamilan pada bulan ini hanya seramai 2 orang sahaja.

Ibu mengandung yang lain pula masih belum mencapai tempoh matang kehamilan. Lawatan Jagaan Ibu dan Anak Selepas Bersalin pula adalah seramai 4 orang termasuk ibu bersalin pada bulan Mac yang masih dalam tempoh berpantang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Data menunjukkan tiada perempuan Orang Asli yang mengambil pil perancang keluarga pada bulan ini. Hal ini kerana penggunaan pil perancang tidak begitu meluas dalam kalangan masyarakat Orang Asli RPS Runchang. Kekurangan penggunaan pil perancang kerana mereka masih kurang memahami konsep penggunaan pil tersebut. Seterusnya, jumlah pelalian yang diberikan kepada bayi mencatatkan seramai 63 orang iaitu 13 orang di blok A, 4 orang di blok B dan 46 orang di blok C[210]. Sila rujuk jadual 4.6:

Jadual 4.6
Rawatan Ibu Mengandung dan Kelahiran Bayi
April 1989

Blok	Rumah Yang Dilawati	Ibu Mengandung	Kelahiran	Lawatan Jagaan Ibu & Anak Selepas Bersalin	Perancang Keluarga	Pelalian
A	10	1	1	-	-	13
B	4	-	-	-	-	4
C	50	16	1	4	-	46
Jumlah	64	17	2	4	-	63

Sumber: dipetik dan diubahsuai daripada Mek Yah Deraman. (t.t). Buku Daftar Lawatan Ke Rumah yang bernombor KIB – 105. [tiada data penerbitan].

Perkhidmatan Klinik Desa terus beroperasi dan peserta RPS Runchang diberi rawatan dengan sempurna dan tidak dikenakan sebarang bayaran. Pengecualian bayaran tersebut adalah mengikut Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (disemak 1974) mana-mana Orang Asli yang memerlukan rawatan perubatan, mereka layak untuk mendapatkan pengecualian bayaran hospital di bawah fasal 16(13) perintah *'free'* (perubatan) 1982 bagi rawatan di Wad Kelas Tiga atau Rawatan Pesakit Luar. (lihat lampiran 3).

[210] Keterangan yang lebih lanjut mengenai pelalian sila lihat dalam Pelalian : Perlu Untuk Menjaga Kesihatan Kanak-Kanak. (1978, 15 Februari : Jilid xvi bil 2). *Dewan Masyarakat*, hlm. 45 - 46. Lihat juga dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Kesihatan Malaysia dan UNICEF. (t.t). Laporan Bengkel Imunisasi Kanak-Kanak Universal Strategi Untuk Orang Asli. [tiada data penerbitan].

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Seterusnya, klinik perlu menyediakan laporan berkaitan data kesihatan dan perubatan. Laporan Data Kesihatan dan Perubatan diuruskan oleh Pengurus RPS Runchang. Kesemua laporan yang dibuat perlu dihantar kepada Bahagian Kesihatan dan Perubatan Hospital Daerah Pekan pada setiap bulan. Sebagai contoh, Laporan Data Kesihatan dan Perubatan daripada bulan Januari sehingga bulan Disember 1986. Berdasarkan statistik tersebut, bilangan masyarakat Orang Asli yang menerima bekalan ubat, masuk Hospital JHEOA Gombak atau daerah, kelahiran, kematian dan ibu yang mengandung. Bilangan kematian yang dicatatkan hanya melibatkan 3 orang sahaja iaitu seorang lelaki yang mati disebabkan oleh sakit tua, seorang lelaki dewasa yang mengidap demam malaria dan seorang ibu yang mati sewaktu melahirkan anak. Selain itu, jumlah yang dimasukkan ke Hospital JHEOA Gombak pula hanya mencatatkan jumlah yang kecil sahaja. Sila rujuk jadual 4.7.

Jadual 4.7
Laporan Data Kesihatan dan Perubatan Orang Asli Klinik RPS Runchang, Pekan Januari – Disember 1986

Tahun 1986 / Bulan	Orang Asli Terima Ubat	Masuk Hospital JHEOA Gombak/Daerah	Kelahiran	Meninggal Dunia	Ibu Mengandung	Jumlah
Januari	121	5	2	0	0	128
Februari	76	7	0	0	1	84
Mac	83	0	0	0	1	84
April	59	0	0	0	4	63
Mei	149	1	4	0	2	156
Jun	87	0	2	0	2	91
Julai	159	4	2	0	0	165
Ogos	92	2	0	1	3	98
September	100	0	3	1	5	109
Oktober	45	1	5	0	1	52
November	111	3	1	1	2	118
Disember	68	0	2	0	5	75
Jumlah	1150	23	21	3	26	1223

Sumber: dipetik dan diubahsuai daripada RPS/R.024.(21);JHEOA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pengurangan kadar kematian mempunyai kaitan dengan peranan yang dimainkan oleh Jururawat Masyarakat yang berjaya menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendedahan mengenai kepentingan menjaga kesihatan keluarga. Selain itu, catatan menunjukkan jumlah pesakit yang menerima rawatan di Hospital JHEOA Gombak yang semakin berkurangan. Pengurangan tersebut kerana masyarakat Orang Asli di RPS Runchang mula menyedari kepentingan rawatan moden serta peranan Klinik Desa di RPS Runchang. Namun begitu, sekiranya terdapat rawatan kes kecemasan dalam kalangan peserta RPS Runchang dan kawasan sekitar yang memerlukan rawatan selanjutnya, kes tersebut perlu dirujuk kepada hospital yang berhampiran. Hospital tersebut adalah seperti Hospital Bukit Ibam, Hospital Muadzam Shah, Hospital Daerah Pekan dan Hospital Besar Kuantan. Walau bagaimanapun, kes kecemasan hanya melibatkan jumlah yang kecil sahaja.

Bahagian Kesihatan dan Perubatan JHEOA Gombak juga turut meminta semua Pos Perubatan supaya membuat bancian mengenai bilangan kanak-kanak yang berumur antara 1 hingga 7 tahun. Bancian tersebut diperlukan untuk mengenal pasti kampung atau pos mana yang perlu diberi perhatian utama secara terancang atau membuat lawatan ke tempat tersebut. Hal ini kerana lawatan yang dilakukan sebelum ini adalah secara rambang kerana tidak ada satu indikator tentang jumlah kanak-kanak yang belum menerima suntikan pelalian di kawasan yang dilawati. Tujuan pelalian tersebut dilaksanakan adalah sebagai salah satu cara untuk meningkatkan taraf kesihatan khususnya dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli[211]. Jadual 4.8 adalah contoh yang menunjukkan statistik senarai umur Orang Asli mengikut jantina di RPS Runchang yang bertarikh 31.5.1988.

[211] C1.288 Jld.I(G)- (3);Pelalian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.8
Senarai Umur Orang Asli di RPS Runchang Pekan (31.5.1988)

Bil	Umur	Perempuan	Lelaki
1	Kanak-kanak 0-1 tahun	36 orang	30 orang
2	Kanak-kanak 1-6 tahun	96 orang	124 orang
3	Kanak-kanak sekolah	47 orang	30 orang
4	Kanak-kanak tidak bersekolah	32 orang	39 orang
5	Umur lebih 12 tahun hingga dewasa	33 orang	316 orang
	Jumlah	477 orang	539 orang
	Jumlah semua penduduk	1016 orang	

Sumber: dipetik daripada RPS/R.024;JHEOA.

Statistik menunjukkan jumlah keseluruhan penduduk di kawasan RPS Runchang pada 1988 adalah seramai 1,016 orang. Seramai 286 orang kanak-kanak yang berumur antara 0 - 6 tahun. Jumlah tersebut terdiri daripada 132 orang kanak-kanak perempuan dan 154 orang kanak-kanak lelaki. Kanak-kanak yang bersekolah pula adalah seramai 47 orang perempuan dan 30 orang lelaki. Terdapat catatan yang menunjukkan kanak-kanak yang tidak bersekolah adalah seramai 32 orang kanak-kanak perempuan dan 39 orang kanak-kanak lelaki. Bilangan kanak-kanak yang berumur 12 tahun hingga dewasa pula adalah seramai 266 orang perempuan dan 316 orang lelaki.

Setelah menerima rawatan peserta RPS Runchang dibekalkan dengan ubat. Ubat yang dibekalkan bergantung kepada penyakit yang dihidapi oleh mereka. Bekalan ubat-ubatan ini diperolehi daripada Pusat Kesihatan Besar Chini dan Hospital JHEOA Gombak. Jadual 4.9 menunjukkan contoh statistik jumlah ubat yang diminta dan jumlah ubat yang dibekalkan oleh dispensari Hospital JHEOA Gombak kepada Klinik Desa RPS Runchang. Namun begitu, dalam bahagian catatan terdapat dua jenis ubat yang dibekalkan tidak dapat mengikut jumlah yang diminta. Hal ini berlaku kerana dispensari tidak mempunyai bekalan ubat yang mencukupi. Ketidakcukupan bekalan ubat ini kerana permintaan yang tinggi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

terhadap bekalan ubat tersebut daripada semua kawasan perubatan Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia. Oleh itu, pihak dispensari Hospital JHEOA Gombak terpaksa mengagihkan ubat yang terhad kepada semua kawasan perubatan[212].

Jadual 4.9
Pengeluaran Ubat-Ubatan / Alat-Alat Perubatan
dari Dispensari Hospital JHEOA Gombak pada 1988

Bil	Perkara	Jumlah Diminta	Jumlah Dibekal	Catitan
1	*Tinea Lotion*	2 liter	√	
2	*Deolin/Tedral*	200	√	50 sahaja
3	*Lintus Cordin*	2 kilo	√	
4	*O.R.S*	100kpg	√	
5	Ubat Cacing Biji	100 biji	√	
6	*Vitamin B.Co*	t.m	√	
7	Ubat-ubat Gatal/Periton	t.m	t.m	
8	Ubat Panadol	t.m	√	
9	Ubat Tahan Sakit/Ponstan	250keping	√	20 sahaja
10	Botol-botol kosong	t.m	√	
11	Ubat Ear Drop	t.m	√	
12	Sarung ubat	200	√	

Sumber: dipetik dan diubahsuai daripada RPS/RC.1.001;Kesihatan.

- t.m – tiada maklumat

[212] Ubat tersebut ialah *Deolin/Tedral* yang hanya dibekalkan sebanyak 50 sahaja dan ubat penahan sakit/*ponstan* sebanyak 20 keping sahaja.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.10
Laporan Bulanan Perubatan Januari 1988

Bil	Perkara	Jumlah (Orang)
1	Pesakit yang Menerima Rawatan di Klinik RPS Runchang	123
2	Pesakit yang Menerima Rawatan di Hospital Pekan / Kuantan	3

Pesakit Yang Dimasukkan Ke Hospital					
Bil	Nama	Hospital	Umur (Tahun)	Tarikh Masuk	Tarikh Keluar
1	Maimon bt Suang	Pekan	30	15.1.1988	22.1.1988
2	Piling bt Anjang	Kuantan	38	16.1.1988	26.1.1988
3	Yang bt Sanang	Pekan	17	27.1.1988	t.m

Kelahiran	
1	Kelahiran adalah seramai 6 orang

Kematian Yang Dilaporkan			
Bil	Nama	Umur (Tahun)	Sebab Kematian
1	Zainab bt Atan	3	Lelah / Batuk
2	Dahlan bin Komeng	6	Lelah / Demam
3	Marina bt Husin	1	Cirit / Muntah

Sumber: dipetik daripada fail RPS/RC.1.001;Kesihatan.
* t.m – tiada maklumat.

Menurut data yang tercatat dalam jadual 4.10 menunjukkan tidak ada pesakit yang menerima rawatan di Hospital JHEOA Gombak pada bulan Januari 1988. Catatan menunjukkan bahawa seramai 123 orang pesakit yang menerima rawatan di Klinik Desa RPS Runchang dan 3 orang yang menerima rawatan di Hospital Daerah Pekan dan Kuantan. Berdasarkan statistik ini, didapati bahawa taraf kesihatan masyarakat Orang Asli RPS Runchang dan kawasan sekitarnya sudah mencapai tahap yang boleh dibanggakan kerana hasrat kerajaan untuk memberi rawatan moden kepada masyarakat Orang Asli telah menampakkan kejayaan.

Kematian dalam kalangan kanak-kanak yang berumur setahun ke bawah berjumlah dua orang sahaja. Seorang yang berumur enam bulan mati akibat lelah dan demam serta seorang yang berumur setahun akibat cirit-birit dan muntah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kanak-kanak yang berumur tiga tahun pula meninggal dunia akibat lelah dan batuk. Oleh itu, statistik pada bulan Januari 1988 yang dijadikan sebagai contoh menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli sudah mengetahui kepentingan menjaga kesihatan dan kebersihan diri serta kawasan persekitaran. Pengetahuan tersebut menyebabkan kesihatan mereka berada pada tahap yang memuaskan .

Kejayaan ini adalah kerana peranan yang dimainkan oleh kakitangan Klinik Desa RPS Runchang yang menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berhemah tinggi. Selain itu, sikap tabah dan sabar yang dimiliki oleh mereka semasa menghadapi kerenah pesakit terutama ibu yang mengandung turut menyumbang kepada kejayaan tersebut. Seterusnya, dalam usaha untuk meningkatkan taraf kesihatan yang lebih baik dalam kalangan masyarakat Orang Asli JHEOA Bahagian Kesihatan dan Perubatan dengan kerjasama pihak DARA dan Kementerian Kesihatan turut memperkenalkan satu lagi program yang dikenali sebagai Program Amalan Makanan dan Pemakanan.

Penyusunan Semula Program Amalan Makanan Dan Pemakanan

Latar Belakang Penyusunan Semula Program Amalan Pemakanan

Program Amalan Pemakanan Seimbang[213] diwujudkan memandangkan masyarakat Orang Asli yang tinggal jauh di kawasan pedalaman tidak menitikberatkan tentang jenis pengambilan makanan yang seimbang. Keadaan ini berlaku kerana mereka

[213] Program Amalan Pemakanan Seimbang merupakan salah satu aktiviti yang awal dilaksanakan sebagai langkah permulaan untuk mensosialisasikan masyarakat Orang Asli supaya mengamalkan cara hidup yang lebih moden. Selain program ini, terdapat juga program lain yang dirancang untuk dilaksanakan seperti Program Kerohanian, Program Keselamatan, Program Pendidikan, Program Kegiatan Berpersatuan, Program Khemah Kerja, Program Kegiatan Ekonomi dan sebagainya. Kesemua program ini dilaksanakan di kawasan perkampungan Orang Asli di Wilayah Pahang Tenggara. Sila lihat dalam LKPT 4042/PTL/2.1. (43);RPS Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mengambil makanan hanya sekadar untuk mengenyangkan perut sahaja tanpa berusaha untuk memperbaiki cara pengambilan makanan. Hal ini disebabkan kerana mereka mempunyai pandangan yang cetek tentang nilai pemakanan sesuatu bahan makanan tempatan. Oleh itu, menerusi program ini ceramah mengenai Program Kesihatan Asas dan Demonstrasi Masakan diadakan kepada peserta RPS Runchang yang bertujuan memberi satu gambaran dan kefahaman secara lebih mendalam terhadap mesej yang disampaikan[214].

Objektif Program

Program ini dilaksanakan bertujuan memberi penerangan kepada masyarakat Orang Asli mengenai amalan pemakanan yang betul dan seimbang. Hal ini kerana sebahagian besar masyarakat Orang Asli masih dibelenggu dengan kemiskinan tegar. Keadaan ini menyebabkan mereka mengambil makanan yang tidak seimbang seperti ubi kayu yang dijadikan sebagai makanan asas mereka. Ubi kayu ini terlebih dahulu direndam di dalam sungai sehingga empuk. Setelah empuk, ubi kayu ini diletakkan pula di dalam plastik dan airnya diperah sehingga kering. Setelah kering, ubi kayu tersebut dibuat lempeng yang dimasak tanpa menggunakan minyak[215]. Walau bagaimanapun, terdapat juga dalam kalangan keluarga Orang Asli yang mampu membeli beras tetapi mereka memakan nasi hanya dengan ikan masin dan pucuk ubi kayu pada setiap hari.

Pengambilan makanan yang tidak seimbang dan tidak berzat memberi impak yang negatif terhadap kesihatan terutama anak-anak yang sedang membesar. Cara pengambilan pemakanan tersebut merupakan faktor penyumbang kepada kelemahan

[214] Untuk keterangan lanjut, sila lihat dalam LKPT.4042/PTL/2.1. (39);RPS Runchang.
[215] Keterangan diperolehi daripada En. Mohd Sah bin Ah Hong pada 19 Ogos 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

daya berfikir. Mereka tidak berminat untuk meneruskan pelajaran dan akhirnya gagal dalam peperiksaan[216]. Oleh itu, bagi mengatasi kelemahan ini pihak JHEOA dengan kerjasama DARA bersetuju untuk mengadakan demonstrasi masakan kepada peserta RPS Runchang. Demonstrasi ini bertujuan memberi pendedahan kepada mereka tentang cara memasak sesuatu bahan makanan dengan betul tanpa memusnahkan zat makanan yang terkandung dalam bahan makanan tersebut. Selain itu, peserta RPS Runchang turut diberikan penerangan tentang cara menyimpan dan menjaga kebersihan asas serta aspek yang berkaitan dengan kesihatan dan pemakanan[217].

Walaupun Program Amalan Pemakanan Seimbang diadakan hanya sehari iaitu pada 9 September 1983, namun mereka memberi kerjasama terhadap program ini. Hal ini kerana sebelum program ini dilaksanakan, mereka telah pun didedahkan tentang kepentingan pengambilan makanan yang seimbang dan berzat oleh pegawai JHEOA dan Jururawat Masyarakat. Pendedahan ini dilakukan dari semasa ke semasa secara lisan dan program ini hanya untuk memberi pengukuhan dan pengetahuan tambahan kepada mereka secara praktikal.

Pengetahuan yang diterima oleh masyarakat Orang Asli menerusi program ini berjaya meningkatkan taraf kesihatan kerana mereka dapat melihat cara memasak dengan betul menerusi demonstrasi yang diadakan. Kaedah yang diajar ini telah dipraktikkan oleh sebahagian besar masyarakat Orang Asli[218]. Perubahan cara memasak ini memberi kesan yang baik kepada kehidupan mereka. Perkara ini dapat

---

[216] Juli Edo. (1984, November 26). *Bentuk Pendidikan dan Masalah Pencapaian Akademik Orang Asli Masa Kini*. *Pembangunan dan Masa Depan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.*Dibentangkan di dalam Simposium anjuran Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM Bangi bertempat di Bilik Gerakan Hal Ehwal Pelajar Bangunan Pusanika. [tiada data penerbitan], hlm. 1.

[217]LKPT.4042/PTL/2.1.(36);RPS Runchang.Lihat juga dalam LKPT.4042/PTL/2.1. (51);RPS Runchang.

[218] Keterangan oleh Encik Zahari bin Abd. Razak pada 24 November 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dilihat kepada bilangan pesakit yang dimasukkan ke hospital dalam tempoh setahun adalah seramai 23 orang dan tiga kematian sahaja[219].

Lawatan Klinik Bergerak Muadzam Shah dan Unit Malaria Bukit Ibam

Bahagian Kesihatan dan Perubatan JHEOA turut memberi perhatian yang serius terhadap wabak malaria[220] yang melanda masyarakat Orang Asli. Kes malaria yang melanda penduduk RPS Runchang begitu membimbangkan. Penyakit malaria ini merupakan sejenis penyakit bawaan vektor yang sering dihidapi oleh masyarakat Orang Asli terutama di kawasan pedalaman. Namun begitu, pada peringkat awal tidak ada peserta RPS Runchang yang mengalami penyakit malaria. Wabak malaria yang menular dalam kalangan masyarakat Orang Asli di kawasan ini adalah kerana dibawa oleh pegawai JHEOA yang sebelum ini berkhidmat di kawasan yang mengalami penyakit malaria. Kawasan tersebut adalah seperti kawasan di pedalaman Kuala Lipis, Bentong dan Tenom. Kedatangan mereka ke RPS Runchang untuk berkhidmat di kawasan ini menyebabkan peserta RPS Runchang mula dijangkiti oleh penyakit malaria [221].

Selain itu, peserta RPS Runchang turut dijangkiti penyakit malaria kerana terdapat sebilangan jumlah dalam kalangan mereka yang pergi mencari rotan dan menangkap ikan di kawasan yang berhampiran dengan sungai Bebar. Perkara ini

---

[219] RPS/R.024.(21);JHEOA.

[220] Penyakit malaria adalah disebabkan oleh sejenis parasit yang dibawa oleh nyamuk tiruk. Lihat dalam Bentong, Jabatan Kesihatan Daerah. (1992). Laporan Ringkas Kelambu Berubat di Lokaliti Sungai Dua (OA) dan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Kelambu Berubat Dalam Kawalan Malaria. Bentong : Unit Kawalan Vektor, hlm. 3.

[221] Keterangan ini diperolehi daripada Encik Al Zaphni bin Zainal Abidin pada 2 Julai 2009. Beliau turut mengalami penyakit malaria sewaktu bertugas di kawasan perkampungan Orang Asli Tenom di bahagian Ulu Pahang dan implikasi daripada penyakit ini beliau telah mengalami kekurangan pendengaran. Masalah pendengaran yang dialami oleh beliau sehingga kini adalah akibat daripada pengambilan ubat pencegahan penyakit malaria.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

disebabkan oleh kawasan Sungai Bebar merupakan kawasan hutan yang tebal dan terdapat banyak nyamuk tiruk. Selepas lebih kurang dua minggu mereka balik daripada kawasan Sungai Bebar, mereka mula mengalami penyakit malaria[222]. Seseorang yang terkena gigitan nyamuk tiruk tidak mengalami penyakit malaria secara serta-merta kerana kuman nyamuk tiruk mengambil masa lebih kurang dua minggu untuk merebak dalam tubuh badan mereka.

Oleh itu, satu tindakan diambil untuk membendung penyakit malaria ini daripada terus menular dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Kaedah rawatan secara Lawatan Klinik Bergerak Muadzam Shah dan Unit Malaria Bukit Ibam ke RPS Runchang diperkenalkan. Kaedah ini dimulakan pada bulan Januari 1988 sehingga bulan Disember 1988. Lawatan ini dilakukan pada setiap bulan dalam minggu ketiga oleh Klinik Bergerak Muadzam Shah dan minggu keempat oleh Unit Malaria Bukit Ibam melalui Rancangan Kawalan Penyakit Bawaan Vektor (RKPBV)[223].

Jadual 4.11 memaparkan satu jadual lawatan Klinik Bergerak yang dirangka sepanjang tahun 1988[224]. Lawatan Klinik Bergerak Muadzam Shah dan Unit Malaria Bukit Ibam menjalankan tugas yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Menerusi kaedah ini, pengesanan kes melalui pengambilan slaid[225] darah secara aktif telah dilakukan. Pemeriksaan slaid darah tersebut dilakukan ujikajinya

---

[222] Maklumat ini diberi oleh Encik Mat Sah bin Ah Hong pada 19 Ogos 2009. Beliau sendiri telah mengalami penyakit malaria sebanyak empat kali.

[223] Malaysia, Kementerian Pertanian dan Tanah. (t.t.). Laporan Tahunan 1991. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm.33 - 34.

[224] Lawatan Klinik Bergerak ini dirangka dalam tempoh setahun bertujuan untuk melihat sejauhmana penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap program ini. Sekiranya program ini mendapat sambutan dan kerjasama yang menggalakkan, pihak Kementerian Kesihatan meneruskan program ini. Namun begitu, program ini tidak mendapat sambutan dan program ini tidak diteruskan untuk tahun berikutnya. Keterangan oleh Encik Zahari bin Abd. Razak pada 24 November 2009.

[225] Slaid maksudnya 'contoh kahak' yang diambil bagi setiap peserta RPS Runchang dan dijalankan ujikaji di makmal bagi mengetahui pembawa penyakit malaria. Sila lihat dalam fail RPS/RC.1.001;Kesihatan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

di makmal sama ada oleh pasukan makmal bergerak dari Gombak atau makmal RKPBV di peringkat pusat, negeri atau daerah. Selain itu, kaedah rawatan yang betul turut dilakukan oleh pekerja-pekerja malaria yang bekerja secara sambilan di kawasan pedalaman. Mereka membuat semburan *Diklorodifeniltrikloroetana* (DDT)[226] ke rumah-rumah yang dilakukan sebanyak 4 pusingan setahun, membuat pendaftaran kes dan pemerhatian yang teliti terhadap mereka yang disyaki menghidap malaria serta mengadakan tindakan secara serta-merta di kawasan yang dijangkiti wabak[227].

Jadual 4.11
Lawatan Klinik Bergerak Muadzam Shah dan Unit Malaria Bukit Ibam ke RPS Runchang pada Tahun 1988

Klinik Bergerak Muadzam Shah Pada Hari Jumaat keTiga Setiap Bulan	Unit Malaria Bukit Ibam Pada Hari Jumaat Minggu Ke Empat Setiap Bulan
15.01.1988	22.1.1988
19.02.1988	26.2.1988
18.03.1988	25.3.1988
22.04.1988	22.4.1988
20.05.1988	27.5.1988
17.06.1988	24.6.1988
22.07.1988	22.7.1988
19.08.1988	26.8.1988
16.09.1988	23.9.1988
21.10.1988	28.10.1988
18.11.1988	25.11.1988
23.12.1988	23.12.1988

Sumber: dipetik daripada fail RPS/RC.1.001;Kesihatan.

Usaha yang dilakukan oleh Bahagian Kesihatan dan Perubatan terhadap rawatan secara Lawatan Klinik Bergerak Muadzam Shah dan Unit Malaria Bukit Ibam tidak memperlihatkan kejayaan yang memberangsangkan. Walaupun usaha tersebut dilakukan pada setiap bulan di sepanjang tahun 1988 tetapi masyarakat

[226] Sejenis bahan kimia tanpa warna yang membunuh serangga dan merbahaya kepada binatang.
[227] Laporan Tahunan 1991, *op.cit.*,hlm. 34.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Orang Asli Runchang tidak memberi kerjasama terhadap rawatan ini. Keadaan ini berlaku kerana pengetahuan mereka mengenai penyakit malaria masih berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, mereka kurang mengetahui tentang bahaya penyakit malaria. Justeru, mereka sering mengabaikan kebersihan diri dan kawasan persekitaran[228] serta masih lagi sentiasa mengunjungi Sungai Bebar untuk pergi mencari rotan dan menangkap ikan. Hal ini menyebabkan cara rawatan ini telah menemui kegagalan.

Kegagalan cara rawatan yang dilaksanakan oleh JHEOA dengan kerjasama Kementerian Kesihatan ini juga adalah disebabkan oleh keengganan sebahagian besar daripada masyarakat Orang Asli untuk tidak mengambil ubat pencegahan malaria pada setiap minggu. Hal ini berlaku kerana ubat pencegahan malaria merupakan sejenis ubat yang mempunyai rasa yang begitu pahit sehingga setiap orang tidak mampu untuk menelannya[229]. Ubat tersebut ialah seperti *'daraclol', 'primaquine' dan 'chloroquine'.* Selain itu, faktor penyumbang kepada kegagalan program ini juga adalah disebabkan oleh masalah kekurangan kakitangan yang terlatih dan kurangnya pengawasan terutama di kawasan pedalaman[230].

---

[228] Kebanyakan masyarakat Orang Asli masih lagi mengamalkan cara konvensional untuk menghalau nyamuk pada waktu malam iaitu dengan cara menggunakan asap api. Asap api ini dihasilkan dengan menggunakan sabut kelapa, ranting dan dedaun kayu. Keterangan ini diperolehi daripada Encik Mat Sah bin Ah Hong pada 19 Ogos 2009.

[229] Situasi ini diakui oleh Encik Roslan bin Taha yang berkhidmat sebagai Pengurus RPS Runchang. Beliau memberitahu bahawa ubat *"daraclol"* sememangnya mempunyai rasa yang amat pahit. Beliau hanya mampu mengambil sebiji sahaja dan tidak mampu menghabiskan kedua-dua ubat tersebut. Beliau pernah dijangkiti penyakit malaria sewaktu bertugas di RPS Kuala Betis selama 13 tahun sebagai Pegawai Pembantu Masyarakat. Selain itu, faktor yang menyebabkan ubat ini tidak boleh diterima oleh penghidap malaria kerana jika seseorang yang telah demam apabila mereka mengambil ubat ini, demam mereka semakin bertambah teruk. Keterangan ini diperolehi pada 19 Ogos 2009.

[230] *Ibid.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Projek Kelambu Berubat Di RPS Runchang Pekan

Latar Belakang Projek Kelambu Berubat

Pencegahan dan rawatan terhadap kes malaria masih menjadi topik utama kepada JHEOA negeri Pahang. Perkara ini jelas dapat dilihat daripada laporan yang dinyatakan oleh Pegawai Kesihatan Kanan Pahang. Laporan tersebut menyatakan bahawa kes malaria di Semenanjung Malaysia menunjukkan catatan sebanyak 50% adalah daripada dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Peningkatan kes malaria dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah berkait rapat dengan masalah rawatan dan antibodi badan dalam kalangan mereka[231].

Walaupun Bahagian Kesihatan dan Perubatan JHEOA daerah Pekan telah memperkenalkan satu kaedah rawatan dalam bentuk Lawatan Klinik Bergerak Muadzam Shah dan Unit Malaria Bukit Ibam, namun cara rawatan tersebut masih gagal untuk mengatasi masalah kes malaria yang semakin membarahi kehidupan mereka. Kegagalan tersebut adalah berpunca daripada sikap sebahagian besar masyarakat Orang Asli itu sendiri. Mereka mengambil sikap acuh tidak acuh terhadap ancaman penyakit malaria tanpa ada keinginan untuk berusaha membendung dan menanganinya daripada terus menular dalam kehidupan mereka.

Bahagian Kesihatan dan Perubatan JHEOA terus berusaha untuk menangani masalah penyakit malaria. Tumpuan terhadap pembangunan taraf kesihatan masyarakat Orang Asli di kawasan RPS Runchang terus diberikan perhatian yang serius. Satu kaedah lain yang diperkenalkan dalam usaha untuk menangani masalah penyakit malaria ini adalah melalui penggunaan kelambu berubat di bawah Projek Kelambu Berubat RPS Runchang. Kelambu Berubat ialah kelambu biasa yang dicelup dengan sejenis ubat serangga yang mengandungi bahan kimia *'Pemerthrin'*.

[231] Minit Mesyuarat Penyelarasan Projek Kelambu di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kampung Runchang. Bil. 1/93. Lihat dalam LKPT 4042/PST/2.JLD.4. (18);RPS Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Bahan kimia tersebut boleh menyebabkan nyamuk mati apabila tersentuh dengan kelambu berubat tetapi kelambu berubat ini tidak mendatangkan bahaya kepada manusia[232].

Jadual 4.12 menunjukkan bilangan kes pesakit malaria dalam kalangan masyarakat Orang Asli dari tahun 1988 sehingga bulan Jun 1993. Catatan menunjukkan bilangan yang ramai menghidap penyakit malaria berlaku pada tahun 1989 sehingga bulan Jun 1993. Pada tahun 1989, jumlah penghidap penyakit malaria adalah seramai 44 orang berbanding 13 orang pada tahun 1988. Seterusnya, sehingga bulan Jun 1993, jumlah penghidap penyakit malaria mencecah kepada 94 orang dan bilangannya telah bertambah seramai 66 orang.

Pertambahan jumlah penghidap penyakit malaria yang melebihi 100% iaitu sebanyak 238.5% pada tahun 1989 berbanding tahun 1988 dan sebanyak 235.7% berbanding tahun 1992 jelas menunjukkan berlakunya peningkatan. Peningkatan yang berlaku ini menunjukkan masyarakat Orang Asli masih lagi mempunyai tanggapan bahawa penyakit ini tidak berbahaya. Oleh itu, mereka tidak mementingkan kebersihan diri dan kawasan persekitaran. Mereka juga tidak mengambil ubat malaria mengikut sukatan yang ditetapkan.

Kes penyakit malaria melonjak naik pada kedua-dua tahun tersebut kerana kebanyakan masyarakat Orang Asli pergi ke Sungai Bebar untuk mencari rotan dan mereka membawa keluarga bersama. Sekembalinya mereka dari kawasan Sungai Bebar, mereka dijangkiti dengan kuman malaria. Hal ini kerana Sungai Bebar dan kawasan hutan berhampiran merupakan tempat sumber pencarian rezeki mereka. Selain itu, masalah rawatan dan kekurangan kakitangan terlatih serta pengawasan turut menyumbang kepada peningkatan jumlah pesakit malaria.

[232] Lihat dalam Laporan Ringkas Kelambu Berubat di Lokaliti Sungai Dua (OA), *op.cit.*, hlm. 4.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Walau bagaimanapun, catatan menunjukkan berlaku penurunan terhadap bilangan penghidap penyakit malaria pada tahun 1990 iaitu hanya seramai 14 orang sahaja. Penurunan tersebut berlaku kerana masyarakat Orang Asli jarang mengunjungi Sungai Bebar lagi. Walaupun begitu, jika terdapat dalam kalangan mereka yang masih mengunjung sungai tersebut, mereka tidak membawa ahli keluarga bersama. Namun begitu, dalam tempoh dua tahun secara berturut-turut iaitu pada tahun 1991 dan 1992 bilangan penghidap penyakit malaria telah mencatatkan jumlah yang semakin meningkat walaupun bukan dalam bilangan yang banyak. Hal ini berlaku kerana masyarakat Orang Asli mempunyai tanggapan bahawa wabak malaria sudah tidak lagi menjadi ancaman yang paling utama dalam kehidupan mereka dan akhirnya mereka mengunjungi juga kawasan di Sungai Bebar.

Jadual 4.12
Bilangan Kejadian Kes Malaria di Kawasan RPS Runchang Pekan.

Tahun / Jumlah Kes Malaria	1988	1989	1990	1991	1992	1993 (sehingga Jun)
RPS Runchang	13	44	14	22	28	94

Sumber: dipetik daripada LKPT.4042/PST/2 .JLD.2 (27).

Catatan pada jadual 4.13 pula menunjukkan peringkat umur kanak-kanak yang dijangkiti kuman malaria mengikut kumpulan umur di kawasan RPS Runchang bagi tempoh enam bulan pertama pada tahun 1993. Menurut perangkaan tersebut, jangkitan malaria banyak berlaku terhadap kanak-kanak di bawah usia 14 tahun. Kanak-kanak mudah dijangkiti penyakit malaria kerana antibodi badan mereka tidak kuat untuk melawan penyakit berbanding orang dewasa. Namun begitu, bagi kanak-kanak yang berumur kurang daripada satu tahun hanya seramai tiga orang sahaja dan antara sepuluh hingga 14 tahun seramai sembilan orang sahaja.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jumlah penghidap penyakit malaria yang sedikit dalam kalangan umur tersebut berkait rapat dengan peranan ibu bapa yang mencari sumber pendapatan di sekitar kawasan Runchang seperti bercucuk tanam dan menternak binatang. Oleh itu, mereka tidak pergi ke Sungai Bebar dan kawasan yang berhampirannya untuk mencari rezeki. Manakala berbeza pula dengan ibu bapa dalam kalangan kanak-kanak yang berumur antara satu tahun hingga sembilan tahun dan 15 tahun ke atas. Kanak-kanak dalam usia sebegini sering mengikut ibu bapa mereka mencari rezeki di kawasan Sungai Bebar. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak tersebut mudah menjadi mangsa kepada penyakit malaria.

Selain itu, penyakit malaria juga merupakan sejenis penyakit wabak bermusim yang mudah dihinggapi apabila melibatkan kumpulan yang ramai. Sebagai contoh, semasa majlis keramaian diadakan seperti majlis perkahwinan. Lazimnya, sesebuah majlis perkahwinan masyarakat Orang Asli yang diadakan mengambil masa antara dua atau tiga hari dan dalam tempoh tersebut kuman malaria mudah merebak kepada mereka. Hal ini kerana nyamuk tiruk yang membawa penyakit kuman malaria berkeliaran antara jam 7.00 petang hingga 7.00 pagi. Majlis keramaian yang dihadiri adalah pada waktu malam. Kanak-kanak yang berusia antara 5 - 9 tahun merupakan dalam lingkungan umur yang gemar mengikut ibu bapa mereka menghadiri sesuatu majlis keramaian.

Manakala kanak-kanak yang berumur 15 tahun ke atas pula mempunyai keinginan untuk menghadiri majlis keramaian dan ini menyebabkan kuman malaria mudah merebak dalam kalangan mereka. Sementara itu, bagi kanak-kanak yang berumur kurang daripada satu tahun dan 10 – 14 tahun kurang dijangkiti kuman

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

malaria kerana mereka tidak menghadiri majlis keramaian. Hal ini kerana ibu bapa mereka tidak membawa anak-anak menghadiri majlis tersebut[233].

Jadual 4.13
Peringkat Umur Kanak-Kanak yang Dijangkiti Kuman Malaria.

	PERINGKAT UMUR				
	Kurang 1 tahun	1 - 4 tahun	5 - 9 tahun	10 - 14 tahun	15 tahun ke atas
Bil Kes	3	34	25	9	23

Sumber: dipetik daripada LKPT.4042/PST/2 .JLD.2(27).

Oleh itu, pihak JHEOA telah berusaha mengadakan satu perbincangan dengan Jabatan Kesihatan Daerah Pekan dan DARA. Hasil perbincangan tersebut DARA telah bersetuju untuk menanggung perbelanjaan Projek Kelambu Berubat[234] yang berjumlah RM8,700[235]. Bantuan ini diberikan sebagai satu usaha jangka panjang bagi mengawal penyakit malaria[236]. Jadual 4.14 berikut menunjukkan

[233] Maklumat ini diperolehi daripada Encik Mohammad Dani bin Mohd. Amin pada 10 September 2009.

[234] Kelambu yang disediakan mestilah berbentuk empat segi dan jenisnya adalah diperbuat daripada *poliester* atau *cotton*. Pencelupan kelambu hendaklah dilakukan 3 hari sebelum hari pelancaran projek pada 17 November 1993 (Rabu) pada jam 9.00 pagi - 1.00 petang yang bertempat di Sek. Keb. RPS Runchang, Pekan. Selain itu, pendidikan kesihatan hendaklah diberikan secara intensif kepada peserta RPS Runchang setelah kelambu dibekalkan kepada mereka. Hal ini kerana peserta rancangan ini perlu diberitahu bahawa kelambu yang telah dicelup hanya boleh dibasuh sekali sahaja. Sila lihat dalam LKPT 4042/PST/2.JLD.4 (18);RPS Runchang.

[235] Menerusi suratnya Bil (7) dalam. LKPT 4042/PST/2. JLD 4;RPS Runchang yang bertarikh 18 Mei 1993.

[236] Memandangkan wabak malaria di RPS Runchang begitu serius, pihak pentadbiran Perubatan dan Kesihatan negeri Pahang mencadangkan supaya satu program kawalan malaria jangka panjang diperkenalkan. Hal ini kerana didapati wabak malaria yang dialami oleh peserta rancangan RPS Runchang untuk tempoh suku tahun 1993 adalah seperti berikut:

Tahun 1993: Januari - tiada.
Februari - 11 kes.
Mac - 62 kes.

Program yang dikenal pasti ini sangat sesuai untuk dilaksanakan di RPS Orang Asli Kg. Runchang, Pekan. Program tersebut ialah Projek Kelambu Berubat. Menerusi projek ini setiap buah rumah dibekalkan dengan dua buah kelambu iaitu saiz kelamin daripada jenis *nylon PE Nitted* yang dicelup ubat pencegahan racun serangga. Pencelupan kelambu ini dilaksanakan secara bergotong royong. Sila lihat dalam dalam KC/6458 Bhg.1.(2);Kesihatan. Seterusnya lihat juga dalam Laporan Ringkas Kelambu Berubat di Lokaliti Sungai Dua (OA), *op.cit.*, hlm. 7 yang menerangkan bahawa Projek Kelambu Berubat dilaksanakan di RPS Runchang setelah kakitangan RKPBV daerah Pekan mengadakan lawatan ke RKPBV daerah Bentong pada 2 November 1993 jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat Kesihatan daerah Bentong dan Lokaliti Sungai Dua(OA) Karak. Lawatan ini dilakukan bertujuan:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Cadangan Projek Kelambu Berubat yang dilaksanakan di kawasan RPS Runchang. Menerusi jadual ini, jumlah kelambu yang diperlukan oleh 235 buah rumah adalah sebanyak 470 buah kelambu, manakala racun serangga yang diperlukan untuk mencelup kelambu adalah sebanyak 59 liter. Mengikut anggaran lapan buah kelambu memerlukan satu liter racun serangga dan harga keseluruhan yang diperlukan untuk melaksanakan projek ini ialah sebanyak RM8710.

Jadual 4.14
Cadangan Projek Kelambu Berubat Di RPS Runchang Pekan
Bil. Rumah : 235 / Jumlah Penduduk : 834 (1993)

Kos Pembelian Kelambu A	Bil Rumah	Jumlah Kelambu Diperlukan	Anggaran Harga Sebuah Kelambu (RM)	Jumlah Kos Membeli Kelambu (RM)
	235	470	11	5170
Kos Pembelian Racun Serangga B	Bil kelambu perlu dicelup	Racun Serangga Diperlukan *	Kos Seliter Racun(RM)	Jumlah Kos Racun
	470 buah	59 liter	60	3540

Sumber: dipetik daripada KC/6458 Bhg.1.(2);Kesihatan.
* Anggaran 8 kelambu pada setiap liter racun.
* Jumlah keseluruhan kos A + B = RM8710

Objektif Projek Kelambu Berubat

Projek Kelambu Berubat diperkenalkan adalah bertujuan mengurangkan jangkitan malaria terutamanya kepada kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung. Oleh itu, usaha ini dapat menggalakkan penduduk setempat supaya menggunakan kelambu sewaktu tidur. Sehubungan itu, dengan penggunaan Kelambu Berubat tersebut dapat

i. meluaskan pengetahuan mengenai pelaksanaan Projek Kelambu Berubat untuk dipraktikkan.
ii. memberi pendedahan dan mengenal pasti tentang masalah pelaksanaan Projek Kelambu Berubat.
iii. mengeratkan hubungan di antara kakitangan kedua-dua belah pihak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mengurangkan kemungkinan daripada digigit nyamuk yang membawa kuman (parasit) malaria atau lain-lain kuman[237].

Cara Pelaksanaan Projek

Projek ini melibatkan kerjasama antara Jabatan Kesihatan, DARA, JHEOA dan penduduk kampung. Setiap pihak mempunyai peranan masing-masing.

DARA

Pihak DARA telah membiayai sepenuhnya perbelanjaan projek ini. Peruntukan perbelanjaan ini dibelanjakan mengikut peraturan dan dalam tempoh yang ditetapkan.

Jabatan Kesihatan

Peranan Jabatan Kesihatan pula ialah menguruskan pembelian bagi keperluan projek antaranya ialah seperti kelambu dan racun serangga[238]. Selain itu, Jabatan ini juga turut memberi khidmat teknikal cara-cara pencelupan kelambu, menjalankan kerja-kerja pemeriksaan darah secara beramai-ramai sebelum projek dijalankan dan menjalankan

[237] Sila lihat juga dalam Laporan Ringkas Kelambu Berubat di Lokaliti Sungai Dua (OA), *loc.cit* yang menerangkan objektif projek ini dilaksanakan di Lokaliti Sungai Dua (OA) adalah seperti berikut:
i. mengawal insiden malaria dengan cara mematahkan gigitan nyamuk serta jangkitan kuman malaria.
ii. mengurangkan bilangan kes malaria kepada angka yang lebih rendah supaya kes ini tidak menjadi masalah kesihatan.

[238] Racun serangga yang digunakan untuk kegunaan Kelambu Berubat ialah *Perigen* 10.75% *w/w Permethrin* 25/75 yang dijual dengan harga $88.00 seliter. Jumlah racun serangga yang dipesan oleh DARA yang bernombor E 227261 ialah sebanyak 48 liter dan harga yang perlu dibayar kepada syarikat pembekal Lazuli Sdn. Bhd yang memiliki no.rujukan pendaftaran : KB 494/357-8777 JD.3 (Malaysia, Kementerian Kewangan) ialah sebanyak $4224.00. Tempoh penggunaan racun serangga ini adalah daripada 16 Jun 1993 - 15 Jun 1995. Sila lihat dalam LKPT 4042/PST/2.JLD.4. (22);RPS Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kerja-kerja tindakan susulan terhadap penggunaan kelambu. Seterusnya, Jabatan Kesihatan juga bertanggungjawab terhadap kerja-kerja pencelupan kelambu untuk kali ke-2 selepas 6 bulan penggunaannya[239].

JHEOA

Tindakan yang perlu dilakukan oleh JHEOA ialah mengaturkan mesyuarat dan perjumpaan bagi penubuhan jawatankuasa projek di peringkat kampung. Selain itu, JHEOA juga dikehendaki mengaturkan kerja-kerja gotong-royong pencelupan kelambu yang melibatkan semua penduduk dan memastikan setiap penduduk terlibat menyumbang kepada tabung khas bagi pembelian racun serangga untuk pencelupan kali kedua selepas enam bulan penggunaannya.

Peserta Yang Terlibat Dalam Projek Kelambu Berubat

Peserta yang terlibat dalam Projek Kelambu Berubat di kawasan RPS Runchang adalah seramai 877 orang daripada 198 buah rumah bagi ketiga-tiga buah blok. Jadual 4.15 menerangkan secara lebih jelas mengenai pengagihan kelambu bagi Projek Kelambu Berubat di RPS Runchang. Jadual 4.16 pula merupakan data mengenai peserta yang terlibat dengan projek ini.

[239] Ketahanan bahan celupan pada kelambu berubat adalah selama enam bulan sahaja. Kelambu perlu dicelup semula setiap enam bulan sekali. Pencelupan ini dilakukan secara berterusan sehingga penyakit malaria dapat dihapuskan di lokaliti ini. Sila lihat dalam Laporan Ringkas Kelambu Berubat di Lokaliti Sungai Dua (OA), *op.cit.*, hlm. 4.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.15
Pengagihan Kelambu bagi Projek Kelambu Berubat RPS Runchang
Tahun 1993

Lokaliti	Jumlah Rumah	Rumah Kosong	Penduduk	Bil Kelambu Yang Diberi	Keperluan Permethrin	
					* ICI Ambush (liter)	** Wellcome Perigin (liter)
Blok A RPS	69	2	394	136	10.88	11.15
Blok B RPS	67	12	270	99	7.92	8.12
Blok C RPS	62	19	213	76	6	6.15
Jumlah	198	33	877	311	24.8	25.42

Sumber: dipetik daripada LKPT 4042/PST/2.JLD.4. (33)., RPS Runchang
*79.14ml./kelambu **81.72ml./kelambu

Pengagihan kelambu berubat kepada peserta bagi ketiga-tiga buah blok adalah sebanyak 311 buah kelambu. Kelambu tersebut diberi melalui pendaftaran yang dibuat kepada pihak jawatankuasa Projek Kelambu Berubat. Peserta tersebut perlu mendaftar dengan mengisi maklumat diri dan keluarga dalam borang Daftar Kajian Khas bagi Kampung-Kampung Bermasalah Malaria yang disediakan oleh JHEOA.

Maklumat yang perlu dipenuhi dalam borang tersebut adalah mengenai nama ketua keluarga, nombor rumah dan jumlah ahli dalam keluarga. Selain itu, ruangan mengenai bilangan kelambu, nombor kelambu, tarikh bekalan, tarikh pencelupan dan gantian perlu dipenuhi semasa kelambu berubat diagihkan. Peserta RPS ini ditemui dan diambil darah pada setiap bulan oleh pegawai yang bertugas dan hasil kajian tersebut ditanda sama ada negatif (-VE) atau positif (+VE) dalam kotak bulanan yang disediakan dalam borang tersebut. Selain itu, pegawai yang bertugas juga perlu mencatat FU jika *Follow Up* atau RT jika *Refer To* untuk rawatan selanjutnya pada borang yang sama.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.16
Projek Kelambu Berubat di RPS Runchang Tahun 1993

Bil	No. Rumah	Nama Ketua Keluarga	Bil Ahli Keluarga	Bil Kelambu Yang Diberi	Catitan
1	1	Mansor a/l Mamat	6	2	Blok A
2	2	Rahmat a/l Mansor	6	2	
3	3	Awang a/l Harun	10	3	
4	4	Noriah a/l Hitam	2	1	
5	5	Husin a/l Hitam	4	2	
6	2	Lim Kong Kim	6	2	Blok B
7	3	Lee Boon Yoh	6	2	
8	4	Jabar a/l Lengot	6	2	
9	5	Nordin a/l Chah	3	1	
10	6	Azizan a/l Mokhtar	1	1	
11	1	Idris a/l Toya	5	2	Blok C
12	2	Jambut a/l Angkut	5	2	
13	3	Mohd Azhar Abdullah	5	2	
14	4	Atan a/l Awang	4	2	
15	5	-	-	-	

Sumber: dipetik dan diubahsuai daripada LKPT 4042/PST/2.JLD.4. (33);
RPS Runchang

* Penyelidik tidak mengambil semua nama Ketua Keluarga dari ketiga-tiga blok yang berjumlah sebanyak 198 buah rumah. Penyelidik hanya mengambil 5 buah rumah bagi setiap blok sebagai bahan penerangan.

Projek Kelambu Berubat yang dilaksanakan di kawasan RPS Runchang berjaya mengatasi masalah penyakit malaria. Penurunannya adalah secara mendadak berbanding dengan kaedah lain yang telah dilaksanakan. Hal ini kerana kaedah seperti pengambilan ubat pencegahan malaria tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana penghidap penyakit malaria tidak dapat menelan ubat yang dibekalkan kerana rasanya yang terlalu pahit. Projek Kelambu Berubat berjaya dicapai kerana mempunyai usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak JHEOA, DARA dan Jabatan Kesihatan di bawah unit RKPBV. Peranan ketiga-tiga agensi tersebut berjaya memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat Orang Asli supaya berusaha menghindari penyakit malaria.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, kejayaan Projek Kelambu Berubat juga adalah kerana cara penggunaannya yang mudah dan tidak memerlukan penjagaan yang rapi. Mereka hanya perlu menggantungkan kelambu di kawasan tempat tidur dan tidak perlu menanggalkannya. Ini kerana apabila masa untuk tidur, mereka hanya perlu masuk ke dalam kelambu berubat tersebut. Cara penggunaannya yang mudah dan cepat menyebabkan projek ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Mereka hanya perlu menanggalkan kelambu berubat daripada gantungan apabila sampai tempoh kelambu tersebut perlu dicelup semula selepas enam bulan menggunakannya ke dalam bahan kimia *'Pemerthrin'.*

Selain daripada penyakit malaria, masyarakat Orang Asli di kawasan RPS Runchang turut berhadapan dengan masalah penyakit filaria. Penyakit filaria dikenali sebagai penyakit 'untut' iaitu sejenis penyakit yang menyebabkan kaki bengkak dalam konteks masyarakat Melayu. Filaria ialah sejenis penyakit yang berpunca daripada sekumpulan cacing *nematode* daripada *Superfamili Filarioidea* yang berbentuk benang panjang. Kuman penyakit tersebut dibawa oleh nyamuk *'clurex'* dan nyamuk ini banyak terdapat di kawasan berpaya. Sememangnya kawasan RPS Runchang merupakan sebuah kawasan berpaya dan tidak hairanlah terdapatnya nyamuk *'clurex'* di kawasan ini.

Namun begitu, langkah awal dan tindakan drastik yang diambil oleh Pejabat Kesihatan Kuantan telah berjaya mengawal wabak penyakit tersebut daripada merebak kepada peserta RPS Runchang[240]. Hanya empat orang sahaja peserta RPS

[240] Lawatan Pasukan Kawalan Filaria ini dilakukan empat hari sahaja kerana penyakit ini berjaya dibendung oleh Pejabat Kesihatan Kuantan. Hal ini disebabkan kerana Pejabat Kesihatan telah mengambil tindakan drastik untuk mencegah penyakit filaria ini daripada menular dalam kalangan masyarakat Orang Asli Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Runchang yang mengalami penyakit filaria pada tahun 1991[241]. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut seorang daripadanya telah meninggal dunia. Mangsa tersebut ialah seorang perempuan yang dikenali dengan nama Salamah. Puan Nor bt. Jaafar dan Latif bin Ah Kau telah berjaya diselamatkan manakala seorang lagi yang terselamat telah keluar daripada RPS Runchang[242]. Wabak penyakit ini berjaya diatasi oleh Pejabat Kesihatan Kuantan dengan menubuhkan sebuah pasukan Kawalan Filaria Kesihatan Kuantan. Pasukan tersebut telah mengadakan lawatan ke kawasan RPS Runchang.

Catatan yang terdapat pada jadual 4.17 merupakan contoh yang menunjukkan dalam tempoh kajian antara tahun 1970-an hingga 1990-an hanya empat kali sahaja pasukan kawalan tersebut mengadakan lawatan ke RPS Runchang. Lawatan tersebut dilakukan pada bulan Julai 1991 iaitu pada 1 Julai 1991 hingga 4 Julai 1991. Menerusi lawatan tersebut, pegawai kesihatan daripada Pasukan Kawalan Filaria yang bertugas mengambil darah peserta RPS Runchang. Darah tersebut dihantar ke makmal kesihatan untuk diuji bagi memastikan tindakan dan langkah yang dapat diambil berdasarkan keputusan ujian tersebut. Selain itu, ilmu pengetahuan mengenai pendidikan kesihatan turut disampaikan kepada mereka supaya dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Segala usaha yang dilakukan ini berjaya memberi kesedaran kepada mereka supaya mementingkan kebersihan diri dan kawasan persekitaran.

---

[241] Data ini diperolehi daripada Puan Nor bt. Jaafar iaitu bekas penghidap penyakit Filaria. Beliau mengalami penyakit ini sewaktu masih remaja pada tahun 1991. Beliau telah menunjukkan kakinya yang telah mengalami penyakit ini dan kelihatan kakinya masih bengkak walaupun sudah tidak sakit dan tidak mengalami demam lagi. Maklumat ini juga diperolehi daripada Encik Mat Sah bin Ah Hong. Kedua-dua mereka mengingati peristiwa ini dengan jelas kerana bekas penghidap penyakit ini adalah daripada kalangan keluarga mereka sendiri.

[242] Salamah adalah saudara sepupu kepada Puan Nor bt. Jaafar. Latif bin Ah Kau pula adalah abang ipar kepada Encik Mat Sah bin Ah Hong. Keterangan oleh Puan Nor bt. Jaafar dan Encik Mat Sah bin Ah Hong pada 19 Ogos 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.17
Jadual Lawatan Pasukan Kawalan Filaria
Pejabat Kesihatan Kuantan bagi Bulan Julai, 1991

Tarikh	Masa	Tugas-tugas Yang Dilaksanakan
1.7.1991	8.30 pagi	Membuat kajian darah dan pelajaran kesihatan
2.7.1991	8.30 pagi	kesihatan di kampung Orang Asli,
3.7.1991	8.30 pagi	Rancangan Pengumpulan Semula
4.7.1991	8.30 pagi	Kampung Runchang, Pekan

Sumber: dipetik daripada dalam KPU/Phg.1/84.(90).

Pembangunan kesihatan masyarakat Orang Asli RPS Runchang berjaya dipertingkatkan. Hal ini kerana wujudnya gabungan tenaga antara pihak JHEOA, Kementerian Kesihatan dan DARA yang berjaya meyakinkan masyarakat tersebut terhadap perubatan moden[243]. Mereka dapat menerima rancangan kesihatan kerana banyak kejayaaan yang dapat dilihat[244]. Sebagai contoh kejayaan tersebut adalah pengurangan bilangan kematian ibu mengandung dan bayi yang dilahirkan. Purata kematian ialah seorang daripada lima orang ibu atau bayi yang dilahirkan. Kematian ini adalah kerana kecuaian mereka sendiri.

Selain itu, peningkatan rawatan yang berlaku dalam perubatan moden ini dapat dilihat kepada penyakit Filaria. Hanya seramai empat orang peserta daripada jumlah penduduk yang melebihi 1000 orang yang menghidap penyakit ini. Hal ini berlaku kerana mereka telah mempunyai keyakinan terhadap rawatan yang diberikan oleh pejabat Kesihatan Kuantan. Penyakit ini tidak sempat merebak kerana langkah pencegahan awal telah dilakukan.

[243] Pihak Kementerian Kesihatan menyediakan tenaga untuk merawat manakala JHEOA pula menyediakan pengangkutan dan kos rawatan. Pihak DARA pula menghulurkan sumbangan dan bantuan kewangan dalam Program Kesihatan dan Perubatan yang dilaksanakan.

[244] Masyarakat Orang Asli mudah menerima program ini kerana mereka dapati banyak kejayaan yang diperolehi daripada rancangan perubatan ini. Antara peristiwanya ialah terdapat dalam kalangan mereka yang mengandungkan anak songsang. Ibu tersebut terpaksa dibedah dan nyawa ibu serta anak telah dapat diselamatkan. Keterangan oleh Encik Zahari bin Abd. Razak pada 24 November 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Perkhidmatan dan Kesihatan yang dilaksanakan ini menunjukkan usaha kerajaan melalui JHEOA adalah untuk membangunkan golongan masyarakat ini. Perkara ini jelas membuktikan bahawa kerajaan ingin mengurangkan diskriminasi yang melanda masyarakat ini dengan masyarakat lain di Malaysia. Tempoh masa yang lama tidak mematahkan semangat pegawai JHEOA dan pegawai kesihatan untuk memberi kesedaran kepada mereka. Pegawai yang bertugas bergaul mesra dengan masyarakat Orang Asli tanpa mengira waktu. Pergaulan ini berjaya menyakinkan masyarakat Orang Asli RPS Runchang bahawa terdapat pihak yang sudi untuk menjalinkan hubungan sosial bersama mereka. Keadaan ini memudahkan pihak kerajaan untuk meneruskan usaha pembangunan Rancangan Kesihatan dan Perubatan agar taraf sosial komuniti ini setanding dengan masyarakat setempat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 5

PERANAN KERAJAAN DALAM MEMPERTINGKATKAN TAHAP PENDIDIKAN ORANG ASLI

Pendidikan menjadi tunggak utama dalam usaha membebaskan masyarakat Orang Asli daripada belenggu kemiskinan. Justeru, bagi mewujudkan pembangunan, pendidikan telah menjadi cerucuk utama dalam membina kehidupan yang lebih sempurna dan tersusun mengikut acuan pembangunan yang dirangka oleh pihak kerajaan. Sehubungan itu, tajuk dalam bab ini menjurus kepada persoalan mengenai usaha kerajaan dalam mempertingkatkan pendidikan terhadap masyarakat Orang Asli di Runchang dan kawasan sekitarnya.

Latar Belakang Pendidikan Masyarakat Orang Asli di RPS Runchang

Program pendidikan merupakan salah satu penyumbang utama yang dapat membawa manusia keluar daripada kepompong kemiskinan[245]. Tanpa pendidikan kehidupan

[245] Pendidikan menurut kaca mata ahli sosiologi dan antropologi ialah sebagai sebuah institusi kemasyarakatan yang membolehkan penduduk sesebuah masyarakat itu menganut, memahami dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

manusia menjadi sukar dan tidak dapat menikmati program pembangunan dengan sempurnanya. Oleh itu, sebagai penggerak terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli, kerajaan berhasrat supaya golongan minoriti ini dapat menikmati perkembangan pendidikan seiring dengan kaum lain di negara ini. Selain itu, kerajaan juga turut berusaha supaya berlakunya proses integrasi golongan minoriti ini dengan masyarakat kebangsaan tanpa meruntuhkan budaya mereka yang sedia ada. Masyarakat Orang Asli perlu mempunyai kesedaran terhadap kepentingan pendidikan dan berusaha untuk menerima setiap pemodenan secara positif. Hasrat kerajaan ini dapat dilihat dengan jelas menerusi ucapan Timbalan Menteri Dalam Negeri:

> Namun begitu, kita perlu ingat bahawa bagaimana baikpun falsafah pembangunan ini, ianya hanya akan berjaya jika penglibatan bersepadu bersungguh-sungguh dapat diberi oleh kaum Orang Asli sendiri. Kita tidak mahu seperti setengah-setengah negara yang hanya melindungi kaum Orang Asli mereka secara negatif iaitu membiarkan mereka hidup seperti sediakala dan berselindung di bawah slogan *'special privileges group'* dan membiarkan mereka menjadi tontonan para pelancong, buta huruf, menderita dan sengsara dan akhirnya lenyap begitu sahaja kaum tersebut[246].

Oleh itu, JHEOA mempunyai tanggungjawab untuk memastikan setiap anak-anak Orang Asli diberi segala kemudahan untuk mendapatkan pendidikan dan kemahiran. Justeru, pihak jabatan dan pegawainya bertindak sebagai agensi perantaraan di antara ibu bapa / anak-anak Orang Asli dan lain-lain agensi

---

menghayati nilai serta norma masyarakatnya. Golongan pendidik pula menyifatkan pendidikan sebagai sebuah institusi yang menggerakkan pertumbuhan secara komprehensif ke tahap maksima seseorang individu. Juli Edo. *Bentuk Pendidikan dan Masalah Pencapaian Akademik Orang Asli Masa Kini. Pembangunan dan Masa Depan Orang Asli di Semenanjung Malaysia*, *op.cit.*, hlm. 2.

[246] Teks ucapan yang dibentangkan oleh Dato' Megat Junid b. Megat Ayob, Timbalan Menteri Dalam Negeri di Upacara Persidangan Pembangunan Orang Asli Semenanjung Malaysia pada 9 November 1989, jam 9.30 pagi di Intan Bukit Kiara Kuala Lumpur, hlm. 9.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

kerajaan[247]. Hal ini bertujuan untuk memberi pendidikan yang kukuh kepada anak-anak Orang Asli kerana pendidikan merupakan asas kepada maju mundurnya kehidupan kumpulan minoriti ini.

Pihak JHEOA telah mengeluarkan peruntukan yang terbesar dalam belanjawan tahunannya bagi mencapai kejayaan dalam bidang ini. Jadual 5.1 menunjukkan jumlah Peruntukan Aktiviti Tahunan dari tahun 1986 sehingga tahun 1989. Bahagian Perkhidmatan Pelajaran telah menerima peruntukan dalam jumlah yang paling banyak empat tahun berturut-turut berbanding lima bahagian yang lain. Peruntukan yang besar telah disediakan dalam bidang ini kerana pihak JHEOA terpaksa mengurus dan mentadbirkan sekolah di kawasan pedalaman hutan dan menyediakan asrama di peringkat daerah. Kerajaan telah memberi perhatian yang serius dalam bidang pendidikan dan pelbagai usaha dilaksanakan bagi mempercepatkan proses pembangunan kepada kumpulan sasaran ini supaya mereka menjadi manusia yang pandai, bijak, sihat, maju serta dapat menjalani proses integrasi dengan masyarakat nasional[248].

[247]Kamami Bahrin Arshad. (t.t). *Sudut Orang Asli di Muzium Negara dan di SemenanjungMalaysia.* Kertas Kerja Mengenai Orang Asli di Semenanjung Malaysia Untuk Bahagian Etnologi Muzium Negara. Kuala Lumpur : [tiada data penerbitan], hlm.12.
[248] Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. (t.t). Dasar Pelajaran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 3.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 5.1
Peruntukan Aktiviti Tahunan oleh JHEOA (%)

	Aktiviti	1986	1987	1988	1989
1	Pentadbiran dan Kewangan	15.8	16.9	18	17.7
2	**PERKHIDMATAN PELAJARAN**	**28.1**	**28.5**	**29.6**	**29**
3	Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan	22.1	21.7	22	20
4	Pembangunan Sosio Ekonomi	9.5	9.8	9.2	10.3
5	Penyelidikan dan Perancangan	5.6	4.5	4	4.7
6	Perhubungan dan Pengangkutan	12.3	11.7	11.6	12.3
7	Latihan	5.1	5.5	4.2	4.3
8	Rancangan Pengumpulan semula	1.5	1.4	1.4	1.7
	JUMLAH	100	100	100	100

Sumber : Dipetik daripada Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.(t.t). Peruntukan Tahunan [tiada data penerbitan].

Kepentingan dalam bidang pendidikan juga dapat dilihat menerusi Peruntukan Sebenar tahun 1988-1990 dalam Cadangan Anggaran Belanjawan Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) bagi JHEOA Cawangan Negeri Pahang. Jumlah wang yang diperuntukkan dalam bidang pendidikan adalah sebanyak RM 2,923,000.00 dan daerah Pekan telah menerima peruntukan sebanyak RM 837,000.00[249]. Selain itu, keutamaan yang diberikan terhadap bidang pendidikan ini juga dapat memberi peluang kepada pihak JHEOA untuk mewariskan pembangunan kepada kumpulan minoriti ini. Setelah hasrat serta impian kerajaan tercapai kerajaan akan mengambil langkah untuk membubarkan JHEOA pada satu ketika nanti[250].

[249] Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) 1986 – 1990. [tiada data penerbitan].

[250] Mohd Tap bin Salleh. (1990). *An Examination of Development Planning Among The Rural Orang Asli of West Malaysia.* (Doctoral dissertation, University Of Bath, 1990), hlm. 258. Lihat juga dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1983, Mac-April). Wawancara Pemberita Bahagian Ekonomi dan Binaan dengan Pengarah JHEOA Cawangan Pahang, Encik Zulkifli bin Alwi. *Nong Pai*, hlm. 11 yang mengatakan bahawa apabila objektif dan matlamat JHEOA telah berjaya dicapai, perkhidmatan jabatan ini akan dimansuhkan. Namun begitu, masanya tidak dapat ditentukan kerana semuanya bergantung kepada keadaan dan kemajuan masyarakat Orang Asli itu sendiri. Sebagai contoh, pada masa dahulu apabila masyarakat Orang Asli hendak memohon lesen atau membeli peluru, urusan tersebut dilakukan oleh pegawai JHEOA. Tetapi kini mereka mengetahui cara untuk menguruskan permohonan tersebut dan tidak lagi memerlukan bantuan serta perkhidmatan daripada pegawai JHEOA. Keadaan ini menunjukkan bahawa pemikiran mereka telah mengalami perubahan yang positif.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Oleh itu, sekolah JHEOA ditubuhkan terutama di kawasan pedalaman bagi menjamin hasrat kerajaan untuk memajukan negara. JHEOA telah menggubal satu dasar yang berkaitan dengan Dasar Pelajaran dalam kalangan anak-anak Orang Asli yang mengandungi tiga dasar penting seperti berikut:

i. menggalakkan anak-anak Orang Asli terutama yang tinggal di kawasan pedalaman supaya belajar di sekolah yang disediakan oleh JHEOA. Sehubungan itu, pihak jabatan menyediakan keperluan sekolah seperti pakaian seragam sekolah, yuran, makanan, pengangkutan, buku, peralatan menulis dan sebagainya.

ii. meningkatkan taraf pelajaran di sekolah rendah yang diberikan kepada anak-anak Orang Asli.

iii. Jabatan Pendidikan bertanggungjawab terhadap pelajaran anak-anak Orang Asli di kawasan yang mudah dihubungi. Oleh itu, kerjasama yang rapat antara Jabatan Pendidikan dengan JHEOA sangat menggalakkan[251].

Dasar Pelajaran JHEOA sebenarnya tidak berbeza dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Hal ini kerana dasar yang diperkenalkan ini menunjukkan dengan jelas bahawa pendidikan merupakan elemen penting dalam usaha untuk membasmi kemiskinan. Selain itu, dasar ini juga dapat menyusun semula masyarakat Malaysia sepertimana yang terkandung dalam DEB (1971 – 1990)[252]. Anak-anak Orang Asli diberi segala peluang untuk menimba ilmu pendidikan daripada peringkat yang paling rendah sehingga ke peringkat yang paling tinggi melalui institusi pendidikan yang diwujud dan diiktiraf oleh pihak Kerajaan.

---

[251] Mohd Isa bin Mohd. Yusof. (1983, Jan – Feb). Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Kaitannya Dengan Perkhidmatan Pelajaran JHEOA Malaysia. *Nong Pai*, hlm. 3. Lihat juga dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1972). *Pergerakan.* Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm.3.

[252] Biro Rundingan dan Inovasi. (1999, November). *Kajian Orang Asli Berjaya*. Dikemukakan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 12.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Oleh itu, bagi mencapai hasrat ini pelbagai program pendidikan, latihan dan pembangunan minda dilaksanakan oleh pihak JHEOA terhadap anak-anak Orang Asli. Program ini bertujuan meningkatkan taraf pendidikan kumpulan sasaran ini untuk membasmi buta huruf. Pada 1976, Iskandar Carey menjelaskan bahawa :

> *Until about fifteen years ago, nearly all the Orang Asli were illiterate but today, this is no longer the situation. The department has established nearly eighty special schools in the deep jungle*[253].

Jadual 5.2 di bawah menggambarkan kesungguhan dan keprihatinan pihak JHEOA dalam memastikan bidang pendidikan dapat disalurkan kepada anak-anak Orang Asli.

Jadual 5.2
Pendaftaran Murid dan Peruntukan Kewangan JHEOA untuk Pendidikan
1978 – 1988

Tahun	Peruntukan($000)	Jumlah Pendaftaran
1978	4,043	8,131
1979	4,389	10,061
1980	5,088	9,382
1981	5,927	9,136
1982	6,771	9,474
1983	5,639	10,346
1984	56,07	10,192
1985	5,527	11,021
1986	6,835	11,659
1987	6,731	12,060
1988	7,412	12,286

Sumber: dipetik dan diubahsuai daripada Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Peruntukan Tahunan. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

Menerusi jadual 5.2, JHEOA telah menyediakan jumlah peruntukan yang besar dalam program pendidikan dan pertambahannya hampir mencecah 100% pada setiap

[253] Lihat dalam Iskandar Carey. *Orang Asli : The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, *op.cit.*, hlm. 301.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tahun. Keadaan ini berlaku kerana jumlah pendaftaran murid semakin bertambah ramai. Oleh itu, JHEOA terpaksa membina bangunan asrama bagi menampung keperluan pendidikan anak-anak Orang Asli dari kawasan pedalaman. Hal ini kerana pendidikan merupakan platform JHEOA untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat Orang Asli supaya dapat melahirkan masyarakat yang berketrampilan dan berilmu pengetahuan.

Anak-anak Orang Asli yang belajar di sekolah menengah dihantar menyambung pelajarannya ke sekolah yang berhampiran dengan kawasan perkampungan mereka atau ke kawasan bandar. Persekolahan di kawasan perkampungan atau kawasan bandar dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan. Segala kemudahan disediakan oleh Kementerian seperti bekalan tenaga pengajar, bangunan sekolah dan kemudahan fizikal serta asrama. Anak-anak Orang Asli ini belajar bersama dengan anak-anak kaum lain terutama kaum Melayu dan mereka tinggal bersama di asrama.

Namun begitu, jika pihak Kementerian Pendidikan tidak dapat menyediakan kemudahan asrama kepada anak-anak Orang Asli ini, pihak JHEOA terpaksa mengambil alih tugas ini dengan menyediakan tempat tinggal kepada mereka. Di samping itu, JHEOA juga turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada anak-anak Orang Asli ini bagi memastikan mereka mendapat peluang untuk belajar dan mampu mengikuti program Pendidikan Kebangsaan. Hal ini kerana Dasar Pelajaran Kebangsaan lebih menjurus kepada usaha kerajaan menyatupadukan semua kaum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

> Tujuan Dasar Pelajaran dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur[254].

Pada tahun 1987, pihak JHEOA telah menyediakan 14 buah asrama di kawasan bandar bagi mengatasi masalah tempat tinggal anak-anak Orang Asli[255]. Jumlah anak-anak Orang Asli yang menerima pendidikan di negeri Pahang pada tahun 1984 adalah seramai 2,787 orang. Anak-anak Orang Asli Pahang ini telah mendapat bantuan sepenuhnya daripada JHEOA Cawangan Negeri Pahang[256].

Segala usaha yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk menepis pandangan masyarakat Orang Asli yang tidak mempunyai pandangan hidup yang terbuka serta tidak berwawasan. Hal ini kerana mereka tidak nampak kepentingan pendidikan dalam sesebuah kehidupan. Kumpulan sasaran ini lazimnya mahu melihat bukti kejayaan dalam jangka waktu yang singkat dan mudah berputus asa terhadap sesebuah rancangan atau projek yang mengambil masa yang panjang[257].

Komitmen menyeluruh antara JHEOA dengan Kementerian Pendidikan terserlah apabila kerajaan mengambil langkah dengan menukarkan pentadbiran pendidikan formal daripada pengurusan JHEOA kepada pengendalian oleh Kementerian Pendidikan. Peralihan kuasa pentadbiran sekolah ini dilakukan bagi mengatasi segala urusan pentadbiran dan kelemahan yang timbul dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang dikendalikan oleh pihak JHEOA. Hal

[254] Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam Syed Othman Alhabshi. (t.t). Dasar dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan. [tiada data penerbitan], hlm. 2 - 4. Lihat juga dalam Universiti Sains Malaysia. (2007). 50 Tahun Pembangunan Pendidikan Tinggi di Malaysia 1957-2007. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
[255] Mohd Tap bin Salleh, *op.cit.*, hlm. 260.
[256] Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) 1986 – 1990, *loc.cit.*
[257] Pembangunan Orang Asli : Integrasi Dalam Pembangunan Pahang Tenggara Melalui Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), *op.cit.*, hlm. 3.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ini kerana JHEOA tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang pendidikan.

Sejarah Penubuhan Sekolah JHEOA Runchang

JHEOA Negeri Pahang mula memperkenalkan pendidikan di sekolah kepada anak-anak Orang Asli Runchang dari awal tahun 1970-an iaitu sebelum RPS dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sebelum sekolah JHEOA ditubuhkan, anak-anak Orang Asli Runchang menerima pendidikan tahun satu, dua dan tiga di Sekolah Kebangsaan Mempelam. Kampung Mempelam ini merupakan sebuah perkampungan yang terletak di Nenasi. Perhubungan pada ketika itu hanya melalui sungai sahaja.

Seorang Pembantu Pembangunan Masyarakat telah ditugaskan sebagai seorang guru di sekolah ini. Namun begitu, sambutan yang diberikan oleh masyarakat Orang Asli Runchang begitu dingin sekali. Ini kerana bilangan anak-anak Orang Asli Runchang yang mendapat pendidikan di sekolah ini sangat kecil jumlahnya iaitu hanya dua tiga orang sahaja dan mereka ditempatkan di asrama. Keadaan ini berlaku kerana mereka tidak dapat berpisah dengan anak-anak yang masih kecil iaitu yang berumur antara 7 hingga 9 tahun[258].

Kemudian JHEOA mengubah strategi dengan menempatkan pula anak-anak Orang Asli Runchang ini di Sekolah Kebangsaan Batu Gong. Sekolah tersebut mempunyai jarak yang lebih dekat iaitu lebih kurang 30 km dari Runchang berbanding Sekolah Kebangsaan Mempelam. Selepas itu, sekolah di Runchang ditubuhkan pada tahun 1984 iaitu dua tahun sebelum pembentukan RPS Runchang. Penubuhan Sekolah JHEOA Runchang ini menyebabkan anak-anak Orang Asli

[258] Temuramah dengan Awang Tan bin Hassan pada 14 Julai 2009. Lihat juga dalam LKPT 4042 /PTL / 2. (5);RPS Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Runchang dan kawasan perkampungan yang berhampiran tidak lagi perlu menumpang di Sekolah Kebangsaan Batu Gong dan juga tidak perlu berpisah dengan ibu bapa mereka lagi.

Pembinaan Sekolah JHEOA Runchang

Runchang hanya mempunyai sebuah sekolah JHEOA sejak awal penubuhannnya sehingga sekarang. Pembinaan bangunan sekolah yang ada pada masa kini dibina oleh Kementerian Pendidikan. Namun begitu, pada peringkat awal bangunan sekolah ini menggunakan Rumah Kongsi Balak yang ditinggalkan oleh peneroka balak. Rumah ini dibina oleh peneroka balak yang berbangsa Cina dengan menggunakan bahan-bahan hutan seperti atap nipah, kayu dan pokok buluh. Pembinaan rumah ini dilakukan untuk dijadikan tempat tinggal bagi pekerjanya yang bekerja sebagai penebang pokok balak dan setelah selesai menebang pokok balak, rumah ini ditinggalkan begitu sahaja[259].

Sebelum Rumah Kongsi Balak ini dijadikan sekolah, rumah ini telah dijadikan tempat bermesyuarat oleh Pegawai JHEOA semasa menjalankan tugas mereka. Rumah Kongsi Balak ini terletak di tapak bangunan balai raya RPS Runchang yang ada pada hari ini. Pegawai JHEOA bersama dengan masyarakat Orang Asli telah bergotong royong membaik pulih rumah ini untuk dijadikan sekolah. Pihak JHEOA telah menyediakan papan *'plywood'* untuk dijadikan sebagai meja dan kayu-kayu hutan pula dijadikan sebagai kerusi. Rumah ini mempunyai tiga buah bilik darjah untuk murid tahun satu, dua dan tiga[260].

[259] Keterangan diperolehi daripada Encik Zahari bin Abdul Razak pada 15 Julai 2009 dan Encik Mat Sah bin Ah Hong pada 20 Julai 2009.
[260] *Ibid*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Setelah itu, pihak JHEOA telah memindahkan pula sekolah ini ke tapak bangunan Dewan Serbaguna RPS Runchang. Bangunan kayu ini dibina secara bergotong royong antara kakitangan JHEOA dan Pasukan Pembina dari Kuala Lumpur pada 8 April 1986. Bangunan ini dijadikan sekolah sehingga tahun 1991 sahaja kerana Runchang telah menerima sebuah bangunan baru yang telah didirikan oleh Kementerian Pendidikan[261].

Bangunan sekolah ini mempunyai ukuran 90' x 20' dan mempunyai empat buah bilik darjah dan sebuah bilik guru / bacaan. Bilik darjah ini dibina dalam sebaris dan setiap kelas hanya mempunyai sebuah pintu sahaja. Bahan binaan bangunan ini diperbuat daripada kayu bakau, kayu meranti, meranti berketam, atap zink, paku, simen, pasir dan sebagainya[262]. Bahagian rusuknya pula ditutupi dengan papan meranti berketam yang berukuran ½"x6"x12' sepanjang 20'. Menerusi pelan bangunan yang bertarikh 21 Mac 1986, perbelanjaannya adalah sebanyak $11,609.20. David Mayburry menggambarkan pembinaan bangunan sekolah yang diusahakan oleh pihak JHEOA adalah seperti berikut:

> *Schools are usually housed in prefabricated buildings with plank walls, corrugated metal roofs, and wire mesh on the windows*[263].

Perbincangan untuk menyiapkan bangunan Sekolah RPS Runchang ini dibuat antara Pengarah Bahagian RPS, Encik Ibrahim dengan Pengurus RPS Runchang iaitu Encik Long bin Alang Chukas pada 18 April 1986. Hasil daripada perbincangan ini satu persetujuan telah dicapai dalam menentukan kakitangan JHEOA yang terlibat

---

[261] JHEOA RPS.RD.1001 (56);Projek Pembangunan dan L.K.P.T 3626 / PT JLD.8;JHEOA.
[262] CB1-003 (28);Pendidikan.
[263] David Maybury - Lewis. (1997). *Malaysia and The Original People : A Case Study of The Impact of Development on Indigenous Peoples*. The United States Of America: A Viacom Company, hlm. 128.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan pembinaan bangunan sekolah ini. Mereka yang terlibat adalah seperti dalam jadual 5.3:

Jadual 5.3
Kakitangan JHEOA yang Terlibat dalam Pembinaan Sekolah RPS Runchang
Tahun 1986

Bil	Nama Penuh	Jawatan	Tempat Bertugas
1	Yahya bin Men	Pembantu Luar Tingkatan Biasa	JHEOA,Kuala Rompin
2	Sulong bin Husin	sda	sda
3	Seri bin Awang Lah	sda	sda
4	Busu a/l Uda	sda	sda
5	Atim bin Husin	Buruh Am	sda
6	Jamil bin Jidin	Pembantu Luar Tingkatan Biasa	JHEOA,Pekan
7	Ahmad bin Shukor	sda	sda
8	Mohd. Saleh b. Ismail	Buruh Am	sda
9	Mohd. Zahari b. Razak	Jurumudi	sda
10	Abdullah bin Husin	Pembantu Luar Tingkatan Biasa	JHEOA,Kuantan

Sumber: dipetik dan diubahsuai dan dipetik daripada RPS/R.003 (2));Pelajaran Am.

Kakitangan JHEOA yang terlibat dalam pembinaan bangunan sekolah adalah daripada tiga daerah dan daerah tersebut adalah daripada JHEOA Kuala Rompin, Pekan dan Kuantan. Tiga orang daripada kakitangan ini berjawatan sebagai Pembantu Luar Tingkatan Biasa, dua orang Buruh Am dan seorang Jurumudi. Kesemua kakitangan ini dikehendaki memastikan pembinaan bangunan sekolah JHEOA ini berjalan dengan lancar dan sempurnanya.

Bilangan kelas adalah terhad kerana pihak JHEOA menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar. Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah kekurangan kelas, pihak JHEOA telah menghantar anak-anak Orang Asli tahun empat, lima dan enam menyambung pelajaran mereka ke Sekolah Kebangsaan Permatang Keledang Pekan. Sekolah tersebut terletak lebih kurang tiga km dari bandar Diraja Pekan. Sekolah ini merupakan sebuah sekolah daripada jenis B iaitu bangunan sekolah disediakan oleh pihak JHEOA tetapi tenaga pengajarnya dibekalkan oleh

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kementerian Pendidikan. Namun begitu, apabila Sekolah Kebangsaan Permatang Keledang diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan, anak-anak Orang Asli daripada sekolah ini ditempatkan pula di asrama yang disediakan oleh pihak JHEOA[264]. Suasana pembelajaran mereka dapat digambarkan seperti berikut:

> *After their initial three years of exposure to formalized education at the village departmental school, they will be moved to a central primary school that caters for the full six-year primary education. These central schools are located within heavily populated Orang Asli areas. The running of these schools is the responsibility of JHEOA, but the teaching personnel are provided by the regular teaching service. Whenever necessary, hostels facilities are provided by the Department for those pupils from outlying villages*[265].

Tenaga Pengajar

Sekolah JHEOA Runchang merupakan sekolah tunggal di kawasan Runchang. Murid yang menerima pendidikan di sekolah ini adalah terdiri daripada anak-anak Orang Asli dari kawasan Runchang dan kawasan perkampungan yang berhampiran. Kampung tersebut antaranya ialah seperti Kampung Tanjong, Kampung Simpai, Kampung Nyiur Sebatang dan Kampung Siok. Sekolah ini dikendalikan oleh dua orang tenaga pengajar daripada JHEOA daerah Pekan yang berkhidmat di Bahagian Pendidikan iaitu Encik Samek bin Roba dan Encik Ahmad bin Shukor. Kedua-dua guru JHEOA ini merupakan keturunan Orang Asli daripada suku kaum Melayu Asli. Encik Samek bin Roba ialah Orang Asli yang berasal dari Kampung Bantal, Jerantut,

[264] Keterangan diperolehi daripada Encik Ali bin Bakar, Pegawai Daerah JHEOA Pekan pada 3 April 2009.
[265] Mohd Tap bin Salleh. *loc.cit.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

manakala Encik Ahmad bin Shukor pula berasal dari Maran dan berbangsa Temut Meri[266].

Jumlah anak-anak Orang Asli yang telah mendaftar pada tahun pertama adalah seramai 20 orang. Seterusnya, jumlah ini telah bertambah kepada 60 orang pada tahun 1985. Tenaga pengajar pula telah ditukarkan kepada Encik Mat a/l Noh, Encik Azizan a/l Mokhtar dan Encik Nordin a/l Chak. JHEOA telah membekalkan tenaga pengajar yang tidak terlatih dalam bidang pendidikan[267]. Oleh itu, tenaga pengajar yang dibekalkan sering bertukar bergantung kepada kelapangan bidang tugas bahagian yang dijawat. Keadaan ini jelas dapat dilihat pada tahun 1984 dan 1985, tenaga pengajarnya adalah terdiri daripada orang yang berbeza.

Pada tahun 1986 pula, tenaga pengajar yang dibekalkan oleh JHEOA Daerah Pekan terdiri daripada Encik Samek bin Roba dan Encik Ahmad bin Sukor. Mereka telah mengambil alih semula tugas sebagai tenaga pengajar di Sekolah JHEOA Runchang[268]. Kedua-dua mereka telah diarahkan mengajar semasa sekolah ini menjalankan sesi persekolahan pada 13 Mei 1986 iaitu selepas cuti penggal persekolahan dan mereka telah melaporkan diri untuk bertugas pada 14 Mei 1986[269]. Pihak JHEOA telah melantik Encik Samek bin Roba sebagai Guru Besar dan Encik Ahmad bin Shukor sebagai Guru Pembantu bagi sesi persekolahan pada tahun ini.

---

[266] Maklumat ini diperolehi oleh penyelidik daripada Encik Zahari bin Ab. Razak pada 15 Julai 2009.
[267] Lihat dalam Malaysia, Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Kertas Kerja Berkenaan Pendidikan Untuk Orang Asli. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran, hlm. 5.
[268] CB1-003 (91);Pendidikan.
[269] Sila lihat dalam borang Utusan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (Borang Semboyan) yang diterima daripada Arduka Runchang kepada Wira Pekan. Pesanan semboyan ini diterima pada 15 Mei 1986 pada jam 151050.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Klasifikasi Sekolah

Sekolah untuk anak-anak Orang Asli yang disediakan oleh pihak JHEOA boleh diklasifikasikan kepada tiga jenis sekolah. Sekolah tersebut ialah Sekolah Jenis A, Sekolah Jenis B dan Sekolah Jenis C. Sekolah Jenis A merupakan sebuah sekolah yang mempunyai kelengkapan fizikal seperti bangunan sekolah dan tenaga pengajar yang disediakan oleh JHEOA sepenuhnya. Sekolah Jenis B pula, JHEOA hanya menyediakan kelengkapan fizikal tetapi tenaga pengajarnya dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan. Seterusnya, Sekolah Jenis C adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan sepenuhnya daripada aspek kelengkapan fizikal dan tenaga pengajar[270].

Sekolah JHEOA Runchang merupakan sebuah sekolah yang dikategorikan sebagai sebuah sekolah jenis A[271]. Sekolah ini dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak JHEOA tanpa campur tangan daripada pihak Kementerian Pendidikan mahupun Jabatan Pendidikan Negeri Pahang. Suasana sekolah jenis A adalah seperti berikut:

> *Until recently teachers in the smaller schools were JHEOA*
> *field staff – Malays and a few Orang Asli. They were not trained teachers, and most had a low level of education themselves*[272].

> *The educational standard in these schools is not very high, partly because the majority of the teachers are underqualified, and partly as a result of irregular school attendance*[273].

---

[270] Lihat dalam Dasar Pelajaran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, *op.cit.*, hlm. 4.
[271] *Ibid*
[272] David Maybury – Lewis. *Malaysia and The Original People*, *op.cit.*, hlm. 128. Lihat juga dalam Dasar Pelajaran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, *op.cit.*, hlm. 5.
[273] Lihat dalam Iskandar Carey. *Orang Asli : The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, *op.cit.*, hlm. 333.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pembahagian sekolah kepada tiga jenis sekolah adalah kerana pihak JHEOA tidak mampu untuk menyediakan semua kelengkapan persekolahan yang sempurna seperti sekolah di bawah pengendalian Kementerian Pendidikan. Selain itu, pihak JHEOA juga tidak mempunyai bilangan kakitangan yang mencukupi dan yang tidak terlatih. Pada masa yang sama pegawai JHEOA mempunyai tugas yang pelbagai. Fenomena ini merupakan faktor utama kegagalan mereka untuk menjadi seorang pendidik yang cemerlang. Perkara ini disebabkan oleh seorang pegawai JHEOA terpaksa memegang pelbagai jawatan pada satu masa seperti menjadi tenaga pengajar, Pegawai Pembangunan Masyarakat, pemberi ubat dan sebagai kerani. Tanggungjawab yang pelbagai ini menyebabkan kualiti pengajaran dan pembelajaran oleh tenaga pendidik yang juga merangkap Pegawai Pembantu Masyarakat tidak dapat dihayati dengan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, kesemua kekangan yang dihadapi oleh pihak JHEOA tidak melunturkan hasrat untuk memberi pendidikan kepada anak-anak Orang Asli. Hal ini kerana pendidikan tetap menjadi keutamaan pihak JHEOA di samping penyediaan rancangan pembangunan yang lain. Pendidikan merupakan satu wadah yang dapat membawa anak-anak Orang Asli keluar daripada kemelut kemiskinan yang membelenggu kehidupan mereka selama ini. Selain itu, menerusi pendidikan jugalah anak-anak Orang Asli mampu melakukan anjakan paradigma dalam kehidupan mereka sekeluarga.

Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Ibu Bapa

Pada peringkat awal, kesedaran ibu bapa masyarakat Orang Asli di kawasan Runchang masih kabur terhadap kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Oleh itu, sambutan yang diberikan begitu dingin sekali. Tambahan pula, masyarakat Orang Asli merupakan sebuah kumpulan minoriti yang menjalani kehidupan dalam keadaan terpencil daripada kumpulan masyarakat lain dan tidak mempunyai banyak pengalaman dalam pergaulan. Keadaan ini menyebabkan mereka mempunyai rasa rendah diri dan masyarakat lain pula sering menaruh perasaan prasangka terhadap mereka[274].

Namun begitu, persepsi mereka terhadap pendidikan mula berubah setelah pegawai JHEOA menjalankan usaha yang berterusan tanpa rasa jemu dan berputus asa dalam usaha untuk memberi kesedaran tentang kepentingan pendidikan. En. Zahari bin Ab. Razak dan En. Mat Sah bin Ah Hong adalah dua orang Pegawai Pembantu Masyarakat Orang Asli yang memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam memberi penerangan kepada masyarakat Orang Asli Runchang. Kedua-dua mereka menjalankan Kempen Dari Rumah Ke Rumah dan menerangkan kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka sejak tahun 1970-an lagi. Tok Batin Runchang iaitu Hitam bin Yot[275] selaku ketua masyarakat Orang Asli Runchang juga turut menerima bimbingan daripada dua orang Pegawai Pembantu Masyarakat ini dalam usaha untuk memahami kepentingan pendidikan dalam sesebuah kehidupan[276]. Pada sekitar tahun 1980-an pula, seorang lagi pegawai JHEOA yang turut sama menjalankan Kempen Dari Rumah ke Rumah iaitu Encik Awang Tan bin Hassan.

Selain itu, pihak JHEOA juga turut berusaha untuk menarik minat anak-anak Orang Asli supaya hadir ke sekolah dengan memberi bantuan makanan di bawah

---

[274] Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara. (t.t). Kemajuan Sosial Orang Asli Dalam Wilayah Pahang Tenggara. [tiada data penerbitan], hlm. 2.
[275]Beliau lebih dikenali sebagai Hitam bin Tiam dalam kalangan pegawai JHEOA daerah Pekan. Keterangan oleh Encik Zahari bin Abd. Razak pada 15 Julai 2009.
[276] *Ibid* . En. Mat Sah bin Ah Hong pada 20 Julai 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Program Catuan Makanan. Program Catuan Makanan ialah penyediaan sarapan pagi sebelum berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan penyediaan makanan sewaktu rehat. Penyediaan makanan ini dilakukan oleh seorang tukang masak khas yang berkhidmat dengan JHEOA[277]. Makanan yang disediakan adalah berdasarkan barangan yang dibekalkan iaitu seperti mee hoon goreng, biskut, teh, milo dan roti berkrim. Namun begitu, pemberian roti berkrim ini tidak selalu disediakan kerana bekalannya agak sukar untuk diperolehi[278].

Segala usaha ini berjaya meningkatkan jumlah kehadiran anak-anak Orang Asli Runchang ke sekolah. Peningkatan ini berlaku kerana mereka telah mengetahui kepentingan pendidikan dalam kehidupan. Selain itu, pemberian makanan secara percuma yang disediakan di bawah program Catuan Makanan turut meningkatkan kehadiran murid Asli ke sekolah. Buktinya, pada peringkat awal penubuhan sekolah JHEOA Runchang iaitu pada tahun 1984, bilangan anak-anak Orang Asli yang hadir hanyalah seramai 20 orang sahaja. Kemudian jumlah ini meningkat kepada 60 orang pada tahun 1985. Oleh itu, perubahan yang berlaku ini menunjukkan usaha yang dilakukan oleh Pegawai JHEOA telah memberi impak positif walaupun perubahannya agak perlahan[279].

Natijah penting berlakunya perubahan ini kerana masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan Runchang merupakan Kaum Melayu Asli. Sebahagian besarnya adalah terdiri daripada kaum Jakun yang tinggal berhampiran dengan perkampungan Orang Melayu. Kedudukan yang berhampiran dengan Orang Melayu ini memberi peluang kepada mereka melihat perkembangan yang berlaku dan pemikiran mereka

[277] Beliau ialah Puan Norhayati bt Ayob dan mula berkhidmat dengan JHEOA pada bulan Februari 1982.
[278] *Ibid*
[279] Laporan Bertulis yang diperolehi oleh penyelidik di Pejabat RPS Runchang yang diletakkan di dalam fail. [Laporan yang tidak lengkap, tiada orang yang bertanggungjawab, tiada no fail].

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

telah diresapi dengan pengaruh kehidupan moden[280]. Petikan wawancara di bawah menggambarkan sikap Ibu bapa Orang Asli yang terdiri daripada tiga kumpulan rumpun besar yang berbeza dalam menerima proses pembaharuan yang diperkenalkan oleh pihak JHEOA.

> Kita mesti mengetahui bahawa masyarakat Orang Asli terbahagi kepada 3 kumpulan besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Di antara 3 kumpulan besar itu, Kaum Negrito merupakan kaum yang paling mundur, Kaum Senoi pula berada di tahap setengah maju terutama sekali Suku Kaum Semai dan Temiar, manakala Kaum Melayu Asli bolehlah dianggap sama setaraf dengan Orang Melayu juga cuma mereka tidak beragama saja. Kaum Melayu Asli boleh dikatakan telah maju dari segi pembangunan dan persekolahan[281].

Pemangkin utama terhadap proses perubahan ini kerana sikap yang diberikan oleh pegawai bertugas. Mereka memahami serta mengetahui secara mendalam bentuk kehidupan golongan minoriti ini dan keadaan ini memudahkan mereka memikul tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan[282]. Jadual 5.4 menunjukkan dengan jelas tentang jumlah kehadiran murid Orang Asli pada tahun 1986 ke sekolah dan bilangannya adalah seramai 143 orang.

---

[280] Hal ini diakui oleh Encik Awang Tan bin Hassan kerana beliau juga merupakan Orang Asli yang berketurunan Melayu Asli Jakun.

[281] Wawancara Pemberita Bahagian Ekonomi dan Binaan dengan Pengarah JHEOA Cawangan Pahang, *Nong Pai*, *loc.cit*.

[282] Menurut Encik Zahari bin Ab. Razak setiap pegawai JHEOA mesti memahami adat dan budaya masyarakat Orang Asli. Perkara ini sangat diberi perhatian oleh pihak JHEOA kerana hendak melancarkan perjalanan pengurusan pentadbiran dan perhubungan dengan masyarakat Orang Asli. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli merupakan sebuah kumpulan yang mempunyai keunikannya yang tersendiri. Setiap pegawai diwajibkan mengambil peperiksaan Bahasa Orang Asli dan tujuan peperiksaan ini diadakan adalah untuk memberi keyakinan yang mantap kepada pegawai JHEOA dalam menjalankan tugas mereka serta mereka dapat berbicara dan berkomunikasi dengan masyarakat Orang Asli. Fenomena ini dapat dilihat apabila En. Zahari bin Ab. Razak yang fasih berbahasa Orang Asli dapat berkomunikasi dengan baik dan kebolehan berkomunikasi oleh pegawai JHEOA ini telah memberi keyakinan yang lebih tinggi kepada Orang Asli untuk menyertai projek pembangunan yang diusahakan oleh kerajaan. Temubual pada 15 Julai 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berdasarkan jadual 5.4, murid tahun 1 merupakan yang paling ramai hadir ke sekolah. Bilangannya adalah seramai 111 orang yang terdiri daripada 58 orang murid lelaki dan 53 orang murid perempuan. Bilangan murid tahun dua dan tahun tiga pula yang hadir ke sekolah tidak seramai murid tahun satu. Murid tahun dua yang hadir adalah seramai 17 orang yang terdiri daripada sembilan orang lelaki dan lapan orang perempuan. Murid tahun tiga pula adalah seramai 15 orang iaitu sembilan orang lelaki dan enam orang perempuan. Fenomena ini berlaku kerana tahap kesedaran ibu bapa masyarakat Orang Asli Runchang yang telah mula memahami kepentingan pendidikan.

Namun begitu, perbezaan kehadiran murid mengikut tahun berlaku kerana ibu bapa masyarakat Orang Asli Runchang ini masih lagi terikat dengan cara kehidupan yang banyak bergantung kepada pencarian harian. Keadaan ini berlaku kerana tanggunjawab menyara keluarga harus dipikul bersama-sama dan ahli keluarga tidak boleh berenggang antara satu sama lain. Justeru, JHEOA terpaksa berdepan dengan masalah kehadiran anak-anak Orang Asli yang tidak menentu dari semasa ke semasa. Kehadiran anak-anak Orang Asli menjadi lebih teruk apabila keluarga pergi jauh dari kawasan tempat tinggal untuk mencari hasil hutan yang hendak dijual. Jadual ini menunjukkan bilangan anak-anak Orang Asli tahun dua dan tahun tiga yang sangat berkurangan kehadirannya kerana mereka telah dianggap oleh ibu bapa mereka sebagai tenaga kerja yang boleh membantu mencari sumber pendapatan keluarga.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 5.4
Kehadiran Murid Sekolah JHEOA RPS Runchang Tahun 1986

Kehadiran Murid Tahun 1 Tahap 1	
Lelaki	58 orang
Perempuan	53 orang
Jumlah	111 orang
Kehadiran Murid Tahun 2 Tahap 1	
Lelaki	9 orang
Perempuan	8 orang
Jumlah	17 orang
Kehadiran Murid Tahun 3 Tahap 1	
Lelaki	9 orang
Perempuan	6 orang
Jumlah	15 orang

Sumber: Dipetik daripada CB1-003 (91)., Pendidikan.

Kesannya, anak-anak Orang Asli tidak hadir ke sekolah[283]. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan, nescaya kemiskinan masyarakat Orang Asli terus membelenggu kehidupan mereka dan diwarisi secara turun temurun. Memandangkan pendidikan merupakan satu elemen penting dalam memberi nafas baru bagi kehidupan golongan minoriti ini, pihak JHEOA tetap berusaha untuk membawa kelompok masyarakat ini bergerak seiring dengan pembangunan yang kian pesat tanpa rasa jemu dan berputus asa.

Masalah Pentadbiran Sekolah JHEOA Runchang

JHEOA telah memikul tanggungjawab untuk menyediakan segala kemudahan dalam bidang pendidikan kepada anak Orang Asli. Kemudahan yang diberikan seperti penyediaan bangunan sekolah berserta dengan kelengkapannya, alat tulis, buku teks untuk murid, pakaian seragam sekolah, makanan, kemudahan pengangkutan dan

[283] Malaysia, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. (1985, November). Masalah Pembangunan Orang Asli dan Cadangan-Cadangan Untuk Mengatasinya. [tiada data penerbitan], hlm. 15.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

asrama. Selain itu, pihak JHEOA juga turut dipertanggungjawabkan untuk menyediakan rumah kepada guru yang menjadi tenaga pengajar anak-anak Orang Asli. Tanggungjawab ini dikendalikan dengan penuh kesukaran dan kepayahan kerana sekolah Orang Asli yang ditadbirkan oleh JHEOA tidak berupaya menyediakan pelajaran dan kemudahan setanding dengan sekolah yang diuruskan oleh Kementerian Pendidikan. Kekangan yang dihadapi ini menyebabkan Sekolah JHEOA Runchang tidak dapat ditadbirkan dengan sempurna dan ekoran daripada itu pelbagai masalah telah timbul.

Di samping itu, kekurangan pengetahuan dalam bidang pendidikan dan latihan perguruan menyebabkan timbulnya masalah dalam menguruskan pentadbiran sekolah. Fenomena ini berlaku kerana pegawai JHEOA tidak didedahkan mengenai kurikulum pendidikan dan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Oleh itu, kejayaan yang dicapai adalah terlalu kecil daripada apa yang dihasratkan oleh pihak JHEOA kerana timbulnya beberapa masalah seperti berikut:

Pengajaran dan Pembelajaran Yang Tidak Menepati Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).

Proses P&P yang berlaku di Sekolah JHEOA Runchang ini tidak menjurus kepada KBSR sepertimana yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan[284]. Tenaga pengajar yang ada tidak mempunyai sebarang kepakaran dan kemahiran dalam bidang pendidikan. Hal ini kerana mereka adalah merupakan kakitangan JHEOA yang berkhidmat sebagai Pembantu Luar Kanan dan Pembantu Luar Tingkatan Biasa. Selain itu, mereka juga tidak diberikan latihan dalam pendidikan. Keadaan

[284] CB1-003 (91).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ini menyebabkan ramai anak-anak Orang Asli yang keciciran dalam pendidikan dan tidak dapat menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

Walaupun anak-anak Orang Asli ini diajar mengenali huruf dan angka namun ketiadaan buku, Bahan Bantu Mengajar (BBM) serta guru yang hanya mengajar mengikut kemampuan, kreativiti dan daya upaya sendiri tanpa adanya garis panduan menyebabkan proses P&P tidak dapat berjalan dengan sempurna. Ketiadaan kepakaran dalam pendidikan merupakan kegagalan kepada penguasaan kemahiran asas dalam kalangan anak-anak Orang Asli[285].

Ringkasan Mengajar Yang Tidak Lengkap

Setiap guru mesti melengkapkan Buku Rekod Persediaan Mengajar sebelum memasuki kelas. Ringkasan mengajar merupakan elemen yang sangat penting kepada setiap guru kerana proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), guru dipandu oleh perancangan yang ditulis di dalam buku rekod. Perancangan ini merupakan syarat wajib bagi setiap orang guru sebelum memulakan proses P&P. Perancangan mengajar dibuat bertujuan menimbulkan minat murid untuk belajar supaya dapat mewujudkan pengurusan P&P yang lebih sistematik dan kondusif.

Namun begitu, suasana P&P sebegini tidak berlaku di Sekolah JHEOA Runchang kerana tenaga pengajar di sekolah ini tidak melengkapkan buku rekod yang disediakan untuk mereka. Keadaan ini berlaku kerana tenaga pengajar yang disediakan oleh pihak JHEOA menghadapi bebanan tugas yang pelbagai. Tugasan tersebut antaranya ialah meliputi perkara-perkara berkaitan perkhidmatan am, kelahiran dan kematian, pendaftaran dan pengurusan tanah. Oleh sebab itu, setiap

[285] Temuramah dengan Encik Al Zapni bin Zainal Abidin pada 2 Julai 2009 dan Encik Awang Tan bin Hassan pada 14 Julai 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pegawai JHEOA ini terpaksa memikul banyak tugas pada satu masa. Justeru, mereka tidak mampu untuk melengkapkan buku rekod mengajar sementelah mereka tidak dapat menguasai kemahiran menulis buku rekod. Hal ini kerana mereka tidak diberi panduan serta latihan untuk menulis buku rekod.

Selain itu, selepas sesi persekolahan tamat tenaga pengajar dikehendaki membuat kerja-kerja pejabat. Mereka juga perlu bergaul mesra dengan masyarakat Orang Asli di luar waktu pejabat termasuk pada hari Sabtu dan Ahad. Pergaulan ini bertujuan untuk mendekatkan diri pegawai JHEOA dengan masyarakat Orang Asli agar dapat membina hubungan sosial yang baik. Hubungan sosial yang terjalin ini memberi peluang kepada pegawai JHEOA untuk mengetahui secara lebih dekat masalah dan kemahuan golongan minoriti ini. Oleh itu, Buku Rekod Rancangan Mengajar tidak dapat ditulis dengan lengkap. Justeru, bagi mengatasi masalah ini, pihak JHEOA dan kakitangan Pelajaran Wilayah Persekutuan telah mengemukakan cadangan. Cadangan tersebut ialah menerima bimbingan daripada Encik Hamid bin Redzuan yang memegang jawatan sebagai Pembantu Luar Pelajaran Tasik Chini[286].

Kekurangan Tenaga Pengajar dan Kelengkapan Bilik Darjah

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak JHEOA untuk memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak Orang Asli. Usaha yang dilakukan antaranya ialah dengan melakukan pengesanan terhadap segala masalah yang terdapat di sekolah JHEOA Runchang. Seterusnya, satu laporan berkaitan masalah yang dihadapi dihantar oleh Guru Besar Sekolah kepada Pengarah JHEOA Cawangan Negeri Pahang. Segala masalah yang dihadapi cuba diatasi dengan sebaik mungkin bagi

[286] CB1-003 (91).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

memastikan anak-anak Orang Asli dapat menguasai ilmu pendidikan khususnya kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

Sebagai contoh, menurut laporan bulanan bagi bulan Februari 1988 tenaga pengajar yang dibekalkan adalah seramai dua orang sahaja dan jumlah ini tidak mencukupi dengan jumlah muridnya yang seramai 142 orang[287]. Kekurangan bilangan tenaga pengajar ini menyebabkan murid-murid sukar dikawal. Tambahan pula suasana di dalam kelas yang tidak selesa dan tidak kondusif turut menjadi faktor penyumbang kepada ketidakhadiran anak-anak Orang Asli ke sekolah. Hal ini kerana murid-murid ini terpaksa belajar dalam keadaan yang berhimpit dan berkongsi tempat duduk akibat daripada kekurangan kerusi dan meja[288].

Sebagai penggerak kepada kehadiran anak-anak Orang Asli ke sekolah, pihak JHEOA telah memperkenalkan satu program yang dikenali sebagai Program Catuan Makanan kepada anak-anak Orang Asli. Namun begitu, makanan yang dinikmati oleh anak-anak Orang Asli ini tidak mencukupi dan masih terdapat kekurangan bekalan zat makanan yang seimbang. Keadaan ini adalah kerana mereka hanya dibekalkan dengan sarapan pagi dan sewaktu rehat sahaja sedangkan makanan tengahari dan malam diambil bersama keluarga di rumah. Kebanyakan ibu bapa hanya menyediakan makanan ubi kayu yang direndam dan kemudian dijadikan lempeng sebagai makanan tengahari dan makan malam.

Perubahan terhadap pengambilan makanan tengahari dan makan malam berlaku setelah pihak JHEOA membekalkan beras kepada peserta RPS Runchang bagi menggantikan ubi kayu. Namun begitu, makanan mereka masih tetap tidak

[287] *Ibid.*
[288] SKR–02 (1/87);Laporan Bulanan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

seimbang kerana mereka hanya mengambil nasi dengan daun-daun kayu sahaja[289]. Keadaan ini menyebabkan anak-anak Orang Asli mengalami proses perkembangan mental dan fizikal yang tidak seimbang. Fenomena ini menyebabkan mereka mudah diserang penyakit[290]. Masalah yang dihadapi ini menyebabkan anak-anak Orang Asli tidak berminat untuk datang ke sekolah. Buktinya, hitung panjang kedatangan yang berakhir pada 27 Februari 1987 ialah 94/134 orang dan peratus kedatangan sebanyak 70% daripada tahap satu, dua dan tiga bagi tahun satu[291].

Masalah Keciciran

Masalah keciciran dalam kalangan anak-anak Orang Asli di sekolah JHEOA Runchang ini telah mencatat jumlah tertinggi jika dibandingkan dengan perkampungan Orang Asli di kawasan DARA. DARA bertanggungjawab menyediakan satu Pelan Induk Rancangan Pembangunan Wilayah Pahang Tenggara[292]. DARA bekerjasama dengan pihak JHEOA untuk membangunkan masyarakat Orang Asli supaya tidak ketinggalan dalam menikmati pembangunan arus perdana. Pelan Induk Rancangan Pembangunan Wilayah Pahang Tenggara menggariskan bahawa kemajuan masyarakat Orang Asli di kawasan Pahang Tenggara adalah satu perkara khusus yang perlu diberi perhatian secara serius oleh pihak Lembaga. Matlamat Pelan Induk berbunyi seperti berikut:

[289] Temuramah dengan Encik Zahari bin Ab. Razak pada 15 Julai 2009.
[290] SKR-A 2 (5/87);Laporan Bulanan.
[291] CB1-003 (91);Pendidikan.
[292] DARA ditubuhkan melalui Akta Parlimen 68/72 bertarikh 14 September 1972. Lihat dalam Pahang, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara. (1995). Laporan Tahunan. [tiada data penerbitan].

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

> *In the final situation the Orang Asli would have equal status, the same opportunities and services as others but would not be obliged to surrender their cultural distinctions. Thus the period of transition there would, of necessity, be a wide range of special programme designed to encourage intergration*[293].

Salah satu usaha yang dilakukan oleh pihak DARA ialah mengenalpasti jumlah keciciran yang berlaku dalam kalangan anak-anak Orang Asli. DARA telah mengadakan tinjauan terhadap anak-anak Orang Asli di kawasan Pahang Tenggara yang tidak hadir ke sekolah. Hasil tinjauan yang diperolehi DARA mendapati bahawa anak-anak Orang Asli di kawasan Pahang Tenggara yang menghadapi masalah keciciran ialah seramai 318[294] orang. RPS Runchang merupakan kawasan yang berhadapan dengan masalah keciciran yang paling ramai iaitu seramai 120 orang anak-anak Orang Asli.

Faktor berlakunya keciciran ini adalah kerana tidak ada kemudahan persekolahan yang berhampiran. Oleh itu, anak-anak Orang Asli gagal untuk memajukan diri mereka dalam pendidikan. Justeru, bagi mengatasi masalah ini pihak JHEOA telah menyediakan kemudahan persekolahan dan asrama. Kemudahan persekolahan dan asrama lazimnya disediakan di kawasan perkampungan yang mempunyai bilangan masyarakat Orang Asli yang ramai[295].

Kesemua masalah yang dihadapi ini tidak dibiarkan begitu sahaja oleh pihak JHEOA kerana segala usaha telah cuba dilakukan dengan sebaik mungkin. Usaha

---

[293] LKPT 4042/PTL/2 (5).

[294] Jumlah 318 orang anak-anak Orang Asli di kawasan Pahang Tenggara yang tidak hadir ke sekolah ialah daripada 11 buah perkampungan Orang Asli. Jumlah anak Orang Asli di kawasan Runchang yang tidak hadir ke sekolah adalah seramai 120 orang, Kertau (Paya Besar) seramai 30 orang, Kampong Gadak seramai 20 orang dan 15 orang daripada Langkap. Selain itu, seramai 20 orang daripada Lubuk Inai, 40 orang daripada Simpai, 40 orang daripada Ganuh dan Kemomoi seramai 10 orang. Berenyai pula mencatatkan seramai 8 orang, Sawah Batu 10 orang dan 5 orang daripada Ulu Merchong. Lihat dalam Masalah Pembangunan Orang Asli dan Cadangan-Cadangan Untuk Mengatasinya, *op.cit.*, hlm. 13. Lihat juga dalam LKPT SULIT 6083/PB 12; JHEOA.

[295] *Ibid.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tersebut dilakukan setelah mengenal pasti masalah yang wujud mengenai pentadbiran Sekolah JHEOA Runchang. Masalah yang dapat diatasi antaranya ialah pihak JHEOA Kuala Lumpur telah membekalkan peralatan serta bahan P&P kepada sekolah ini melalui JHOEA Kuantan. Bekalan yang dihantar pada 19 Mei 1987 telah menjadi pemangkin kepada pengurusan dan proses P&P di sekolah JHEOA ini.

Walau bagaimanapun, mesin pendua ringkas, kit-kit pelajaran bercetak seperti gambar, kad perkataan, kad huruf / angka, kad ayat masih tidak dapat dibekalkan lagi kepada sekolah ini[296]. Mesin pendua ringkas amat diperlukan bagi membolehkan guru membuat lembaran kerja murid, mengadakan penilaian pencapaian murid dalam ujian bulanan dan ujian penggal serta kegunaan bagi urusan pentadbiran sekolah / pejabat[297].

Ketiadaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) tersebut menyebabkan bilangan anak-anak Orang Asli yang hadir ke sekolah adalah sedikit. Fenomena ini berlaku kerana teknik mengajar yang kurang menarik telah menyebabkan mereka tidak mempunyai minat untuk hadir ke sekolah. BBM merupakan salah satu bahan yang dapat menarik minat anak-anak Orang Asli supaya hadir ke sekolah. Selain itu, BBM tersebut dapat memudahkan guru untuk mempelbagaikan kaedah mengajar. Mesin pendua ringkas yang tidak dapat dibekalkan menyebabkan guru yang mengajar tidak dapat menyediakan lembaran kerja kepada murid. Segala kekangan yang dihadapi ini menyebabkan guru mengajar menggunakan kapur dan papan hitam sahaja. Keadaan ini menyebabkan tiada bahan rangsangan yang dapat menarik minat anak-anak Orang Asli supaya hadir ke sekolah.

[296] SKR-A 2 (5/87);Laporan Bulanan.
[297] SKR-A 2 (1/88);Laporan Bulanan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pelbagai inisiatif dan pendekatan dilakukan bagi mengatasi segala masalah yang wujud, namun masalah ini tetap tidak selesai. Hal ini kerana kurangnya kesedaran dan minat dalam kalangan masyarakat Orang Asli untuk membebaskan diri daripada kemelut kemiskinan yang dialami. Walaupun komitmen yang bersepadu antara JHEOA, pelbagai agensi yang berkaitan seperti DARA, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah telah wujud tetapi kesedaran masyarakat Orang Asli itu sendiri amat diperlukan bagi membantu mereka bebas daripada belenggu kemiskinan dan dapat melahirkan masyarakat Orang Asli yang bijak pandai.

Perkembangan Sekolah JHEOA Runchang

JHEOA terus berusaha untuk memberi pendidikan yang sebaik mungkin kepada anak-anak Orang Asli kerana pendidikan merupakan pemangkin utama kepada kemajuan bangsa dan negara. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh pihak JHEOA dan antaranya adalah seperti berikut:

Kursus Perguruan : Kursus Dalam Cuti (KDC)

Penggerak utama dalam mencapai kemajuan pendidikan adalah dengan memberi Latihan Perguruan kepada tenaga pengajar JHEOA supaya mereka mendapat pendedahan dan garis panduan dalam mendidik anak-anak Orang Asli. Kursus Dalam Cuti (KDC) telah diperkenalkan oleh JHEOA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan pada 15 November 1987 dan berakhir pada 1 Disember 1990. KDC ini merupakan satu transformasi dalam dunia pendidikan di sekolah JHEOA kerana

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tenaga pengajar ini mengalami Proses Penyerapan dan Pengkaderan Pegawai JHEOA ke dalam perkhidmatan Perguruan Kementerian Pendidikan.

Seramai 157 orang peserta yang mengikuti KDC dari seluruh Semenanjung Malaysia tetapi walau bagaimanpun 150 orang sahaja yang berjaya. Hal ini kerana tujuh orang pegawai yang menghadiri KDC tersebut telah gagal. Kegagalan ini disebabkan oleh kematian seramai tiga orang, seorang yang sakit, seorang yang dikenakan tindakan tatatertib dan dua orang yang gagal dalam Latihan Mengajar[298]. Pegawai JHEOA RPS Runchang yang dihantar untuk menyertai KDC ini ialah Encik Azizan a/l Mokhtar dan Encik Nordin bin Chak[299].

Bahagian Latihan Guru Kementerian Pendidikan telah menetapkan kursus perguruan kepada Pegawai-pegawai JHEOA selama 3 tahun. Pegawai JHEOA ini perlu menghadiri KDC pada setiap kali cuti penggal persekolahan. Kursus yang pertama diadakan selama 1½ bulan bermula pada 15 November 1987. Pada tahun yang terakhir pula iaitu tahun 1990, pegawai JHEOA telah menghadiri kursus sebanyak tiga kali iaitu pada 29 Januari 1990 hingga 1 Februari 1990, 6 Ogos 1990 hingga 11 Ogos 1990 dan pada 20 Oktober 1990 hingga 1 Disember 1990. Pegawai JHEOA turut dihantar untuk menjalani Latihan Mengajar sebanyak dua kali dalam tempoh kursus selama tiga tahun iaitu pada 13 Jun 1988 hingga 22 Julai 1988 dan

---

[298] Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (1991, November 17). Proses Penyerapan / Pengkaderan Pegawai JHEOA Yang Mengikuti Kursus Dalam Cuti KDC ke Perkhidmatan Pendidikan dan Cadangan Penempatan ke Sekolah-Sekolah JHEOA. Kuala Lumpur : Bahagian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, hlm. 1.mengatakan bahawa keciciran 7 orang peserta ini adalah disebabkan perkara berikut:

i.	Meninggal Dunia	-	Encik Ali bin Baharom.
		-	Encik Ahmad bin Shukor.
		-	Encik Mat Sanidon bin Yusof.
ii.	Sakit	-	Encik Al Zaphni bin Zainal Abidin.
iii.	Tindakan Tatatertib	-	Encik Podir bin Kadir.
iv.	Gagal Di Dalam Latihan	-	Encik Apah a/l Busu.
		-	Puan Tobek bt Muntat.

[299] *Ibid.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pada 11 Jun 1990 hingga 3 Ogos 1990 bagi memastikan mereka mantap dalam tugas perguruan[300].

Kesemua kursus ini diadakan di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur. Mata pelajaran yang diajar kepada peserta kursus ini ialah Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Alam dan Manusia, Matematik, Agama Islam, Pendidikan Moral, Kesihatan dan Pemakanan, Kraftangan dan Senilukis, Teknologi Sistem Pelajaran, Kewarganegaraan, Pengajian Melayu dan Ilmu Pendidikan. Ilmu pendidikan ini merangkumi subjek psikologi, pedagogi dan pendidikan Malaysia[301].

Bantuan Pakaian Sekolah

Pemberian bantuan pakaian seragam kepada anak-anak Orang Asli ini telah dilakukan sejak awal penubuhan sekolah lagi. Namun begitu, pakaian seragam yang dibekalkan ini masih tidak mencukupi. Ketidakcukupan pakaian ini dapat dilihat berdasarkan sebahagian besar anak-anak Orang Asli yang hadir ke sekolah hanya memakai pakaian biasa sahaja[302]. Sehubungan itu, pegawai JHEOA iaitu Encik Mohd. Hussin bin Sujak telah mengemukakan permohonan pakaian seragam sekolah. Permohonan tersebut dikemukakan kepada JHEOA Kuala Lumpur, Bahagian Rancangan Pengumpulan Semula. Permohonan yang dibuat ialah sebanyak 120 pasang pakaian seragam termasuk 120 pasang stoking pada 23 Jun 1987. Bilangan 120 orang murid Asli ini merangkumi jumlah murid lelaki seramai

[300] *Ibid.*
[301] *Ibid.*
[302] Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam CB1-003 (91).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

80 orang dan perempuan pula seramai 40 orang[303]. Permohonan ini telah diluluskan peruntukannya sebanyak RM3,000.00[304].

Usaha untuk menarik minat dan perhatian anak-anak Orang Asli Runchang dan kawasan sekitarnya supaya hadir ke sekolah terus dilakukan dari semasa ke semasa. Pakaian seragam turut menjadi pemangkin kepada kehadiran anak-anak Orang Asli ke sekolah. Oleh itu, bekalan pakaian seragam sekolah sentiasa dilaksanakan. Bantuan pakaian seragam ini bukan sahaja dipohon daripada JHEOA Kuala Lumpur malah permohonan juga turut dikemukakan kepada DARA. Permohonan ini dilakukan kerana DARA turut menyediakan peruntukan pakaian seragam untuk anak-anak daripada golongan miskin tegar[305]. Hal ini dapat dilihat apabila Encik Hashim bin Sulong iaitu Pegawai daripada JHEOA daerah Pekan telah membuat permohonan kepada DARA mengenai kelengkapan pakaian seragam sekolah kepada anak-anak Orang Asli RPS Runchang yang bertarikh pada 14 Oktober 1991.

Permohonan ini diluluskan oleh pihak DARA pada 29 November 1991 dan seramai 31 orang anak-anak Orang Asli RPS Runchang telah menerima bantuan pakaian seragam sekolah. Kesemua pakaian yang diterima ini mengikut saiz yang dipohon dan daripada 31 orang tersebut, 21 orang daripadanya adalah murid lelaki dan selebihnya adalah murid perempuan[306]. Kesemua mereka diberi bantuan pakaian seragam sekolah dalam pakej yang lengkap iaitu setiap murid menerima dua pasang baju/seluar (lelaki), dua pasang baju/gaun (perempuan), sepasang kasut dan dua pasang stoking.

---

[303] PPTDS.016 Jld. 2 (18);RPS Runchang.
[304] G2.001 - (36);RPS Runchang.
[305] PPTB7.003 Jld.1 (4);RPS Runchang.
[306] LKPT.4042/PST/2 Jld.3 (79);RPS Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Anak-anak Orang Asli yang diberi bantuan pakaian seragam sekolah wajib memakainya sewaktu menghadiri sesi persekolahan. Hal ini bertujuan menggelakkan rasa rendah diri dalam kalangan mereka. Sebelum ini anak-anak Orang Asli yang hadir ke sekolah sewaktu mereka belajar di Sekolah Kebangsaan Batu Gong, mereka tidak dibekalkan dengan pakaian seragam sekolah kerana pada ketika itu JHEOA mengalami kekurangan peruntukan. Pemakaian pakaian seragam sekolah ini dapat membantu anak-anak Orang Asli supaya memiliki semangat gigih untuk belajar serta berusaha untuk meraih kejayaan dalam kehidupan mereka.

Selain itu, anak-anak Orang Asli ini dapat menghapuskan rasa terpinggir daripada anak-anak kaum lain kerana mereka juga turut memakai pakaian yang sama dengan anak-anak kaum lain . Seterusnya, ibu bapa mereka dapat melihat peranan JHEOA dan DARA yang begitu komited dalam usaha untuk memajukan mereka dalam arus perdana pembangunan negara dan secara tidak langsung ibu bapa menggalakkan anak-anak mereka supaya hadir ke sekolah.

Penyediaan Pengangkutan

Kehadiran anak-anak Orang Asli sangat berkait rapat dengan kemudahan pengangkutan. Hal ini kerana anak-anak Orang Asli yang belajar di Sekolah JHEOA Runchang bukan sahaja terdiri daripada peserta RPS Runchang tetapi juga datang daripada beberapa kawasan perkampungan yang berhampiran[307]. Tanpa pengangkutan bas, anak-anak Orang Asli ini tidak dapat hadir ke sekolah kerana jaraknya adalah jauh untuk berjalan kaki ke sekolah. Keadaan ini berlaku kerana pihak JHEOA tidak menyediakan asrama seperti mana semasa mereka bersekolah di

[307] Untuk keterangan lanjut, sila lihat dalam LKPT SULIT;6083/PB.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sekolah Kebangsaan Batu Gong. Walau bagimanapun, pihak JHEOA menyediakan perkhidmatan pengangkutan bas yang dibayar sewa secara bulanan untuk mengambil anak-anak Orang Asli supaya mereka dapat hadir ke sekolah.

Pengusaha pengangkutan bas yang mengambil anak-anak Orang Asli untuk ke sekolah JHEOA Runchang ialah Encik Abu Hashim bin Ab. Rahim dan beliau tinggal di Muadzam Shah. Beliau mengambil anak-anak Orang Asli dari Kampung Tanjong seramai 33 orang dan kos setiap orang adalah RM50 sebulan. Kampung Tanjong merupakan sebuah perkampungan Orang Asli yang mengambil masa selama ½ jam dengan menaiki motor untuk sampai ke kawasan RPS Runchang. Oleh itu, jumlah keseluruhan peruntukan pengangkutan yang disediakan oleh JHEOA setiap bulan kepada anak-anak Orang Asli Kg. Tanjong adalah sebanyak RM1,650.00. Bayaran ini diperolehi setelah tuntutan dibuat pada setiap akhir bulan dan pihak JHEOA membuat bayaran melalui Pesanan Kerajaan[308].

Sukan Sekolah

Pihak JHEOA terus menjalankan usaha untuk menarik minat anak-anak Orang Asli supaya hadir ke sekolah. Kehadiran mereka amat penting bagi menuntut ilmu pengetahuan. Oleh itu, JHEOA telah mengambil langkah dengan memperkenalkan satu lagi aktiviti iaitu sukan dan permainan. Sukan sekolah JHEOA Runchang ini mula dilaksanakan pada tahun 1988[309] dan pada tahun ini juga Sukan Murid-murid Asli Peringkat Negeri Pahang turut diperkenalkan[310]. Melalui aktiviti sukan ini, secara tidak langsung dapat menarik minat anak-anak Orang Asli supaya hadir ke

[308] RPS/RA-Jld.2.002 (01);Pentadbiran Am.
[309] RPS/R 008 (15);Pelajaran Am.
[310] CB1.024 (99);Pendidikan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sekolah. Acara sukan dan permainan yang disediakan adalah seperti acara padang, balapan, sukaneka dan acara tambahan.

Sukan sekolah yang diadakan ini telah berjaya menarik minat anak-anak Orang Asli untuk hadir ke sekolah[311]. Buktinya dapat dilihat terhadap peratusan anak-anak Orang Asli yang hadir ke sekolah pada bulan Jun 1989. Peratus kedatangan mereka ialah sebanyak 86%. Pada ketika ini jumlah murid adalah seramai 102 orang dengan hitung panjang kehadiran adalah sebanyak 74 orang[312].

Penyerapan Sekolah JHEOA Runchang Kepada Kementerian Pelajaran

Pengurusan dan pentadbiran sekolah JHEOA Runchang mula diserapkan dalam pentadbiran Kementerian Pendidikan daripada JHEOA pada bulan Disember 1991. Sesi persekolahan pada kali ini bermula pada 2 Disember 1991. Penyerapan sekolah JHEOA kepada Kementerian Pendidikan dilakukan bertujuan untuk memantapkan lagi sistem pendidikan kepada anak-anak Orang Asli. Sesi persekolahan pada tahun ini dipindahkan ke bangunan baru yang dibina oleh Kementerian Pendidikan dan digunakan sehingga hari ini[313].

Pembinaan bangunan Sekolah Kementerian Pendidikan ini telah diusahakan sejak dari tahun 1987 lagi. Peruntukan sebanyak RM 405,520.00 telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Setelah peruntukan diluluskan oleh Kementerian Pendidikan, kerja pembinaan diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya dan pembinaannya mula dilakukan pada 12 Disember 1989[314].

---

[311] RPS/R 008 (16);Pelajaran Am.
[312] SKR-A2 (6/88);Laporan Bulanan.
[313] Laporan Bertulis yang diperolehi oleh penyelidik di Pejabat RPS Runchang yang diletakkan di dalam fail. [Laporan yang tidak lengkap, tiada orang yang bertanggungjawab, tiada no fail].
[314] Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam LKPT;3626/PT Jld. 8.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sekolah ini memulakan sesi persekolahannya dengan bilangan anak Orang Asli seramai 151 orang yang ditempatkan di dalam lima buah kelas iaitu daripada tahun satu sehingga tahun lima. Kesemua murid ini adalah daripada RPS Runchang[315] dan kawasan sekitar yang berhampiran. Semasa proses pengambilalihan sekolah ini daripada pihak JHEOA, seramai empat orang guru terlatih dan enam orang guru sementara telah ditempatkan di sini[316]. Seorang daripada empat orang guru terlatih dilantik sebagai Guru Penolong Kanan iaitu Encik Abdul Hamid bin Ismail. Tiga orang guru terlatih tersebut ialah Encik Mahadi bin Talib, Encik Abdul Raoof bin Ali dan Encik Roslan bin Daud[317]. Guru yang berkhidmat di sekolah ini adalah terdiri daripada tenaga pengajar daripada JHEOA yang telah menghadiri KDC. Selain itu, pihak Kementerian juga telah menukarkan nama sekolah JHEOA Runchang ini kepada nama Sekolah Kebangsaan Runchang.

Bilangan guru yang berkhidmat di sekolah ini semakin bertambah ramai dan keadaan ini dapat dilihat pada bulan Januari 1992. Pihak Kementerian Pendidikan telah menyediakan seramai sembilan orang guru sementara bagi menampung kekurangan guru terlatih. Pada tahun 1993 pula, bilangan guru terlatih daripada JHEOA yang telah menghadiri KDC ditambah menjadi tujuh orang dan guru sementara pula telah dikurangkan kepada lima orang sahaja. Seterusnya, bilangan tenaga pengajar yang dihantar ke sekolah ini pada tahun 1994 ialah seramai 13 orang

[315] Pada ketika ini, Runchang telah menjadi sebuah kawasan pembangunan Rancangan Pengumpulan Semula. RPS Runchang telah dilaksanakan pada tahun 1986.
[316] LKPT 3626 / PT Jld.9;JHEOA.
[317] Laporan Bertulis yang diperolehi oleh penyelidik di Pejabat RPS Runchang yang diletakkan di dalam fail. [Laporan yang tidak lengkap, tiada orang yang bertanggungjawab, tiada no fail].

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

iaitu sembilan orang guru terlatih dan empat orang guru sementara. Bilangan guru ini terus meningkat kepada 17 orang pada tahun 1997[318].

Walaupun masalah tenaga pengajar telah dapat diatasi, namun masalah tempat tinggal pula perlu dihadapi. Hal ini kerana guru terutama sekali guru sementara bukanlah merupakan penduduk tempatan di situ. Sehubungan itu, pihak Kementerian mula membina rumah guru pada akhir tahun 1992 setelah mendapat peruntukan daripada pihak kerajaan. Buat sementara waktu, atas ihsan pihak pengurusan RPS Runchang telah memberi kebenaran kepada guru-guru ini tinggal di rumah kakitangan JHEOA Runchang memandangkan tiada penempatan guru yang disediakan oleh pihak Kementerian buat masa itu.

Sekolah ini telah mengalami perkembangan yang begitu memuaskan. Pihak Kementerian Pendidikan telah mengambil alih pentadbiran dan pengurusan sepenuhnya daripada JHEOA pada tahun 1996. Semua guru yang berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Runchang adalah daripada Kementerian Pendidikan dan mendapat latihan secukupnya dalam bidang pendidikan. Guru-guru daripada JHEOA yang telah mengikuti KDC telah diberi pilihan samada untuk terus menjadi guru atau kembali berkhidmat sebagai Pegawai JHEOA[319].

Pemangkin utama kepada perkembangan ini adalah jumlah tenaga pengajar yang mencukupi serta terlatih dalam dunia pendidikan. Selain itu, kesedaran ibu bapa serta anak-anak Orang Asli terhadap kepentingan pendidikan semakin bertambah baik. Keadaan ini jelas dapat dilihat menerusi bilangan anak-anak Orang Asli pada tahun 1993, jumlahnya telah meningkat kepada 179 orang berbanding 151

[318] *Ibid.*
[319] Keterangan ini diperolehi daripada Encik Ali bin Bakar, Pegawai Daerah JHEOA Pekan pada 3 April 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

orang pada tahun 1991. Pada tahun 1994 pula, bilangannya bertambah kepada 181 orang. Bilangan ini terus meningkat kepada 248 orang pada tahun 1997[320].

Pihak Kementerian Pendidikan telah menempatkan seorang Pekerja Rendah Awam yang bertugas untuk menjalankan kerja-kerja perkeranian bagi memastikan perjalanan dan pengurusan sekolah ini berjalan dengan lancer. Penempatan pekerja ini dilakukan kerana warga Sekolah Kebangsaan Runchang telah mengalami pertambahan yang pesat dan kerja-kerja berkaitan perkeranian seperti gaji guru, pengurusan kewangan dan surat menyurat harus dilakukan oleh pegawai tersebut.

Keadaan ini sangat berbeza semasa sekolah ini berada di bawah pentadbiran JHEOA kerana tenaga pengajar JHEOA terpaksa melaksanakan kerja yang pelbagai. Hal ini disebabkan kerana JHEOA tidak mempunyai bilangan kakitangan yang mencukupi. Tanggungjawab yang pelbagai ini menyebabkan proses P&P di sekolah tidak dapat dilakukan dengan sebaik mungkin[321].

Sekolah Kebangsaan Runchang telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam bidang pendidikan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ini dapat dilihat menerusi pencapaian peperikasaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 1996. Sekolah ini telah mencatat kelulusan sebanyak 75%. Pencapaian ini adalah hasil usaha yang berterusan daripada guru-guru dengan kerjasama ibu bapa yang kian menunjukkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan dan kehadiran anak-anak mereka ke sekolah.

---

[320] Laporan Bertulis yang diperolehi oleh penyelidik di Pejabat RPS Runchang yang diletakkan di dalam fail. [Laporan yang tidak lengkap, tiada orang yang bertanggungjawab, tiada no fail].

[321] Temuramah dengan Encik Mohd Zalphni bin Zainal Abidin pada 2 Julai 2009. Beliau menceritakan pengalamannya semasa menjadi tenaga pengajar di Sekolah Orang Asli Tenom Pahang. Semua masalah yang dihadapi oleh beliau adalah sinonim dengan sekolah Orang Asli dan tenaga pengajar di seluruh Semenanjung Malaysia. Beliau telah memilih untuk melepaskan jawatan sebagai guru dan kembali semula berkhidmat sebagai Pegawai Pembangunan Masyarakat Orang Asli kerana sakit sewaktu menghadiri KDC di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Namun begitu, berbeza pula penerimaan pendidikan anak Orang Asli terhadap sekolah menengah. Hal ini kerana pendidikan sekolah menengah tidak disediakan di kawasan RPS Runchang. Mereka terpaksa keluar dari kawasan perkampungan kerana penempatan dilakukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh Hinai (SMKPH) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ahmad (SMKA). Oleh kerana jaraknya jauh dari kawasan perkampungan RPS Runchang, mereka ditempatkan di asrama. Bagi anak Orang Asli yang bersekolah di SMKPH, mereka tinggal di asrama sekolah tersebut yang mempunyai 100% murid Melayu. Keadaan ini menyebabkan timbulnya masalah hubungan sosial antara anak Melayu dengan anak Orang Asli. Oleh yang demikian, anak Orang Asli merasa terpencil dan menyebabkan mereka tidak mempunyai keinginan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah.

Anak Orang Asli yang bersekolah di SMKA pula adalah lebih ramai bilangannya berbanding SMKPH. Hal ini kerana mereka ditempatkan di asrama Orang Asli di Permatang Keledang dan tidak wujudnya masalah hubungan sosial dalam kalangan mereka. Namun begitu, jarak yang jauh antara mereka dengan keluarga menyebabkan mereka tidak berkeinginan untuk melanjutkan pelajaran. Keadaan ini berlaku kerana hubungan kekeluargaan masyarakat Orang Asli adalah amat erat. Oleh yang demikian, anak Orang Asli ini terpaksa kerap pulang ke rumah mereka untuk melepaskan rindu terhadap keluarga. Kos tambang untuk pulang ke rumah ditanggung sendiri oleh mereka dan jumlahnya adalah sebanyak RM10 pergi dan balik[322]. JHEOA hanya menanggung perbelanjaan mereka pergi dan balik pada

[322] Anak Orang Asli menaiki bas dari bandar Pekan hingga ke Paloh Hinai dan kos tambang adalah sebanyak RM3.50. Kemudian dari simpang Paloh Hinai, mereka menaiki bas Kuantan - Muadzam dan tambangnya adalah sebanyak RM1.50. Mereka menaiki bas ini hingga ke simpang masuk ke Runchang dan keluarga mereka menunggu di simpang tersebut. Keterangan oleh Encik Zahari bin Ab. Razak pada 21.8.2010.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

setiap awal dan akhir tahun sesi persekolahan sahaja. Jumlah kos tambang yang tinggi ini menyebabkan mereka tidak mampu dan menyebabkan mereka tidak mahu untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah.

Selain itu, faktor yang menyebabkan anak Orang Asli tidak mahu melanjutkan pelajaran adalah mereka tidak boleh menerima teguran guru yang mengajar. Anak Orang Asli sering ditegur kerana tidak menyiapkan tugasan yang diberikan oleh guru. Hal ini menyebabkan mereka tidak mahu meneruskan pembelajaran. Hampir 50% anak Orang Asli yang berhenti sekolah selepas tamat tahun enam dan 40% sebelum mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Hanya 10% sahaja yang meneruskan pengajian sehingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Keciciran anak Orang Asli di peringkat sekolah menengah adalah kerana mereka masih tidak memahami kepentingan pendidikan. Hal ini kerana mereka mendapati apa yang dipelajari di sekolah tidak dapat dipraktikkan di dalam hutan seperti mencari rotan dan memburu binatang. Sikap mereka ini dapat digambarkan seperti berikut:

> Kegagalan anak Orang Asli dalam pembelajaran kerana mereka memandang hidup dengan mudah iaitu keperluan hidup mudah, cukup garam dan gula[323].

Pernyataan ini jelas menunjukkan mengapa pembelajaran di peringkat sekolah menengah tidak dapat diikuti oleh anak Orang Asli sehingga menyebabkan mereka jauh ketinggalan dalam bidang pendidikan.

---

[323] Wahid Hashim. (2006, September 26). Laporan Khas Pendidikan Anak Orang Asli (Bahagian 2). Pendidikan : Orang Asli Perlu Motivasi. Portal Pendidikan Utusan-Berita. Retrieved Sept 9, 2010, daripada http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2006&dt=0926&pub=DuniaPendidikan&sec=Berita&pg=be_02.htm.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jelaslah di sini bahawa setiap pembangunan dan kejayaan hanya dapat dicapai jika wujudnya kemahuan dan semangat yang kental dari dalam jiwa setiap individu. Sesungguhnya pendidikan merupakan tunggak utama pembangunan sesebuah masyarakat. Hal ini kerana melalui pendidikan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang dilaksanakan dengan penuh penghayatan. Oleh itu, masyarakat Orang Asli juga tidak terkecuali daripada menerima rancangan pembangunan pendidikan yang diperkenalkan kepada mereka. Rancangan tersebut penting kepada mereka kerana melalui pendidikan, mereka mampu melakukan anjakan paradigma untuk bebas daripada belenggu pemikiran yang sempit dan berjaya seiring dengan masyarakat lain dalam mendepani arus pembangunan negara. Pendidikan juga merupakan instrumen perpaduan antara masyarakat Orang Asli dengan kaum lain di negara ini. Menerusi pendidikan juga mereka turut didedahkan cara untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan masyarakat luar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

BAB 6

PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI DI RPS RUNCHANG

Seterusnya, bagi membangunkan komuniti masyarakat Orang Asli penekanan turut diberikan terhadap program pembangunan ekonomi. Hal ini kerana ekonomi merupakan nadi penggerak kepada pembangunan. Menerusi pembangunan ekonomi, masyarakat Orang Asli mampu keluar daripada kepompong kemiskinan tegar dan dapat menjalani kehidupan yang lebih sempurna. Kajian "Orang Asli Berjaya" yang dibuat oleh Biro Rundingan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada Julai 1999 mendapati bahawa kedudukan ekonomi keluarga yang stabil merupakan faktor penting yang membawa kejayaan kepada anak-anak Orang Asli dalam bidang pendidikan[324].

Pelbagai program pembangunan ekonomi yang dilaksanakan seperti mengadakan aktiviti pembangunan tanah, perusahaan dan industri kecil, ternakan, perikanan dan bimbingan keusahawanan. Kesemua program yang dilaksanakan ini

[324] Malaysia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar.. (t.t). Kertas Makluman Mengenai Penglibatan Orang Asli dalam Aktiviti Ekonomi. Kuala Lumpur : Bahagian Pembangunan Sosioekonomi, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 2.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menjadi pemangkin kepada kemajuan kehidupan masyarakat Orang Asli. Oleh itu, bagi memantapkan penyelidikan di kawasan ini penyelidik memberi penekanan mengenai rancangan pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli terhadap projek pertanian, penternakan binatang, perikanan dan perusahaan industri kecil.

Pembangunan Tanah Pertanian 'In-Situ'

RPS diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia bertujuan meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Orang Asli. Runchang merupakan sebuah kawasan yang terletak dalam mukim Bebar di kawasan seluas 1000 ekar tanah rezab Orang Asli. Setiap keluarga yang menyertai projek RPS Runchang telah diberi tanah sebanyak 8.5 ekar (3.4 hektar) untuk tanaman kelapa sawit dan ¼ ekar (0.1 hektar) untuk tapak rumah[325]. Projek ini dilaksanakan bertujuan membentuk masyarakat Orang Asli supaya terlibat dalam pertanian yang bersifat komersial dan penggunaan tanah yang sistematik[326]. Oleh itu, dalam meniti kejayaan projek pembangunan tanah JHEOA telah mendapat kerjasama yang padu daripada pelbagai agensi antaranya seperti FELDA, Jabatan Pertanian, MARDI, DARA, LPP dan RISDA.

[325] LKPT SULIT 6083/PB JLD.2;JHEOA.
LKPT SULIT 6083/PB JLD 2 dan JHEOA.PCD.5.001/KLT.9;RPS Runchang.
[326] JHEOA berusaha untuk mengubah pekerjaan masyarakat Orang Asli yang tidak berasaskan tanah kepada pekerjaan yang berasaskan tanah. Lihat dalam JHEOA.RPS/RD.1.005 (7);Peruntukan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Tanaman Kelapa Sawit

Tanaman utama dalam projek pembangunan tanah di RPS Runchang ialah tanaman kelapa sawit. Tanaman ini merupakan tanaman yang sesuai dengan kondisi tanah di kawasan tersebut. Penentuan ini dilakukan setelah pihak DARA melakukan kajian dan penyelidikan terhadap tanah tersebut. Tanaman ini merupakan sejenis tanaman jangka panjang. Hal ini kerana keuntungannya diterima oleh peserta RPS Runchang selaku pemilik tanah tersebut setelah kelapa sawit mengeluarkan hasilnya lebih kurang tiga tahun daripada tempoh penanamannya. Mereka tidak perlu mengeluarkan modal dalam projek pembangunan tanah ini. Semua perbelanjaan ditanggung oleh kerajaan yang dikendalikan oleh JHEOA. Mereka hanya menerima bayaran dalam bentuk dividen setelah keuntungan diperolehi daripada tanaman tersebut.

Jumlah keluasan tanah yang dijadikan sebagai kawasan tanaman kelapa sawit ialah sebanyak 2348.3 ekar (950.4 hektar). Pada peringkat awal sebanyak 3,000 batang pokok benih yang ada di tapak semaian RPS Runchang. Jumlah ini kemudian bertambah kepada 58,945 batang pokok yang dapat menampung keluasan tanah sebanyak 459.713 hektar[327]. JHEOA telah menyerahkan projek tanaman kelapa sawit kepada FELCRA.

Bekalan Tenaga Kerja

Penanaman kelapa sawit memerlukan bekalan tenaga kerja yang ramai kerana keluasan tanah untuk tanaman kelapa sawit melebihi 400 hektar. Sehubungan itu, pihak FELCRA telah menawarkan pekerjaan tersebut kepada peserta RPS Runchang.

[327] PPTA 1.061 Jld.2 (19);Tanaman Kelapa Sawit.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Mereka yang ingin bekerja boleh mengemukakan permohonan kepada FELCRA. Permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan melantik seorang ketua atau kepala bagi mengetuai rakan-rakan mereka yang lain[328]. Tawaran diberikan kepada peserta RPS Runchang kerana sememangnya hasrat dan dasar JHEOA adalah untuk melibatkan mereka dalam ekonomi pertanian yang bersifat komersial. Ini bertujuan supaya mereka meninggalkan aktiviti ekonomi konvensional yang menjadi amalan dalam kehidupan mereka selama ini kerana ekonomi tersebut tidak menjanjikan hasil pulangan yang lumayan.

Walau bagaimanapun, hanya seramai 16 orang daripada 194 orang peserta yang mengemukakan permohonan untuk bekerja di ladang kelapa sawit. Dua orang daripada 16 orang peserta ini dilantik menjadi mandur dan pengawal ladang (jaga)[329]. Jumlah tenaga kerja ini tidak dapat menampung keperluan tenaga kerja di ladang kelapa sawit kerana ladang ini memerlukan sekurang-kurangnya 32 orang tenaga kerja.

Oleh itu, bagi mengatasi kekurangan bekalan tenaga kerja ini, pihak FELCRA terpaksa mengambil buruh dari luar kawasan RPS Runchang. Justeru, FELCRA telah membawa masuk tenaga kerja dari Indonesia. Kehadiran tenaga kerja ini meyebabkan kebanyakan daripada masyarakat Orang Asli tetapi tidak termasuk 16 orang tersebut terus tidak mahu bekerja di ladang kelapa sawit. Keadaan ini berlaku kerana mereka tidak mahu bekerja di bawah seliaan orang asing yang berjawatan sebagai mandur. Sikap masyarakat Orang Asli ini menyebabkan hasrat JHEOA untuk membangunkan ekonomi mereka masih tidak dapat mencapai sasaran. Hal ini kerana JHEOA mahukan peserta RPS menerima keuntungan dalam

[328] RPS/R.005;JHEOA.
[329] PPTA 1.061 Jld.2 (19);Tanaman Kelapa Sawit.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bentuk gaji sebagai buruh ladang dan pembayaran dividen sebagai tuan tanah yang diusahakan dengan tanaman tersebut.

Perkembangan Tanaman Kelapa Sawit

Tanaman kelapa sawit yang diusahakan oleh pihak FELCRA ini ditanggung oleh JHEOA sepenuhnya. Semua kos penyelenggaraan ini dibayar menerusi peruntukan pembangunan yang disalurkan kepada FELCRA dalam bentuk geran mengikut tahun semasa[330]. Sebagai contoh, perbelanjaan projek tanaman kelapa sawit yang diperuntukkan oleh JHEOA adalah sebanyak RM5,278,211.53 pada tahun 1989[331]. Seterusnya, sehingga 31 Disember 1992 jumlah peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan untuk tanaman kelapa sawit di RPS Runchang ialah sebanyak RM1,698,681. Walau bagaimanapun, jumlah yang telah dibelanjakan oleh FELCRA ialah sebanyak RM2,505,000. Oleh itu, baki yang perlu dituntut oleh FELCRA kepada JHEOA ialah sebanyak RM806,319[332].

Perbezaan peruntukan yang hampir 50% antara tahun 1989 dengan tahun 1992 adalah kerana tahun 1989 merupakan tahun pertama tanaman kelapa sawit diusahakan. Oleh itu, belanja pengurusannya adalah tinggi berbanding tahun 1992. Hal ini kerana pada tahun 1992, perbelanjaan yang disalurkan adalah untuk menampung kos penyelenggaraan di kawasan ladang kelapa sawit.

---

[330]Kertas Makluman Mengenai Penglibatan Orang Asli dalam Aktiviti Ekonomi, *op.cit.*, hlm. 3
[331] JHEOA. PCD.5.001/KLT.9.
[332]Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1992). Laporan Tahunan 1992. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 65.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pembayaran Dividen

FELCRA telah menjalankan penanaman kelapa sawit di atas tanah kepunyaan 194 orang peserta RPS Runchang pada bulan oktober 1989. Tanaman ini mengeluarkan hasil tiga tahun kemudiannya iaitu pada tahun 1992. Hasil tanaman ini diperolehi oleh peserta RPS Runchang dalam bentuk pembayaran dividen. Pembayaran ini diberikan oleh FELCRA kepada mereka melalui akaun bank. Oleh itu, setiap peserta dikehendaki membuka akaun bank di Bank Bumiputera Malaysia Berhad cawangan Muadzam Shah. Mereka dikehendakki menyerahkan nombor akaun kepada ahli Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) dan nombor akaun bank ini diserahkan oleh JKKR kepada pihak FELCRA. Bayaran dividen yang pertama mula diterima oleh peserta RPS Runchang pada bulan Februari 1995 dan bayaran dividen ini diberikan pada setiap bulan.

Namun begitu, jumlah dividen yang dibayar kepada setiap peserta sangat bergantung pada ekonomi semasa, penyelenggaraan dan struktur tanah. Produktiviti kelapa sawit dan harga komoditi di pasaran dunia yang tidak konsisten menyebabkan jumlah dividen yang diterima oleh setiap peserta adalah tidak sama. Sebagai contoh, bayaran dividen pada tahun 1992 jumlah dividen yang diterima adalah sebanyak RM350. Pada tahun 1997 pula, bayaran dividen yang diterima adalah sebanyak RM410.00[333], manakala pada tahun 1998 jumlah dividen yang diterima adalah sebanyak RM200.00[334].

Walaupun masyarakat Orang Asli tidak mengeluarkan sebarang modal untuk tanaman kelapa sawit ini, tetapi dividen daripada hasil keluaran tanaman ini turut diberikan kepada mereka. Ini kerana mereka adalah sebagai peserta RPS dan

[333] RPS/RD3-003 (27);JHEOA.
[334] RPS/RD3-003 (69);JHEOA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pemegang tanah yang dibangunkan. Dividen yang dibayar kepada setiap keluarga ini dapat memberi bantuan kepada masyarakat Orang Asli untuk menyara kehidupan mereka.

Tanaman kelapa sawit merupakan sebuah projek yang mampu memberi perubahan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli yang menyertai skim RPS ini. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli tidak lagi terikat kepada kegiatan ekonomi yang berbentuk sara diri. Jika mereka bekerja di ladang kelapa sawit, mereka dapat bayaran gaji sebanyak RM15 sehari. Selain itu, selaku pemegang tanah yang ditanami dengan tanaman kelapa sawit sebanyak 58,945 batang pokok turut menyumbang pendapatan kepada peserta RPS. Bayaran yang diberi adalah dalam bentuk dividen hasil daripada keuntungan yang diterima. Oleh kerana itu, peserta RPS Runchang mendapat dua jenis sumber pendapatan iaitu dalam bentuk gaji dan pembayaran dividen. Namun begitu, daripada 194 orang peserta hanya 16 orang sahaja yang menerima bayaran sedemikian rupa. Selebihnya masih lagi tidak dapat memahami hasrat kerajaan untuk membantu mereka keluar daripada belenggu kemiskinan tegar.

Keadaan ini berlaku kerana sebelum menyertai RPS, kehidupan masyarakat Orang Asli adalah bebas untuk melakukan apa sahaja tanpa terikat dengan mana-mana pihak. Amalan budaya kerja yang diamalkan mereka tidak bersendikan kepada disiplin diri yang mantap. Keengganan mereka untuk tidak mengusahakan ladang kelapa sawit kerana waktu bekerjanya adalah dari jam 7 pagi sehingga jam 2 petang. Situasi ini bertentangan dengan amalan seharian yang tidak memerlukan mereka untuk bangun pada awal pagi[335]. Fenomena ini berlaku kerana pemikiran

[335] Maklumat ini diperolehi daripada temuramah penyelidik dengan Encik Mohammad Dani bin Haji Mohd. Amin pada 1 September 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mereka masih berada pada tahap yang rendah. Lantaran itu, mereka tidak dapat mengikuti program pembangunan ekonomi yang dilaksanakan.

Projek Bumi Hijau

Rancangan Buku Hijau telah diperkenalkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussin di peringkat Kebangsaan pada 20 Disember 1974. Pada peringkat negeri Pahang pula, Rancangan Buku Hijau telah dilancarkan oleh Tan Sri Ghazali Shafie iaitu Menteri Dalam Negeri pada 24 Januari 1975[336]. Pihak JHEOA kemudian telah memperkenalkan Projek Bumi Hijau dalam kalangan masyarakat Orang Asli di RPS Runchang pada tahun 1986. Projek Bumi Hijau dilaksanakan bertujuan untuk melipatgandakan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negeri. Selain itu, projek ini dapat menambahkan pendapatan masyarakat luar bandar sebagai salah satu alternatif untuk mengurangkan tekanan inflasi dan menggalakkan setiap lapisan masyarakat supaya lebih cergas melibatkan diri dalam usaha-usaha pembangunan. Kempen untuk menggalakkan masyarakat Orang Asli mengusahakan kawasan tanah di sekeliling rumah mereka dengan tanaman dan ternakan jangka pendek dilaksanakan dari semasa ke semasa[337]. Tanaman yang diperkenalkan oleh JHEOA kepada peserta RPS Runchang adalah seperti tanaman cili, tanaman kebun sayuran dan tanaman pisang. Hasil tanaman ini digunakan untuk kegunaan sendiri dan juga untuk dijual.

[336] Untuk keterangan lebih lanjut, sila lihat dalam Hari Ini Dalam Sejarah. (1987). *Pelancaran Rancangan Buku Hijau Di Negeri Pahang*. [tiada data penerbitan], hlm. 69.
[337] *Ibid.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Tanaman Cili

Menerusi Projek Bumi Hijau ini, JHEOA bersetuju memberi peruntukan sebanyak RM 1,000 untuk menjayakan projek ini pada tahun 1986. Encik Long bin Alang Chukas selaku pengerusi JKKR telah mengemukakan cadangan supaya projek ini ditanami dengan cili kerana tanaman ini pada ketika itu mempunyai pasaran yang baik. Seramai 6 orang peserta RPS daripada setiap blok A, B dan C terlibat dengan projek tanaman ini. Segala kerja menebas, memerun dan menanam dilakukan oleh peserta yang terlibat secara bergotong royong. Tanaman ini bukannya menjadi milik individu tetapi adalah kepunyaan bersama dan segala usaha mereka ini tidak dibayar upah. JHEOA menyediakan benih, baja, racun dan semua peralatan tanaman yang diperlukan melalui wang peruntukan yang disediakan. Peserta tanaman cili ini menerima keuntungan hasil daripada pemasaran cili yang ditanam dan pemasaran ini dilakukan oleh mereka sendiri dengan kerjasama JHEOA[338].

Namun begitu, tanaman cili ini tidak dapat berkembang dengan baik kerana mereka yang mengusahakan tanaman ini tidak dapat memasarkan hasil tanaman tersebut. Tiada pembeli yang datang kerana jaraknya adalah jauh. Oleh itu, sebagai alternatif mereka menjualnya di tepi lebuh raya Tun Razak Kuantan- Segamat dan kawasan sekitar yang berhampiran seperti di Chini. Fenomena ini berlaku kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai pengangkutan seperti kereta atau lori. Paling mampu mereka hanya berupaya memiliki sebuah motosikal yang uzur sahaja. Akhirnya tanaman ini diabaikan begitu sahaja kerana masyarakat Orang Asli tidak mempunyai daya ketahanan dan daya saingan yang kuat dalam menghadapi cabaran hidup. Sikap mereka yang mudah berputus asa dan cepat mengalah dengan keadaan

[338] RPS/R.005(1);JHEOA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menyebabkan mereka tidak mahu berusaha untuk mengatasi segala kekangan yang dialaminya.

Satu lagi sikap negatif yang dimiliki mereka ialah tidak suka dipaksa dan tidak sanggup menerima tekanan dengan keadaan sekeliling. Hal ini menyebabkan pihak JHEOA terpaksa bersabar dengan kerenah mereka kerana jika dipaksa mereka lari meninggalkan kawasan RPS dan kembali semula ke kampung halaman yang telah ditinggalkan. JHEOA telah bersusah payah dalam usaha memujuk mereka supaya bersetuju menyertai RPS ini tanpa mengenal erti putus asa. Sehingga kini, masih terdapat segelintir masyarakat Orang Asli dari RPS Runchang yang mengamalkan cara hidup "4T" kerana minda mereka masih lagi kuat terkongkong dengan budaya hidup yang diamalkan selama ini. "4T" merujuk kepada tebas, tebang, tanam dan tinggal. Mereka menjalankan kerja-kerja menebas, menebang dan menanam. Setelah menanam dan berjaya mendapatkan hasil, mereka keluar daripada RPS ini dan kembali semula ke kampung halaman mereka[339].

Tanaman Kebun Sayuran

Selain daripada tanaman cili, pihak JHEOA turut menggalakkan peserta RPS Runchang mengusahakan tanaman kebun sayuran seperti kacang tanah, terung, jagung dan keledek[340]. Projek pembangunan sosioekonomi ini mula diusahakan pada tahun 1988. Keluasan tanaman kebun sayuran ini adalah seluas 10 ekar. Kaedah tanaman kebun sayuran sama seperti tanaman cili.

[339] Kenyataan ini diperolehi daripada Encik Mat Sah bin Ah Hong pada 25 Ogos 2009.
[340] Projek Bumi Hijau ini dilaksanakan di atas tanah rezab Orang Asli. Konsep ini diperkenalkan bertujuan untuk memusatkan tumpuan peserta RPS Runchang kepada penggunaan tanah. Lihat dalam JHEOA.RPS/R.D.1.005 (2);Peruntukan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Namun begitu, tanaman ini juga menemui kegagalan kerana masyarakat Orang Asli tidak sanggup untuk berhadapan dengan pelbagai rintangan yang harus dihadapi oleh mereka. Sememangnya secara geografi bentuk muka bumi kawasan RPS Runchang adalah tidak rata dan berbukit. Justeru, tanaman ini memerlukan tenaga yang banyak. Namun begitu, jika mereka mengusahakan tanah ini secara bergotong-royong nescaya kejayaan dapat dikecapi oleh mereka. Walau bagaimanapun, mereka tidak mampu untuk mengusahakan tanah ini secara bergotong-royong kerana mereka tidak mahu terikat dengan jadual bergotong-royong dan komitmen. Hal ini kerana jika bergotong-royong mereka perlu mengikuti masa yang telah ditetapkan.

Sikap dan pandangan negatif terhadap rancangan pembangunan sosioekonomi ini menyebabkan kehidupan masyarakat Orang Asli masih lagi dibelenggu oleh kemiskinan tegar. Mereka lebih sanggup hidup susah daripada berusaha untuk membangunkan kehidupan yang lebih sempurna dan membina masa depan yang lebih cemerlang kerana mereka merupakan insan yang mempunyai minda yang tidak mampu berpandangan jauh dan tidak optimistik.

Tanaman Pisang

JHEOA masih terus berusaha untuk menangani masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli terutama mereka yang menyertai RPS Runchang. Pelbagai projek telah diperkenalkan dari awal pembentukan RPS Runchang tetapi semua projek ini menemui kegagalan. Faktor kegagalan ini adalah kerana hasil tanaman tidak mendapat pasaran yang meluas. Selain itu, sikap dan tidak ada semangat untuk berjaya masih lagi mendominasi ruang lingkup kehidupan mereka. Hal ini

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

berlaku kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai projek pembangunan ekonomi yang diperkenalkan. Justeru, mereka kurang pengetahuan dan menyebabkan mereka hanya mengharapkan bantuan sepenuhnya daripada pihak JHEOA dalam apa jua aspek kehidupan.

Namun begitu, pihak JHEOA masih tetap tidak berputus asa untuk membangunkan kehidupan masyarakat Orang Asli. Oleh itu, sekali lagi tanaman diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli di kawasan RPS Runchang iaitu tanaman pisang pelbagai pada bulan April 1999. Kawasan tanaman pisang pelbagai ini mempunyai keluasan tanah rezab Orang Asli seluas 5 ekar (2 hektar) iaitu tanah bekas tinggalan tanaman tembikai oleh pengusaha Cina[341]. Tanaman pisang pelbagai ini diwakili oleh 6 orang peserta RPS Runchang daripada setiap blok dan peserta tanaman pisang pelbagai ini menerima pengawasan daripada Jabatan Pertanian Daerah Pekan.

Tanaman pisang pelbagai ini antaranya ialah pisang jenis Lemak Manis, Sematu, Medal, Siam dan Nangka. Jarak tanaman pokok pisang ini adalah lebih kurang 20’ x 20’ dan terdiri daripada 550 batang pokok bagi setiap blok. Benih tanaman pisang ini diperolehi dari kawasan sekitar RPS Runchang. Baja tanaman pisang pelbagai ini dibekalkan oleh Jabatan Pertanian daerah Pekan iaitu baja *NPK Blue* sebanyak 40 beg atau 20 kilogram (kg). Baja tersebut dibekalkan pada bulan Oktober 1999[342].

Peserta tanaman pisang pelbagai ini telah membentuk satu penubuhan kelompok pada bulan November 1999 bertujuan untuk melancarkan projek ini. Hal

[341] Menurut Encik Mohammad Dani bin Mohd. Amin tanah ini pernah diusahakan dengan tanaman tembikai oleh pengusaha Cina setelah mendapat kebenaran daripada JHEOA. Maklumat ini diperolehi pada 10 September 2009.
[342] Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam fail kelompok tanaman pisang (pelbagai) RPS Runchang Mukim Bebar Pekan. [tiada tarikh dan tiada data penerbitan].

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ini kerana tanaman pisang pelbagai merupakan kepunyaan bersama dan bukannya milik individu. Penubuhan berkelompok ini mengandungi pengerusi, setiausaha, bendahari dan 3 orang AJK yang dilantik dalam kalangan mereka.

Walau bagaimanapun, tanaman pisang pelbagai ini turut mengalami nasib yang sama dengan projek pembangunan ekonomi yang dilaksanakan sebelum ini. Hal ini kerana projek tanaman pisang tidak dapat bertahan dan tanaman ini telah ditamatkan penanamannya pada 7 April 2003[343]. Kegagalan tanaman pisang pelbagai ini adalah kerana mereka menghadapi masalah pemasaran. Hal ini diakui oleh Dr. Hood bin Salleh:

> ...ekonomi masyarakat Orang Asli yang menghadapi masalah daripada aspek pemasaran. Walaupun banyak kemudahan yang diberikan oleh kerajaan tetapi mereka kurang arif untuk memasarkan hasil-hasil pegeluaran[344].

Pisang yang dihasilkan masak begitu sahaja dan menjadi buruk setelah diambil dari pokok kerana mereka tidak tahu tempat mereka harus menjual pisang tersebut. Pisang merupakan sejenis tanaman yang mudah mendatangkan hasil serta mempunyai pasaran yang meluas kerana permintaan terhadapnya adalah tinggi. Namun begitu, kaedah pemasaran merupakan faktor kepada kegagalan tanaman ini. Hal ini kemudiannya menyebabkan tanaman ini tidak diusahakan.

Penternakan Binatang

Menerusi Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) JHEOA Negeri Pahang telah melaksanakan beberapa projek ternakan/perikanan kepada masyarakat Orang Asli.

[343] JHEOA.PCD.5.016 KLT. 8;PS Runchang.
[344] *Utusan Malaysia* (1988, 7 Oktober).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Ternakan yang diusahakan adalah seperti ternakan lembu, kambing, ayam kampung dan ikan air tawar. Projek ternakan ini diteruskan lagi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) dan pemantapan terhadap projek penternakan binatang ini telah dilaksanakan melalui satu memorandum. Memorandum ini telah dimeterai pada tahun 1995 bertujuan mewujudkan persefahaman dan kerjasama antara JHEOA dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) sebagai satu usaha untuk mengemaskini projek ternakan yang dilaksanakan[345].

Projek Integrasi Rusa /Ladang Kelapa Sawit

Latar Belakang Projek

Projek integrasi ternakan rusa/kelapa sawit telah dilaksanakan pada tahun 1996 dalam RMK-7. Projek ini merupakan projek perintis yang diusahakan hasil daripada cetusan idea Long bin Jidin yang pernah berkhidmat sebagai seorang Pegawai Veterinar di daerah Pekan, sebelum dilantik menjadi Senator Orang Asli Malaysia yang keempat pada 26 Mei 1997. Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh JHEOA dengan kerjasama daripada JPH dan Univerisiti Pertanian Malaysia (UPM). Projek integrasi ternakan rusa/kelapa sawit ini adalah sebagai satu usaha untuk menggalakkan masyarakat Orang Asli supaya mengusahakan ternakan rusa secara komersial yang penting.

[345] Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Kertas Cadangan Sistem Agihan Pawah Ternakan Rusa. [tiada data penerbitan], hlm. 1.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

> Projek ini dicadangkan untuk mewujudkan suasana daya maju kaum Orang Asli dalam menggunakan sumber-sumber semulajadi yang terdapat di persekitaran penempatan mereka dan menggunakan sumber-sumber tersebut untuk tujuan perusahaan seperti pertanian termasuk ternakan, pelancongan dan kemajuan sosial penduduk setempat. Di samping itu projek ini juga akan cuba mengekalkan keadaan alam sekitar semulajadi dan berkeadaan *"sustainable"* serta boleh berdikari[346].

Idea Long bin Jidin ini telah mendapat persetujuan daripada JHEOA dan satu jawatankuasa Teknikal Pengurusan dan Pengendalian telah ditubuhkan. Jawatankuasa tersebut telah dianggotai oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang, Long bin Jidin, Dekan Fakulti Kedoktoran dan Sains Penternakan Universiti Pertanian Malaysia, Penyelaras Projek Ternakan JHEOA/Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang, Jabatan Perkhidmatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), dan Pengarah JHEOA Negeri Pahang[347].

Projek ternakan rusa ini merupakan sebuah projek yang dikendalikan oleh tenaga kepakaran yang diperolehi daripada pensyarah Fakulti Kedoktoran dan Sains Penternakan UPM, Serdang Selangor iaitu Profesor Madya Dr. Dahlan bin Ismail. Kerjasama ini diwujudkan melalui satu Memorandum Persefahaman yang telah dimeterai pada tahun 1995 antara JHEOA dengan JPH yang telah melaksanakan projek ternakan lembu, kambing, ayam kampung dan ikan air tawar. Memorandum ini dimeterai kerana JHEOA tidak mempunyai kepakaran dalam bidang penternakan. Oleh itu, kerjasama dan persefahaman yang dimeterai ini dijadikan sebagai panduan dan digunapakai oleh JHEOA Negeri Pahang semasa berlangsungnya mesyuarat

---

[346]Dahlan Ismail. (t.t). Projek Sosioeko-Tourism di Kawasan Penempatan Orang Asli. Serdang : Jabatan Sains Penternakan Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Penternakan. Serdang Universiti Pertanian Malaysia, hlm. 1.
[347] RPS/RD.2.Jld.005(21);Ternakan Rusa.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bersama antara JHEOA dengan JPH Negeri Pahang Bil. 1/96 yang diadakan pada 27 Julai 1996.

Menerusi mesyuarat ini, antara langkah yang dipersetujui adalah mengubah projek ternakan lembu, kambing, ayam, itik, serta ikan air tawar yang telah menemui kegagalan kepada ternakan hidupan liar khususnya ternakan rusa. Oleh itu, projek ternakan rusa / ternakan hidupan liar telah diperkenalkan di RPS Runchang. Sebelum memulakan projek ini satu program lawatan telah dirangka kepada ahli-ahli jawatankuasa Mesyuarat Bersama JHEOA dan JPH Negeri Pahang ke pusat penyelidikan dan ternakan hidupan liar. Pusat tersebut dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Dahlan bin Ismail. Pusat tersebut adalah seperti Projek Ternak Rusa di Desaru Johor, Projek Integrasi Rusa FORIM Keluang Johor, Taman Binatang Bangunan Parlimen Kuala Lumpur, Taman Tasik Titiwangsa Kuala Lumpur dan UPM[348].

Objektif Projek

Ternakan rusa telah diperkenalkan kepada peserta RPS Runchang bertujuan memaksimumkan penggunaan tanah dan rumpai dalam ladang kelapa sawit sebagai kawasan ragutan. Hal ini kerana ragutan rusa menyebabkan kos terhadap pengawalan rumpai di kawasan ladang dapat dikurangkan. Selain itu, ternakan rusa juga dapat memudahkan pengurusan bahan buangan lepas tuai seperti pelepah kelapa sawit. Pelepah kelapa sawit boleh dijadikan sebagai bahan gantian yang disediakan dalam bentuk kepingan dengan meraciknya menggunakan mesin peracik.

[348] Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Projek Integrasi Rusa di Ladang Kelapa Sawit RPS Runchang Mukim Bebar Pekan. [tiada data penerbitan], hlm. 1.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Penggunaan pelepah kelapa sawit ini mampu mengurangkan kos pembelian makanan tambahan *'deer pallet'*.

Selain itu, ternakan rusa ini juga dapat menyumbang kepada tahap kesuburan tanah dan prestasi kelapa sawit. Hal ini kerana nutrien yang terdapat dalam najis rusa dapat menyuburkan tanah dan tumbuh-tumbuhan. Seterusnya, menerusi penternakan rusa juga dapat membantu peserta projek memperolehi pendapatan tambahan kerana penjualan daging rusa dan bahan-bahan sampingan. Harga sekilo daging rusa di pasaran adalah antara $30.00 - $40.00 dan permintaan terhadap daging rusa ini adalah tinggi terutama semasa musim perayaan. Seterusnya, projek ternakan rusa ini dapat dijadikan sebagai sebuah projek sosioeko-pelancongan di kawasan penempatan masyarakat Orang Asli kerana projek ini melibatkan aktiviti pelancongan[349]. Segala usaha yang dilaksanakan ini dapat menaikkan taraf kehidupan masyarakat Orang Asli di samping dapat melindungi hidupan liar daripada terus diburu. Dr. Dahlan menekankan bahawa projek ini adalah untuk sosioeko-pelancongan kepada masyarakat Orang Asli dan PERHILITAN. Menurutnya:

> Oleh itu kerjasama dari pihak Jabatan Perhilitan adalah sangat diharapkan. Selain itu, projek ini juga dapat menjalankan penyelidikan zoologi dan biologi yang mana adalah sangat berguna bukan sahaja kepada Jabatan Perhilitan sendiri, bahkan kepada peringkat nasional. Ini adalah salah satu lagi sumbangan Jabatan Perhilitan kepada negara[350].

[349] Lihat dalam RPS/RA 1 - JLD. 2.001(106); JHEOA yang mengatakan bahawa RPS Runchang satu-satunya RPS di JHEOA yang mempunyai segala kelengkapan kemudahan dan prasarana asas. Projek Integrasi Ternakan Rusa/Kelapa Sawit juga turut menjadi faktor penyumbang kepada minat orang ramai untuk berkunjung ke RPS Runchang.
[350] CD5.010 Jld.4 (26);Ternakan Rusa.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Matlamat Projek

Hasil daripada ketetapan objektif projek ini dapat memberi pendapatan sampingan kepada peserta RPS Runchang melalui penggunaan tanah secara maksimun dan pengurangan kos pengurusan ladang serta ternakan dapat dicapai. Keadaan ini dapat mewujudkan satu identiti tersendiri dalam kalangan masyarakat Orang Asli kerana ternakan hidupan liar ini sememangnya mempunyai kaitan yang rapat dengan sosiobudaya masyarakat Orang Asli itu sendiri. Selain itu, pemeliharaan rusa ini turut menjadi pemangkin kepada kehidupan binatang liar daripada pupus dan memberi kesempatan kepada institusi yang dipertanggungjawabkan menjadikan binatang ternakan ini sebagai bahan kajian.

Lokasi Projek

Projek ternakan rusa ini terletak dalam ladang kelapa sawit di kawasan RPS Runchang. Keluasan yang disediakan untuk projek ternakan ini adalah sebanyak 2.43 hektar (6 ekar) yang berpagar. Jalan yang menghubungkan projek ternakan rusa ini ialah jalan tanah merah dan jaraknya dengan kawasan pusat pentadbiran RPS Runchang ialah sejauh 2.5 km. Keadaan topografi tanah projek ini adalah landai serta mempunyai struktur saliran yang baik.

Peserta Projek

Projek ternakan rusa ini disertai oleh seramai 21 orang yang terdiri daripada peserta RPS Runchang dan anak-anak peserta RPS Runchang. 21 orang peserta ini dikenali

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sebagai ahli Integrasi Rusa. Setiap ahli Integrasi Rusa dikehendaki melabur modal sebanyak RM 200.00 untuk pengurusan dan penyelenggaraan projek ini.

Pelaksanaan Projek

Pelaksanaan projek ternakan rusa ini dibantu oleh JPH khususnya JPH daerah Pekan. Selain itu, penternakan rusa ini juga turut menerima bantuan dan bimbingan daripada Profesor Madya Dr. Dahlan bin Ismail. Jika timbul sebarang masalah berkaitan pelaksanaan projek ini, semuanya dibincangkan dalam mesyuarat yang diadakan bersama JHEOA, JPH, UPM, PERHILITAN dan agensi yang berkaitan.

Sistem Pengurusan Projek

Projek ini diuruskan dan dikendalikan oleh sebuah badan yang dibentuk melalui sebuah jawatankuasa. Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

Pengerusi Projek	:	Encik Rahmat bin Mansor
Setiausaha	:	Encik Osman bin Adam
Bendahari	:	Encik Samad bin Mat
Ahli Jawatankuasa	:	Encik Ishak bin Mansor
	:	Encik Rahim bin Ron

Jawatankuasa ini melantik ahli Integrasi rusa secara bergilir-gilir untuk menguruskan ternakan rusa dan ladang kelapa sawit. Perkara yang diuruskan terutamanya kerja makan minum serta mengawasi bilangan dan kesihatan ternakan rusa[351]. Selain itu, seorang peserta yang bukan dari kalangan ahli Integrasi rusa dilantik oleh ahli

[351] Projek Integrasi Rusa di Ladang Kelapa Sawit RPS Runchang Mukim Bebar Pekan, *op.cit.*, hlm. 5.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

jawatankuasa Integrasi rusa untuk menyelenggara masalah FELCRA mengenai pengutipan buah kelapa sawit dan memangkas dahan kelapa sawit. Kerja ini dilakukan bagi menggalakkan pertumbuhan dahan yang baru dan kerja pembajaan pokok dalam kawasan berpagar *syclone* dengan kadar pembayaran upah RM0.20/tandan[352].

Fakta Mengenai Rusa

Rusa merupakan sejenis haiwan yang dikategorikan daripada keluarga *'Ruminant'* iaitu campuran lembu dan kambing yang mempunyai empat ruangan perut. Ruangan perut tersebut dikenali sebagai *'Rumen', 'Retikulum', 'Omasum' dan 'Abomasum'* [353]. Rusa ini mempunyai kadar berat yang berbeza antara rusa jantan dengan rusa betina. Rusa jantan mempunyai berat yang lebih iaitu antara 100 kg hingga 120 kg berbanding rusa betina yang hanya mempunyai berat antara 45 kg hingga 60 kg. Kadar percampuran jantina rusa adalah seekor rusa jantan untuk sepuluh ekor rusa betina. Kadar 1:10 ini adalah praktikal bagi pembiakan rusa kerana mengelakkan berlakunya pergaduhan sesama sendiri terutama ketika musim mengawan[354].

Tempoh matang bagi pembiakan rusa ialah 10 bulan bagi rusa jantan dan 24 bulan untuk rusa betina. Tempoh hayat penghidupan rusa ini ialah 15 tahun dan kadar peranakan rusa ialah tiga ekor dalam tempoh dua tahun. Pembuntingan rusa betina mengambil masa antara tujuh hingga lapan bulan (281 hari) untuk mencapai tempoh matang. Kaedah pengawanan sesama sendiri tidak digalakkan bagi

[352] CD5-010 Jld.4 (53);Ternakan Rusa.
[353] RPS RD 2 005(49); Ternakan.
[354] RPS / RD 2 – 005 (57);JHEOA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mengekalkan baka rusa yang baik. Justeru, pengawanan kacukan dari jenis yang sama tetapi berlainan generasi dan dari baka luar sangat digalakkan[355].

Keperluan Asas Untuk Projek Rusa

Kawasan projek ternakan rusa ini dipagar bagi mengelakkan berlakunya kehilangan binatang tersebut daripada dicuri atau pergi ke kawasan luar daripada RPS Runchang[356]. Selain itu, beberapa kemudahan yang diperlukan adalah seperti pastura atau padok, rumah stor, bekas makanan dan minuman, bekalan air, peralatan dan jentera, rumah gelap dan kemudahan untuk mengendali.

Strategi Menternak

Keluasan kawasan yang diperlukan untuk menternak rusa ini memerlukan nisbah yang bersesuaian iaitu satu hektar untuk 10 – 12 ekor rusa untuk pastura secara terbuka dan satu hektar untuk lima hingga tujuh ekor di kawasan ladang kelapa sawit. Oleh itu, jumlah padok yang diperlukan untuk 20 ekor rusa betina dan dua ekor rusa jantan adalah sebanyak dua buah iaitu padok A dan padok B. Keluasan setiap satu padok adalah lebih kurang tiga ekar atau 1.22 hektar. Rusa yang diternak ini diimport dari New Caledonia iaitu daripada jenis rusa Jawa atau *"cervus timorensis"* . Baka rusa ini adalah yang paling popular, berkualiti tinggi, cepat membiak dan bernilai komersial serta mempunyai kadar nisbah anggaran seekor rusa jantan dengan 10 hingga 15 ekor rusa betina. Umur rusa yang diimpot ini adalah dalam lingkungan 12 bulan hingga 24 bulan.

[355] RPS / RD 2 – 005 (37);JHEOA.
[356] PTL.0014.R. (15);Ternakan Rusa.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kawasan rumpai di kawasan ternakan ini mempunyai pusingan meragut selama sebulan. Selain itu, kawasan ternakan rusa ini dikehendaki menyediakan tanaman rumput tambahan kepada rumpai yang sedia ada daripada yang berkualiti tinggi seperti rumput benggala atau *'guinea grass'.* Rumput benggala atau nama botanicalnya ialah *'Panicum Maximum'* merupakan sejenis rumput yang digemari oleh rusa. (Lihat lampiran 4 contoh rumpai yang digemari dan yang tidak digemari oleh rusa). Tanaman rumput di bawah naungan kelapa sawit RPS Runchang memerlukan kawasan lapang lebih kurang lima ekar atau lebih kurang sepuluh ekar yang ditanami dengan rumput benggala. Tanaman rumput benggala diperlukan kerana setelah pokok kelapa sawit mencapai usia sepuluh tahun ke atas, peratusan naungan adalah tinggi dan rumput / pastura tidak bertahan lama[357].

Projek ini dikendalikan oleh peserta yang dilatih mengenai aspek penyediaan dan penerimaan baka sebelum dan selepas projek dimulakan. Jumlah keperluan tenaga kerja bergantung kepada saiznya dan tahap minimum adalah antara 1 hingga 2 orang sahaja. Lokasi yang sesuai untuk ternakan rusa ini ialah sebuah kawasan yang senang untuk keluar masuk dengan jalan utama, tanah yang sesuai untuk ditanam dengan pastura dan mempunyai sumber bekalan air yang mencukupi.

Seterusnya, kos pelaksanaan projek ini pada tahun 1996 menelan belanja sebanyak RM160,000.00[358]. Jumlah yang besar ini meliputi keseluruhan perbelanjaan daripada peringkat awal projek ini dikendalikan antaranya seperti pembelian dan pemasangan pagar *scyclone* sebanyak RM54,910.00, pembelian baka

[357] Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat dalam dlm. V. Pkn D/96-16. (5);Ternakan Rusa.
[358] Peruntukan ini diberi melalui waran peruntukan yang bernombor 02241 dan 02243 yang bertarikh 8 November 1996. Lihat dalam CD2-002 (44);Ternakan Rusa.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

rusa sebanyak RM42,300.00, bekalan makanan tambahan *'deer pallet'* sebanyak RM11,250.00 dan sebagainya[359].

Perkembangan Penternakan Rusa di RPS Runchang

Projek Ternakan Rusa di kawasan RPS Runchang dimulakan pada tahun 1996 yang dirasmikan oleh Menteri Perpaduan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail pada 19 Jun 1997[360]. Namun begitu, sehingga tahun 1998, AJK Ternakan Rusa dan kakitangan RPS Runchang masih belum berupaya dan tidak berdaya maju dalam pengetahuan dan bidang teknikal terhadap pengendalian ternakan rusa ini. Pelbagai pendekatan telah diambil seperti menyediakan kursus dan latihan yang releven kepada AJK Ternakan Rusa dan kakitangan RPS Runchang oleh pihak JHEOA dalam usaha untuk memberi pendedahan dan pengetahuan yang luas mengenai bidang ternakan ini.

Selain latihan, JHEOA turut mengadakan lawatan ke pejabat PERHILITAN Jenderak, Temerloh pada 9 Disember 1998. Tujuan lawatan adalah untuk menimba ilmu pengetahuan dan melihat sendiri projek ternakan rusa yang telah berjaya dikomersialkan dan boleh dijadikan contoh kepada penternak rusa di RPS Runchang. Peserta dan kakitangan RPS Runchang telah diberi pendedahan dan kemahiran teknikal dalam usaha mengendalikan ternakan haiwan ini di samping dapat bertukar pandangan dan pendapat dalam hal ini. Selain itu, menerusi lawatan ini mereka dapat melihat secara lebih dekat mengenai ternakan haiwan yang diusahakan secara

[359] CD5.010.Jld.5(1);Ternakan Rusa.
[360] CD5.010 Jld.4 (26);Ternakan Rusa. Lihat juga dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1997, Keluaran 2/97). Projek Integrasi Ternakan Rusa/Kelapa sawit di Rancangan Pengumpulan Semula Runchang. *Nong Pai.* Kuala Lumpur : Unit Penerbitan Penyelidikan dan Perancangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 4.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

komersial seperti cara pemberian makanan, penjagaan kesihatan, pembakaan dan sebagainya yang berkaitan dengan ternakan rusa[361].

JHEOA turut menyediakan satu lagi program dalaman iaitu dengan memberi kursus dan latihan yang releven dalam bidang ternakan rusa kepada mereka yang terlibat. Kursus pengurusan ternakan rusa secara komersial diadakan pada 13 Mac 1999[362]. Rasional kursus ini diadakan adalah untuk membantu AJK Ternakan Rusa dan kakitangan RPS Runchang mendapatkan ilmu pengetahuan dan kepakaran teknikal yang betul mengenai cara pengendalian haiwan ini. Pengendalian yang dilakukan adalah berkaitan pemakanan, pengurusan dan kawasan persekitaran supaya ternakan ini dapat dikomersialkan.

Ternakan rusa merupakan suatu projek yang mampu memberi pulangan yang lumayan kerana ledakan pasarannya adalah tinggi terutama pada musim perayaan. Oleh itu, untuk mendominasi pasaran ini pelaksanaan dan pengendalian terhadap haiwan tersebut perlu dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, kursus ini sememangnya releven dengan target yang dikehendaki oleh JHEOA bagi membantu penternak rusa menjadikan ternakan ini sebagai sumber pendapatan tambahan dalam kalangan mereka[363].

Pendedahan kepada AJK Ternakan Rusa dan kakitangan RPS Runchang terhadap program penternakan rusa ini terus diberi perhatian. Tindakan yang sewajarnya juga diambil agar golongan yang terlibat lebih proaktif dan mampu melakukan perubahan terhadap bidang ternakan ini. Namun begitu, kadar pembiakan rusa tidak begitu menggalakkan dalam tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 1996 sehingga 13 Disember 1999. Jumlah pertambahan rusa adalah tidak produktif

[361] RPS/RD 2-005 (14);JHEOA.
[362] Kursus ini diadakan di bilik mesyuarat RPS Runchang.
[363] RPS/RD 2-005 (37);JHEOA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

iaitu hanya sebanyak 27 ekor sahaja daripada jumlah asal sebanyak 22 ekor. Sementelah daripada 49 ekor, tiga ekor daripadanya telah mati dan rusa yang mati adalah rusa betina[364]. Oleh itu, bagi memastikan ternakan rusa ini dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan efisien, sekali lagi pendedahan terhadap penternakan rusa diberikan kepada AJK Ternakan Rusa dan kakitangan RPS Runchang. Pendedahan tersebut adalah melalui lawatan sambil belajar ke Kg. Budaya Cherating Kuantan Pahang.

Lawatan ini diadakan pada 24 Mac 1999 dan seramai 15 orang peserta yang terlibat. 10 orang daripada 15 orang tersebut adalah terdiri daripada AJK penternak rusa dan peserta penternak. Selebihnya ialah kakitangan RPS Runchang[365]. Projek ternakan rusa yang diusahakan secara persendirian oleh Encik Derawis bin Junus telah membuahkan kejayaan yang begitu memberangsangkan. Pada peringkat awal beliau menternak rusa sebanyak 12 ekor dengan bermodalkan sebanyak RM24,000 pada tahun 1993 [366].

En. Derawis mendapatkan bekalan rusa ini dengan membelinya daripada Jabatan Haiwan Kelantan. Beliau telah berjaya mengaut keuntungan yang lumayan daripada hasil jualan rusa sebanyak RM1,300 bagi setiap ekor rusa yang dijual dalam tempoh dua setengah tahun. Sehingga akhir bulan Mac 1999 jumlah rusa yang diternak telah bertambah bilangannya kepada 55 ekor rusa. Pertambahan rusa yang sangat menggalakkan ini kerana mempunyai prasarana ternakan yang sangat kondusif seperti pagar, padang ragut, kolam, baka, upah pekerja dan makanan. Encik Derawis bin Junus[367] telah mengeluarkan modal persendirian untuk

[364] RPS/RD 2-005 (57);Ternakan Rusa.
[365] Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat RPS/RD 2-005 (39);Ternakan Rusa.
[366] Lihat dalam *Berita Harian*. (2007, Julai 13).
[367] Seorang pengusaha ternakan rusa secara persendirian di Kg. Budaya Cherating Kuantan Pahang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

perbelanjaan prasarana projek ini hampir RM300,000.00[368]. Kejayaaan Encik Derawis ini dijadikan sebagai faktor pendorong dan pemangkin kepada penternak rusa di kawasan RPS Runchang supaya menjadi kumpulan masyarakat Orang Asli yang berjaya melibatkan diri dalam dunia penternakan dan perniagaan rusa.

Masalah Yang dihadapi Dalam Bidang Penternakan Rusa di RPS Runchang

AJK Ternakan Rusa dan kakitangan RPS Runchang masih lagi berhadapan dengan pelbagai masalah dan rintangan untuk menjana keuntungan dalam bidang ternakan ini. Masalah yang begitu meruncing adalah mengenai penggunaan racun tikus (racun *'warfarin')* yang sangat berleluasa di kawasan ladang kelapa sawit sehingga menyebabkan keracunan makanan yang boleh membawa kepada kematian rusa.

Racun tikus merupakan satu perkara yang lazim digunakan di kawasan ladang kelapa sawit bagi membendung tikus dari terus berkeliaran dan merosakkan buah kelapa sawit. Pekerja ladang yang terdiri daripada tenaga kerja Indonesia telah menyelitkan racun tikus dicelah-celah pelepah kelapa sawit. Setelah tikus memakan racun tersebut, sebahagian daripada sisa racun tersebut jatuh di atas permukaan tanah. Sisa racun ini kemudian sampai ke kawasan ternakan rusa melalui air hujan yang mengalir dari kawasan ladang kelapa sawit ke kawasan ternakan rusa.

Air hujan yang mengandungi racun tikus ini kemudian bertakung di bahagian lopak dan lubang yang terdapat di kawasan ternakan rusa. Walaupun tempat minuman rusa telah disediakan di beberapa bahagian di kawasan ternakan rusa di padok A dan padok B, namun begitu rusa ini tetap meminum air di bahagian air yang bertakung. Pengambilan air ini menyebabkan rusa mengalami keracunan makanan

[368] RPS/RD 2-005 (39);Ternakan Rusa.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sehingga membawa kepada kematian. Sebagai contoh rajah 5.2 berikut adalah mengenai laporan kematian rusa sepanjang bulan Januari 1999.

Rajah 5.2.
Laporan Kematian Rusa Januari 1999.

Tarikh Kematian	Bil. Jantan (ekor)	Bil. Betina (ekor)	Anggaran Umum (tahun, bulan)	Anggaran Berat (kg)
5.1.99	-	3	2 1/2 tahun, 1 bulan	50-60
6.1.99	1	-	1 tahun	60
9.1.99	1	1	8 bulan - 1 tahun	50
11.1.99	-	1	5 bulan -7 bulan	50
14.1.99	-	1	6 bulan -8 bulan	50
15.1.99	-	1	5 bulan - 9 bulan	40
17.1.99	-	1	3 bulan -5 bulan	20
25.1.99	-	1	6 bulan -8 bulan	50
Jumlah	2	9		

Sumber: dipetik daripada CG1 -003 JLD.3 (92);Ternakan Rusa.

Rajah di atas telah mencatatkan jumlah kematian rusa iaitu dari 5 Januari 1999 sehingga 25 Januari 1999. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 11 ekor rusa yang terdiri daripada dua ekor rusa jantan dan sembilan ekor rusa betina telah mati. Hasil daripada laporan bedah siasat yang dilakukan oleh Pegawai Veterinar, Dr. Roosevien Farida Nilawati bt. Rachmat dengan dibantu oleh dua orang kakitangan daripada Makmal Veterinar Kawasan Kuantan mendapati punca kematian rusa adalah kerana termakan racun tikus dan *Epizootic Haemorrhagic Disease*[369].

Selain itu, pengambilan makanan tambahan rusa iaitu *'deer pellet'* yang berlebihan menyebabkan berlakunya mendapan *'copper'* atau kandungan zat besi iaitu tembaga yang berlebihan. Pengambilan *'deer pellet'* yang berlebihan menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan pencernaan di dalam perut rusa dan keadaan ini boleh memudaratkan haiwan tersebut. *'Deer pellet'* merupakan

[369] CG1 – 003 Jld.3 (80);Ternakan Rusa dan CG1 – 003 JLD.3 (92);Ternakan Rusa.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

makanan sampingan yang perlu diambil oleh rusa tetapi dalam kuantiti yang sedikit sahaja supaya berlaku keseimbangan pemakanan. Rusa sepatutnya diberi makanan yang mengandungi kandungan serat yang tinggi seperti daun-daun terutama jenis rumput yang sesuai seperti rumput benggala atau *'guinea grass'.* Hal ini kerana rusa merupakan sejenis haiwan yang terdiri daripada kumpulan *'herbivor'* iaitu yang memakan daun dan pemakanan haiwan ini hendaklah dikekalkan bagi memastikan rutin kehidupan rusa berada dalam keadaan yang sempurna.

Walau bagaimanapun, kawasan ternakan rusa di RPS Runchang telah mengalami masalah mengenai pengambilan makanan kerana berlakunya ketandusan pertumbuhan rumput rampai di dalam padok ternakan rusa sehingga menyebabkan kekurangan bekalan rumput. Keadaan ini berlaku kerana rumput rampai tidak dapat tumbuh dengan sempurna di kawasan ladang kelapa sawit kerana tidak dapat menerima pancaran cahaya matahari yang secukupnya akibat daripada pelepah pokok kelapa sawit yang tumbuh merimbun. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini rumput rampai dari kawasan luar terpaksa dipotong dan dibawa ke padok ternakan rusa tersebut.

Kerja-kerja pemotongan ini dilakukan oleh AJK ternakan rusa secara bergotong-royong dan membuat giliran bertugas mengikut keperluan semasa. Walau bagaimanapun, langkah yang diambil ini masih lagi gagal untuk memecahkan kemelut yang dihadapi kerana usaha ini memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi. Hal ini kerana AJK Ternakan Rusa terpaksa berulang-alik dengan motosikal dari kawasan hutan berhampiran ke padok ternakan. Keadaan ini menyebabkan ternakan rusa ini telah diberi *'deer pellet'* lebih kerap kerana berlakunya kekurangan bekalan rumput rampai. Kesan daripada pemberian *'deer pellet'* dalam kadar yang kerap telah menyebabkan berlakunya pemendapan tembaga di dalam perut rusa tersebut.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pemendapan ini mendatangkan bahaya kepada rusa kerana rusa menjadi kurus, kurang cergas dan kurang membiak[370].

Situasi ini telah mengundang masalah kepada JHEOA kerana pengambilan *'deer pellet'* untuk ternakan rusa secara berlebihan telah menyebabkan kos pembelian makanan ini memerlukan peruntukan yang tinggi. Kekangan yang dihadapi ini menyebabkan kematian ternakan ini semakin meningkat kerana ketiadaan makanan rumput rampai dan bekalan *'deer pellet'* yang tidak dapat menampung keperluan ternakan haiwan ini. Hal ini kerana keupayaan untuk membeli *'deer pellet'* adalah terhad. Justeru, keadaan ini menyebabkan haiwan ternakan ini bertambah kurus kerana berlakunya kekurangan zat makanan, kembong, cirit birit dan sentiasa dijangkiti kecacingan.

Kemelut ternakan haiwan yang dihadapi ini telah menyebabkan AJK Ternakan Rusa dan penternak rusa telah hilang minat dan mereka kerap mengabaikan rusa tersebut. Sementelah tiadanya wujud kesepakatan antara ahli penternak dalam membuat keputusan untuk mengatasi masalah yang timbul turut menjadi pemangkin kepada kegagalan ternakan haiwan ini. Sehubungan itu, pihak JHEOA Daerah Pekan telah mengambil tindakan dengan menarik balik projek ternakan rusa di kawasan RPS Runchang dan menyerahkan ternakan rusa ini kepada Long bin Jidin pada 22 Januari 2002. Long bin Jidin seterusnya telah menyerahkan penternakan haiwan ini kepada pemeliharaan masyarakat Orang Asli di daerah Rompin yang bertempat di Kampung Batu 3 Rompin.

Jika dilihat secara perbandingan Encik Derawis bin Junus merupakan seorang pengusaha ternakan rusa yang mengusahakannya secara persendirian. Beliau berjaya mengusahakan ternakan ini sehingga mampu menjana pendapatan akibat

[370] RPS/RD 2-005 (71);JHEOA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ledakan pasaran daging rusa terutama pada musim perayaan. Kejayaan yang dikecapi oleh Encik Derawis adalah kerana beliau berpaut pada tiang keyakinan dalam memacu ke arah kecemerlangan. Menurutnya:

> "Ramai memandang sinis kepada saya kerana mahu memelihara rusa dan bukannya lembu kerana selain ia sesuatu yang baru, kos diperlukan pula tinggi. Tetapi saya nekad dengan membeli 12 ekor rusa, termasuk 10 rusa betina untuk dijadikan induk dan hasilnya, selepas dua tahun, saya sudah mendapat untung berganda"[371].

Walau bagaimanapun, kejayaan Encik Derawis bin Junus ini adalah kerana beliau mengusahakan ternakan ini secara tunggal tanpa berkongsi kawasan dengan projek lain. Oleh itu, beliau tidak menghadapi masalah sepertimana yang dihadapi oleh penternak rusa di RPS Runchang yang berkongsi kawasan dengan tanaman kelapa sawit. Perkongsian kawasan ini menyebabkan ternakan rusa mereka menghadapi masalah akibat keracunan makanan. Racun ini berpunca daripada penggunaan racun tikus yang digunakan untuk menggelakkan serangan tikus terhadap pokok kelapa sawit.

Sungguhpun perancangan dan pelaksanaan ternakan ini dibuat secara rapi dan mendapat kerjasama padu daripada jabatan yang terlibat tetapi mereka tidak menyatakan sebarang kemungkinan masalah yang bakal dihadapi dan cara mengatasi masalah tersebut. Kertas kerja yang dibentangkan hanya memberi fokus kepada cara melaksanakan ternakan dan keuntungan yang boleh diperolehi daripada ternakan ini. Oleh itu, apabila masalah keracunan timbul tidak ada jalan penyelesaian untuk membantu penternak ini mengatasi masalah yang dialami.

[371] Lihat dalam *Berita Harian*. (2007, Julai 13).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Racun tikus digunakan secara berterusan oleh pihak FELCRA dan pengusaha ternakan rusa ini terus berhadapan dengan masalah tersebut.

Akhirnya, penternak rusa ini tidak mampu untuk mengusahakan ternakan haiwan ini walaupun mereka diberi bantuan, sokongan moral, kepakaran dan teknikal. Jumlah kematian rusa sepanjang bulan Januari 1999 adalah sebanyak 11 ekor daripada 55 ekor. Kematian ini adalah akibat keracunan makanan dan situasi ini menyebabkan mereka telah hilang semangat untuk mengusahakan ternakan ini.

Namun begitu, kegagalan ternakan rusa ini mungkin dapat diatasi sekiranya pada peringkat awal perancangan menyenaraikan masalah yang bakal dihadapi dan cara mengatasi masalah yang timbul. Oleh itu, penternak rusa ini mendapat bimbingan dan tunjuk ajar cara untuk mengatasi masalah tersebut. Apa yang didedahkan kepada mereka ialah bagaimana cara menternak, mengendalikan ternakan ini tetapi berkaitan masalah keracunan makanan tidak ada diberi penekanan.

Perikanan

Peserta RPS Runchang juga tidak terkecuali daripada menjalankan projek ternakan ikan. Ikan yang diternak di kawasan ini ialah ikan talapia, ikan puyu dan ikan keli. Ternakan ikan ini diperkenalkan kepada peserta RPS Runchang bertujuan membantu menambahkan bekalan makanan kerana ikan ini mempunyai kandungan sumber protein yang tinggi dan baik untuk kesihatan. Selain itu, ternakan ikan ini juga dapat dijadikan sebagai usaha sampingan untuk memperolehi pendapatan tambahan kerana kadar pengeluaran ikan ini adalah tinggi iaitu dua hingga tiga tan per hektar yang bersamaan dengan dua kali ganda ternakan lembu. Seterusnya, ternakan ikan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ini juga dapat membantu penggunaan tanah terbiar dan boleh mendatangkan hasil kepada masyarakat Orang Asli.

Ternakan ikan talapia yang telah dilaksanakan di kawasan RPS Runchang adalah cetusan idea daripada Encik Mohammad Dani bin Hj. Mohd. Amin yang berkhidmat sebagai Pengurus RPS Runchang dari tahun 1989 sehingga tahun 1992[372]. Beliau mendapati ternakan ikan talapia mampu menembusi pasaran kerana permintaan yang tinggi terhadap ikan ini. Oleh itu, ternakan ikan talapia telah dilaksanakan di dua kawasan iaitu di bahagian blok C dan di perkarangan pejabat RPS Runchang. Dua buah kolam telah diletakkan di kawasan blok C dan sebuah kolam di perkarangan pejabat RPS Runchang. Semua kelengkapan untuk menternak ikan dan benih ikan ditanggung oleh JHEOA. AJK dan peserta yang terlibat cuma mengusahakan ternakan ini dan hasil jualan yang diperolehi adalah sebagai pendapatan sampingan mereka.

Ternakan ikan di kawasan blok C adalah kepunyaan bersama oleh 10 orang peserta dan bukannya milik individu, manakala ternakan ikan di kawasan pejabat adalah milik kakitangan RPS Runchang. AJK blok ternakan ikan yang dilantik bertanggungawab menentukan pengawasan dan penjagaan kolam tersebut. Kolam ini perlu dibersihkan dan ikan-ikan yang ada perlu dikeluarkan untuk digantikan dengan benih-benih ikan yang baru[373]. Walau bagaimanapun, AJK dan peserta yang terlibat dengan ternakan ikan ini sukar untuk memberi kerjasama. Hal ini kerana tugasan yang disusun mengikut jadual tidak dapat dipatuhi menyebabkan ternakan ikan ini tidak dapat berjalan dengan lancar. Sikap AJK dan peserta ternakan ikan

[372] Maklumat ini diperolehi daripada Encik Mohammad Dani bin Haji Mohd. Amin pada 1 September 2009.
[373] RPS/R.005;JHEOA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang tidak mempunyai kerjasama yang padu serta bertolak ansur antara satu sama lain menyebabkan ternakan ikan ini akhirnya terpaksa diberhentikan.

Jika dilihat pemeliharaan ternakan ikan ini sememangnya tidak sukar kerana ikan ini perlu diberi makan hanya dua kali sehari iaitu pada waktu pagi dan petang. Mereka hanya perlu menepati waktu dan makanan harus diberi di tempat yang sama pada setiap masa. Terdapat dua cara untuk memberi ikan talapia ini makan dan cara tersebut ialah 'cara tabur' dan 'cara cuba-cuba'. 'Cara tabur' bermaksud makanan ikan hendaklah ditabur ke dalam atau di tepi kolam. 'Cara cuba-cuba' pula ialah makanan diberi secara perlahan-lahan sehingga ikan tersebut berhenti makan. Walau bagaimanapun, cara ini agak lambat tetapi pemberian makanan cara ini boleh dikawal dengan senang.

Ikan Talapia adalah daripada jenis *'Omnivorous'* ataupun *'Maserba'* iaitu boleh memakan makanan yang berasaskan haiwan dan juga tumbuhan. Terdapat tiga punca utama makanan ikan ini iaitu makanan semula jadi, makanan tambahan dan makanan berfomulasi. Makanan semula jadi antaranya adalah seperti *bentos, nekton, plankton*, lumut dan tumbuhan air. Makanan tambahan pula adalah seperti dedak, hampas kacang tanah, kelapa, soya dan makanan berfomulasi atau *'pellet'* pula ialah bahan-bahan buangan sayuran. Kadar peratusan pemberian makanan bergantung kepada saiz ikan tersebut. Anak ikan yang mempunyai saiz kurang daripada dua inci, peratusan makanan yang sepatutnya diberi ialah 6 - 10% sahaja. Saiz anak ikan antara dua hingga enam inci pula makanan yang patut diberi ialah 3 hingga 6% sahaja dan bagi saiz ikan yang lebih daripada enam inci, kadar peratusan makanan yang harus diberi ialah 2% sahaja.

Walau bagaimanapun, ternakan ikan talapia di kawasan blok C tidak diusahakan mengikut jadual yang ditetapkan. Kebanyakan peserta yang terlibat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tidak mahu memberi makanan ikan mengikut sukatan dan cara memberi makanan yang betul. Justeru, hal ini menyebabkan ikan ini tidak dapat membiak dan mati. Ikan talapia merupakan sejenis ternakan ikan yang mempunyai tumbesaran yang cepat, tahan kepada perubahan persekitaran dan tempoh ternakan yang singkat. Walau bagaimanpun, sikap peserta yang malas untuk memberi makanan kepada ikan ini dan menabur baja ikan menyebabkan ternakan ikan di kawasan blok C tidak dapat berkembang maju[374].

Berbeza pula dengan ternakan ikan talapia di kawasan pejabat, ternakan ikan di kawasan ini mampu membiak dengan baik dan kakitangan RPS dapat menjamu selera serta dapat memasarkannya kepada pengguna. Hal ini kerana kakitangan pejabat RPS ini mampu menternak ikan ini mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Oleh itu, kakitangan RPS Runchang dapat menjadikan ternakan ikan talapia ini sebagai sumber pendapatan tambahan, manakala peserta ternakan ikan yang terlibat daripada blok C tidak dapat mengaut keuntungan hasil ternakan ikan ini kerana sikap mereka yang tidak mahu berusaha dengan gigih.

Begitu juga dengan ternakan ikan puyu dan ikan keli yang dilaksanakan di kawasan RPS Runchang ini. Ternakan ikan puyu dan ikan keli telah dijadikan sebagai ternakan ikan air tawar kepada enam orang peserta daripada setiap blok. Ternakan ini menggantikan ternakan ikan talapia yang gagal diusahakan. Ternakan ikan puyu dan ikan keli ini telah diusahakan secara bersama dalam kalangan AJK ternakan yang telah dilantik. Namun begitu, bagi batin pula ternakan ikan ini tidak berkongsi dengan mana-mana peserta kerana ternakan ini diusahakannya secara individu. Ternakan ikan puyu dan ikan keli telah berjaya diternak oleh peserta yang terlibat dan kejayaan ini dikecapi kerana ternakan ini adalah lebih mudah jika

[374] Maklumat ini diperolehi oleh penyelidik daripada Encik Mohammad Dani bin Haji Mohd. Amin pada 1 September 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dibandingkan dengan ternakan ikan talapia. Walau bagaimanapun, menurut Batin Rahmat bin Mansor secara dasarnya ternakan ikan puyu dan ikan keli adalah hendak dikomersialkan tetapi hasrat ini tidak tercapai kerana wujudnya masalah dalam aspek pemasaran.

Fenomena ini berlaku disebabkan oleh pasaran ikan keli dan ikan puyu tidak dapat dipasarkan di luar kawasan RPS Runchang kerana tidak ada pihak yang hendak memasarkan ternakan ikan ini. Walaupun ternakan ikan ini mempunyai pasaran yang tinggi tetapi peranan orang tengah yang tidak berminat untuk memasarkan ikan dari kawasan RPS Runchang turut menjadi faktor penyumbang kepada kegagalan ternakan ini. Orang tengah tidak berminat kerana masalah jarak RPS Runchang yang jauh ke dalam sebanyak 12 km dari lebuh raya Tun Razak. Hal ini menyebabkan mereka tidak sanggup datang untuk mendapatkan bekalan ikan tersebut. Oleh itu, peserta RPS Runchang hanya memasarkan di tepi lebuhraya tersebut dan pasaran di tepi lebuhraya ini adalah lembab kerana penggunaan lebuhraya di kawasan ini tidak begitu menggalakkan. Justeru, ternakan ikan ini terpaksa diberhentikan. Akhirnya pihak JHEOA telah menarik balik peruntukan ikan sebanyak RM6,400 dan menyalurkan pula peruntukan ini kepada bahagian pentadbiran[375].

Perusahaan Industri Kecil

Projek kraf tangan telah diusahakan secara kecil-kecilan oleh Encik Awang bin Mansor pada awal tahun 1994. Projek ini diusahakan secara kecil-kecilan kerana

[375] Lihat dalam Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1995). Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri Pahang yang telah diadakan pada 9 September 1995 pada jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat JHEOA Negeri Pahang. Kuantan : Bahagian Pembangunan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm. 20.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

beliau tidak mampu membeli peralatan jentera yang diperlukan seperti mesin untuk melicinkan permukaan (*'polishing machine'*), mesin mengetam (*'planning machine'*), mesin pemotong (*'jig saw machine'*) dan mesin pemampat udara (*'air compressor'*)[376]. Projek ini dijalankan di sebuah bangunan yang telah dibina pada tahun 1978. Bangunan tersebut dibina oleh Koperasi Kijang Mas dengan keluasan seluas 30 kaki x 26 kaki.

Bangunan ini yang berusia lebih kurang 17 tahun kemudian telah mengalami susut nilai dan semakin usang sehingga menyebabkan bangunan ini terpaksa diperbaiki semula . Oleh itu, satu permohonan telah dikemukakan kepada JHEOA untuk membina bangunan kraf tangan yang baru dengan keluasan 30 kaki x 20 kaki yang memerlukan peruntukan sebanyak RM5,000[377]. JHEOA telah meluluskan peruntukan ini pada tahun 1996 dan bangunan ini dibina sendiri oleh keluarga pengusaha bengkel kraf tangan iaitu Encik Ishak bin Mansor sebagai satu langkah untuk menjimatkan kos pembinaan bangunan tersebut[378].

Matlamat asas projek ini adalah lebih bercorak kepada orientasi perniagaan dan pengeluaran terhadap hasil kraf tangan terutama dalam kalangan pengusaha dan masyarakat Orang Asli RPS Runchang. Oleh itu, bagi peserta RPS Runchang yang berminat untuk menyertai projek kraf tangan ini, latihan dan bimbingan telah diberikan kepada mereka supaya lebih terarah kepada penghasilan dan pembuatan barangan yang lebih kreatif dan produktif. JHEOA juga turut menyumbang usaha

[376] LKPT 4042/PST/2 Jld. 4;RPS Runchang.
[377] RPS/RD1.001(12);JHEOA.
[378] Lihat dalam Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (1996). Laporan Prestasi Kewangan (Setia) dan Kemajuan Pelaksanaan Program / Projek (Siap) Pembangunan JHEOA Pahang Darul makmur. [tiada data penerbitan], hlm. 8.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

untuk memajukan projek kraf tangan ini dengan menghantar tiga orang peserta menghadiri kursus anyaman di pusat latihan JHEOA Paya Bongor Kuantan[379] .

Memandangkan perusahaan kraf tangan ini mempunyai pasaran yang baik, sebuah syarikat kraf tangan telah ditubuhkan yang diberi nama Banirkraf Enterprise. Syarikat yang ditubuhkan ini berbentuk Sendirian Berhad yang menjalankan kegiatan utamanya dengan menghasilkan kayu kraf dan anyaman. Banirkraf Enterprise ini dikendalikan oleh sebuah keluarga yang juga merupakan rakan kongsi iaitu Awang bin Mansor, Rahmat bin Mansor dan Mansor bin Mamat. Seorang daripada mereka dilantik sebagai pengurus dan dua orang sebagai penolong pengurus yang berfungsi sebagai Pegawai Pemasaran dan Pegawai Pembuatan. Belia dan beliawanis Orang Asli yang berminat untuk menyertai dalam projek kraftangan ini diambil bekerja sebagai tenaga kerja dalam syarikat Banirkraf Enterprise[380].

Bengkel Banirkraft Enterprise ini telah mengusahakan barangan siap kraf tangan berbentuk kayu kraf hasil cantuman daripada banir jenis “basung” atau tunjang-tunjang pokok kayu yang boleh diperolehi dari sungai Bebar dan kawasan berpaya di sekitar RPS Runchang. Banir basung banyak terdapat di RPS Runchang kerana bentuk muka bumi di kawasan ini merupakan sebuah kawasan yang landai dan berpaya selepas kawasan berbukit di sekitar pejabat dan perumahan peserta RPS Runchang. Bekalan kayu yang mudah diperolehi ini menyebabkan belia dan beliawanis dapat menghasilkan ukiran yang cantik antaranya adalah seperti meja bulat, meja serbaguna, kerusi set, rak televisyen dan hiasan. Selain itu, bengkel ini juga turut menghasilkan kraf tangan daripada anyaman antaranya adalah seperti tudung saji, tikar, nyiru kecil, nyiru besar, nyiru bulat gadang dan bakul rotan.

---

[379] Mereka yang terlibat ialah Yang bte Ahe, Nong bt Jaya dan Pelandok bt Ikan. Lihat dalam RPS/R 001 Jld. 3 (7);Pentadbiran Am.
[380] LKPT 4042/PST/2 Jld. 4;RPS Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kepakaran dan kemahiran yang tinggi dalam penghasilan karya menggunakan kayu banir basong ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli sememangnya mampu untuk berusaha dalam mengubah nasib hidup mereka. Semua hasil kraf tangan yang diusahakan ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari masyarakat luar terutama hasil karya Awang bin Mansor yang mempunyai kemahiran semulajadi dalam bidang seni. Di samping itu, beliau turut menghadiri kursus berkaitan anyaman dan kraf tangan sehingga menjadikan beliau seorang yang mahir dan mampu menghasilkan sebuah lukisan di atas kayu banir dan hasilnya memang berkualiti[381].

Walau bagaimanapun, masyarakat Orang Asli RPS Runchang yang mengusahakan kraf tangan ini terpaksa berdepan dengan masalah pemasaran yang lembab dan tidak berkembang. Hal ini kerana kurangnya promosi terhadap hasil kraf tersebut dan mereka hanya memasarkan hasil kraf ini di kawasan sekitar yang berhampiran sahaja seperti di FELDA Chini. Namun begitu, pihak JHEOA telah berusaha untuk memasarkan hasil kraf tangan ini melalui ekspo yang diadakan oleh Kelab Sukan dan JHEOA pada tahun 1996. Kelab Sukan dan JHEOA telah membuat pesanan terhadap tikar dan tudung saji dalam kuantiti yang banyak dan kesemua barangan kraf ini telah habis dijual dalam ekspo tersebut[382].

Namun begitu, Kelab Sukan dan JHEOA jarang mengadakan ekspo dan keadaan ini tidak dapat membantu memasarkan hasil barangan kraf tangan ini kepada pengguna di kawasan luar. Walaupun barangan kraf tangan ini mendapat sambutan daripada pengguna di kawasan luar tetapi barangannya tidak selalu terdapat di pasaran. Selain itu, sikap masyarakat Orang Asli yang mahukan setiap jualan

[381] JHEOA.RPS./R-013(12);RPS Runchang.
[382] Encik Mohammad Dani bin Haji Mohd. Amin tidak dapat menyatakan jumlah pesanan yang telah dibuat kerana tidak ada catatan mengenainya. Maklumat ini diperolehi pada 1 September 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dibayar dalam bentuk wang tunai turut menyumbang kepada kegagalan barangan ini berada di pasaran. Hal ini kerana ada beberapa agensi di negeri Pahang yang mahu membantu memasarkan barangan kraf tangan ini tetapi bayarannya dibuat dalam bentuk kredit. Cara pembayaran dalam bentuk kredit ini tidak dipersetujui oleh Syarikat Banirkraf Enterprise[383]. Hal ini menyebabkan kraf tangan yang dihasilkan tidak dapat dipasarkan. Keadaan ini menyebabkan bengkel tidak dapat menampung kos penyelengaraan dan gaji pekerja bengkel tidak dapat dibayar. Oleh itu, Syarikat Banirkraf Enterprise tidak dapat meneruskan perusahaan kraf tangan dan syarikat ini akhirnya tidak dapat meneruskan operasi perniagaannya.

Kegagalan demi kegagalan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli RPS Runchang dalam projek pembangunan ekonomi menyebabkan usaha JHEOA untuk membebaskan mereka daripada kemelut kemiskinan tidak dapat dicapai sepenuhnya, kerana tahap pengetahuan masyarakat Orang Asli dalam program pembangunan ekonomi masih berada pada tahap yang rendah. Pihak JHEOA sememangnya telah berusaha untuk memajukan masyarakat Orang Asli ini. Namun begitu, pihak JHEOA terlepas pandang dalam aspek bimbingan dan pendedahan yang mendalam mengenai sesuatu projek yang diperkenalkan. Keadaan ini berlaku kerana JHEOA tidak mempunyai bilangan kakitangan yang mencukupi. Kekangan ini menyebabkan pemantauan yang berkesan tidak dapat dilakukan bagi setiap projek yang dijalankan.

Seterusnya, tidak ada catatan yang menunjukkan pihak JHEOA mendedahkan kepada masyarakat Orang Asli mengenai dunia pemasaran. Hal ini menyebabkan setiap usaha rancangan ekonomi menemui jalan buntu kerana barangan yang dihasilkan tidak dapat dipasarkan kepada pengguna. Fenomena ini melemahkan

[383] Maklumat ini diperolehi daripada Encik Mohammad Dani bin Mohd. Amin pada 10 September 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

semangat masyarakat Orang Asli untuk meneruskan projek kerana mereka tidak mendapat pulangan hasil seperti mana yang diharapkan. Sesungguhnya, tidak dapat dinafikan bahawa pemasaran yang meluas mampu mempengaruhi kejayaan sesebuah pembangunan ekonomi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

KESIMPULAN

Rancangan pembangunan kesihatan, pendidikan dan ekonomi merupakan kombinasi projek pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan melalui JHEOA untuk meningkatkan taraf sosial masyarakat Orang Asli di RPS Runchang. Walaupun JHEOA sering berada di bawah pentadbiran kementerian yang berbeza, namun pihak JHEOA tetap berusaha untuk memajukan kehidupan komuniti ini. Secara keseluruhan dapat dilihat bahawa pembangunan kesihatan lebih mendapat sambutan berbanding pembangunan pendidikan dan ekonomi dalam tempoh masa antara tahun 1970-an sehingga tahun 1990-an. Keadaan ini berlaku kerana mereka dapat melihat hasil pembangunan rancangan kesihatan dalam jangka masa yang singkat berbanding rancangan pendidikan dan ekonomi.

Walau bagaimanapun, rancangan kesihatan ini juga menghadapi masalah. Hal ini kerana pada peringkat awal rancangan tersebut, masyarakat Orang Asli menyambut dingin rancangan yang dijalankan. Namun begitu, sikap dingin tersebut dapat diatasi oleh JHEOA melalui kaedah diplomasi. Kaedah diplomasi diaplikasikan agar masyarakat Orang Asli tidak terlalu bergantung kepada cara rawatan konvensional untuk menyembuhkan sesuatu penyakit.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Akhirnya masyarakat Orang Asli dapat menerima rancangan ini kerana mereka dapat melihat kejayaan terhadap rancangan tersebut[384]. Kejayaan dalam bidang perubatan ini menyebabkan mereka semakin bertambah yakin kepada hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan taraf hidup mereka. Keyakinan mereka ini menyebabkan taraf kesihatan mereka berada pada tahap yang memberangsangkan. Buktinya, kadar kematian ibu mengandung dan bayi yang dilahirkan semakin berkurangan, penyakit malaria dan filaria berjaya diatasi melalui kaedah rawatan moden. Selain itu, amalan pemakanan semakin bertambah baik berbanding sebelumnya.

Tidak seperti rancangan kesihatan, rancangan pendidikan yang dilakukan pula merupakan rancangan yang kurang mendapat sambutan. Hal ini kerana rancangan pendidikan tidak dapat menunjukkan kejayaan dalam waktu yang singkat. Buktinya, tempoh masa pembelajaran yang lama diambil iaitu selama enam tahun untuk menamatkan sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah. Namun begitu, pendidikan yang mereka perolehi dalam jangka masa yang lama masih tidak mampu untuk memperoleh sebarang pekerjaan. Akibatnya mereka merasakan pembangunan pendidikan yang diberikan kepada mereka adalah sia-sia. Situasi ini dapat dibuktikan kerana tidak ada catatan yang menunjukkan anak Orang Asli dari RPS Runchang yang berjaya di peringkat tinggi dalam tempoh kajian.

Selain itu, mereka juga beranggapan bahawa sistem persekolahan menyekat kebebasan anak-anak mereka yang sebelum ini bebas melakukan aktiviti lazim seperti memburu binatang, menangkap ikan dan mengutip hasil hutan. Justeru, mereka mengambil sikap acuh tidak acuh dan menyambut dingin program ini. Hal ini kerana

[384] Encik Zahari bin Ab. Razak mengatakan pernah semasa beliau bertugas, pada tahun 1989 terdapat seorang daripada kalangan Orang Asli mengalami luka yang parah di bahagian kepala. Luka tersebut panjangnya lebih kurang lima inci. Beliau telah membawa Orang Asli yang terlibat ke hospital Muadzam dan bahagian luka itu telah dijahit. Selepas menerima jahitan ini, luka tersebut telah sembuh. Masa yang diambil untuk sembuh adalah lebih kurang seminggu. Keterangan pada 24 November 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

di alam persekolahan memerlukan komitmen untuk mendekati dan mendalami ilmu pendidikan yang dijalankan secara formal.

Seterusnya, tenaga pengajar yang tidak terlatih juga menjadi pemangkin kepada kelembapan pembangunan pendidikan. Hal ini jelas dibuktikan melalui tenaga pengajar yang mengajar hanya berdasarkan pengalaman yang tidak melibatkan bidang pendidikan. Kekurangan pengetahuan dalam bidang pendidikan menyebabkan tenaga pengajar tidak dapat menarik minat anak-anak Orang Asli supaya hadir ke sekolah. Tambahan pula, peralatan mengajar seperi buku dan BBM tidak dibekalkan kepada sekolah. Keadaan ini turut menyebabkan pendidikan yang disediakan di sekolah sukar diterima oleh masyarakat Orang Asli.

Walau bagaimanapun, pada akhir tempoh kajian, kejayaan dalam bidang pendidikan dapat dilihat menerusi pencapaian UPSR anak-anak Orang Asli ini. Kejayaan ini menjelaskan bahawa masyarakat Orang Asli sebenarnya mampu mengubah corak kehidupan mereka tetapi mengambil tempoh masa yang lama. Selain itu, pihak yang berwajib harus memainkan peranan dengan bersungguh-sungguh dalam usaha untuk membuka minda dan mempertingkatkan tahap pemikiran masyarakat Orang Asli terhadap program pembangunan negara. Antara usaha yang perlu dilaksanakan ialah dengan memberi motivasi kepada ibu bapa dan anak-anak Orang Asli bagi menyedarkan mereka tentang kepentingan pendidikan dan dapat bergerak seiring dengan segala kemudahan yang disediakan oleh JHEOA kepada mereka.

Sementara itu, dalam rancangan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan oleh JHEOA pula turut memberi implikasi yang tidak memberangsangkan. Hal ini kerana setiap projek yang dilaksanakan menemui kegagalan. Pemangkin kepada kegagalan ini adalah kerana pihak JHEOA tidak mendedahkan kepada masyarakat Orang Asli dengan lebih terperinci mengenai setiap projek yang diusahakan. Tambahan pula, masyarakat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Orang Asli ini terpengaruh dengan kehidupan asal mereka yang hanya inginkan pulangan hasil dalam jangka pendek. Keadaan ini membuatkan mereka tidak memahami erti sebenar projek pembangunan yang dijalankan.

Selain itu, pihak JHEOA tidak membuat perancangan rapi mengenai setiap projek yang dijalankan. Perkara ini dapat dilihat terhadap projek ternakan rusa yang merupakan projek yang paling diberi penekanan khusus namun pihak JHEOA tidak membuat satu perangkaan khusus mengenai kemungkinan masalah yang akan berlaku. Oleh itu, projek yang dilaksanakan ini telah menemui kegagalan kerana apabila timbul masalah seperti kematian rusa yang serius, mereka tidak mempunyai alternatif yang baik untuk menyelamatkan rusa tersebut.

Seterusnya, kekurangan pemantauan daripada pihak JHEOA juga turut menyumbang kepada kegagalan projek ekonomi yang dijalankan. Keadaan ini jelas digambarkan melalui projek ternakan ikan. Pihak JHEOA hanya menyerahkan projek tersebut kepada peserta RPS Runchang tanpa sebarang tinjauan dan sokongan. Walaupun mereka membekalkan modal dan peralatan yang mencukupi, namun perkara tersebut tidak dapat membantu perkembangan projek tersebut. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli tidak mempunyai pengetahuan yang khusus dalam penternakan ikan.

Seterusnya, kesilapan pihak JHEOA yang hanya memberikan kaedah praktikal tanpa memberi pendedahan awal mengenai teori setiap projek yang dijalankan juga menyebabkan projek tersebut menemui kegagalan. Keadaan ini berlaku kerana pihak JHEOA sendiri tidak mengetahui secara terperinci teori projek yang dijalankan. Hal ini dapat dilihat menerusi projek tanaman kelapa sawit, JHEOA telah mengambil inisiatif menyerahkan projek tanaman kelapa sawit tersebut kepada pihak FELCRA. FELCRA yang merupakan sebuah badan yang menjurus kepada kepentingan ekonomi komersial

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pula hanya menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dan tidak berusaha mendekati masyarakat Orang Asli dengan lebih dekat. Hal ini kerana bukan menjadi tanggungjawab pihak FELCRA untuk memujuk Orang Asli supaya membangunkan sosioekonomi mereka menerusi projek tersebut. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk menampung keperluan tenaga kerja dalam projek tanaman kelapa sawit, FELCRA telah mengambil tenaga kerja dari Indonesia tanpa mengambil kira soal masyarakat Orang Asli kerana FELCRA tidak mendekati mereka secara lebih mendalam.

Selain itu, kekurangan kepakaran dalam pengendalian menternak secara kormersil juga merupakan faktor kepada kegagalan pembangunan ekonomi yang dijalankan. Hal ini berlaku kerana masyarakat Orang Asli ini tidak didedahkan mengenai corak pengendalian menternak yang berkesan. Kesungguhan para penternak dalam penyelenggaraan ternakan ini yang masih belum memuaskan juga turut menyumbang kepada kegagalan projek yang dijalankan.

Sesungguhnya, walaupun terdapat pelbagai rintangan, masalah dan kekangan namun, menerusi projek pembangunan yang dirangka dan telah dijalankan ini sedikit sebanyak telah membuka mata masyarakat Orang Asli bahawa kerajaan tidak meminggirkan mereka dalam aspek pembangunan. Pembangunan yang dilakukan berteraskan kepada lima perkara iaitu meningkatkan tahap kesihatan, pembasmian kemiskinan tegar, meningkatkan kualiti kehidupan, meningkatkan tahap kesedaran minda dan pendidikan. Matlamat dan hasrat ini mampu menjadi kenyataan sekiranya mereka mempunyai azam untuk memajukan diri dan memberi kerjasama terhadap setiap rancangan pembangunan yang dilaksanakan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

RUJUKAN

SUMBER ASLI

A. Rekod Rasmi dan Fail Kerajaan

Bentong, Jabatan Kesihatan Daerah. (1992). Laporan Ringkas Kelambu Berubat di Lokaliti Sungai Dua (OA) dan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Kelambu Berubat Dalam Kawalan Malaria. Bentong : Unit Kawalan Vektor.

Federation of Malaya : State of Pahang. (1949). *Annual Report For The Year 1948.* Kuala Lumpur : Government Press.

Federation of Malaya : State of Pahang. (1951). *Annual Report For The Year 1949.* Kuala Lumpur : Government Press.

Federation of Malaya : State of Pahang. (1955).*Annual Report For The Year 1954.* Kuala Lumpur : Government Press.

Federation of Malaya. (1958). *Annual Report 1957*. Kuala Lumpur : Government Press.

Laporan Bertulis dalam fail Kelompok Pisang (Pelbagai) RPS Runchang Mukim Bebar Pekan. [tiada tarikh dan tiada data penerbitan].

Laporan Bertulis yang diperolehi oleh penyelidik di Pejabat RPS Runchang yang diletakkan di dalam fail. [Laporan yang tidak lengkap, tiada orang yang bertanggungjawab, tiada no fail].

Laporan Tahunan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara. (1995). [tiada data penerbitan].

Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara. (1995). Laporan Tahunan. [tiada data penerbitan].

Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara. (t.t). Kemajuan Sosial Orang Asli Dalam Wilayah Pahang Tenggara. [tiada data penerbitan].

Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. (1974, Oktober 2). Panggilan Terhadap Orang-Orang Asli dan Rundingan Mengenai Hal-Hal Orang Asli, 11101/1 – 1992/0003180 PM 11101 – Orang-Orang Asli Polisi. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1969). Banci Orang Asli Malaysia. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan/Perancang.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1991). Banci Orang Asli Malaysia. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan/Perancang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1972). Laporan Tahunan 1971-1972. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1972, Mac). A Brief Note on the Orang Asli of Peninsular Malaysia and Their Administration. Kuala Lumpur : [tiada data penerbitan].

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1972, Mac). Some Aspects of The Relationship of The Orang Asli and Other Malaysians. Kuala Lumpur : [tiada data penerbitan].

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1974). Anggaran Belanjawan Mengurus (10.01-202 – 13 - Jd.1). Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1974). Banci Penduduk Orang Asli Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan/Perancang.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1976). Intisari Rancangan Malaysia Ketiga. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1978). Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 1978. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1978, Mei 25). Laporan Suku Tahun Pertama 1978. Gombak : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1980, Mei). *Orang Asli : Satu Tinjauan Ringkas*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1981). Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 1981. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.(1982, Januari 1). Laporan Akhir Jilid 2 Rancangan Pengumpulan Semua Orang Asli. Kuala Lumpur : Bahagian Luar Bandar, Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1983, Februari). Laporan Kajian Awal Kedaik Jilid 1 Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli. Kuala Lumpur : Bahagian Luar Bandar, Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1984, April). Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Legap Perak 4260 : 1992 Laporan Akhir. Kuala Lumpur : Bahagian Luar Bandar, Perancang Luar Bandar & Desa.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (1991, November 17). Proses Penyerapan / Pengkaderan Pegawai JHEOA Yang Mengikuti Kursus Dalam Cuti KDC ke Perkhidmatan Pendidikan dan Cadangan Penempatan ke Sekolah-Sekolah JHEOA. Kuala Lumpur : Bahagian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1992). Laporan Tahunan 1992. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Data Maklumat Asas Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia Sehingga 31 Disember 2004. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan dan Perancangan.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Kesihatan Malaysia dan UNICEF. (t.t). Laporan Bengkel Imunisasi Kanak-Kanak Universal Strategi Untuk Orang Asli. [tiada data penerbitan].

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Kertas Kerja Berkenaan Pendidikan Untuk Orang Asli. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Peruntukan Tahunan. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Jabatan Percetakan. (1977, Mac 24). *Undang-Undang Malaysia Akta 134, Akta Orang Asli 1954 disemak pada 1974.* Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan.

Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. (1999). Panduan Tugas Pembangunan Orang Asli di dalam Masyarakat Malaysia Moden. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. (1999). Taklimat Biodata Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Rancangan Pengumpulan Semula Runchang. Pekan : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. (2004). Taklimat Biodata Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Rancangan Pengumpulan Semula Runchang. Pekan: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1961). Dasar Kerajaan Berkenaan Dengan Pentadbiran Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1961, November 20). Penyata Berkenaan Dasar dan Tujuan Pentadbiran Orang Asli Persekutuan Menurut Jangka Panjang. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1970). Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli di Kawasan Titiwangsa. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1978). Panduan Tugas Pembangunan Orang Asli di Dalam Masyarakat Malaysia Moden. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1979, April 20). Keperluan Tanah untuk Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Kawasan Titiwangsa. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (t.t). Dasar Pelajaran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (1989, Ogos 9). Pembangunan Orang Asli: Integrasi Dalam Pembangunan Pahang Tenggara Melalui Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dalam Nota Taklimat Sempena Lawatan Y.B Speaker-Speaker SeMalaysia ke Wilayah Tenggara. Pahang : Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA).

Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (2007). Sejarah Pentadbiran Orang Asli. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah. (1985, November). Masalah Pembangunan Orang Asli dan Cadangan-Cadangan Untuk Mengatasinya. [tiada data penerbitan].

Malaysia, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. (1973). Rang Anggaran Perbelanjaan. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (t.t). Statement of Policy Regarding The Administration of The Orang Asli of Peninsular Malaysia. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (t.t). Sejarah Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar.. (t.t). Kertas Makluman Mengenai Penglibatan Orang Asli dalam Aktiviti Ekonomi. Kuala Lumpur : Bahagian Pembangunan Sosioekonomi, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Penerangan. (1978). *Buku Rasmi Tahunan Jilid ke 2.* Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan.

Malaysia, Kementerian Pertanian dan Tanah. (t.t). Laporan Tahunan 1971 – 1972. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Kementerian Pertanian dan Tanah. (t.t.). Laporan Tahunan 1991. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. (1998). Banci Penduduk Blok A, B,& C RPS Runchang. Pekan : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Malaysia Official Year Book 1974. (1975). Volume 14 . Kuala Lumpur : Percetakan Semenanjung Malaysia.

Malaysia Official Year Book 1978. (1981). Volume 18. Kuala Lumpur : Percetakan Semenanjung Malaysia.

Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1985, September 24). Persembahan Taklimat Pembangunan Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Pos Betau, Pahang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Kuala Lipis : [tiada data penerbitan].

Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1995). Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri Pahang yang telah diadakan pada 9 September 1995 pada Jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat JHEOA Negeri Pahang. Kuantan : Bahagian Pembangunan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (1996). Laporan Prestasi Kewangan (Setia) dan Kemajuan Pelaksanaan Program / Projek (Siap) Pembangunan JHEOA Pahang Darul makmur. [tiada data penerbitan].

Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2005). Sejarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Unit Penyelidikan dan Penerangan.

Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Kertas Cadangan Sistem Agihan Pawah Ternakan Rusa. [tiada data penerbitan].

Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Projek Integrasi Rusa di Ladang Kelapa Sawit RPS Runchang Mukim Bebar Pekan. [tiada data penerbitan].

Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) 1986 – 1990. [tiada data penerbitan].

Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli RPS Runchang Pekan. (t.t). [tiada data penerbitan].

Pahang, Jabatan Ukur dan Pemetaan. (1993). *Peta Topo Semenanjung Malaysia Lembar 123.* [tiada data penerbitan].

Pekan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1999). Data Penduduk Orang Asli Daerah Pekan Tahun 1998. Pekan : [tiada data penerbitan].

Pekan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Fail Meja Pembantu Pentadbiran dan Personel RPS Runchang. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Pembangunan Masyarakat.

Pekan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Fail Meja Pembantu Pembangunan Masyarakat. RPS Runchang. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Penyelidikan dan Penerangan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Report of The Proceeding of The Legislative Council Kuala Lumpur at 10 a.m. (1953, November, 25th, 26th and 27th). Kuala Lumpur : The Government Press.

Teks ucapan yang dibentangkan oleh Dato' Megat Junid b. Megat Ayob, Timbalan Menteri Dalam Negeri di Upacara Persidangan Pembangunan Orang Asli Semenanjung Malaysia pada 9 November 1989, jam 9.30 pagi di Intan Bukit Kiara Kuala Lumpur.

C1.288 Jld.I(G)- (3);Pelalian.

CA8-009 Jld.1 (60);Rancangan Pembangunan.

CB1-003 (28);Pendidikan.

CB1-003 (91);Pendidikan.

CB1.024 (99);Pendidikan.

CD2-002 (44);Ternakan Rusa.

CD5.010 Jld.4 (26);Ternakan Rusa.

CD5-010 Jld.4 (53);Ternakan Rusa.

CD5.010.Jld.5(1)., Ternakan Rusa.

CG1 – 003 Jld.3 (80);Ternakan Rusa.

CG1 – 003 Jld.3 (92);Ternakan Rusa.

G2.001 - (36);RPS Runchang.

JHEOA .PCD.5.001KLT.8;RPS Runchang.

JHEOA.PCD.5.001/KLT.9;RPS Runchang.

JHEOA.PCD.5.016 KLT.8;RPS Runchang.

JHEOA. RPS/R-013 (12);Pentadbiran Am.

JHEOA.RPS./R-013(12);RPS Runchang.

JHEOA.RPS.R.A1.JLD.01;Pentadbiran Am.

JHEOA.RPS.R.A1.JLD2.001;Pentadbiran Am.

JHEOA.RPS.R.A1.JLD2.001(23);Pentadbiran Am.

JHEOA.RPS/R.C1.001(01);Projek Pembangunan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

JHEOA.RPS.RD.1001(53);Projek Pembangunan.

JHEOA RPS.RD.1001 (56);Projek Pembangunan.

JHEOA.RPS.RD.1001(58);Projek Pembangunan.

JHEOA.RPS.RD1.001(60);Projek Pembangunan.

JHEOA.RPS.RD1.001(63);Projek Pembangunan.

JHEOA.RPS.RD1.001(64);Projek Pembangunan.

JHEOA.RPS/RD.1.005 (2);Peruntukan.

JHEOA.RPS/RD.1.005 (7);Peruntukan.

KC/6458 Bhg.1.(2);Kesihatan.

KPU/Phg.1/84.(90).

LKPT SULIT 4026/PPP/2.JLD.2;JHEOA.

LKPT SULIT 4026/PPP/2.JLD.2;Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5).

LKPT SULIT 6083/PB JHEOA.

LKPT SULIT 6083/PB JLD.2;JHEOA.

LKPT SULIT 6083/PB 12;JHEOA.

LKPT 3626/PT JLD.8;JHEOA.

LKPT 3626 / PT JLD.9;JHEOA.

LKPT 4037/PTL/6;RPS ORANG ASLI.

LKPT 4042/PST/2 JLD.3., (79);RPS Runchang.

LKPT 4042/PST/2.JLD.4;RPS Runchang.

LKPT 4042/PST/2.JLD.4.(18);RPS Runchang.

LKPT 4042/PST/2.JLD.4.,(22);RPS Runchang.

LKPT 4042/PST/2 JLD.2;(27).

LKPT 4042/PST/2.JLD.4.,(33);RPS Runchang.

LKPT 4042/PTL/2 (5);RPS Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

LKPT 4042/PTL/2.1.(5);RPS Runchang.

LKPT 4042/PTL/2.1.(36);RPS Runchang.

LKPT 4042/PTL/2.1.(39);RPS Runchang.

LKPT 4042/PTL/2.1.(43);RPS Runchang.

LKPT 4042/PTL/2.1. (51);RPS Runchang.

LKPT 4041/PTL/2;Kemajuan Sosial Orang Asli dalam Wilayah Pahang Tenggara.

LKPT 8007/PT/2 JLD.2;RPS Orang Asli.

LKPT 3626/PT JLD. 8;JHEOA.

PCD.5.001KLT.9;JHEOA.

PPTA1.015 (11);Kesihatan.

PPTA1.061 JLD.2 (19);Tanaman Kelapa Sawit.

PPTB7.003 JLD.1 (4);RPS Runchang.

PPTDS.016 Jld. 2 (18);RPS Runchang.

PTL.0014.R. (15);Ternakan Rusa.

RPS/RD 2- 005 (37);JHEOA.

RPS/RD 2- 005(49);Ternakan.

RPS/RD 2- 005(57);JHEOA.

RPS/R004.JLD.1 (8);JHEOA.

RPS/R001 Jld. 3 (7); Pentadbiran Am.

RPS/R.003 (2));Pelajaran Am.

RPS/R.005;JHEOA.

RPS/R.005(1);JHEOA.

RPS/R 008 (15)., Pelajaran Am.

RPS/R 008 (16);Pelajaran Am.

RPS/R.024;JHEOA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

RPS/R.024.(21);JHEOA.

RPS/RA 1 - JLD. 2.001(106);JHEOA.

RPS/RA-JLD.2.002(01);Pentadbiran Am.

RPS/RC.1.001;Kesihatan.

RPS/RC.1.001(10);Kesihatan.

RPS/RD 2-005 (14);JHEOA.

RPS/RD 2-005 (37);JHEOA.

RPS/RD 2-005 (39);Ternakan Rusa.

RPS/RD 2-005 (57);Ternakan Rusa.

RPS/RD 2-005 (71);JHEOA.

RPS/RD.2.JLD.005(21);Ternakan Rusa.

RPS/RD1.001(12)., JHEOA.

RPS/RD3.003 (27)., JHEOA.

RPS/RD3.003 (69);JHEOA.

SKR–02(1/87);Laporan Bulanan.

SKR-A 2(5/87);Laporan Bulanan.

SKR-A 2(1/88);Laporan Bulanan.

SKR-A2(6/88);Laporan Bulanan.

V. PKN D/96-16.(5);Ternakan Rusa.

B. Jurnal

Carey, I. (1979). The Resettlement of The Orang Asli From A Historical Perspective. *Federation Museums Journal Vol. 24 (New Series)* Kuala Lumpur : Museums Department, Peninsular Malaysia.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SUMBER SEKUNDER

A. Buku dan Artikel

Abdul Talib bin Bon. (2002). *Kenali Kami : Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Johor : Kolej Tun Hussein Onn.

Almeida Gilbert. (2002). *People of Nature Orang Asli Pahang Darul Makmur.* Koperasi Kijang Mas Negeri Pahang : Budding Circle Sdn. Bhd.

Carey, I. (1976). *Orang Asli : The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia.* Kuala Lumpur : Oxford University Press.

Faaland, J. (2005). *Dasar Ekonomi Baru : Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu.* Kuala Lumpur : Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.

Hari Ini Dalam Sejarah. (1987). *Pelancaran Rancangan Buku Hijau Di Negeri Pahang*. [tiada data penerbitan].

Hasan Mat Nor. (2001). *Salib Dalam Komuniti Pinggiran.*. Sabah: Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah.

Ho Hui Ling. (2004). *Darurat 1948-1960 : Keadaan Sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Holman, D. (1958). *Noone of the Ulu.* London : William Heineman Ltd.

Haviland, W.A. (1974). *Antropology.* United States of America : Rinehart and Winston, INC.

Hunt, W. (1952, April 12 th). *An Introduction to The Malayan Aboriginies with a foreword by General Sir Gerald Templer.* Kuala Lumpur : The Government Press.

Kamus Pelajar. (1995). Kuala Lumpur : Terbitan Khas Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khoo Kay Kim & Adnan Nawang. (1984). *Darurat 1948-1960.* Kuala Lumpur : Muzium Angkatan Tentera.

Leary, J.D. (1995). *Violence And The Dream People : The Orang Asli in The Malayan Emergency 1948-1960.* The United States Of America : A Viacom Company.

Lewis, M.D. (1997). *Malaysia and the Original People : A Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples.* United States of America : Harvard University.

Lim, H. F. (1997). *Orang Asli, Forest And Development.* Kuala Lumpur : Forest Research Institute Malaysia.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Mohd. Reduan Haji Aslie, PPP dan Mohd. Redzuan Ibrahim, Insp. (1984). *Polis Diraja Malaysia, Sejarah, Peranan dan Cabaran.* Kuala Lumpur : Kumpulan Karangkraf.

Mustafa bin Mahmud Mat. (1999). *Tinggal Kenangan Memoir Dato' Sir Mahmud Mat*. (Terj. Amilah Abd. Rahman, Nor Azman Shehidan, Zaleha Ismail). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Piddington, R. (1950). *An Introduction To Social Antropology.* England : Hazell Watson and Viney CID.

Postgate, M. (1999). *Operation Firedog : Air Support in The Malayan Emergency 1948-1960.* London : Ministry of Defence Air Historical Branch RAF.

Roberts, Alan. (2001). *Dictionary of History.* Kuala Lumpur : Percetakan Maziza Sdn. Bhd.

Roseman, M. (1991). *Healing Sounds From The Malaysian Rainforest Temiar Music And Medicine.* The United States Of America : University Of California Press.

Slimming, John. (1958). *Temiar Jungle : A Malayan Journey.* Great Britain : Great Britain Press.

The New American Desk Encyclopedia (3rd Ed.). (1993, April). United States of America : Concord Reference Book Inc.

B. Bahan Yang Tidak Diterbitkan

Abdul Habib bin Mansur. (1992, April 16 – 19). Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur kertas 10 Pahang Tenggara Wilayah Harapan. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA).

Ali bin Bakar. (t.t). Sejarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Unit Penyelidikan dan Penerangan.

Baharom Azhar bin Raffiei. (1966, November 4). Masalah Integrasi di Kalangan Orang Asli. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia.

Baharom Azhar B. Raffie'I. (1967, Ogos). The New World of The Orang Asli. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Biro Rundingan dan Inovasi. (1999, November). *Kajian Orang Asli Berjaya*. Dikemukakan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dahlan Ismail. (t.t). Projek Sosioeko-Tourism di Kawasan Penempatan Orang Asli. Serdang : Jabatan Sains Penternakan Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Penternakan. Serdang Universiti Pertanian Malaysia.

Carey, I. (t.t). Orang Asli Tanah Melayu dan Masa Depannya. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Carey, I. (t.t) The Malayan Orang Asli and Their Future 1960-1969. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Jimin Idris. (1972). Kertas Kerja Untuk Majlis Keselamatan Negara dalam Pergerakan. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.

Jimin bin Idris. (1983). Planning and Administration of Development Programmes For Tribal Peoples Center on Integrated Rural Development For Asia and The Pacific (CIRDAP). Kuala Lumpur : Country Report Malaysia.

Juli Edo. (1984, November 26). *Bentuk Pendidikan dan Masalah Pencapaian Akademik Orang Asli Masa Kini. Pembangunan dan Masa Depan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.* Dibentangkan di dalam Simposium anjuran Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM Bangi bertempat di Bilik Gerakan Hal Ehwal Pelajar Bangunan Pusanika. [tiada data penerbitan].

Juli Edo. (1986, September 22-23). *Kepimpinan dan beberapa Masalah Sosial di Kalangan Belia Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Kertas Kerja Untuk Simposium ke 2 Kehidupan dan Pembangunan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Bangi : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dan Fakulti Sains Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamami Bahrin Arshad. (t.t). *Sudut Orang Asli di Muzium Negara dan di Semenanjung Malaysia.* Kertas Kerja Mengenai Orang Asli di Semenanjung Malaysia Untuk Bahagian Etnologi Muzium Negara. Kuala Lumpur : [tiada data penerbitan].

Mel Yah Deraman. (t.t). Buku Daftar Lawatan Ke Rumah KlB – 105. [tiada data penerbitan].

Nik Hassan b. Nik Yusoff. (t.t). Latar Belakang Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 1954 – 1960. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Voon, P.K. (1977 Oct 1 – 2). *A Perspective of Orang Asli Settlement and Resettlement in Peninsular Malaysia.* Kertas Kerja dalam Seminar Ethnografi Orang Asli, Malaysian Society for Asian Studies. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Sulong Mohamad. (1986, September 22-23). *Rancangan Penempatan Semula Kuala Betis: Satu Tinjauan Awal.* Kertas Kerja Untuk Simposium ke 2 Kehidupan dan Pembangunan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Bangi : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dan Fakulti Sains Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Syed Othman Alhabshi (t.t). Dasar dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan. [tiada data penerbitan].

Universiti Sains Malaysia. (2007). 50 Tahun Pembangunan Pendidikan Tinggi di Malaysia 1957-2007. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.

Yahya bin Haji Awang. (t.t). *Penilaian Semula Program Pembangunan Orang Asli dari Perspektif Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.* Kertas Kerja 2 Dalam Sesi Kedua. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Zulkifly Hj. Mustapha. (1986, September 22-23). *Pembangunan Ekonomi Orang Asli : Satu Pemerhatian Terhadap Senario Pembangunan Komuniti Jah Het di Kuala Krau, Pahang.* Kertas Kerja Untuk Simposium ke 2 Kehidupan dan Pembangunan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Bangi : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dan Fakulti Sains Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia.

C. Latihan Ilmiah

Azizah bt Abdul Rahman. (1986/1987). *Jabatan Hal Ehwal Orang Asli : Sejarah Penubuhan dan Kejayaannya 1954 -1980.* (Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986/1987).

Sokyen b. Man. (1997/98). *Penglibatan Masyarakat Orang Asli dalam Bidang Perniagaan di Negeri Pahang Darul Makmur*. (Ijazah Sarjana Muda, Universiti Putra Malaysia Serdang, 1997/98).

Mohd Tap bin Salleh. (1990). *An Examination of Development Planning Among The Rural Orang Asli of West Malaysia.* (Doctoral dissertation, University Of Bath, 1990).

D. Akhbar

Berita Harian. (1983, Mei 4).

Berita Harian. (1985, Mei 9).

Berita Harian. (1985, Jun 26).

Berita Harian. (2007, Julai 13).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

The Malay Mail.(1953, 29 Oktober).

The Malay Mail.(1957, 19 Julai).

Utusan Malaysia (1988, 7 Oktober).

Wahid Hashim. (2006, September 26). Laporan Khas Pendidikan Anak Orang Asli (Bahagian 2). Pendidikan : Orang Asli Perlu Motivasi. Portal Pendidikan Utusan – Berita. Retrieved Sept 9, 2010, daripada http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2006&dt=0926&pub=DuniaPendidikan&sec=Berita&pg=be_02.htm.

E. Majalah

Baharom Azhar bin Raffie. (1976, November). Struktur Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia. *Nong Pai.* Jilid 6 (9). Kuala Lumpur : Unit Penerbitan Penyelidikan dan Perancangan JHEOA.

Carey, I. (1978, Feb 15) Penempatan Semula Orang Asli dari Perspektif Pensejarahan. *Dewan Masyarakat.*

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1983, Mac-April). Wawancara Pemberita Bahagian Ekonomi dan Binaan dengan Pengarah JHEOA Cawangan Pahang, Encik Zulkifli bin Alwi. *Nong Pai.* Kuala Lumpur : Unit Penerbitan Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1997, Keluaran 2/97). Projek Integrasi Ternakan Rusa/Kelapa sawit di Rancangan Pengumpulan Semula Runchang. *Nong Pai.* Kuala Lumpur : Unit Penerbitan Penyelidikan dan Perancangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Mohamed b. Salleh. (1991, Apr - Okt : Keluaran 2/9). JHEOA Satu Sorotan Sejarah. *Nong Pai*. Kuala Lumpur : Unit Penerbitan Bahagian Penyelidikan dan Perancangan JHEOA.

Mohd Isa bin Mohd. Yusof. (1983, Jan – Feb). Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Kaitannya dengan Perkhidmatan Pelajaran JHEOA Malaysia. *Nong Pai.* Kuala Lumpur : Unit Penerbitan Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Pelalian : Perlu Untuk Menjaga Kesihatan Kanak-Kanak. (1978, 15 Februari : Jilid xvi bil 2). *Dewan Masyarakat*.

Shamsul Amri Baharuddin. (1978, Februari). Sikap dan Prasangka Terhadap Orang Asli. *Dewan Masyarakat.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

F. Responden

Encik Abdul Rahman bin Mat Sham,
Pegawai Daerah,
JHEOA Pekan.

Encik Ali bin Bakar,
Pegawai Daerah,
JHEOA Pekan.

Encik Al Zaphni bin Zainal Abidin,
Pembantu pembangunan masyarakat,
JHEOA Kuala Lumpur.

Encik Awang Tan bin Hassan,
Pembantu Pemaju Masyarakat,
JHEOA Pekan.

Encik Azhar bin Che Aun,
Pembantu Pembangunan Masyarakat,
JHEOA Runchang.

Encik Kamarul bin Rafein,
Pembantu Pembangunan Masyarakat,
JHEOA Runchang.

En. Mat Sah bin Ah Hong,
Dikenali dengan nama Chu Tangki,
Pembantu Luar Bahagian Kesihatan,
JHEOA Pekan.

Encik Mohamad Jiwa bin Zulkifli,
Pembantu Pembangunan Masyarakat,
JHEOA Kuala Lumpur.

Encik Mohammad Dani bin Mohd. Amin.
Ketua Unit Bahagian Kesihatan
JHEOA Kuantan.

Encik Othman bin Mohamed Nor,
Ketua Unit Pendaftaran dan Rekod
Jabatan Ukur dan Pemetaan Pahang.

Encik Roslan bin Taha,
Pengurus RPS Runchang,
JHEOA Runchang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


Encik Zahari bin Ab. Razak,
Dikenali sebagai Encik Mon,
Jurumudi,
JHEOA Pekan.

Puan Imah a/p Samah
Peserta RPS Runchang
Blok C, RPS Runchang
Pekan.

Puan Nor bt. Jaafar,
Peserta RPS Runchang
Blok C, RPS Runchang
Pekan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

LAMPIRAN 1



PERIHAL KELAHIRAN BAYI:

Tempat Kelahiran: KKCIHNI Jenis Kelahiran: SVD Tarikh dan Masa: 5-1-01 @ 11.10 AM

Komplikasi: _____ Jantina Bayi: P Berat Lahir: 2.8 KG

Disambut oleh: Jm oolilah.

COH : 31 cm
L : 48 cm
DOBB : 32cm

Masalah dan Pengendalian Postnatal

Maklumat Tambahan

Isi Kandungan:

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____
6. _____
7. _____
8. _____
9. _____
10. _____

PNMB., K.L.

NO. PENDAFTARAN A 1 5 - 2 0 _ _

KIK/1(b)/96

REKOD KESIHATAN IBU

Pelekat warna

Program Kesih

Cop Klinik

Klinik Desa Runcang
Dara Lam Soon
06500 Pekan
Pahang

1 GR 6 ↑
2 TEMP 38.4°C
3 _____

No. Kad Pengenalan 4 5 1 1 0 4 0 6 5 1 4 4

THA (LMP) 0 1 0 4 2 0

Nama Ibu YANG BT CHU

TAL (EDD) 0 9 0 1 0 1

Tarikh lahir/umur

Kumpulan Etnik ORG ASLI

0 4 1 1 4 5 / 5 5 th

Warganegara MCX. MSIA

Pekerjaan Ibu SRT.

Alamat Rumah NO 11 BLOK A RUNCANG

Tahap Pendidikan TAK SEKOLAH

(2) SAMA

No. Tel. (R) TIADA

(P) TIADA

Nama Suami CHU BIN MOH TAHIR

No. Kad Pengenalan Suami

Pekerjaan Suami PEMANDU LORI

2 7 0 2 1 5 0 1 5 0 6 7

Alamat tempat kerja suami RUMCANG

No. Tel. TIADA

Gr. 1 2 Para. 1 1 Bil. L/Hidup 11 Bil. L/Mati 0 Bil. Gugur 0

Kandungan/Kelahiran Bermasalah

TIADA

Tarikh Kelahiran Terakhir 0 5 0 1 9 8

Bil. anak hidup 1 1

Bil. anak mati 0 0

Amalan Perancangan Keluarga: Ya/Tidak Cara TIADA

Masalah Perubatan Ibu TIADA

Masalah Perubatan Keluarga TIADA

LAMPIRAN 1

PEMERIKSAAN KANDUNGAN SEKARANG

Ukuran Tinggi : 152 cm
Kumpulan Darah dan Rh. : A POS
Keputusan VDRL/THPA : NON - REACTIVE

Tetanus Toxoid : Dos 1 _____
Tetanus Toxoid : Dos 2 _____
Tetanus Toxoid : Dos Tambahan 25/7/00.

Tarikh	LK/LR	UJIAN			PEMERIKSAAN			Jangkamasa		Janin			Masalah dan Pengendalian (termasuk keputusan pemeriksaan ultrasound sekiranya ada dilakukan)	Nama dan jawatan	Tarikh Temujanji
		Alb	Gula	Hb (gm%)	Berat Badan (kg)	Tekanan Darah	Edema	Tempoh Hamil (minggu)	Tinggi Rahim (sm)	Kedudukan/ Presentasi	Jantung	Gerak			
25/7/00	KO	NEG	NEG	13.0	43.5	120/80	NIL	16	16	PELPABLE	-	+	IBU SIHAT. NO C/O.		
									17cm				NAS : HOSP. DEI.		
		RAPID SCREENING TEST											B/D.		
		26/7/00											Rx : PBCO, VIT C, F. F 1/12		
		REACTIVE / NON											T. F. @ 1/1 dlm x 7/52.		
													REFER OR FOR RME ①		
													SCAN. REFER DENTAL.		
													REFER S/N FOR VDRL ditahan.		
													RAPID TEST		
													BFMP TAKEN 25/7/00		
													GORON 100IM 1ISG GIVEN		
													ATT B GIVEN.	JM [illegible]	1/8/00
26/7/00	ICL	Neg	Neg	13.0	44.5	110/70									
26 JUL 2000						Pegawai Pergigian Y/Bg. Klinik Pergigian Cini		20 Dental C.4P							
24/7/00	L/R	NEG	NEG	—	—	120/80	—	—	—	—	—	—	IBU SIHAT. NO C/O.	JM	
													TCH ANC IKUT TARIKH BARU	DENTICIA	8/8/00

LAMPIRAN 2

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN KESIHATAN
BUKU DAFTAR LAWATAN KE RUMAH

No. Borang : KIB 105

1. KAMPUNG: RPS RUNCHANG

Tarikh Januari 1989	No. kad pengenalan	No. Siri Dalam Buku Daftar Asas	Nama dan Alamat	Rumah Yang Dilawati	Lawatan Mengikut Jenis											Pendapat Lawatan	Tindakan yang Diambil Semasa Lawatan	Jagaan Tindak Susul	Catatan
					Jagaan Ibu				Jagaan Kanak-kanak					Lain-Lain Lawatan					
					Ibu Mengandung	Kelahiran	Lawatan Jagaan Ibu dan Anak Selepas Bersalin	Perancang Keluarga	Pelalian	Kurang Berat Badan Kelahiran	Pemakanan	Kecacatan / Kelambatan Perkembangan	Kes-Kes Rujukan	Lain-Lain Lawatan	Sebab-Sebab Lawatan				
2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21
3.1.89	6781		Chemperai Yusuff Blok A Kg. Runchang	X			10		X						Nursing	Keadaan Ibu dan Anak	Timbang Anak. Jagaan Ibu dan anak		Nasihat untuk pelalian PCC
5.1.89	5390		Kamariah Chik	X			8		X						Nursing	Keadaan Ibu dan Anak sihat	Mandi anak . jagaan Ibu dan anak		

7.1.89	5390		Kamariah Chik	X			10								Nursing	Keadaan Ibu dan Anak sihat Keadaan Ibu dan Anak sihat	Timbang Anak. Jagaan Ibu dan Anak Timbang Anak. Jagaan Ibu dan Anak Timbang Anak.		
7.1.89	5420		Fuziana Ahmad	X					X						Keciran pelalian	Anak sihat	Datang ke klinik untuk pelalian		
7.1.89	1407		Liah bt Chik	X					X						Keciran pelalian	Rumah Tutup			
7.1.89	0754		Salmah Long	X					X						Keciran pelalian	Anak sihat	Datang ke klinik untuk		
7.1.89	6745		Azizah Koming	X					X						Keciran pelalian	Anak sihat	Datang ke klinik untuk		

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

LAMPIRAN 3

JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI,
CAWANGAN PAHANG,
TKT. 5, WISMA PERSEKUTUAN,
JALAN GAMBUT,
25000 KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR

Telefon: 09-554425
09-554806
Fax: 09-521768

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: CC1.004 Jld. (27)
Tarikh: 29hb. Disember, 1999

Pegawai Kesihatan Dan Perubatan,
Hospital SULTANAH AMINAH, KOMPLEKS
Johor Bahru.

(U/p: Wad Bersalin)

Tuan,

SURAT PENGENALAN/AKUAN BAGI PENGECUALIAN BAYARAN HOSPITAL DIBAWAH FASA 16(13) PERINTAH FEE 1982.

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan surat Bil. (54) dlm. KKM. 58/903/1/Bhg. 9 bertarikh 14 Jun,1989.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pembawa surat ini ialah seorang pesakit daripada keturunan Orang Asli mengikut Akta 134 (disemak 1974) yang memerlukan rawatan perubatan dan layak mendapat pengecualian bayaran dibawah fasa di atas. Beliau layak mendapat rawatan di Wad Kelas Tiga atau rawatan pesakit luar. Keterangan mengenai diri pesakit adalah seperti berikut:-

Nama :..JANIAH a/p TANAH.....
No.K/p :640828-06-5468....umur :.35...bulan/th.
T/lahir :.28.08.64.....jantina :.Perempuan..
Pekerjaan :..Surirumah....suku kaum :.Jakun....
Alamat :..Blok C,.RPS.Runcang,.Pekan,.Pahang...

3. Diatas kerjasama tuan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL ADZIS BIN BAKAR)
B/p. Pengarah Hal Ehwal Orang Asli
Negeri Pahang Darul Makmur
Kuantan.

Rancangan Penempatan Semula Orang Asli, Runchang Pekan, Pahang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

LAMPIRAN 4

CONTOH RUMPUT YANG DIMAKAN OLEH RUSA

BIL	NAMA BIASA	NAMA BOTANICAL
1	Rumput Parit *(Carpet Grass)*	*Axonopus Compressus*
2	Rumput Kemarau *(Drought Grass)*	*Ischaemum Muticum*
3	Rumput Pait *(Slender Panic Grass)*	*Ottochloa Nodosa*
4	Rumput Benggala *(Guinea Grass)*	*Panicum Maximum*
5	Rumput Kerbau *(Buffalo Grass)*	*Paspalum Conjugatum*
6	Rumput Gajah *(Napier Grass / Elephant Grass)*	*Pennisetum Pururеum*
7	Selaput Tunggul *(Mile- a- Minute / Cheroma)*	*Mikania Cordata*
8	Akar Ruas-ruas *(Common Asystasia)*	*Asystasia Species*

Sumber : dipetik daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Projek Integrasi Rusa di Ladang Kelapa Sawit RPS Runchang Mukim Bebar. [tiada data penerbitan]

LAMPIRAN 4

CONTOH RUMPUT YANG TIDAK DIGEMARI OLEH RUSA

BIL	NAMA BIASA	NAMA BOTANICAL
1	Lalang *(Satin Tail)*	*Imperata Cylindrica*
2	Paku Ramu *(Fern)*	*Stenochlaena Palustris*
3	Paku Larat *(Fern)*	*Nephrolepis Biserrata*
4	Resam *(Bracken)*	*Dicranopteris Linearis*
5	Senduduk *(Straits Rhododendron)*	*Melastoma Malabathricum*
6	Akar Kala *(Hairy Clidemia)*	*Clidemia Hirta*
7	Rumput Ekor Kucing	*Pennisetum Sp*
8	Bayam Berduri *(Sping Pig-Weed)*	*Amarantus Spinosus*

Sumber : dipetik daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (t.t). Projek Integrasi Rusa di Ladang Kelapa Sawit RPS Runchang Mukim Bebar. [tiada data penerbitan]

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN